- Majlis Pelancaran mySMS Aduan PERKESO 15888 telah dilancarkan oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia pada 26 Februari 2009.
- Lawatan Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Senator Dato' Maznah Mazlan ke Menara PERKESO pada 26 Mei 2009.
- PERKESO telah melancarkan program "OPS KESAN" pada 1 Ogos 2009 bertujuan mengesan majikan yang tidak berdaftar dan mencarum.
- YBhg. Datuk Abu Huraira Abu Yazid telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga PERKESO yang baru pada 1 Ogos 2009.

- With effect from 1st January 2009, the service charge for SOCSO education loan was reduced from 4% to 2% per annum.
- The "Meet the Clients" programme was carried out on the first Thursday of each month at all SOCSO offices nationwide.
- SOCSO shifted and began practising MS ISO 9001:2008 certification effective 15th July 2009.
- The mySMS Aduan PERKESO 15888 hotline was officially launced by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources on 26th February 2009.
- Visit by the Deputy Minister of Human Resources, YB Senator Dato' Maznah Mazlan to Menara PERKESO on 26th May 2009.
- SOCSO launched its *"OPS KESAN"* programme on 1st August 2009 with a view to tracking employers who have not registered and contributed.
- YBhg. Datuk Abu Huraira Abu Yazid was appointed as SOCSO's new Chairman of the Board on 1st August 2009.



- Pada 11 Februari 2010 YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak telah melancarkan MyCOID di PICC Putrajaya. PERKESO adalah salah satu daripada lima agensi yang menggunakan nombor SSM sebagai nombor rujukan tunggal di pelbagai agensi.
- Pada 1 Mac 2010 YB Menteri Sumber Manusia melancarkan kenaikan bayaran penerima faedah berkala di antara 0.6% hingga 11.3% kepada penerima faedah yang menerima pencen tahun 2007 dan sebelumnya.
- Pada 4 Mei 2010 YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri telah merasmikan Taska Permata di Menara PERKESO.

- On 11th February 2010, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak launched MyCOID at PICC Putrajaya. SOCSO is one of the five agencies using its SSM number as the sole reference number at various agencies.
- On 1st March 2010, the Minister of Human Resources launched an increase in the payments to recipient of periodical benefits, between 0.6% to 11.3%, to beneficiaries receiving pension from the year 2007 and earlier.
- On 4th May 2010, YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, wife of the Prime Minister, officially opened Taska Permata in Menara PERKESO.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2016
Chronology of Historical Events 1969 - 2016



- Pembukaan kaunter pada hari Sabtu di pejabat PERKESO Jalan Ampang, Pejabat PERKESO Kuala Lumpur dan Pejabat PERKESO Negeri Selangor mulai 8 Januari 2011.
- Pembukaan kaunter pada hari Sabtu di Pejabat PERKESO Negeri Johor, Pulau Pinang (Seberang Jaya), Perak, Negeri Sembilan dan Pejabat PERKESO Klang mulai 14 Mei 2011.
- YB Senator Dato' Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah melancarkan Kempen Perjalanan Selamat ke Tempat Kerja Kebangsaan 2011 di Kompleks MAS, KLIA Sepang pada 28 Jun 2011.
- Kempen "Senyum" telah dilancarkan pada 30 Jun 2011 di Menara PERKESO oleh YB Senator Dato' Maznah Mazlan Timbalan Menteri Sumber Manusia.
- Pembukaan kaunter setempat PERKESO di Balai Raya Bandar Muadzam Shah, Pahang pada hari Rabu minggu pertama dan ketiga setiap bulan.
- Video Keselamatan PERKESO berjudul "Dah Nak Sampai" telah memenangi tempat Kedua di Festival Filem dan Multimedia Antarabangsa 2011 bersempena dengan *XIX World Congress on Safety and Health* di Istanbul, Turki pada 11 - 15 September 2011.
- Sidang media Program Saringan Kesihatan PERKESO oleh YB Datuk Seri Dr S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Wisma PERKESO Kuala Lumpur pada 15 Oktober 2012.

- Counters at the SOCSO Office in Jalan Ampang, Kuala Lumpur SOCSO Office and Selangor State Office began operating on Saturdays with effect from 8th January 2011.
- Counters at SOCSO state offices in Johor, Pulau Pinang (Seberang Jaya), Perak, Negeri Sembilan and the Klang SOCSO Office began operating on Saturdays with effect from 14th May 2011.
- YB Senator Dato' Maznah Mazlan, Deputy Minister of Human Resources launched the 2011 National Safe Commuting to Work Campaign at the MAS Complex, KLIA, Sepang, on 28th June 2011.
- The *"Senyum"* Campaign was launched on 30th June 2011 at Menara PERKESO by YB Senator Dato' Maznah Mazlan, Deputy Minister of Human Resources.
- Opening of SOCSO one-stop counter at the Balai Raya Bandar Muadzam Shah, Pahang on the first and third Wednesdays of each month.
- SOCSO Safety Video entitled *"Dah Nak Sampai"* won second place at the International Film and Multimedia Festival 2011 held in conjunction with the XIX World Congress on Safety and Health in Istanbul, Turkey on 11th – 15th September 2011.
- Press Conference for SOCSO Health Screening Programme held by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at Wisma PERKESO Kuala Lumpur on 15th October 2012.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2016
Chronology of Historical Events 1969 - 2016



- Majlis Pelancaraan iSPAAA oleh YB Senator Dato Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Menara PERKESO Kuala Lumpur pada 8 Mac 2012.
- Majlis pengumuman Pelarasan Kadar Pencen Faedah PERKESO oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Menara PERKESO Kuala Lumpur pada 21 Mac 2012.
- Majlis Upacara Pecah Tanah Pusat Rehabilitasi PERKESO oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Bandar Hang Tuah Jaya, Melaka pada 23 Mac 2012.
- Majlis Pelancaran Kempen Perjalanan Selamat ke Tempat Kerja 2012 oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Dewan Seri Sarjana, UNITEN, Bangi, Selangor pada 24 April 2012.
- Perasmian Majlis Pelancaran Manual Panduan Bagi Taksiran Hilang Upaya Berdasarkan Pekerjaan Bagi Kegunaan Jemaah Doktor/ Jemaah Doktor Rayuan oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur pada 26 April 2012.
- Majlis *KICK-OFF* Projek *ICT Core System Cluster 1 and Cluster 2* oleh Datuk K. Selvarajah, Ketua Eksekutif PERKESO di Menara PERKESO, Kuala Lumpur pada 27 April 2012.
- Pelancaran Manual Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan PERKESO oleh Datuk Abu Huraira Abu Yazid, Pengerusi Lembaga PERKESO di Menara PERKESO, Kuala Lumpur pada 3 Mei 2012.
- Perasmian Seminar Kebangsaan Kajian Pengenalan Skim Insurans Pemberhentian Kerja oleh Datuk K. Selvarajah, Ketua Eksekutif PERKESO di PWTC, Kuala Lumpur pada 24 Mei 2012.
- Perasmian *ISSA Technical Conference for South East Asia (SEA)* oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur pada 18 - 19 Jun 2012.
- Penerbitan Buku Mewah *(Coffee Table)* sempena Sambutan Ulang Tahun ke-40 PERKESO pada 18 Jun 2012.
- Perasmian Persidangan Kebangsaan Program Return To Work 2012 oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di PWTC, Kuala Lumpur pada 20 - 21 Jun 2012.
- Majlis Penyampaian Cek Suntikan *Erythropoietin* dan Lawatan Bertemu Pesakit-Pesakit oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Pusat Hemodialisis St John Ambulans Malaysia, Klang, Selangor pada 7 Julai 2012.

- Launch of iSPAAA by YB Senator Dato' Maznah Mazlan, Deputy Minister of Human Resources at the Menara PERKESO in Kuala Lumpur on 8th March 2012.
- Announcement of the SOCSO Pension Rate Adjustment by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resource at Menara PERKESO in Kuala Lumpur on 21st March 2012.
- Groundbreaking of the SOCSO Rehabilitation Centre by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at Bandar Hang Tuah Jaya, Melaka on 23rd March 2012.
- Launch of the Safe Commuting to Work Campaign 2012 by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at Dewan Seri Sarjana, UNITEN, Bangi, Selangor on 24th April 2012.
- Official launch of the Guidelines to Assessment of Disablement Based on Occupation for Use by Panel Doctors/Appellate Doctors by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur on 26th April 2012.
- Kick-off of the ICT Core System Cluster 1 and Cluster 2 Project by Datuk K. Selvarajah, Chief Executive of SOCSO at Menara PERKESO, Kuala Lumpur on 27th April 2012.
- Launch of the SOCSO Occupational Safety & Health Manual by Datuk Abu Huraira Abu Yazid, Chairman of the Board, at Menara PERKESO, Kuala Lumpur on 3rd May 2012.
- Opening ceremony of the National Seminar on Study to Introduce Termination of Service Insurance Scheme officiated by Datuk K. Selvarajah, Chief Executive of SOCSO at PWTC, Kuala Lumpur on 24th May 2012.
- Opening ceremony of the ISSA Technical Conference for South East Asia (SEA) by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur on 18th - 19th June 2012.
- Publication of Coffee Table Book in conjunction with the SOCSO's 40th Anniversary Celebrations on 18th June 2012.
- Opening ceremony of the National Conference on the Return to Work Programme 2012 by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at PWTC, Kuala Lumpur on 20th - 21st June 2012.
- Cheque presentation ceremony for Erythropoietin Injection and Meet the Patients Visit by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at the St. John Ambulance of Malaysia Haemodialysis Centre, Klang, Selangor on 7th July 2012.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2016
Chronology of Historical Events 1969 - 2016



- Majlis Pelancaran Program Saringan Kesihatan PERKESO telah dirasmikan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin,Timbalan Perdana Menteri di Freescale Semiconductor Sg Way, Petaling Jaya pada 18 Februari 2013.
- Majlis Pengumuman Pemberian Elaun Rehabilitasi RTW PERKESO oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramanian, Menteri Sumber Manusia di Yayasan Kebajikan SSL Strok dan Pembangunan Masyarakat pada 26 Mac 2013.
- Majlis Pengumuman Anggota Perkhidmatan Awam Bertaraf Sementara dan Kontrak Di lindungi Di Bawah Skim PERKESO oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Pejabat Menteri Putrajaya pada 28 Mac 2013.
- Majlis Pelancaran Pusat Transformasi Bandar (UTC) oleh YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di Kuantan pada 11 April 2013.
- Majlis Pelancaran *1Malaysia Support For Housewives (1MS4HW)* dan Karnival Azam Kerja 1Malaysia oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri di Dataran Segamat, Johor pada 25 April 2013.
- Perasmian Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Khidmat Setia PERKESO 2012 oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur pada Ogos 2013.
- Pelancaran Ops Kesan PERKESO oleh Datuk K. Selvarajah, Ketua Eksekutif PERKESO di Wisma PERKESO Kuala Lumpur pada 3 September 2013.
- Majlis Perasmian Seminar Pencegahan Kemalangan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur pada 23 September 2013 .
- Majlis Penutupan Seminar Pencegahan Kemalangan oleh YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur pada 24 September 2013.
- Majlis Tripartite Forum *Unemployment Insurance (UI)* dirasmikan oleh Datuk K. Selvarajah, Ketua Eksekutif PERKESO di Hotel Double Tree By Hilton pada 2 Oktober 2013.
- Majlis Perasmian Pejabat Menteri dan Penyampaian Cek Faedah PERKESO oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di PERKESO Kuching, Sarawak pada 12 Oktober 2013.
- Perasmian Seminar *"Commuting Accident Prevention 2013"* oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di Monash University Subang Jaya, Selangor pada 9 dan 10 Disember 2013.

- YAB Tan Seri Muhyiddin Yassin, Deputy Prime Minister, officially launched SOCSO's Health Screening Programme at Freescale Semiconductor Sg. Way, Petaling Jaya on 18th February 2013.
- Announcement of SOCSO Return to Work Rehabilitation Allowance by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at *Yayasan Kebajikan SSL Strok dan Pembangunan Masyarakat* on 26th March 2013.
- Announcement made by YB Datuk Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources in a ceremony held at the Minister's Office in Putrajaya on 28th March 2013, that temporary and contractual staff in the Public Services shall be covered under the SOCSO Scheme.
- Launch of the Urban Transformation Centre (UTC) by YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia, in Kuantan on 11th April 2013.
- Launch of the 1Malaysia Support For Housewives (1MS4HW) & the 1Malaysia Work Spirit Carnival by YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Deputy Prime Minister in a ceremony held at Dataran Segamat, Johor on 25th April 2013.
- Opening ceremony of the Excellent Service and Loyal Service Awards 2012 by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at the Grand Seasons Hotel in Kuala Lumpur in August 2013.
- Launch of OPS Kesan by Datuk K. Selvarajah, Chief Executive of SOCSO at Wisma PERKESO Kuala Lumpur on 3rd September 2013.
- Opening ceremony of the Accident Prevention Seminar by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources, at Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur on 23rd September 2013.
- Closing ceremony of the Accident Prevention Seminar by YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib, Deputy Minister of Human Resources at Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur on 24th September 2013.
- The Tripartite Forum on Unemployment Insurance was officially opened by Datuk K. Selvarajah, Chief Executive of SOCSO at the Double Tree By Hilton Hotel on 2nd October 2013.
- Inauguration of Minister's Office and Presentation of SOCSO Benefits Cheque by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at SOCSO Kuching, Sarawak on 12th October 2013.
- Opening of the Commuting Accident Prevention Seminar 2013 by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at Monash University Subang Jaya, Selangor on 9th and 10th December 2013.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2016
Chronology of Historical Events 1969 - 2016



- Majlis Penyerahan Faedah PERKESO oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di PERKESO Kuching, Sarawak pada 7 Februari 2014.
- Program PERKESO Bersama Media 2014 bersama YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di Hotel Hilton Kuching, Sarawak pada 14 dan 15 Mac 2014.
- Majlis Pelancaran Buku *'Guidelines on Impairment & Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases & Invalidity 3rd Edition'* oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di PWTC, Kuala Lumpur pada 18 Mac 2014.
- Lawatan YBhg. Datuk Seri Saripuddin Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia ke Menara PERKESO pada 19 Mac 2014.
- Majlis Pelancaran Kempen Perjalanan Selamat ke Tempat Kerja oleh Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Mydin Hypermarket Seremban 2, Negeri Sembilan pada 12 April 2014.
- Pelancaran Ops Kesan PERKESO 2014 oleh Datuk K. Selvarajah, Ketua Eksekutif PERKESO di Pejabat PERKESO Johor Bharu, Johor pada 5 Mei 2014.
- Majlis Tandatangan CIP PERKESO-SPRM oleh YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Pejabat PERKESO Petaling Jaya, Selangor pada 6 Mei 2014.
- Persidangan Kebangsaan *Return To Work* 2014 oleh YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di PWTC, Kuala Lumpur pada 24 - 25 Jun 2014.
- Program Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bersama YB Dato'Sri Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di SONY EMCS (M) Sdn Bhd. pada 9 Julai 2014.
- Program Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bersama YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Asturi Metal Builders, Gebeng, Kuantan, Pahang pada 18 Julai 2014.
- *SOCSO Workers' Health Promotion Seminar 2014: Initiating Employees Health* oleh YB Datuk Abu Huraira Abu Yazib, Pengerusi Lembaga PERKESO di Hotel Corus, Kuala Lumpur pada 19 Ogos 2014.
- Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Khidmat Setia PERKESO 2013 bersama YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di PWTC, Kuala Lumpur pada 25 Ogos 2014.
- 31st ASSA Board Meeting Anjuran Bersama PERKESO dan KWSP di Hotel Aloft pada 8 - 10 September 2014.

- Presentation of SOCSO Benefit by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at SOCSO Kuching, Sarawak on 7th February 2014.
- SOCSO with Media Programme 2014, with YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at the Hilton Hotel, Kuching, Sarawak on 14th and 15th March 2014.
- Launch of the book entitled "Guidelines on Impairment & Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases & Invalidity, 3rd Edition" by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at PWTC, Kuala Lumpur on 18th March 2014.
- Visit by YBhg. Datuk Seri Saripuddin Kasim, Secretary General of the Ministry of Human Resources to Menara PERKESO on 19th March 2014.
- Launch of the Safe Commuting Campaign to Work by YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib, Deputy Minister of Human Resources at Mydin Hypermarket, Seremban 2, Negeri Sembilan on 12th April 2014.
- Launch of Ops Kesan 2014 by Datuk K. Selvarajah, Chief Executive of SOCSO at the Johor Bharu SOCSO Office, Johor on 5th May 2014.
- Signing ceremony of the PERKESO-SPRM CIP by YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib, Deputy Minister of Human Resources at the Petaling Jaya SOCSO Office, Selangor on 6th May 2014.
- Opening of the National Return to Work Conference 2014 by YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib, Deputy Minister of Human Resources at PWTC, Kuala Lumpur on 24th to 25th June 2014.
- Occupational Safety and Health Awareness programme with YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd. Muttalib, Deputy Minister of Human Resources held at SONY EMCS (M) Sdn. Bhd. on 9th July 2014.
- Occupational Safety and Health Awareness programme with YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd. Muttalib, Deputy Minister of Human Resources at Asturi Metal Builders, Gebeng, Kuantan, Pahang on 18th July 2014.
- Opening of SOCSO Workers' Health Promotion Seminar 2014: Initiating Employees' Health by YB Datuk Abu Huraira Abu Yazib, Chairman of the Board at Corus Hotel, Kuala Lumpur on 19th August 2014.
- 2013 SOCSO Excellent Service and Loyal Service Awards Ceremony with YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at PWTC, Kuala Lumpur on 25th August 2014.
- The 31st ASSA Board Meeting jointly organised by SOCSO and EPF at the Aloft Hotel on 8th-10th September 2014.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2016
Chronology of Historical Events 1969 - 2016

- Majlis penyerahan mesin dialisis kepada *National Kidney Foundation* Sarawak oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di NKF Kuching, Sarawak pada 20 September 2014.
- Majlis Pelancaran "Video Pemulihan PERKESO" oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia pada 29 September 2014.
- Pusat Rehabilitasi PERKESO telah mula beroperasi pada 1 Oktober 2014.
- Majlis Kemuncak Anugerah Kualiti & Inovasi PERKESO 2014 bersama YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di Kuala Lumpur pada 4 November 2014.
- Program Turun Padang YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia dalam Program Saringan Kesihatan PERKESO di Genting Highlands Convention Centre pada 28 November 2014.
- Seminar *Commuting Accident Prevention* 2014 di Monash University Subang Jaya, Selangor pada 9 dan 10 Disember 2014.

- Presentation of dialysis machine to the National Kidney Foundation Sarawak by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at NKF Kuching, Sarawak on 20th September 2014.
- Launch of the SOCSO Rehabilitation Video by YB Dato' Sri Richard Riot Anak jaem, Minister of Human Resources on 29th September 2014.
- The SOCSO Rehabilitation Centre began its operations on 1st October 2014.
- The SOCSO Quality & Innovation Awards Ceremony 2014 with Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources in Kuala Lumpur on 4th November 2014.
- *"Program Turun Padang"* by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources, in conjunction with the SOCSO Health Screening Programme, at Genting Highlands Convention Centre on 28th November 2014.
- 2014 Commuting Accident Prevention Seminar held at Monash University Subang Jaya, Selangor on 9th and 10th December 2014.



- Program turun padang PERKESO bersama YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia ke kawasan banjir di Maran, Pahang pada 15 Januari 2015.
- ISSA Academy Workshop: Return To Work and Reintegration di Pusat Rehabilitasi PERKESO, Melaka pada 27-29 Januari 2015.
- Pesaraan Datuk K. Selvarajah sebagai Ketua Eksekutif PERKESO ke-8 pada 4 April 2015. Beliau telah berkhidmat semenjak 11 November 2008.
- YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif PERKESO ke-9 yang baharu berkuatkuasa pada 5 April 2015.
- Majlis Penyampaian Faedah PERKESO dan Alat Pemulihan oleh YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Pejabat PERKESO Negeri Pahang pada 10 April 2015.

- *"Program Turun Padang PERKESO"* with YB Dato' Sri Hj. Ismail bin Hj. Abd Muttalib, Deputy Minister of Human Resources at the flood affected area in Maran, Pahang on 15th January 2015.
- The ISSA Academy Workshop: Return to Work and Reintegration at SOCSO Rehabilitation Centre, Melaka on 27th – 29th January 2015.
- Retirement of Datuk K. Selvarajah as the 8th Chief Executive of SOCSO on 4th April 2015. He had been in service since 11th November 2008.
- YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed was appointed as the 9th Chief Executive of SOCSO with effect from 5th April 2015.
- Presentation ceremony of SOCSO Benefits and Rehabilitation Equipment by YB Dato' Sri Hj. Ismail bin Hj. Abd Muttalib, Deputy Minister of Human Resources at the Pahang State Office on 10th April 2015.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2016
Chronology of Historical Events 1969 - 2016

- Majlis menandatangani *Memorandum of Understanding on Disability Management for Employers and Workers By SOCSO, Malaysian Employers Federation (MEF)* dan *Malaysian Trade Union Congress (MTUC)* oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Bin Hj. Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia di Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur pada 21 April 2015.
- Karnival Pekerjaan dan Penyampaian Faedah PERKESO 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang oleh YB Dato' Seri Dr. Zahid Bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri.
- Sambutan Hari Pekerja 2015 di Borneo Convention Centre, Kuching pada 1 Mei 2015 bersama YAB Dato' Sri Haji Mohammad Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.
- Majlis Perasmian Karnival Azam Kerja Negeri Pahang anjuran Jabatan Tenaga Kerja (JTK) oleh YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Dewan Majlis Daerah Rompin pada 3 Mei 2015.
- Pelancaran S4P – Senyum, Sapa, Salam, Santun dan Prihatin oleh YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO di Menara PERKESO pada 22 Mei 2015.
- Lawatan rasmi YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia ke Pejabat PERKESO Miri, Sarawak dan taklimat mengenai pembukaan pejabat PERKESO Limbang dan Mukah serta Majlis Penyampaian Faedah PERKESO pada 10 Jun 2015.
- Pelancaran Kempen Perjalanan Selamat ke Tempat Kerja 2015 oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada 26 Mei 2015.
- Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis PERKESO oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di Hospital Daerah Serian pada 13 Jun 2015.
- Penyampaian Cek Faedah kepada Waris Pendaki Gunung Gempa Bumi Ranau, Sabah oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia pada 15 Jun 2015.
- Pejabat PERKESO Mukah mula beroperasi pada 1 Julai 2015.
- Program Lawatan YB Menteri Sumber Manusia ke Pusat Rehabilitasi PERKESO pada 30 Julai 2015.
- *Accident Prevention Seminar (APS)* 2015 dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hj Ismail Bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC pada 25 - 26 Ogos 2015.
- Pelancaran Ops Kesan PERKESO Peringkat Kebangsaan di Pejabat PERKESO Negeri Selangor pada 3 September 2015.
- Pejabat PERKESO Limbang mula beroperasi pada 10 September 2015.
- Karnival *Return To Work* 2015 di KL Sentral pada 6 Oktober 2015.
- YB Menteri Sumber Manusia merasmikan pejabat PERKESO Mukah pada 9 November 2015.

- Signing ceremony of the Memorandum of Understanding on Disability Management for Employers & Workers by SOCSO, Malaysian Employers Federation (MEF) and Malaysian Trade Union Congress (MTUC) by YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim, Secretary General of the Ministry of Human Resources at the Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur on 21st April 2015.
- Pulau Pinang Job Carnival and Presention of SOCSO Benefit 2015 by YB Dato' Seri Dr. Zahid bin Hamidi, Minister of ome Affairs.
- Labour Day 2015 celebrations at the Borneo Convention Centre, Kuching on 1st May 2015 with YAB Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia.
- Opening ceremony of Karnival Azam Kerja Negeri Pahang, organised by the Department of Manpower (JTK), officiated by YB Dato' Sri Hj. Ismail bin Hj. Abd Muttalib, Deputy Minister of Human Resources at Dewan Majlis Daerah Rompin on 3rd May 2015.
- Launch of S4P – *Senyum, Sapa, Salam, Santun dan Prihatin* by YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO at Menara PERKESO on 22nd May 2015.
- Official visit by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources to the Miri SOCSO Office, Sarawak and briefing regarding the opening of SOCSO offices in Limbang and Mukah, as well as the Presentation Ceremony of SOCSO Benefit on 10th June 2015.
- Launch of the Safe Commuting to Work Campaign 2015 by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) on 26th May 2015.
- Presentation Ceremony of SOCSO Haemodialysis Machine by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources at the Serian District Hospital on 13th June 2015.
- Presentation of Benefits Cheque to the heirs of the mountain climbing victims of the Ranau Earthquake, Sabah by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources on 15th June 2015.
- Mukah SOCSO Office began its operations on 1st July 2015.
- Visit by YB Minister of Human Resources to the SOCSO Rehabilitation Centre on 30th July 2015.
- The 2015 Accident Prevention Seminar, held at Dewan Tun Hussein Onn, PWTC from 25th - 26th August 2015, officially opened by YB Dato' Sri Hj. Ismail bin Hj. Abd Muttalib, Deputy Minister of Human Resources.
- Launch of the National Level SOCSO *Ops Kesan* at the Selangor State Office on 3rd September 2015.
- Limbang SOCSO Office began its operations on 10th September 2015.
- Return To Work Carnival 2014 held at KL Sentral on 6th October 2015.
- Official opening of Mukah SOCSO Office by YB Minister of Human Resources on 9th November 2015.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2016
Chronology of Historical Events 1969 - 2016

- Program *SOCSO Run and Ride* di Dataran DBKL pada 15 November 2015.
- Pada 5 Jun 2015, Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015 telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 15 Jun 2015 tarikh akhir pembayaran caruman bulanan PERKESO hendaklah dibayar dalam tempoh 15 hari dalam bulan yang berikutnya caruman itu kena dibayar dan adalah terpakai mulai pembayaran caruman untuk bulan Julai 2015.

- SOCSO Run and Ride programme held at Dataran DBKL on 15th November 2015.
- On 5th June 2015, the Employees' Social Security (General) Regulations (Amendment) 2015 was gazetted and with effect from 15th June 2015 the last day for payment of monthly contributions shall be the 15th day of the month following the month in which the contribution becomes payable. This became applicable starting from contributions for the month of July 2015.



- YBhg. Dato' Sri Adenan Bin Ab. Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia telah membuat lawatan rasmi ke Menara PERKESO pada 20 Januari 2016 sempena lantikan barunya sebagai Ketua Setiausaha yang berkuatkuasa pada 16 Disember 2015.
- Pada 3 Februari 2016 bertempat di Hospital Sungai Buloh telah berlangsung Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO kepada YBhg. Datuk Dr. Khalid Ibrahim, Pengarah Hospital Sungai Buloh.
- Majlis *MOU Signing Ceremony* pada 1 Mac 2016 untuk kerjasama antara PERKESO dan Universiti Malaya yang diwakili oleh *Social Security Research Centre (SSRC)* untuk meningkatkan perlaksanaan konsep perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja yang mengalami kecederaan dan penyakit di negara ini.
- Pada 19 Mac 2016 telah berlangsungnya Majlis Perasmian Pejabat PERKESO Limbang oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.
- Majlis Perasmian Pejabat PERKESO Serian telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia pada 2 April 2016.
- Program PERKESO Prihatin Patuh and Lindung telah diadakan pada 3 April 2016 di Serian bagi memberi kesedaran kepada majikan dan pekerja mengenai pentingnya aspek keselamatan terutama yang melibatkan perjalanan pergi dan balik ke tempat kerja. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.

- Official visit by YBhg. Dato' Sri Adenan bin Ab. Rahman, Secretary General of the Ministry of Human Resources, to Menara PERKESO on 20th January 2016 in conjunction with his appointment which came into effect on 16th December 2015.
- In a ceremony held on 3rd February 2016 at the Sungai Buloh Hospital, YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO presented haemodialysis machines to YBhg. Datuk Dr Khalid Ibrahim, Director of Sungai Buloh Hospital.
- A signing ceremony was held on 1st March 2016 for the Memorandum of Understanding between SOCSO and University of Malaya, represented by its Social Security Research Centre (SSRC), to improve the implementation of social security protection concept to the group of employees experiencing injuries and diseases in the country.
- Official opening of the Limbang SOCSO Office by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources, on 19th March 2016.
- Official opening of the Serian SOCSO Office by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources, on 2nd April 2016.
- The *PERKESO Prihatin Patuh dan Lindung* programme was held on 3rd April 2016 in Serian to raise awareness of the importance of safety, especially in the context of the commute to and from the work place among employers and employees. The programme was officiated by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources.

KRONOLOGI PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2016
Chronology of Historical Events 1969 - 2016

- Pada 17 April 2016, PERKESO dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan Program PERKESO *Run & Ride* dan Majlis PraPelancaran Sambutan Hari Pekerja 2016 yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Dataran DBKL dan seramai 6,000 orang telah menyertai program ini.
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 berkenaan memperluaskan liputan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja tanpa tertakluk kepada had gaji mengikut takrifan pekerja serta menaikkan had siling caruman daripada RM3,000.00 kepada RM4,000.00 bagi maksud caruman dan pembayaran faedah. Pindaan ini mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2016.
- Sesi Penerangan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016, Perintah Gaji Minimum 2016 dan Pindaan Undang-Undang Berkaitan TPPA telah diadakan pada 9 Mei 2016 di Kuching, Sarawak dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.
- PERKESO telah berjaya menerima Penarafan 5 Bintang daripada MAMPU bagi tahun 2015 - 2016 kerena kecemerlangan organisasi dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
- Pada 25 Oktober 2016, PERKESO telah mengadakan Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula *(Rebranding)* PERKESO di Perkarangan Lobi Utama Menara PERKESO.
- PERKESO telah menganjurkan *International Forum on Disability Management (IFDM)* pada 22 - 24 November 2016 di *Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)* dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri.

- SOCSO, in collaboration with Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) and the Ministry of Human Resources, held the SOCSO Run & Ride Programme and the Pre-launch of the 2016 Labour Day celebrations on 17th April 2016. The event, attended by 6,000 participants, was officially opened by YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Deputy Minister of the Ministry of Human Resources at the Dataran DBKL.
- The Employees' Social Security (Amendment) Act 2016 expanded coverage of social security protection to include all employees without any salary limit in accordance with the definition of employee. The amended Act also raised the contribution ceiling from RM3,000.00 to RM4,000.00 for the purposes of contributions and payment of benefits. The amendment came into effect on 1st June 2016.
- A session to explain the Employees' Social Security (Amendment) Act 2016, Minimum Salary Order 2016 and the amended legislation in connection with TPPA was held on 9th May 2016 in Kuching Sarawak. The event was officially opened by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources.
- SOCSO received the 5-star Rating from MAMPU for the year 2015 - 2016, for its excellence in service delivery to the people.
- On 25th October 2016, SOCSO held a ceremony to launch the Rebranding of SOCSO at the Main Lobby of Menara SOCSO.
- SOCSO organised the International Forum on Disability Management (IFDM) on 22nd - 24th November 2016 at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). The event was officially opened by YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Deputy Prime Minister of Malaysia.

FOKUS STRATEGI KORPORAT
Corporate Strategy Focus

Lima teras strategik utama dikenal pasti bagi membantu PERKESO untuk melaksanakan fungsi dan peranannya. PERKESO perlu lebih proaktif menangani cabaran-cabaran untuk merealisasikan visi dan misi pertubuhan. Teras-teras yang telah dipilih begitu signifikan untuk PERKESO agar objektif untuk mentransformasikan Organisasi dapat dicapai ke arah merealisasikan visi menjadi Peneraju Keselamatan Sosial Yang Dinamik, Unggul dan Cemerlang. Teras strategik ini juga sejajar dengan Dasar Transformasi Negara dan RMKe-11 bagi memastikan usaha untuk merealisasikan matlamat Malaysia menjadi negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020.

Five key strategic thrusts have been identified in order to assist SOCSO in the implementation of its function and role. SOCSO needs to be more proactive in handling the challenges that it faces in realising its vision and mission. The thrusts that have been identified are indeed significant to SOCSO in achieving its objectives to transform the Organisation towards realising its vision to become Dynamic, Premier and Outstanding. These strategic thrusts are also parallel to the National Transformation Policy and the 11th Malaysia Plan in realising Malaysia's aspirations of becoming a developed and inclusive nation in line by Vision 2020.



HALA TUJU STRATEGIK
Strategic Direction



PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI

Service Delivery and Increasing Productivity

Transformasi penyampaian perkhidmatan PERKESO berjalan seiring dengan komitmen untuk sentiasa melakukan penilaian dan menambahbaik proses kerja. Pengurusan modal insan menerusi kurikulum latihan yang dinamik berteraskan *core business* terus dipertingkatkan bagi memastikan perkhidmatan PERKESO kepada rakyat terus relevan. Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020 telah diwujudkan selaras dengan Dasar dan Visi Nasional dalam RMK-11 yang "Mengekalkan Tumpuan Berpaksikan Rakyat Untuk Menjadi Ekonomi Berpendapatan Tinggi Yang Inklusif Serta Mampan".

Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020 menjadi *milestone* dan mekanisma pemantauan agar penjajaran lima tahun selari dengan teras-teras strategik yang ditetapkan.

Agenda transformasi penyampaian perkhidmatan PERKESO dirangka dengan memberikan keutamaan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan dalam lanskap pembangunan keselamatan sosial. Perkhidmatan yang berteraskan rakyat terus diberikan keutamaan dan menjadi agenda utama. Pendekatan ini mengukuhkan komitmen PERKESO kepada pihak Kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi warga pekerja dalam konteks keselamatan sosial pekerja. Agenda ini adalah selaras dengan matlamat mencapai status negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020, semua lapisan masyarakat perlu mendapat faedah daripada kemakmuran ekonomi negara.

Sebahagian daripada langkah ke arah proses transformasi perkhidmatan ialah perekayasaan aktiviti teras atau *Business Process Reingeneering (BPR)*. Warga PERKESO komited mengurus perubahan dan proses bagi menambahbaik prosedur kerja dan penyampaian perkhidmatan. Agenda penting ini menjadi pemacu ke arah merealisasikan PERKESO sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang dinamik, unggul dan cemerlang.

The transformation of SOCSO's service delivery goes hand in hand with the commitment to constantly evaluate and improve the work process. Management of human capital through a dynamic training curriculum that is based on core business continues to be improved to ensure that SOCSO's services to the people remain relevant. The SOCSO Strategic Plan 2016 - 2020 was established in line with the National Policy and Vision in the 11th Malaysia Plan, that is to "Maintain Focus Anchored on People to Become a High-Income Economy that is Inclusive and Sustainable".

The SOCSO Strategic Plan 2016 - 2020 has become the milestone and a monitoring mechanism to ensure that the five-year forecast is in line with the stipulated strategic thrusts.

The SOCSO service delivery transformation agenda is designed by giving priority to clients and stakeholders in the social security development landscape. Service that is anchored on the people continues to be given priority and has become the main agenda. This approach strengthens SOCSO's commitment to the Government to improve the employees' socio-economic level within the context of employees' social security. This agenda is in line with the goal of attaining the status of a developed and inclusive nation by the year 2020, where all levels of society shall be able to receive the benefits of the nation's prospering economy.

Part of the measures to be taken towards the service transformation process is through Business Process Reengineering (BPR). SOCSO staff is committed to managing change and process to improve its work procedure and service delivery. This important agenda is the catalyst towards making SOCSO into a dynamic, premier and outstanding social security organization.

MEMACU PERUBAHAN
Game Changers

PERKESO telah mengenalpasti empat Pemacu Perubahan menerusi pendekatan yang inovatif bagi mempercepatkan transformasi Organisasi untuk mencapai semua *outcome* pelan tindakan yang telah dirangka. Empat Pemacu Perubahan tersebut adalah seperti berikut:

SOCSO has identified four Game Changers through an innovative approach to accelerate the transformation of the Organisation in order to achieve all the desired outcome of the action plan designed. The four Game Changers are as follows:



TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MENERUSI PENJENAMAAN KORPORAT

Transformation of Service Delivery through Corporate Branding

" Fokus utama adalah memenuhi ekspektasi pelanggan dengan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang mengutamakan rakyat menerusi penjenamaan, kecemerlangan dan pembangunan modal insan selaras dengan dasar dan visi nasional dalam RMK-11 yang mengekalkan tumpuan berpaksikan rakyat untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang inklusif serta mampan"






" The main focus is to meet the clients' expectations by improving the quality of service delivery that puts the clients first, through branding, human capital excellence and development, in line with the national policy and vision in the 11th Malaysia Plan which maintains focus anchored on the people in order to become a high income economy that is inclusive as well as sustainable."

TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MENERUSI PENJENAMAAN KORPORAT
Transformation of Service Delivery through Corporate Branding

Mentransformasi penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pelanggan seiring dengan persekitaran global serta cabaran supaya peranan terus relevan dan kompetitif. Agenda mentransformasikan perkhidmatan berorientasikan kehendak pelanggan dan tuntutan rakyat dilaksanakan berdasarkan inisiatif berikut:

Transforming service delivery to fulfil the clients' needs hand in hand with the global environment as well as the challenge to keep SOCSO continuously relevant and competitive. The agenda of transforming service oriented on clients' requirements and the demands of the people is implemented based on the following initiatives:

Menambahbaik Kualiti Pengoperasian
Improving Operational Quality

Menambahbaik kualiti pengurusan tuntutan faedah

Improving the quality of management and benefit claims

95%

Semua kes tuntutan faedah diselesaikan berdasarkan Piagam Pelanggan

95% of all benefits claims are settled in accordance with the Clients' Charter

Meningkatkan Perkhidmatan Kaunter
Improving Counter Service

Ubah suai kaunter – mesra pelanggan / OKU
Latihan kepada semua anggota barisan hadapan

Redesign of counters – more client / disabled person friendly
Training for all frontline staff



Latihan berterusan kepada semua anggota barisan hadapan

Continuous training for all frontline staff



Mengurangkan masa menunggu di kaunter

8 minit

Reducing waiting time at counter to 8 minutes

TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MENERUSI PENJENAMAAN KORPORAT
Transformation of Service Delivery through Corporate Branding

Membudaya dan Mengamalkan *Employee Customer Guideline (ECG)*
Enculturating and Practising Employee Customer Guideline (ECG)



Meningkatkan Indeks Kepuasan Pelanggan
Increase Customer Satisfaction



Perkhidmatan Menerusi Medium Elektronik
Service Through Electronic Medium



Pencapaian Penyelesaian Kes Skuad PERKESO Prihatin
Establishing the PERKESO Prihatin Squad



TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MENERUSI PENJENAMAAN KORPORAT
Transformation of Service Delivery through Corporate Branding

Mewujudkan *Blueprint* Identiti Korporat
Creating a Corporate Identity Blueprint



Melaksanakan *Mystery Shopping*
Implementation of Mystery Shopping



TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MENERUSI PENJENAMAAN KORPORAT
Transformation of Service Delivery through Corporate Branding

Memperkasa Kecemerlangan dan Pembangunan Modal Insan


Pelan Transformasi PERKESO mensasarkan pembangunan modal insan dari segi kemahiran kerjaya, intelektual, etika kerja dan nilai murni. Objektif Strategik adalah membangunkan bakat modal insan yang progresif dan berkompetensi tinggi bagi membudayakan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi, kepantasan bertindak serta berintegriti untuk terus maju dalam persekitaran global yang kompetitif dan dinamik. Agenda memperkasa kecemerlangan dan pembangunan modal insan PERKESO menerusi strategi berikut;

- Membangun Program Kompetensi Anggota (PROSPEK)
- Program Pelan Penggantian (PROPER)
- Program Melahirkan SME *(Subject Matters Expert)*
- Program Pelan Peralihan Kerjaya (PROJEK)

Reinforcing Human Capital Excellence and Development

The SOCSO Transformation Plan targets the development of human capital from the aspect of skills, career, intellect, work ethics and good values. The Strategic Objective is to develop progressive and highly competent human capital to enculturate knowledge, skill, creativity and innovation, the ability to act quickly, as well integrity, for the continued progress in a competitive and dynamic global environment. The agenda is to reinforce SOCSO human capital excellence and development through the following strategy:

- Development of a Staff Competency Programme
- Succession Plan Programme
- Programme to Produce Subject Matter Experts
- Career Movement Plan Programme



TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MENERUSI PENJENAMAAN KORPORAT

Transformation of Service Delivery through Corporate Branding



PERUTUSAN PENGERUSI
Chairman's Statement



" Kefahaman berkaitan pentingnya amalan tadbir urus korporat yang baik amat kritikal dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Adalah diharapkan komitmen jitu untuk mengamalkan tadbir urus korporat terbaik dapat membawa satu anjakan paradigma kepada pengarah-pengarah syarikat agar komited dalam memastikan bahawa segala aktiviti korporat dan perniagaan dijalankan mengikut norma-norma yang mantap mengenai pentadbiran organisasi yang baik"

" An understanding of the importance of good corporate governance is very critical in determining the success of an organisation. It is hoped that a solid commitment to the practice of best corporate governance will be able to bring about a paradigm shift amongst company directors to be more committed in ensuring each corporate and business activity is carried out in accordance with the solid norms of good organisational administration.

Saya selaku Pengerusi Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

As Chairman of the Board of the Social Security Organization (SOCSO) I am pleased to present the audited Annual Report and Financial Statement for the financial year ending 31st December 2016.



DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID

Pengerusi Lembaga
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Chairman of The Board
Social Security Organization

SENARIO IKLIM EKONOMI

Pada tahun 2016, perdagangan global terus mencatat pertumbuhan sederhana mencerminkan kegiatan ekonomi yang lemah. Ini menyebabkan permintaan luar negeri yang lembab, harga komoditi yang lemah dan turun naik pasaran kewangan yang berpunca daripada ketidakpastian global yang semakin ketara. Berdepan dengan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap pertumbuhan ekonomi, kebanyakan negara mengambil pendirian dasar makroekonomi yang lebih responsif dan terbuka bertujuan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

Malaysia turut terbabit dengan ketidaktentuan ekonomi global ini. Pada tahun 2016, ekonomi Malaysia meningkat 4.2% (2015: 5.0%). Berlatarkan cabaran dari dalam dan luar negeri, semua sektor ekonomi negara mencatat pertumbuhan yang sederhana. Kadar inflasi walau bagaimanapun kekal rendah pada 2.1% (2015: 2.1%). Kadar pertukaran ringgit pula lemah, ringgit menyusut nilai sebanyak 4.3% dan mencatat kadar RM4.486 berbanding dengan Dolar AS pada akhir tahun.

Senario iklim ekonomi yang kurang memberangsangkan turut menjejaskan kadar pertumbuhan pendaftaran majikan dan pekerja dengan PERKESO. Pada tahun 2016, kadar pertumbuhan pendaftaran majikan menurun daripada 5.25% kepada 4.53%. Begitu juga dengan pendaftaran pekerja yang mencatat penurunan daripada 3.38% kepada 1.95% berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kadar peningkatan majikan aktif kekal sama sebanyak 3.14% yang berjumlah 427,690 majikan berbanding 414,677 majikan pada tahun 2015. Kadar peningkatan pekerja aktif menurun daripada 2.42% kepada 2.36% berjumlah 6.59 juta pekerja berbanding 6.35 juta pada tahun sebelumnya.

ECONOMIC CLIMATE SCENARIO

In 2016, global trade continued to record average growth, reflecting weak economic activity. This has caused sluggish foreign demands, weak commodity prices and financial market volatility stemming from global uncertainty that has become more apparent. Faced with increasing worries about economic growth, most countries have taken a macroeconomic policy stand that is more responsive and open with a view to stimulating the economic growth.

Malaysia was also involved in this global economic uncertainties. In 2016, Malaysian economy grew by 4.2% (2015: 5.0%). With domestic and foreign challenges in the background, all of the country's economic sectors recorded average growth in 2016. The inflation rate, however, remained low at 2.1% (2015: 2.1%). The ringgit exchange rate was weak, with a depreciation of 4.3% and stood at RM4.486 against the US Dollar at the end of the year.

This less than encouraging economic climate scenario also affected the growth rate of employer and employee SOCSO registration. In 2016, the rate of employer registration decreased from 5.25% to 4.53%. Similarly with the employee registration recorded a decline from 3.38% to 1.95% compared to the previous year. However, the rate of increase in active employers remained at 3.14% with a total of 427,690 employers compared to 414,677 employers in 2015. The rate of increase in active employees went down from 2.42% to 2.36% with 6.59 million employees compared to 6.35 million the year before.



Pendapatan PERKESO bagi tahun 2016
meningkat sebanyak RM520.21 juta atau 13.27% kepada RM4.440 bilion berbanding RM3.920 bilion bagi tahun 2015

SOCSO's income in 2016
increased by RM520.21 million or 13.27% to RM4.440 billion compared to RM3.920 billion in 2015



Hasilnya pendapatan bersih
meningkat kepada RM829.02 juta berbanding RM774.04 juta bagi tahun 2015.

Nett income
increased to RM829.02 million compared to RM774.04 million in 2015

Pendapatan caruman
meningkat 12.93% bersamaan dengan RM368.23 juta kepada RM3.216 bilion berbanding RM2.847 bilion sebelum itu.

Contribution income
rose by 12.93% equivalent to RM368.23 million, to RM3.216 billion compared to RM2.847 billion previously

KEDUDUKAN KEWANGAN

Prestasi Pendapatan PERKESO 2016

Pendapatan PERKESO bagi tahun 2016 meningkat sebanyak RM520.21 juta atau 13.27% kepada RM4.440 bilion berbanding RM3.920 bilion bagi tahun 2015. Di samping itu, perbelanjaan PERKESO juga meningkat sebanyak RM465.23 juta atau 14.79% kepada RM3.611 bilion berbanding RM3.146 bilion bagi tahun 2015. Hasilnya pendapatan bersih PERKESO meningkat kepada RM829.02 juta berbanding RM774.04 juta bagi tahun 2015.

Pendapatan caruman meningkat 12.93% bersamaan dengan RM368.23 juta kepada RM3.216 bilion berbanding RM2.847 bilion sebelum itu. Pertumbuhan ini adalah berikutan dengan pelaksanaan kenaikan had siling caruman bagi gaji bulanan daripada RM3,000 kepada RM4,000 yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2016. Peningkatan kutipan caruman ini juga mencerminkan tahap kesedaran yang kian meningkat di kalangan majikan dan pekerja mengenai tanggungjawab mereka untuk mencarum kepada PERKESO berikutan keberkesanan program dan kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh PERKESO.

FINANCIAL STANDING

SOCSO Earnings Performance 2016

SOCSO's income in 2016 increased by RM520.21 million or 13.27% to RM4.440 billion compared to RM3.920 billion in 2015. At the same time, SOCSO's expenditure also increased by RM465.23 million or 14.79% to RM3.611 billion compared to RM3.146 billion in 2015. As a result, SOCSO's nett income increased to RM829.02 million compared to RM774.04 million in 2015.

Contribution income rose by 12.93% equivalent to RM368.23 million, to RM3.216 billion compared to RM2.847 billion previously. This growth followed the implementation of a raise in the monthly salary contribution ceiling from RM3,000 to RM4,000 effective from 1st June 2016. The increase in contribution collection also reflects the increasing level of awareness among employers and employees on their responsibility to contribute to SOCSO following the effectiveness of the awareness programmes and campaigns conducted by SOCSO.

PERUTUSAN PENGERUSI
Chairman's Statement





Perbelanjaan operasi
meningkat sebanyak RM172.33 juta atau 37.38% kepada RM633.31 juta berbanding RM460.98 juta bagi tahun 2015

Operating expenditure
rose by RM172.33 million or 37.38% to RM633.31 million compared to RM460.98 million in 2015

Pendapatan pelaburan kasar pula meningkat sebanyak RM29.55 juta atau 2.55% kepada RM1.188 bilion berbanding RM1.158 bilion bagi tahun 2015 berikutan peningkatan dalam faedah pelaburan, dividen saham dan keuntungan modal serta pendapatan baharu sewaan hartanah pelaburan.

Perbelanjaan tanggungan meningkat sebanyak RM293.25 juta atau 10.93% kepada RM2.976 bilion bagi tahun 2016 berbanding RM2.683 bilion bagi tahun sebelumnya berikutan peningkatan dalam bilangan penerima faedah. Perbelanjaan operasi juga meningkat sebanyak RM172.33 juta atau 37.38% kepada RM633.31 juta berbanding RM460.98 juta bagi tahun 2015. Peningkatan ini terutamanya hasil daripada tambahan dalam peruntukan bagi perbelanjaan Saguhati Tamat Perkhidmatan, Gantian Cuti Rehat dan Faedah Perubatan Pesara serta peningkatan dalam perbelanjaan bekalan, perkhidmatan dan emolumen.

Meanwhile, investment income rose by RM29.55 million or 2.55% to RM1.188 billion compared to RM1.158 billion in 2015, due to the increase in investment interest, share dividend and capital profit, as well as new income from investment property rentals.

Benefits expenditure increased by RM293.25 million or 10.93% to RM2.976 billion in 2016 compared to RM2.683 billion the previous year following an increase in the number of benefits recipients. Operating expenditure also rose by RM172.33 million or 37.38% to RM633.31 million compared to RM460.98 million in 2015. This increase was mainly due to the increase in allocation for End of Service Gratuity, Payment in Lieu of Leave and Retiree Medical Benefits, as well as the increase in supply, services and emolument expenditure.

Berhadapan dengan iklim yang sedemikian, PERKESO mengambil pendekatan secara berhati-hati untuk melaksanakan pelaburan ekuiti. Fokus utama diberikan kepada saham berpegangan tinggi. Nilai pasaran pegangan saham ekuiti *(in-house)* pada akhir Disember 2016 berjumlah RM2.25 bilion.

Faced with such a climate, SOCSO has taken a cautious approach to implementing its equity investments. Focus is given to high yielding shares. The market value of equity shareholding (in-house) at the end of December 2016 amounted to RM2.25 billion. SOCSO's investment strategy is more focused towards the long-term sustainability of funds.

Pelaburan Terkumpul

Dana pelaburan PERKESO mencatat pertumbuhan sebanyak 3.67% atau RM887.42 juta kepada RM25.04 bilion pada penutup 2016 berbanding RM24.16 bilion pada akhir tahun 2015. Peningkatan positif dana pelaburan adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan di dalam pendapatan caruman dan pulangan pelaburan PERKESO.

Pulangan Pelaburan

Indeks Komposit Bursa Malaysa *(KLCI)* pada penutup 2016 mencapai 1,641 mata berbanding 1,693 mata pada penutup 2015 iaitu jatuh 52 mata atau 3.07%. Tahap *Index KLCI* pada tahun 2015 dan 2016 adalah di bawah satu *standard deviation* daripada purata *index* (10 tahun). Ianya adalah satu tahap yang agak rendah sejak 2009.

Berhadapan dengan iklim yang sedemikian, PERKESO mengambil pendekatan untuk membuat pelaburan secara berhati-hati bagi semua kelas aset. Keutamaan diberikan kepada saham berpendapatan tinggi sejajar dengan penyataan toleransi risiko PERKESO. Strategi pelaburan PERKESO lebih memfokuskan kepada kesinambungan dana bagi tempoh jangka panjang *(long term sustainability)*.

Accumulated Investment

SOCSO's investment funds posted a growth of 3.67% or RM887.42 million to RM25.05 billion at the close of 2016 compared to RM24.16 billion in 2015. This positive increase in investment funds is mainly due to the increase in the organisation's contribution income and investment returns.

Investment Returns

The Kuala Lumpur Composite Index (KLCI), at the close of 2016, reached 1.641 points compared to 1,693 points in 2015, showing a drop of 52 points or 3.07%. The KLCI levels in 2015 and 2016 are below the standard deviation from the average index (10 years). It is relatively lower than 2009 level.

Faced with such a climate, SOCSO has taken a cautious approach in implementing its investments for all asset classes. SOCSO's investment strategy is more focused towards the long-term sustainability of funds. The priority is given to high yielding shares in line with SOCSO's risk tolerance statement.

Strategi pelaburan ekuiti PERKESO pada tahun 2016 memberi fokus kepada pembelian saham-saham yang kukuh dan berpendapatan tinggi *(dividend play)* di mana pembelian sehingga akhir Disember 2016 mencatatkan jumlah yang diniagakan mencecah RM276.78 juta dengan jumlah kuantiti sebanyak 46,549,282 unit saham meliputi 42 kaunter. Nilai pasaran pegangan saham ekuiti *(in-house)* pada akhir Disember 2016 berjumlah RM2.25 bilion. Pembelian pelaburan ekuiti secara agresif tidak dilaksanakan kerana Bursa Malaysia masih mencatatkan *negative return* selama tiga (3) tahun berturut-turut dan strategi pelaburan adalah lebih kepada melindungi nilai modal *(capital preservation)*.

KADAR PULANGAN PELABURAN *(ROI)*

Kenaikan pulangan pelaburan 2016 selari dengan peningkatan kadar Pulangan Pelaburan *(ROI)*. *ROI* pada penutup 2016 adalah pada kadar 5.00% berbanding kadar 4.47% pada 2015.

HALA TUJU STRATEGIK

Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020 telah diwujudkan selaras dengan Dasar dan Visi Nasional dalam RMK-11. Lima (5) teras strategik utama dikenal pasti untuk PERKESO terus bersaing menghadapi cabaran semasa dalam persekitaran dan lanskap ketidaktentuan sosioekonomi iaitu;

01
Memperkasa Kecemerlangan dan Pembangunan Modal Insan
Reinforcing Human Capital Excellence and Development

02
Mentransformasi Perkhidmatan menerusi Penjenamaan
Transforming Service through Branding

03
Memperkukuh Kemampanan Dana dan Tadbir Urus
Reinforcing the Sustainability of Funds and Governance

04
Meningkatkan Kesejahteraan Sosial Pelanggan
Improving the Social Wellbeing of Clients

05
Melestarikan Budaya Kreativiti, Inovasi dan Kualiti
Preserving a Culture of Creativity, Innovation and Quality

SOCSO's equity investment strategy in 2016 focused on purchases of shares with strong fundamental and high yielding (dividend play) where purchases as at the end of December 2016 recorded a transacted amount of RM276.78 million with a total of 46,549,282 units of shares comprising 42 counters. The market value of equity shareholding (in-house) at the end of December 2016 amounted to RM2.25 billion. Aggressive investment in equity was not done in 2016 as the Malaysian Stock Exchange has posted negative returns for three (3) consecutive years and the investment strategy was leaning towards capital preservation.

RETURNS ON INVESTMENT (ROI)

The increase in investment returns in 2016 is parallel to the increase in the rate of return on investment (ROI). The ROI at the close of 2016 stood at 5.00% compared to 4.47% in 2015.

STRATEGIC DIRECTION

The SOCSO Strategic Plan 2016 - 2020 was established in line with the National Policy and Vision under the 11th Malaysia Plan. Five (5) strategic thrusts were identified for SOCSO to remain competitive in facing current challenges in an environment and landscape of socio-economic uncertainty, namely:

Teras 1

Memperkasa Kecemerlangan dan Pembangunan Modal Insan

Menerusi perancangan sumber manusia di bawah objektif strategik Pelan Transformasi PERKESO pembangunan modal insan mensasarkan dari segi kemahiran kerjaya, intelektual, etika kerja dan nilai murni. Program latihan dalam dan luar negara yang mempunyai impak tinggi dilaksanakan kepada semua anggota PERKESO dan langkah memupuk kesedaran kepentingan kesihatan anggota melalui Program Wellness PERKESO.

Teras 2

Mentransformasi Perkhidmatan Menerusi Penjenamaan

Mentransformasi penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pelanggan seiring dengan persekitaran global serta cabaran supaya PERKESO terus relevan dan kompetitif. Fokus utama adalah menambahbaik kualiti penyampaian dengan meningkatkan perkhidmatan kaunter mesra pelanggan, meningkatkan kemudahan pembayaran dan perkhidmatan melalui medium elektronik seperti i-PERKESO. Penambahbaikan kualiti perkhidmatan kaunter juga telah memberi impak kepada masa menunggu yang telah dapat dikurangkan daripada 15 hingga 20 minit sebelum ini kepada purata 7.30 minit bagi pelanggan mendapatkan layanan.

Thrust 1

Reinforcing Human Capital Excellence and Development

Through the human resource planning under SOCSO's Transformation strategic plan, human capital development targets growth in terms of career and intellectual skills, work ethics and good values. High impact training, whether locally or abroad, was provided to all SOCSO employees, including steps to encourage awareness of the importance of health through the SOCSO Wellness Programme.

Thrust 2

Transforming Services through Branding

This thrust concerns the transformation of service delivery to meet the needs of clients in line with the global environment and challenges so that SOCSO remains relevant and competitive. The focus is to improve the quality of service delivery by improving the client-friendly counters, as well as improving payment and service facilities through electronic medium such as i-PERKESO. The improvements made to the quality of counter service has also resulted in the reduction of waiting time from 15-20 minutes previously to an average of 7.30 minutes before a client is attended to.

Teras 3

Memperkukuh Kemampanan Dana dan Tadbir Urus

Langkah mengoptimumkan pulangan pelaburan serta pemantapan pengurusan kewangan telah diberi tumpuan dalam mengukuhkan dana PERKESO agar pulangan pelaburan optimum yang disasarkan tercapai.

Tumpuan utama merangkumi aspek pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman, pelaporan kewangan yang telus, hala tuju strategik PERKESO yang jelas.

Teras 4

Meningkatkan Kesejahteraan Sosial Pelanggan

Menyusuri susur galur kecemerlangan PERKESO sepanjang tahun 2016, agenda memperkasa perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungan mereka terus dipertingkatkan dan disebarluas. Inisiatif strategik dan tumpuan dalam beberapa bidang keberhasilan utama antaranya:

Thrust 3

Reinforcing the Sustainability of Funds and Governance

The organisation focuses on measures to optimise investment returns as well consolidating financial management in strengthening its funds to achieve the optimum return on investment targeted.

The key focus includes the aspects of risk management, internal controls system, transparent financial reporting, clear SOCSO strategic.

Thrust 4

Improving the Social Wellbeing of Clients

Tracing SOCSO's excellence throughout 2016, the agenda of reinforcing the social security protection provided to employees and their dependants continue to be improved and spread widely. Strategic initiatives have been undertaken with a focus on several key results areas, such as:

Return To Work ("RTW")

Program *"RTW"* telah memberi impak memberangsangkan dalam membantu golongan orang terbencana dan kurang upaya di negara ini untuk kembali semula bekerja dan secara langsung dapat meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Menerusi Program *Return To Work (RTW)* ini seramai 15,479 peserta telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja sejak dilancarkan sehingga 31 Disember 2016.

Pusat Rehabilitasi PERKESO

Pusat Rehabilitasi ini menyediakan perkhidmatan rehabilitasi yang komprehensif dalam usaha mengembalikan Orang Berinsurans PERKESO ke dunia pekerjaan lebih awal dan selamat. Pada 2016, seramai 824 pesakit telah mendapatkan rawatan pemulihan berbanding 531 pesakit pada 2015.

Program Saringan Kesihatan (HSP)

Program Saringan Kesihatan (HSP) PERKESO bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pekerja menjalani saringan kesihatan sebagai langkah pengesanan awal penyakit tidak berjangkit serta untuk melahirkan golongan pekerja yang sihat dan produktif. Secara keseluruhannya sebanyak 2.4 juta pekerja layak menikmati kemudahan ini semenjak dilancarkan pada tahun 2013. Sehingga 31 Disember 2016, seramai 479,666 pencarum PERKESO telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan daripada jumlah tersebut, 164,209 orang wanita telah menjalani pemeriksaan mamogram. Pada tahun 2016, PERKESO telah membelanjakan sebanyak RM3.7 juta untuk Program Saringan Kesihatan.

Pencegahan Kemalangan di Tempat Kerja dan Dalam Perjalanan Ke Tempat Kerja

Dalam usaha mewujudkan budaya pencegahan kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan ke tempat kerja, 130 Program Kesedaran Kemalangan Perjalanan dan 50 Program *OSH Compliance Support for SME* telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016. PERKESO telah melaksanakan sebanyak 405 program advokasi pencegahan kemalangan perjalanan di seluruh negara pada tahun 2016 iaitu tumpuan utama diberikan terhadap majikan yang mencatatkan bilangan kemalangan yang tertinggi. Hasil daripada program yang telah dilaksanakan, sebanyak 156 majikan dari jumlah tersebut telah mencatatkan penurunan kadar kemalangan sebanyak 10% berbanding tahun sebelumnya.

Return To Work (RTW)

The RTW Programme has had a tremendous impact in helping people who have been injured and disabled in the country to return to work, thus directly improving their socio-economic level. Through the Return To Work programme, 15,479 participants have been successfully rehabilitated and returned to work since its launch up to 31st December 2016.

SOCSO Rehabiltation Centre

The Rehabilitation Centre provides comprehensive rehabilitation services in the effort to return SOCSO Insured Persons to the working world earlier and in a safe condition. In 2016, 824 patients received treatment at the centre compared to 531 patients in 2015

Health Screening Programme (HSP)

SOCSO's Health Screening Programme is intended to provide a facility through which employees can undergo health screenings as an early detection method of non-communicable diseases as well as to produce a health and productive work force. Overall, 2.4 million workers are eligible to enjoy this facility since its launch in 2013. As of 31st December 2016, 479,666 SOCSO contributors have undergone health screenings and out of that total, 164,209 women underwent mammogram examinations. In 2016, SOCSO spent a total of RM3.7 million for its Health Screening Programme.

Prevention of Accidents at the Work Place and Commuting Accidents

In the effort to establish a culture of accident prevention at the workplace and in the commute to work, 130 Commuting Accident Prevention Awareness Programmes and 50 OSH Compliance Support for SME Programmes were carried out in 2016. SOCSO also carried out 405 commuting accident prevention advocacy programmes nationwide in 2016, with a focus on employers recording the highest number of accidents. Consequently, 156 employees out of those who participated in programmes recorded a 10% reduction in the accident rate compared to the previous year.

Teras 5

Melestarikan Budaya Kreativiti, Inovasi dan Kualiti

Program Transformasi Pembangunan Modal Insan PERKESO terus memberi tumpuan untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing, kreatif dan berintegriti. Inisiatif melestarikan budaya kreativiti dan inovasi di kalangan anggota adalah dengan mewujudkan persekitaran dan prasarana yang kondusif bagi merangsang cetusan idea dan inovasi sepanjang tahun 2016. Antara cetusan idea dan inovasi utama adalah seperti PERKESO *Online Library System* (POLS), Aplikasi *Mobile* i-PERKESO, Transformasi pengoperasian pengurusan caruman, Program Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, Pelancaran Laman *Web* PROMIS dan Projek ICT PERKESO yang baharu.

Thrust 5

Preserving a Culture of Creativity, Innovation and Quality

SOCSO's Human Capital Development Transformation Programme remains focused on producing human capital that is competitive, creative and with integrity. Initiatives to preserve the culture of creativity and innovation amongst employees are taken by creating a conducive environment and infrastructure to stimulate bursts of ideas and innovation throughout 2016. Among the key ideas and innovation implemented include the PERKESO Onlinde Library System (POLS), the i-PERKESO Mobile Application, the transformation of contributions management operation, MS ISO 9001:2008 Quality Management System Programme, the launch of PROMIS website and the new SOCSO ICT Project.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Usaha melestarikan budaya kreativiti dan inovasi di kalangan warga kerja PERKESO telah berjaya melonjakkan kecemerlangan organisasi apabila pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa telah diterima antaranya *Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2016 For Innovation Excellence Award and ISSA Certificate of Excellence in Social Security Administration (Contribution Collection and Compliance)* di *World Social Security Forum 2016 Panama.*

PERKESO turut mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan iaitu memenangi Tempat Kedua Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2016, Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha Negara, Pengiktirafan 5 Bintang Sektor Awam 2015-2016, Anugerah Inovatif Sempena Konvensyen AKRAB Kebangsaan dalam membudayakan S4P serta Penarafan 5 Bintang Laman Web Sektor Awam. Sesungguhnya kecemerlangan PERKESO mencerminkan pencapaian dan kesungguhan anggotanya dalam penyampaian perkhidmatan dan memenuhi ekspektasi pelanggan.

AWARDS AND RECOGNITION

The effort to preserve a culture of creativity and innovation amongst SOCSO staff has successfully propelled the organisation's excellence, as evidenced by the various awards and recognition received at international level such as the Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2016 for Innovation Excellence and the ISSA Certificate of Excellence in Social Security Administration (Contribution Collection and Compliance) at the World Social Security Forum 2016 in Panama.

SOCSO also received recognition at the national level such as winning Second Place at the Prime Minister's Innovation Awards (AIPM) 2016, the Chief Secretary's Innovation Award, the Public Sector 5-STar Rating 2015-2016, the Innovative Award during the National AKRAB Convention for its enculturation of S4P and the Public Sector Website 5-Star Rating. Indeed, SOCSO's excellence reflect the achievement and determination of its staff in their service delivery and in fulfilling the expectations of clients.

PENGHARGAAN

Dengan berlatarbelakangkan pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh PERKESO, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan PERKESO serta warga kerja atas komitmen dan sokongan padu yang berterusan. Saya menaruh keyakinan semua lapisan warga PERKESO akan terus meningkatkan usaha dan sokongan untuk menghadapi cabaran mendatang. Berusaha gigih meneruskan kelangsungan kecemerlangan dan pencapaian organisasi untuk terus memberi impak dan lonjakan berganda dalam memartabatkan agenda memberi perlindungan keselamatan sosial pekerja yang dinamik dan inklusif di negara ini.

Akhir kata, saya bagi pihak Lembaga dan seluruh warga PERKESO ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia dan YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia serta Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, YBhg. Dato' Sri Adenan Bin Ab Rahman di atas nasihat dan pandangan serta dorongan yang diberikan dalam memantapkan lagi peranan PERKESO sebagai peneraju perlindungan keselamatan sosial di negara ini.

ACKNOWLEDGEMENTS

With the various success achieved by SOCSO as a background, I would like to record the highest appreciation to the Board of Directors and Investment Panel, as well as to the staff, on their continued commitment and solid support. I am confident that all SOCSO staff will continue to increase their effort and support in facing future challenges. I also believe that they will strive to maintain the excellent achievements of the organisation to keep on having multiple impact and propel further in upholding the agenda of providing social security protection that is dynamic and inclusive in the country.

Finally, on behalf of the Board and the SOCSO workforce, I would like to record the highest appreciation to YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources and YB Dato' Sri Hj. Ismail bin Hj. Abd. Muttalib, Deputy Minister of Human Resources, as well as the Secretary General to the Ministry of Human Resources, YBhg. Dato' Sri Adenan bin AB. Rahman for all their advice and views, as well as support given in establishing SOCSO's role as the leader in social security protection in the country.

DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID

Pengerusi Lembaga
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Chairman of The Board
Social Security Organization

AHLI LEMBAGA
Board Members

- **DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID**
  Pengerusi
  Chairman

- **DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED**
  Ketua Eksekutif
  Chief Executive

- **ENCIK ABDULLAH SUHAIMIN BIN MD YUNUS** (Mulai/Effective from 4.11.2016)
- **ENCIK LIM SENG GIM** (Bersara Pada/Retired on 23.10.2016)

  Ahli Mewakili Kementerian Kewangan
  Member Representing the Ministry of Finance

- **DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN**
  Ahli Mewakili Kementerian Sumber Manusia
  Member Representing the Ministry of Human Resources

- **DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM** (Mulai/Effective from 01.08.2016)
- **DR. HAJI DAUD BIN ABDUL RAHIM** (Bersara Pada/Retired on 01.08.2016)

  Ahli Mewakili Kementerian Kesihatan
  Member Representing the Ministry of Health

- **ENCIK ALAN KHOO CHOOM KWONG**
- **DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI**
- **ENCIK RAMADASS A/L ARUMUGAM**
- **DATUK DR. PHILIP D I TING**

  Ahli Mewakili Majikan
  Members Representing the Employers

- **TUAN HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID** A.B.S
- **ENCIK AWANG ALI BIN AHMAD RAJI @ AMAT**
- **DATUK AZIH BIN MUDA**
- **ENCIK GOPALKISHNAM NADESAN**

  Ahli Mewakili Orang Berinsurans
  Members Representing the Insured Persons

AHLI LEMBAGA
Board Members

- **DATIN PADUKA HAJAH SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN**
- **PROFESOR DATO' DR. SUDIN BIN HARON**
- **ENCIK BATI JURAM**

Ahli Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Members with Experience in Social Security

- **DATO' ABD. AZIZ BIN ABU BAKAR**
- **ENCIK MOHAMED AMIN BIN AZIZ**
- **ENCIK ISMAIL BIN ASSIM**
- **ENCIK ALBERT TANG YEW LIONG**

Ahli Silih Ganti
Alternate Members

- **ENCIK RAHIM BIN MOHAMAD**

Setiausaha Lembaga
Secretary of the Board

- **ENCIK ROSLY BIN ABDUL KADIR**

Penolong Setiausaha Lembaga
Assistant Secretary of the Board

PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID

Pengerusi Lembaga
Chairman of the Board

YBhg. Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid memiliki pengalaman hampir 40 tahun dalam industri kewangan, pos dan logistik. Beliau berpengalaman luas dalam sektor kewangan dari tahun 1976 - 2004 dan pernah berkhidmat di Maybank, JP Morgan (sebelum ini dikenali sebagai Chase Manhattan), Public Bank dan jawatan akhir selaku Ketua Pegawai Eksekutif Bank Simpanan Nasional.

Dalam tempoh ini juga beliau terlibat sebagai ahli Penasihat *VISA International* untuk Produk Debit, Produk Komersial dan Keahlian Jawatankuasa Kaedah-Kaedah & Risiko.

Pada Februari 2016 genap tempoh 6 tahun beliau berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah di United Overseas Bank (M) Bhd. Sepanjang tempoh perkhidmatan tersebut, beliau berperanan selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga, Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran, Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga dan Ahli Jawatankuasa Pemilihan.

Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Pos Malaysia Berhad pada Oktober 2000 dan memegang jawatan tersebut sehingga Julai 2009. Beliau telah dikurniakan Pingat Jasa Negara (PJN) oleh Yang di-Pertuan Agong pada tahun 2004. Pada masa ini, beliau memegang jawatan selaku Presiden Persatuan Hoki Kuala Lumpur.

YBhg. Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid possesses almost 40 years' experience in the financial, postal and logistics industries. He has extensive experience in the financial sector, spanning from 1976 to 2004 and have previously served with Maybank, JP Morgan (previously known as Chase Manhattan), Public Bank and finally as the Chief Executive of Bank Simpanan Nasional.

During this period, he was also involved as a member of the VISA International Advisory board for Debit Products, Commercial Products and Membership, Rules & Risks Committee.

In February 2016, Datuk Abu Huraira completed his 6-year tenure as a Director of the United Overseas Bank (M) Bhd., during which, he was involved in the following capacity as Chairman of the Board Risk Management Committee, Chairman of the Remunerations Committee, Member of the Audit Board and Member of the Nominations Committee.

Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid was appointed the Executive Director of Pos Malaysia Berhad on October 2000 and held the position until July 2009. He was bestowed the Pingat Jasa Negara (PJN) by the Yang di-Pertuan Agong in 2004. He is currently the President of Kuala Lumpur Hockey Association.



DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED

Ketua Eksekutif
Chief Executive

Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif PERKESO pada 6 April 2015. Berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari *Oxford Business College*, Oxford United Kingdom dan Ijazah Perubatan dan Ijazah Pembedahan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau memulakan kerjaya sebagai doktor perubatan pada tahun 1993 dan pada tahun 2001, beliau merupakan doktor perubatan yang pertama yang diambil oleh PERKESO. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Kanan Operasi pada 2007, seterusnya sebagai Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO pada 2011.

Beliau bertanggungjawab mempertingkatkan penglibatan PERKESO di bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, latihan kepada doktor perubatan, program pengurusan hilang upaya dan program kembali bekerja, promosi kesihatan pekerjaan dan penubuhan Pusat Rehabilitasi PERKESO yang dilengkapi peralatan terkini. Di samping itu, beliau turut memainkan peranan penting dalam peningkatan kutipan caruman PERKESO melalui aktiviti pemeriksaan dan seterusnya peningkatan pelaburan melalui aset terpilih. Beliau telah memperkenalkan pendekatan 'PERKESO Prihatin dan konsep S4P' dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan PERKESO bagi kesejahteraan pelanggan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Keupayaan dan sumbangan beliau dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, keselamatan sosial dan kesihatan awam diiktiraf di dalam dan luar negara. Beliau telah terlibat secara aktif dalam *Royal College of Physicians of Ireland* sejak 2005 dan dianugerahkan sebagai *Fellow of The Faculty of Occupational Medicine* sejak 2010 dan Ahli *International Disability Management Standards Council (IDMSC)*. Selain itu, beliau turut dilantik sebagai *International Social Security Association (ISSA) Bureau Member* dan *ISSA Nominations Committee* mulai Mei 2015.

Dato' Dr. Mohammed Azman was appointed as Chief Executive of SOCSO on 6 April 2015. He holds a Master Business Administration from the Oxford Business College, Oxford UK and a Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery from University of Malaya, Kuala Lumpur. He started his career in 1993 as a medical doctor in 2001 and he became the first medical doctor to be employed by SOCSO. He was promoted to Senior General Manager of Operations in 2007, later on as Deputy Chief Executive (Operation), SOCSO in 2011.

He was responsible for the enhanced involvement of SOCSO in the field of occupational safety and health, training of general physicians, disability management and return to work program, employees' health promotion and recently, the state-of-the-art SOCSO Rehabilitation Centre. In addition, he also played an important role in the improvement of collection of contributions through inspection activities and increased investment in selected assets. He had introduced 'PERKESO Prihatin and S4P' concept in order to improve the SOCSO's delivery services for the wellbeing of customers within the next five years.

His capability and contribution in the field of occupational safety and health, social security and public health is recognized both locally and internationally. He has been actively involved in the Royal College of Physicians of Ireland since 2005 and was awarded as a Fellow of the Faculty of Occupational Medicine since 2010 and a Member of International Disability Management Standards Council (IDMSC). In addition, he was also appointed as the International Social Security Association (ISSA) Bureau Member and ISSA Nominations Committee from May 2015.

PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



LIM SENG GIM
Mewakili Kementerian Kewangan
Representing the Ministry of Finance

Bersara pada / Retired on 23.10.2016

Encik Lim Seng Gim merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian (Sektor Makro) di Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan. Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO mewakili Kementerian Kewangan pada 1 April 2013. Berkelulusan *Diploma in Public Administration* (INTAN), Bachelor of Social Science (Hons), USM dan *Master in Business Administration,* University of Birmingham, United Kingdom.

Berpengalaman luas dalam sektor awam di pelbagai Jabatan dan Kementerian. Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Kastam Tingkatan 1, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, Penolong Pengarah di Unit Perancangan Ekonomi, Negeri Perak. Beliau seterusnya ditugaskan sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Analisa Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan. Seterusnya menjawat jawatan sebagai Ketua Seksyen (Makroekonomi), Bahagian Analisa Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Institut Pengajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Mr Lim Seng Gim, who is the Divisional Deputy Secretary (Macroeconomics) in the Fiscal & Economics Division, Ministry of Finance, was appointed to the Board as a representative of the Ministry of Finance on 1 April 2013. He holds a Diploma in Public Administration (INTAN), a Bachelor of Social Science (Hons), USM and a Master in Business Administration, University of Birmingham, United Kingdom.

He has extensive experience in the public sector in various departments and ministries. He started his career as a Customs Officer, and then an Assistant Social Welfare Officer, and was later appointed as Assistant Director in the Economic Planning Unit of the State of Perak. He was later assigned as Principal Assistant Secretary for the Economics & International Division, Ministry of Finance. Prior to his present position he was the Head of Macroeconomics, Ministry of Finance. Mr Lim is also a board member of the Institute of Strategic and International Studies (ISIS).



ABDULLAH SUHAIMIN MD YUNUS

Mewakili Kementerian Kewangan
Representing the Ministry of Finance

Dilantik mulai / Appointed effective from 04.11.2016

Encik Abdullah Suhaimin Md Yunus merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian (Tadbir Urus Korporat) di Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan dan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah PERKESO pada 4 November 2016. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya (1983) dan Ijazah Sarjana dalam Ekonomi Pembangunan, Williams College, Massachusetts, USA (1997).

Berpengalaman luas dalam sektor awam di pelbagai Jabatan dan Kementerian. Beliau mula berkhidmat sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Ekonomi Makro (1983 - 1993) dan Ketua Penolong Setiausaha, Jawatankuasa Pelaburan Asing (2002), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, sebelum berpindah ke Kementerian Pelajaran pada tahun 2003 sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Biasiswa. Pada Tahun 2006 beliau telah berpindah ke Kementerian Kewangan dan telah bertugas di pelbagai bahagian seperti Bahagian Pengurusan Korporat, Seksyen Pembangunan dan Unit Strategi Nasional. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak.

Mr. Abdullah Suhaimin Md Yunus, who is the Deputy Under Secretary of the Government Investment Companies Division, Ministry of Finance was appointed to the Board of SOCSO on 4 November 2016. He holds a Bachelor of Economic (Hons) degree from University of Malaya (1983) and a Master's Degree in Development Economic from Williams College, Massachusetts, USA (1997).

He has extensive experience in various departments and ministries at the Public Sectors. He started his service as Assistant Director, Macro Economic Section (1983 - 1993) and served as Principal Assistant Secretary of the Foreign Investment Committee (2002), of the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department, before moving to the Ministry of Education in 2003 as the Principal Assistant Secretary, Scholarship Division. In 2006, he moved to Ministry of Finance and served in various department such as Corporate Planning Division, Project Development Section and National Strategic Unit. Mr. Abdullah Suhaimin also serves as Board of Trustee Yayasan Tun Razak.

PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN
Mewakili Kementerian Sumber Manusia
Representing the Ministry of Human Resources

Dato' Mohd Sahar bin Darusman merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa), Kementerian Sumber Manusia dan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO pada 16 Ogos 2013. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Sosiologi, UKM (1981), Diploma Pentadbiran Awam (INTAN) (1982), Diploma dalam Pengurusan Maklumat Pembangunan, University of Birmingham, UK (1993) dan Ijazah Sarjana dalam Sains Sosial, University of Birmingham, UK (1994).

Berpengalaman luas dalam sektor awam di pelbagai Jabatan dan Kementerian. Beliau mula berkhidmat sebagai Penolong Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, Cawangan Sarawak (1983 - 1987), Penolong Pengarah Cawangan Skim, Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (1988 - 1994), Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kabinet, Jabatan Perdana Menteri (1994 - 1998), sebelum berpindah ke Kementerian Sumber Manusia pada tahun 1998 sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar dan Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar Sumber Manusia (2004). Beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa), Kementerian Sumber Manusia mulai Oktober 2009.

Dato' Mohd Sahar bin Darusman, who is the Deputy Secretary General (Policy and International Affairs), Ministry of Human Resources, was appointed to the Board of SOCSO on 16 August 2013. He holds a Bachelor of Arts (Hons) degree in Sociology, UKM (1981), a Diploma in Public Administration (INTAN) (1982), a Diploma in Information Management for Development, University of Birmingham, UK (1993) and a Master's degree in Social Science, University of Birmingham, UK (1994).

He has extensive experience in various departments and ministries in the public sector. He started his service as Assistant Director, Administrative Modernisation and Manpower Planning (MAMPU), Prime Minister's Department, Sarawak Branch (1983 - 1987) and served as Assistant Director for the Scheme Branch, Division of Personnel, Public Service Department (1988 - 1994), Principal Assistant Secretary of the Cabinet Division, Prime Minister Department (1994 - 1998), before moving to the Ministry of Human Resources in 1998 as the Principal Assistant Secretary, Policy Planning and Research Division and Undersecretary for Human Resources Policy Division (2004), Ministry of Human Resources. Currently he holds the post of Deputy Secretary General (Policy and International Affairs), Ministry of Human Resources, a position he has held since October 2009.



DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM

Mewakili Kementerian Kesihatan
Representing the Ministry of Health

Dilantik mulai / Appointed effective from 01.08.2016

Dr. Sirajuddin bin Hashim merupakan Pakar Perubatan Kesihatan Pekerjaan dan Ketua Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit, Bahagian Kawalan Penyakit. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Kementerian Kesihatan mulai 1 Ogos 2016. Beliau memiliki Ijazah Doktor Perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Masters in Public Health dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada tahun 1989 dan telah berkhidmat di pelbagai peringkat perkhidmatan kesihatan di daerah dan negeri sebelum ditempatkan di ibu pejabat Kementerian Kesihatan.

Dr. Sirajuddin bin Hashim was the Occupational Health Physician and Head of Sector Occupational and Environmental Health, Infectious Diseases Branch, Division of Disease Control. He was appointed to the Board Representing the Ministry of Health from 1 August 2016. He holds a Doctor of Medicine from Universiti Kebangsaan Malaysia and a Masters in Public Health from the National University of Malaysia. He first served as Medical Officer at Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru in 1989 and has served in various levels of health services at the district and state headquarters before being placed in the Ministry of Health

PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



ALAN KHOO CHOOM KWONG
Mewakili Majikan
Representing the Employers

Encik Alan Khoo Choom Kwong berpengalaman dalam bidang pengurusan sumber manusia. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Majikan bermula pada 1 April 2002. Berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Charles Sturt University, Australia dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Windsor, Canada. Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Persatuan Perundingan Majikan-Majikan Sabah (SECA) dan Ahli Majlis Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF). Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan Ahli Lembaga Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) di bawah Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

Encik Alan Khoo Choom Kwong is experienced in the field of Human Resources Management. He was appointed to the Board Representing Employers on 1 April 2002. He holds a Masters Degree in Business Management from the Charles Sturt University, Australia and a Bachelor of Arts (Economics) from the University of Windsor, Canada. He presently serves as the Chairman for the Sabah Employers' Consultative Association (SECA) and Vice President for the Malaysian Employers' Federation (MEF). He was also appointed as the Board Member of National Wages Consultative Council (NWCC) and National Labour Advisory Council (NLAC) under the Ministry of Human Resources, Malaysia.



DR. HAJI DAUD BIN ABDUL RAHIM

Mewakili Kementerian Kesihatan
Representing the Ministry of Health

Bersara pada / Retired on 01.08.2016

Dr. Haji Daud bin Abdul Rahim merupakan Ketua Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit, Bahagian Kawalan Penyakit dan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Kementerian Kesihatan mulai 01 Ogos 2011. Beliau memiliki Ijazah Perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan *Masters in Public Health* dari University of Philippines, Manila. Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Melaka pada tahun 1981 dan pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada tahun 2007 - 2010.

Dr. Haji Daud bin Abdul Rahim, who is the Head of the Occupational and Environmental Health Sector, Non-communicable Diseases Branch, Disease Control Division, was appointed as a Board Member Representing the Ministry of Health from 1st August 2011. Dr. Hj. Daud graduated with a Medical Degree from the National University of Malaysia (UKM) and holds a Masters in Public Health from the University of Philippines, Manila. He started his career as a Medical Officer at the Malacca Hospital in 1981 and has served, among other roles, as the Director of Sultanah Aminah Hospital, Johor Bahru from 2007 - 2010.

PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI
Mewakili Majikan
Representing the Employers

Dr. Michael Chiam telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO sejak Ogos 2003 di mana sebelum ini beliau adalah salah seorang Ahli Lembaga silih ganti. Beliau juga merupakan Ahli Panel Pelaburan PERKESO. Seorang Akauntan Bertauliah dan *Company Secretary* berdasarkan profesionnya, beliau juga merupakan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), Ahli *Malaysian Association Company Secretaries, Chartered Member Institute of Internal Auditors* dan pemegang *Master of Business Administration (MBA)* dengan satu pasca siswazah berganda Diploma dalam Latihan dan Pembangunan. Dr. Chiam adalah pemegang Ijazah Doktor Falsafah dalam Perancangan Strategik dan Sumber Manusia, pengkhususan dalam Tanggungjawab Sosial.

Kini, beliau adalah Pengarah Eksekutif Paragon Corporation Sdn. Bhd. Sepanjang kariernya, beliau sentiasa berada di peringkat kanan dan memegang pelbagai jawatan di peringkat pengurusan, kewangan dan akaun, keusahawanan, sumber manusia, perancangan dan hal ehwal korporat, operasi perkapalan serta perolehan selama 33 tahun. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengarah Nedlloyd Malaysia dan Ketua Operasi dalam P&O Nedlloyd, iaitu sebuah syarikat multi nasional dalam bidang perkapalan. Kerjaya awal beliau bermula di sektor perladangan di Bahagian Audit Dalaman selain jawatan-jawatan lain. Ketika ini beliau adalah *President of Commercial Employers Association of Peninsular Malaysia, Council Member of MEF, Director of MEF Academy dan Human Resource Bureau Chairman of SMI Association Malaysia.*

Dr. Michael Chiam was appointed as a Board Member of SOCSO from August 2003. Prior to this appointment he was an Alternate Board Member. He also sits on the Investment Panel of SOCSO. A Chartered Accountant and Company Secretary by profession, he is a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA) and the Malaysian Association of Company Secretaries. He is also a Chartered Member of the Institute of Internal Auditors and holds a Master of Business Administration (MBA) with a post graduate double Diploma in Training and Development. Dr. Chiam also holds a Ph.D and his primary research was in Strategic Management and Human Resource Management majoring in Social Responsibilities.

He is now the Executive Director of Paragon Corporation Sdn. Bhd. For the most part of his career spanning some 33 years, he was at a senior level of management, from Finance & Accounts, Entrepreneurial Management, Human Resource (HR), Planning & Corporate Affairs, and Shipping Operations and Procurement. His last position was as Director of Nedlloyd Malaysia and the Chief of Operations in P&O Nedlloyd, a Multi National Company (MNC) in liner shipping. His appointment in his early years included an attachment to the Internal Audit Division in the plantation sector, apart from a few other appointments. He is now the President of the Commercial Employers Association of Peninsular Malaysia and a Council Member of the MEF. He is also the Director of the MEF Academy and the Human Resource Bureau Chairman of SMI Association Malaysia.



RAMADASS A/L ARUMUGAM

Mewakili Majikan
Representing the Employers

Selepas menamatkan pengajian dari Universiti Malaya dengan Ijazah B.Ec, Encik Ramadass mula berkhidmat di Kementerian Sumber Manusia sebagai Pegawai Perhubungan Industri dari 1972 -1976. Pada tahun 1977, beliau menyertai Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) sebagai Pegawai Perhubungan Industri dan berkhidmat dengan Persatuan sehingga 1990 di mana beliau mewakili majikan perladangan di Mahkamah Perusahaan dari tahun 1980 dan juga pernah dilantik sebagai Ahli Panel Mahkamah Perusahaan. Setelah memperolehi ijazah LLB (London) pada tahun 1986 dan CLP (Mal) pada tahun 1987, beliau telah memulakan amalan guaman di bawah nama Tetuan Ramadass & Associates pada tahun 1991, khusus dalam Undang-undang Perindustrian.

Pada masa ini, beliau terlibat dalam mewakili majikan dalam hal-hal yang berkaitan dengan kes-kes pembuangan kerja, pertikaian perdagangan, isu pengiktirafan kesatuan dan pertikaian perundingan kolektif, yang berkaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan termasuk penentuan gaji secara industri dan juga sebagai asas penubuhannya. Selain terlibat dalam Mahkamah, beliau juga telah menjalankan beberapa program latihan dalaman dalam undang-undang perindustrian serta telah menjadi penceramah di pelbagai forum kebangsaan dan antarabangsa mengenai perhubungan perusahaan dan pengurusan sumber manusia dan khususnya dalam subjek berikut:

- Perjanjian Kolektif dan Perundingan Kolektif
- *Performance Linked Wage System*
- Fleksibiliti Pengurusan Perniagaan di Malaysia – Kekangan Perundangan
- Pembaharuan Undang-undang Buruh dan Pembangunan Modal Insan di Malaysia
- *Equity & Good Conscience - The Employers' Enigma* (Amalan Kesaksamaan dan Keadilan Majikan)
- Pekerjaan & Perlindungan Pekerja Asing
- Perjanjian Kolektif dan Perundingan Kolektif – Prinsip Penetapan Gaji

Beliau merupakan Timbalan Ahli Badan Pentadbir Pertubuhan Buruh Antarabangsa mewakili Majikan Malaysia bagi tempoh 2008 hingga 2011. Beliau juga memegang jawatan Naib Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); Ahli Lembaga Pengarah PERKESO, Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan; Ahli Jawatankuasa Teknikal Kementerian Sumber Manusia dalam pengemaskinian undang-undang perburuhan di samping mewakili Persekutuan Majikan Malaysia dalam Jawatankuasa Perundingan Mahkamah Perindustrian.

Mr. A. Ramadass, after graduating from University of Malaya with a Bachelor of Economics Degree, first served in the Ministry of Human Resources as an Industrial Relations Officer from 1972-1976. In 1977 he joined the Malayan Agricultural Producers Association (MAPA) as an Industrial Relation Officer and served the Association until 1990 during which time he represented plantation employers in the Industrial Court. He was also appointed as a Panel Member of the Industrial Court. Having obtained his LL.B (London) in 1986 and CLP (Mal) in 1987, he commenced legal practice and subsequently opened his own practice under the name and style of Messrs Ramadass & Associates in 1991, specialising in Industrial Law.

Currently he is involved in representing employers in matters related to dismissal cases, trade disputes, union recognitions issues and collective bargaining disputes, which relate to terms and conditions of employment including wage determination on industry basis as well as establishment basis. Besides appearing in Courts, he has also conducted several in-house traning programmes on industrial law and has been invited to speak at various national and international forums on industrial relations and human resource management, and in particular the following subjects:

- Collective Agreement and Collective Bargaining
- Performance Linked Wage System
- Flexibility in Managing Business in Malaysia – The Legislative Constraints
- Labour Law Reforms and Human Capital Development in Malaysia
- Equity & Good Conscience – The Employers' Enigma
- The Employment & Protection of Foreign Workers; and
- Collective Agreement and Collective Bargaining – Wage Determination Principles.

He was a Deputy Member of the Governing Body of the International Labour Organisation representing Malaysian Employers for the period 2008 to 2011. He also holds the position of Vice President of the Malaysian Employers' Federation (MEF); Member of the SOCSO Board of Directors, Member of the National Labour Advisory Council; Member of the Ministry of Human Resources Technical Committee for the Updating of Labour Legislation. He has also represented the Malaysian Employers' Federation in the Industrial Court Negotiations Committee.

PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



DATUK DR. PHILIP D I TING
Mewakili Majikan
Representing the Employers

Datuk Dr. Philip D I Ting, seorang Ahli Lembaga Pengarah yang menyertai PERKESO pada 9 Disember 2015. Datuk Dr. Philip D I Ting memegang Ijazah Sarjana Perniagaan pengkhususan dalam Perakaunan, serta Ijazah Kedoktoran dari Swinburne University of Technology, Australia.

Beliau adalah ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan merupakan Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia. Beliau merupakan seorang Fellow Institute of Chartered Accountants Australia, penglibatan sebagai akauntan bertauliah selama 17 tahun bermula di Touche Ross & Co Australia pada tahun 1973 dan terakhir sebagai Rakan Kongsi Arthur Andersen & Co/Hanafiah Raslan & Mohamad di Malaysia. Beliau juga merupakan rakan pengurusan di syarikat Business Systems Consulting. Dari tahun 1991 hingga 1994, beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Securities Sdn Bhd, sebuah syarikat broker-saham utama di Malaysia. Seterusnya dari tahun 1994 hingga 1998, beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Cahya Mata Sarawak Berhad, sebuah konglomerat di Malaysia. Selain itu, beliau memangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Encorp Berhad dari 1 Oktober 2010 hingga 30 November 2010 dan sepanjang kerjayanya, beliau banyak menghabiskan masa selaku perunding di Australia, Amerika Syarikat dan di negara-negara di seluruh Asia Tenggara.

Selain itu, beliau juga merupakan Konsul Kehormat Australia di Sarawak dan Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Sarawak, merangkap Ahli Lembaga dan Ahli Majlis Swinburne University of Technology, Sarawak serta Pengerusi Jawatankuasa Kewangan Universiti selain sebagai Timbalan Pengerusi Ibraco Berhad sejak tahun 2001.

Datuk Dr. Philip D I Ting, a director, joined the board of SOCSO on 9 December 2015. Datuk Dr. Philip D I Ting holds a Bachelor of Business Degree majoring in Accounting, as well as a Doctorate of the University from Swinburne University of Technology, Australia. He is a member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants and a Chartered Accountant of the Malaysian Institute of Accountants.

A Fellow of the Institute of Chartered Accountants in Australia, he was in public practice for 17 years beginning with Touche Ross & Co in Australia in 1973 and ending as a Partner of Arthur Andersen & Co/Hanafiah Raslan & Mohamad in Malaysia. He was managing partner of the firms' Business Systems Consulting unit. From 1991 to 1994, he was Chief Executive Officer of Sarawak Securities Sdn Bhd, a major stock-broking company in Malaysia. From 1994 to 1998, he was Group Managing Director of Cahya Mata Sarawak Berhad, a diversified conglomerate in Malaysia. He was the acting Group Chief Executive Officer of Encorp Berhad from 1 October 2010 to 30th November 2010. During his working career, he spent a significant amount of time consulting in Australia, the United States of America and in countries throughout Southeast Asia.

He is the honorary Consul for Australia in Sarawak and the deputy president of the Sarawak Chamber of Commerce and Industries. He is also a board and council member of Swinburne University of Technology, Sarawak and chairman of the University's finance committee. He is deputy chairman of Ibraco Berhad since 2001.



TUAN HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID A.B.S.

Mewakili Orang Berinsurans
Representing the Insured Persons

Tuan Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid, A.B.S., telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans bermula pada 1 Ogos 2003. Pada masa ini beliau berkhidmat dengan Telekom Malaysia Sarawak. Beliau juga merupakan Pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sarawak, Presiden Kesatuan Pekerja Telekom Sarawak (UTES), Ahli Lembaga Koperkasa Sarawak Berhad (Koperkasa), Naib Presiden Rangkaian Kesatuan Antarabangsa Majlis Perhubungan Malaysia (UNI-MLC), Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Sarawak. Beliau juga adalah Ahli Majlis Asean Services Employees Trade Union Council (ASETUC) Sektor Malaysia.

Tuan Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid, A.B.S., was appointed to the Board Representing Insured Persons on 1 August 2003. He is currently serving with Telekom Malaysia Sarawak. He is the Chairman of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC) Sarawak, as well as the President of Telecommunications Workers Union Sarawak (UTES), Board Member of Koperkasa Sarawak Berhad (Koperkasa), Vice President of Union Network International - Malaysian Liaison Council (UNI-MLC), National Labour Advisory Council (NLAC) Member and Sarawak Industrial Court Panel Member. He is also a Council Member of the Asean Services Employees Trade Union Council (ASETUC) Malaysia Sector.

PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



AWANG ALI BIN AHMAD RAJI @ AMAT

Mewakili Orang Berinsurans
Representing the Insured Persons

Encik Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans mulai 1 Ogos 2013. Beliau pernah berkhidmat di Bahagian Operasi, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah dari 1 Mac 1983 hingga 31 Ogos 2004. Mula menyertai Syarikat Sabah Ports Sdn Bhd sebagai Penyelia Operasi setelah Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah diswastakan sepenuhnya pada 1 September 2004. Berpengalaman luas dalam berkesatuan sejak berkhidmat dengan Kerajaan dan terlibat secara langsung dalam penubuhan Kesatuan Pekerja-Pekerja Sabah Ports Sdn Bhd (KPPSPSB) pada 31 Mac 2006. Dipilih sebagai Penolong Setiausaha KPPSPSB pada masa itu dan kemudiannya sebagai Timbalan Presiden dan menjadi Presiden pada 1 November 2011 setelah menang tanpa bertanding.

Beliau menjadi Pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sabah selepas menang dalam pemilihan pada tahun 2010 dan menang semula tanpa bertanding pada pemilihan sesi 2013 - 2016. Selain dari itu beliau juga telah dilantik oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia sebagai Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) mewakili Sabah, Ahli Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) Sabah mewakili pekerja, Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Sabah serta Ahli Jawatankuasa Penilaian Permohonan Penundaan Perlaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012.

Mr. Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat was appointed to the Board as a Representative of Insured Persons from 1 August 2013. He served in the Operations Division of the Sabah Ports Authority between 1 March 1983 and 31 August 2004. He first joined the Sabah Ports Company Sdn Bhd as the Supervisor of Operations after the Sabah Ports Authority was privatised fully on 1 September 2004. He has had extensive experience in unions since joining the Government service and was involved directly in the establishment of the Union of Employees of Sabah Ports Sdn Bhd (SPSBEU) on 31 March 2006. At that time, he was selected to be the Assistant Secretary, then as Deputy President, and the President of SPSBEU on 1 November 2011 after winning uncontested in the elections.

He first became the Chairman of MTUC (Sabah) after winning uncontested in 2010 elections, and he retained his position after winning uncontested for the 2013-2016 elections. In addition, he has also been appointed by the Ministry of Human Resources Malaysia as a Member of the National Labour Advisory Council (NLAC) representing Sabah, as well as a Member of the Social Security Appellate Board (SSAB) of Sabah, a Member of the Industrial Court of Sabah and a Member of the Committee on Assessment of Application for Deferment of the Minimum Wages Order 2012.



GOPALKISHNAM NADESAN

Mewakili Orang Berinsurans
Representing the Insured Persons

Encik Gopalkishnam Nadesan dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans mulai 1 Jun 2014. Beliau adalah seorang yang berpengalaman luas dalam kesatuan sekerja melebihi 30 tahun. Sekarang beliau menyandang jawatan sebagai Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Setiausaha Agung *National Union of Transport Equipment & Allied Industries Workers (NUTEAIW)* dan Setiausaha Agung di *IndustriALL Global Union Federation National Council*. Selain daripada itu, beliau juga Ahli Panel Mahkamah Perusahaan, Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan Ahli Majlis Gaji Minimum Kebangsaan.

Mr. Gopalkishnam Nadesan was appointed to the Board as a Representative of Insured Persons from 1 Jun 2014. He is a man of wide experience in the trade unions for over 30 years. At present, he serves as the Secretary-General of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC), Secretary General of the National Union of Transport Equipment & Allied Industries Workers (NUTEAIW) and Secretary General of the IndustriALL Global Union Federation National Council. Apart from that, he is also a Member of the Industrial Court Panel, Member of the National Labor Advisory Council (LNAC) and a Member of the National Minimum Wage Council.

PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



DATUK AZIH BIN MUDA
Mewakili Orang Berinsurans
Representing the Insured Persons

Datuk Azih bin Muda telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO mewakili Orang Berinsurans mulai 28 Ogos 2015. Berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam khususnya Pengurusan Kerajaan Tempatan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sejak tahun 1978. Beliau turut aktif dan memimpin pelbagai pertubuhan, Pengerusi Lembaga Koperasi dan memimpin Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE). Menganggotai Ahli Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Ahli Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC). Pada masa ini, beliau menyandang jawatan Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Presiden ANULE, Pengerusi Koperasi Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia Berhad (KOSPETA) dan Pengerusi Koperasi Kakitangan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) dan Naib Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi Pekerja-pekerja Am dalam Kumpulan Sokongan.

Datuk Azih bin Muda was appointed to the Board of SOCSO as a Member Representing Insured Persons with effect from 28th August 2015. He has extensive experience in public service, specifically in Local Authority Management, serving the Kuala Terengganu City Council since 1978. He is also active and heads various organisations, among others, as the Chairman of the Board of Co-operative as well as head of the Amalgamated National Union of Local Authorities Employees Malaysia (ANULAE). He is also a member of the National Council on Occupational Safety and Health and a member of the National Labour Advisory Council (NLAC). At present, he holds the post of President of the Congress of Union of Employees in the Public and Civil Services Malaysia (CUEPACS), President of ANULAE, Chairman of the Koperasi Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia Berhad (KOSPETA) and Chairman of the Koperasi Kakitangan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. He also serves on the Board of Directors of the Kumpulan Wang Amanah Persaraan (Retirement Fund Incorporated) (KWAP) and as the Vice Chairman of the National Joint Council on General Workers in the Support Group.



DATIN PADUKA HAJAH SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN

Ahli Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Member with Experience in Social Security

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin dilantik sebagai Ahli Lembaga Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial bermula 1 Oktober 2009. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor, Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Ahli Lembaga Putrajaya Holdings dan berpengalaman luas dalam sektor korporat. Beliau pernah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah di *Government-Linked Companies* (GLCs), antaranya di Tenaga Nasional Berhad (TNB). Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Western Michigan University, Amerika Syarikat, Diploma Pengurusan Kredit, UiTM dan Sijil Pengurusan Kewangan dari Swinburne University, Melbourne, Australia.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin has been appointed to the Board since 1 October 2009 as a Member with Experience in Social Security. She was an Exco Member for the Selangor State Government, a Petaling Jaya City Council Member, and a Board Member of Putrajaya Holdings. She has vast experience in the corporate sector and has been appointed to the Board of Directors of Government-Linked Companies (GLCs) such as Tenaga Nasional Berhad (TNB). She holds a Bachelor of Business Administration from Western Michigan University, USA, a Diploma in Credit Management, UiTM and a Certificate in Financial Management from Swinburne University Melbourne, Australia.

PROFIL AHLI LEMBAGA
Board Members' Profile



PROFESOR DATO' DR. SUDIN BIN HARON
Ahli Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Member with Experience in Social Security

Profesor Dato' Dr. Sudin bin Haron telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO mulai 21 Ogos 2015 mewakili Ahli Yang Berpengalaman Dalam Bidang Keselamatan Sosial. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari University of New England (UNE, Australia) dalam bidang Pengurusan Keusahawanan Islam dan Promosi Kebajikan, Pengarah Pinjaman Mikro Dan Pelancongan. Beliau merupakan ahli akademik dan telah menerbitkan lebih 10 buah buku dan 50 journal luar negara berkaitan Perbankan dan Kewangan Islam serta Analisa Keberkesanan Kos Efektif Bank-Bank Komersial di Malaysia. Beliau telah menyelia lebih 20 orang pelajar Ijazah Sarjana dan memegang jawatan sebagai Independent Director CIMB Islamic Berhad. Pada masa ini beliau adalah Penasihat Khas kepada University College Bestari, Terengganu dan Pengerusi Yayasan Waqaf Malaysia.

Professor Dato' Dr. Sudin bin Haron was appointed to the Board of SOCSO on 21st August 2015, as a Member with Experience in Social Security. He holds a Doctor of Philosophy (PhD) from the University of New England, Australia in the field of Management of Islamic Entrepreneurship and Welfare Promotion, Micro Credit and Tourism. He is an academic who has published more than 10 books and 50 international journals in relation to Islamic Banking and Finance, as well as Analysis on the Cost Effectiveness of Commercial Banks in Malaysia. He has supervised more than 20 Masters students and holds the post of Independent Director of CIMB Islamic Berhad. At present, he is the Special Advisor to the University College Bestari, Terengganu and the Chairman of the Malaysian Waqaf Foundation.



BATI JURAM

Ahli Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Member with Experience in Social Security

Encik Bati Juram telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Yang Berpengalaman Dalam Keselamatan Sosial mulai 21 Ogos 2015. Berkelulusan Ijazah Sarjana Sains dari University Wales, United Kingdom (1985), Ijazah Sarjana Muda Sains (Sosiologi) dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (1975) dan *Corporate Member of the Chartered Institute of Transport, UK* (1982). Berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuklah Perkhidmatan Awam dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Beliau banyak terlibat aktif dalam Kursus Pembangunan, Kepimpinan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta program pengendalian *'Port Administration and Operation'* di dalam dan luar negara. Pada masa ini, beliau adalah Ahli Tetap *'Council of Elders'* Persatuan Dayak Bidayuh Kebangsaan (DBNA) Negeri Sarawak.

Mr. Bati Juram was appointed to the Board as a Member with Experience in Social Security on 21st August 2015. He holds a Master of Science degree from the University of Wales, United Kingdom (1985), a Bachelor of Science (Sociology) degree from Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (1975) and is a Corporate Member of the Chartered Institute of Transport, United Kingdom (1982). He has vast experience in various fields including in Public Service and Non-Governmental Organisations. He is actively involved in the Development of Employee Leadership Safety and Health Course as well as in organizing Port Administration and Operation Handling programmes, locally and abroad. At present, he is a Permanent Member of the Council of Elders in the Dayak Bidayuh National Association (DBNA) of Sarawak.

AHLI PANEL PELABURAN
Investment Panel Members

" Pada tahun 2016, ekonomi Malaysia meningkat 4.2% (2015: 5.0%) meskipun berhadapan dengan rintangan yang besar dari dalam dan luar negeri. Lanskap ekonomi global berdepan dengan cabaran berikutan permintaan global yang lemah dan harga komoditi yang rendah. Pasaran kewangan antarabangsa juga dibelenggu oleh ketidakpastian yang ketara. Dengan pelbagai kepentingan yang terlibat dalam sesebuah organisasi, adalah menjadi satu keperluan kini bagi PERKESO untuk mempunyai struktur yang berkesan dan kukuh, sistem, budaya amalan dan pematuhan kepada tadbir urus korporat yang baik yang membolehkan setiap pihak mendapat manfaat darinya".

" In 2016, the Malaysian economy has improved by 4.2% (2015: 5.0%) despite facing massive challenges locally and from abroad. The global economic landscape is fraught with challenges due to weak global demands and low commodity prices. The international financial markets are also plagued by obvious uncertainties. With the various interests involved in an organisation, it has now become a need for SOCSO to have an effective and strong structure, system, culture and practice, as well as compliance to good corporate governance, to enable each party to benefit from the same."

AHLI PANEL PELABURAN
Investment Panel Members



DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID
Pengerusi
Chairman

DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
Ketua Eksekutif
Chief Executive



AHLI PANEL PELABURAN
Investment Panel Members



DATUK K. GIVANANADAM
Ahli Mewakili Kementerian Kewangan
Member Representing Ministry of Finance

Sehingga / Until 01.08.2016



NORZILA BINTI ABDUL AZIZ
Ahli Mewakili Bank Negara Malaysia
Member Representing Bank Negara Malaysia

Sehingga / Until 31.05.2016



DATUK AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
Ahli Mewakili Kementerian Kewangan
Member Representing Ministry of Finance

Dilantik mulai / Appointed effective from 23.06.2016



DATUK AZIH BIN MUDA
Ahli Mewakili Orang Berinsurans
Member Representing Insured Persons

AHLI PANEL PELABURAN
Investment Panel Members



DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI
Ahli Mewakili Majikan
Member Representing Employers



BATI JURAM
Ahli yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Members with Experience in Social Security

Sehingga / Until 31.05.2016



DATUK DR. PHILIP D I TING
Ahli yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Members with Experience in Social Security

Dilantik mulai / Appointed effective from 10.02.2016



PROFESOR DATO' DR. SUDIN HARON
Ahli yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial
Members with Experience in Social Security

AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN
Investment Board and Panel Committee Members

JAWATANKUASA PANEL PELABURAN 2016
Investment Panel Committee 2016

1. DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID
2. DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
3. DATUK K. GIVANANADAM
4. DATUK AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
5. NORZILA BINTI ABDUL AZIZ
6. DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI
7. DATUK AZIH BIN MUDA
8. PROFESOR DATO' DR. SUDIN BIN HARUN
9. BATI JURAM
10. DATUK DR. PHILIP D I TING

Nota / Note:
Datuk K. Givananadam diganti oleh / replaced by Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir (Dilantik mulai / Appointed effective from 23.06.2016)
Norzila binti Abdul Aziz tamat perkhidmatan sejajar dengan pindaan Seksyen 75A(2) (e) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 / completed service in line with amendment to Section 75A(2) (e) Employment Social Security Act 1969 (Sehingga / Until 31.05.2016)
Bati Juram diganti oleh / replaced by Datuk Dr. Philip D I Ting (Dilantik mulai / Appointed effective from 10.02.2016)

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA 2016
Board Audit Committee 2016

1. DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
2. DATIN PADUKA HAJAH SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN
3. ALAN KHOO CHOOM KWONG
4. HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID A.B.S
5. BATI JURAM
6. RAHIM BIN MOHAMAD

JAWATANKUASA KEWANGAN 2016
Finance Committee 2016

1. DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID
2. DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
3. DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN
4. RAMADASS A/L ARUMUGAM
5. DATUK DR. PHILIP D I TING
6. GOPALKISHNAM A/L NADESAN
7. AWANG ALI BIN AHMAD RAJI @ AMAT
8. LIM SENG GIM
9. ABDULLAH SUHAIMIN BIN MD YUNUS
10. RAHIM BIN MOHAMAD

Nota / Note:
Lim Seng Gim (Bersara pada /Retired on 23.10.2016)
Abdullah Suhaimin bin Md Yunus (Dilantik mulai/Appointed effective from 04.11.2016)

JAWATANKUASA PEROLEHAN 2016
Acquisition Committee 2016

1. DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
2. DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN
3. DR. HAJI DAUD BIN ABDUL RAHIM
4. DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM
5. DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI
6. GOPALKISHNAM A/L NADESAN

JAWATANKUASA PUSAT REHABILITASI 2016
Rehabilitation Centre Committee 2016

1. DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID
2. DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
3. DR. DAUD BIN ABDUL RAHIM
4. DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM
5. DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI
6. GOPALKISHNAM A/L NADESAN
7. DATO' DR. VASSAN SINNADURAI
8. RAHIM BIN MOHAMAD

Nota / Note:
Dr. Sirajuddin bin Hashim (Dilantik mulai/Appointed effective from 01.08.2016)
Dr. Haji Daud bin Abdul Rahim (Bersara pada/Retired on 01.08.2016)

JAWATANKUASA PENGURUSAN PRESTASI 2016
Performance Management Committee 2016

1. DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
2. RAMADASS A/L ARUMUGAM
3. HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID A.B.S.
4. PROFESOR DATO' DR. SUDIN BIN HARUN

JAWATANKUASA PERJAWATAN 2016
Personnel Committee 2016

1. DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID
2. DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
3. DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN
4. DATUK AZIH BIN MUDA
5. RAMADASS A/L ARUMUGAM
6. DATUK DR. PHILIP D I TING
7. HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID A.B.S.
8. BATI JURAM
9. RAHIM BIN MOHAMAD

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF
Statement By The Chief Executive



DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED

Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Chief Executive
Social Security Organization



Alhamdullilah, syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izin dan limpah kurnia-Nya, PERKESO telah berjaya melaksanakan semua program dan aktiviti yang dirancangkan sepanjang tahun 2016 dengan cemerlang. Laporan Tahunan PERKESO 2016 ini merupakan dokumen bukti pencapaian, kejayaan dan kecemerlangan PERKESO bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan strategi dan program-program yang telah dirancang selaras dengan Pelan Strategik PERKESO 2016 – 2020.

Alhamdulillah, all praise to Allah S.W.T., for it is by His will and grace SOCSO has successfully implemented all the programmes and activities planned for the year 2016 outstandingly. The SOCSO Annual Report 2016 is a manifest of SOCSO's achievements, success and excellence in ensuring the continuity of the strategies and programmes planned in line with the SOCSO Strategic Plan 2016 – 2020.

Sejak lebih 46 tahun penubuhan PERKESO, persekitaran global dilihat kian pantas berubah, evolusi dunia digital tanpa sempadan dan perubahan makro sosioekonomi global turut mengakibatkan lanskap keselamatan sosial semakin kompleks dan mencabar.

Semangat merealisasikan visi dan misi PERKESO ini diterjemah melalui perkhidmatan terbaik melangkaui ekspektasi pelanggan di semua peringkat menerusi konsep 'PERKESO Prihatin' di samping mempergiat intervensi yang bersepadu melalui kerjasama dan penyertaan semua pihak berkepentingan merangkumi sektor awam, swasta dan badan-badan bukan kerajaan *(NGOs)*.

Justeru, cabaran mentransformasikan penyampaian perkhidmatan dan perluasan jaringan perlindungan keselamatan sosial menjadi agenda utama PERKESO dalam usaha memenuhi aspirasi rakyat, pelanggan dan pihak berkepentingan.

Since the establishment of SOCSO over 46 years ago, the global environment is seen to be rapidly changing. The evolution of a borderless digital world and the global macro-socioeconomic changes have also caused the social security landscape to become more complex and challenging.

The spirit to realise SOCSO's vision and mission is translated through the best service that goes beyond the expectation of the clients, at all levels, through the concept of "PERKESO Prihatin", in addition to intensifying integrated intervention through the cooperation and participation of all stakeholders encompassing the public sector, the private sector and non-governmental organisations.

Thus, the challenge of transforming service delivery and expanding the social security network has become SOCSO's main agenda in the efforts to fulfil the aspirations of the people, clients and stakeholders.

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF
Statement By The Chief Executive

Transformasi Penyampaian Perkhidmatan

Penyampaian perkhidmatan keselamatan sosial di seluruh dunia sedang menghadapi cabaran baharu dalam bentuk permintaan dan ekspektasi yang semakin meningkat daripada pelanggan dan pihak berkepentingan. Cabaran hari ini yang melangkaui sempadan antarabangsa memerlukan sumber yang besar dan kepakaran yang tinggi, lebih daripada apa yang mampu disediakan oleh sesebuah pertubuhan yang diamanahkan untuk menerajui keselamatan sosial.

Sehubungan itu, PERKESO perlu mengubah pengurusan organisasi dan pengoperasian aktivitinya dengan mengoptimumkan keupayaan sumber manusia dan memanfaatkan kemajuan sains dan teknologi bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam persekitaran yang sentiasa berubah dan dipenuhi pelbagai cabaran. Fenomena globalisasi telah menempatkan negara-negara di dunia berhadapan dengan pelbagai cabaran baharu termasuk ekonomi terbuka, tahap daya saing yang kompetitif, perubahan dan kemajuan sains dan teknologi serta persaingan bakat *(talent)*. Perubahan persekitaran luar ini menjadikan kebanyakan dasar dan strategi PERKESO pada masa sekarang tidak lagi mampu untuk membawa PERKESO ke peringkat yang relevan di mata pelanggannya.

Sehubungan itu, pada tahun 2016 PERKESO telah melaksanakan transformasi penyampaian perkhidmatannya untuk terus kekal sealiran dengan keadaan semasa yang sentiasa berubah dengan cepat bagi mewujudkan nilai dalam perkhidmatannya. Setiap anggota PERKESO selaku penggerak utama perkhidmatan, perlu bukan sahaja berilmu malah perlu memiliki pengetahuan yang tinggi dan mampu menyelesaikan masalah di luar kotak dan menjadi lebih responsif kepada perubahan persekitaran dan kehendak rakyat khususnya pelanggan. Mereka juga diminta untuk meningkatkan keupayaan supaya dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan berkesan melalui jaringan kerja yang kukuh dan melibatkan pelbagai pihak. Setiap anggota PERKESO juga bertindak sebagai pemudah cara dalam memastikan pelanggan mendapat perkhidmatan yang dijanjikan. Fokus transformasi adalah kepada impak dan keberhasilan perkhidmatan yang disampaikan.

Transformation of Service Delivery

Delivery of social security services worldwide is now facing new challenges in the form of increasing demands and expectations from clients and stakeholders. Today's challenges that go beyond borders require resources and high expertise, more than what an organisation entrusted to be the leader in social security.

In this regard, there is a need for SOCSO to change its management and operation of its activities by optimising human resource capabilities and taking advantage of science and technological progress to increase its efficiency and effectiveness in an ever-changing environment full of challenges. Globalisation has caused countries in this world to face many new challenges including open economy, high competitiveness, science and technological changes and advancement as well as competition for talent. Such changes in the external environment render most of SOCSO's current policies and strategies less relevant in the eyes of its clients.

Consequently, in 2016, SOCSO implemented a transformation of its service delivery to stay in sync with the current dynamic situation in order to create value in its services. Each SOCSO employee, as key mover of the service, does not only need to be educated, but also possess a high degree of knowledge and able to solve problems by thinking outside the box, and be more responsive to changes in the environment and demands of the people especially the clients. They are also required to improve their capabilities to carry out the duties entrusted to them effectively through a strong working network involving various parties. Each SOCSO employee also acts as a facilitator in ensuring that the clients receive the services promised to them. The focus of the transformation is on the impact and result of the services delivered.

Transformasi penyampaian perkhidmatan PERKESO mencakupi lima (5) aspek tumpuan iaitu:

Transformation of SOCSO's service delivery encompasses five (5) key aspects, namely:

01 **Penjenamaan Semula Identiti Korporat**
Rebranding of Corporate Identity

02 **Menyebarluas Perlindungan dan Liputan Jaringan Keselamatan Sosial**
Expanding Social Security Protection and Safety Net

03 **Memacu Inovasi Teknologi Digital Penyampaian Perkhidmatan**
Driving Innovation of Digital Technology in Service Delivery

04 **Meningkatkan Kecekapan dan Produktiviti Sistem Penyampaian Perkhidmatan**
Improving the Efficiency and Productivity of Service Delivery System

05 **Meningkatkan Kesejahteraan Sosial Pelanggan**
Improving the Social Wellbeing of Clients

Impak dan hasil keberkesanan aspek-aspek tumpuan transformasi penyampaian perkhidmatan PERKESO adalah hasil komitmen yang tinggi dan penglibatan yang aktif daripada semua anggota PERKESO dan pihak yang berkepentingan untuk membentuk momentum transformasi yang memberangsangkan dan berterusan. Penjenamaan Semula identiti korporat telah menghasilkan pembudayaan nilai-nilai murni anggota PERKESO dalam penampilan, sikap, paradigma, tingkah laku dan kebiasaan diri serta mampu bersaing dan membentuk perkhidmatan yang inovatif, kreatif dan produktif. Oleh yang demikian, transformasi penyampaian perkhidmatan PERKESO telah menampakkan hasil impak dan keberhasilannya daripada keadaan sebelumnya kepada pembaharuan akan datang yang lebih cemerlang.

The impact and effectiveness of the key aspects in the transformation of SOCSO's service delivery stem from the high level commitment and active participation of all its employees as well as the stakeholders in creating a stimulating and continuous transformation momentum. The corporate rebranding initiative has resulted in the enculturation of good values within SOCSO's employees in terms of appearance, attitude, paradigm, behaviour and habits. It has also led them to become more competitive, innovative, creative and productive in the delivery of services. Hence, the transformation of SOCSO's service delivery has shown its impact and results, from the organisation's previous state to a more excellent future.



1. Penjenamaan Semula Identiti Korporat

Penjenamaan Semula Identiti Korporat merupakan komunikasi asas yang dapat melonjakkan imej dan kredibiliti anggota PERKESO ke arah memastikan perlaksanaan penyampaian perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh PERKESO dalam usaha mentransformasikan imej dan kredibiliti warga PERKESO bagi meningkatkan tahap keprihatinan kepada pelanggan.

i) Budaya S4P

Budaya mesra pelanggan menerusi amalan mulia **Senyum, Sapa, Salam, Santun** dan **Prihatin** (S4P) telah mula disemai di kalangan anggota PERKESO sejak tahun 2015. Penyampaian perkhidmatan secara ikhlas dan penuh kasih sayang melalui amalan S4P ini sentiasa dimantapkan menerusi program-program yang bersifat holistik merangkumi aktiviti harian, mingguan, bulanan dan tahunan.

Sempena Konvensyen AKRAB peringkat Kebangsaan pada 13 Mei 2016, modul program S4P PERKESO telah diiktiraf oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui penganugerahan dalam kategori Inovatif. Saya amat percaya dan berkeyakinan bahawa dengan komitmen yang berterusan oleh semua anggota PERKESO di pelbagai peringkat, amalan S4P ini akan menjadi budaya dan identiti korporat Pertubuhan ini.

1. Rebranding of Corporate Identity

Rebranding of the corporate identity is a fundamental communication that can propel the image and credibility of SOCSO's employees towards ensuring implementation of service delivery that goes beyond the expectations of clients. Various initiatives have been undertaken by SOCSO in the effort to transform the image and credibility of its personnel to improve the level of care accorded to clients.

i) S4P Culture

The culture of being client-friendly through the practice of ***Senyum, Sapa, Salam Santun*** and ***Prihatin*** *(S4P)* was first instilled in SOCSO's employees in 2015. Delivery of services in a sincere and loving manner through the practise of *S4P* is continuously consolidated through holistic programmes that include daily, weekly, monthly and annual activities.

In conjunction with the national level AKRAB Convention on 13th May 2016, the *S4P* module was recognised by the Publice Services Department *(JPA)* with the award given under the Innovative category. I am confident and truly believe that with continued commitment of all SOCSO employees at various levels, the *S4P* practice will become the corporate identity and culture of this organisation.

ii) Skuad PERKESO Prihatin

Skuad PERKESO Prihatin telah diwujudkan di setiap pejabat PERKESO selaras dengan perkhidmatan PERKESO melangkaui ekspektasi dan kesejahteraan pelanggan. Misi utama penubuhan skuad ini adalah untuk bertindak secara proaktif dengan pantas dan segera membantu Orang Berinsurans serta orang tanggungan mereka apabila berlaku sesuatu kejadian luar jangka atau musibah.

Sepanjang tahun 2016, sejumlah 1,758 kes yang diterima oleh skuad ini telah berjaya diselesaikan dalam tempoh masa purata empat (4) hari mengikut syarat-syarat kelayakan di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan.

iii) *Customer Relationship Management (CRM)*

PERKESO telah mewujudkan Pengurusan Perhubungan Pelanggan *(CRM)* menerusi talian 1-300-22-8000 mulai sejak September 2013 sebagai satu Pusat Khidmat Pelanggan yang membolehkan pelanggan terus mendapat khidmat pertanyaan, perkhidmatan permintaan *(service request)* dan penyelesaian isu-isu pengoperasian yang optima dan efektif menerusi pelbagai saluran perhubungan.

Sehingga Disember 2016, *CRM* telah mencatatkan 98% penyelesaian isu-isu berkaitan pengoperasian yang diterima daripada pelanggan menerusi panggilan telefon dan e-mel melalui **perkeso@perkeso.gov.my**.

ii) PERKESO Prihatin Squad

The PERKESO Prihatin Squad was established at each SOCSO office in line with its services that go beyond the expectations and wellbeing of clients. The main mission behind the establishment of this squad is to take proactive action in providing immediate and speedy assistance to Insured Persons and their dependants in the event of unexpected incidents or contingency.

Throughout 2016, the 1,758 cases received by the squad were successfully resolved within an average period of four (4) days, subject to eligibility conditions under the Employment Injury Scheme and the Invalidity Scheme.

iii) Customer Relationship Management (CRM)

SOCSO has established the Customer Relationship Management (CRM) initiative through its 1-300-22-8000 hotline since September 2013 as a Client Service Centre that enables the client to directly make enquiries and service requests while operational issues to be resolved optimally and effectively through various communication channels.

As of December 2016, CRM has recorded 98% resolution of operational issues raised by clients through telephone and e-mail at **perkeso@perkeso.gov.my**.

iv) Program Pelan Penggantian PERKESO (PROPER)

Sejajar dengan tuntutan pelanggan yang dilihat semakin mencabar, kompleks dan dinamik, PERKESO perlu mempersiapkan anggotanya khususnya di peringkat kepimpinan tertinggi menjadi Pengamal Keselamatan Sosial yang cerdas dari segi emosi, fizikal dan *spiritual*. Kemahiran dan kebolehan anggota dalam bidang keselamatan sosial ini amat penting kepada PERKESO untuk terus memperkasakan modal insan demi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.

Susulan daripada itu, Program Pelan Penggantian PERKESO (PROPER) akan dilaksanakan untuk mengukuhkan kesinambungan pimpinan tertinggi PERKESO ke arah melahirkan pelapis tenaga kerja yang berkepakaran secara holistik dalam bidang keselamatan sosial. Ini selaras dengan keperluan melahirkan *Subject Matter Expert (SME)* untuk terus menyokong hasrat PERKESO menjadi peneraju keselamatan sosial yang dinamik, unggul dan cemerlang.

2. Menyebarluas Perlindungan dan Liputan Jaringan Keselamatan Sosial

i) Had Siling Gaji Bagi Caruman dan Pembayaran Faedah

Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 berkaitan kenaikan had siling gaji bagi caruman tanpa had gaji daripada RM3,000 kepada RM4,000 telah diluluskan di Parlimen dan mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2016. Pindaan ini secara langsung telah meningkatkan had pemberian pampasan faedah kepada semua pekerja dan orang tanggungan apabila berlaku sesuatu kejadian luar jangka atau musibah.

ii) Kenaikan Kadar Faedah Pengurusan Mayat

Memandangkan kos pengurusan mayat kini telah meningkat, PERKESO turut mencadangkan kadar Faedah Pengurusan Mayat di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan dikaji semula selaras dengan keadaan ekonomi semasa dan seterusnya dapat membantu mengurangkan beban kehidupan orang tanggungan.

iv) SOCSO Succession Plan Programme (PROPER)

In line with the demands of clients that have become increasingly challenging, complex and dynamic, SOCSO needs to prepare its employees, especially at the highest level of leadership, in becoming intelligent social service practitioners emotionally, physically and spiritually. The skills and abilities of its employees in the field of social security is essential to SOCSO to continue strengthening its human capital to ensure delivery of quality service to the clients.

Accordingly, the SOCSO Succession Plan Programme (PROPER) will be implemented to reinforce the continuity of SOCSO's highest leadership towards producing a future workforce with holistic expertise in the field of social security. This is in line with the need to produce subject matter experts (SME) who will continue to support SOCSO's aspirations in becoming a dynamic, premier and outstanding leader in social security.

2. Expanding Social Security Protection and Safety Net

i) Wages Ceiling for Contribution and Benefits Payment

The Employees' Social Security (Amendment) Act 2016 regarding the rise in wage ceiling for contributions without salary limits from RM3,000 to RM4,000 was approved in Parliament and came into effect on 1st June 2016. This amendment has directly increased the limit of benefits payment to all workers and dependants in the event of unexpected incidents or contingency.

ii) Increase in Funeral Benefit Rate

In view of the rising funeral costs, SOCSO has also proposed a review of Funeral Benefits under the Employment Injury Scheme and the Invalidity Scheme, in line with the current economic situation, in the hopes that it will help reduce the burden of dependants.

iii) Pengurusan Hilang Upaya

Pengurusan hilang upaya yang diterajui oleh PERKESO telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan kini telah diterima sebagai amalan terbaik oleh agensi-agensi keselamatan sosial di seluruh dunia. Ini merupakan hasil usaha keras semua anggota PERKESO yang terlibat dalam membantu golongan pekerja yang hilang upaya kembali ke alam pekerjaan melalui proses pemulihan yang komprehensif dan penempatan pekerjaan yang efektif.

Tahun 2016 mencatatkan momen pencapaian yang amat membanggakan terutama sekali kejayaan menganjurkan *International Forum on Disability Management (IFDM)* 2016 yang diadakan julung kalinya di rantau ini. Penganjuran IFDM 2016 yang diterajui oleh PERKESO telah memfokuskan kepada bidang pengurusan hilang upaya dan berjaya mengumpulkan seramai 1,280 peserta dari 39 buah negara seluruh dunia yang mewakili komuniti kesihatan, keselamatan dan pampasan pekerja.

iv) Program *Return To Work*

Program *Return To Work (RTW)* merupakan program pemulihan fizikal dan vokasional kepada Orang Berinsurans PERKESO yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit supaya dapat kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat.

Seramai 2,498 Orang Berinsurans yang menyertai program *RTW* pada tahun 2016 telah berjaya dipulihkan dan sejak ianya dilancarkan mulai 15 Januari 2007 sehingga 31 Disember 2016, seramai 15,479 Orang Berinsurans telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja.

iii) Disability Management

The disability management led by SOCSO has received international recognition and is now accepted as best practice by social security agencies worldwide. This is the result of the hard work of all SOCSO employees involved in assisting workers with disabilities to return to the work through a comprehensive rehabilitation and effective job placement process.

2016 recorded a proud moment of achievement particularly the success in organising the International Forum on Disability Management (IFDM) 2016, the first ever held in this region. The organisation of IFDM 2016, which was led by SOCSO focused on the field of disability management and managed to gather 1,280 participants from 39 countries worldwide. The participants represent the health, safety and workers' compensation communities.

iv) Return To Work Programme

Return To Work is a physical and vocational rehabilitation programme provided to SOCSO Insured Persons who suffer from disabilities due to injury or disease, to facilitate their return to employment in a fast, healty and safe manner.

A total of 2,498 Insured Persons who underwent the Return To Work programme in 2016 were successfully rehabilitated and since its launch on 15th January 2007 up to 31st December 2016, a total of 15,479 Insured Persons have been rehabilitated and returned to work.

v) Pusat Rehabilitasi PERKESO

Pusat Rehabilitasi PERKESO yang bertempat di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya Melaka telah mula beroperasi pada 1 Oktober 2014. Pusat rehabilitasi ini menyediakan perkhidmatan rehabilitasi berkualiti yang memenuhi piawaian antarabangsa di samping dapat membantu Orang Berinsurans PERKESO atau pekerja untuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional supaya akhirnya kembali ke alam pekerjaan lebih awal dan selamat. Penubuhan pusat rehabilitasi ini juga merupakan medium utama dalam merealisasikan Program *Return To Work*.

Pada tahun 2016, seramai 824 pesakit telah mendapat rawatan rehabilitasi berbanding 531 pesakit pada tahun 2015 melalui program rehabilitasi fizikal dan vokasional yang komprehensif.

vi) Program *Disability & Equality (DET)*

Program *DET* diwujudkan untuk memberi pendedahan kepada majikan tentang hak kesamarataan Orang Kurang Upaya (OKU), penyebab dan mekanisma yang mewujudkan ketidakupayaan. Para majikan disaran untuk bertindak sebagai agen perubahan bagi mewujudkan masyarakat dan komuniti yang lebih inklusif seperti yang disarankan oleh *UNCRPD (United Convention on the Rights of Persons with Disabilities)*.

Program *DET* ini juga turut mendedahkan majikan kepada Program *Return To Work Coordinators* dengan mewujudkan mekanisma sistem pengurusan hilang upaya di tempat kerja dan seterusnya menjalankan intervensi awal bagi mengurangkan tempoh hilang upaya yang berpanjangan untuk memastikan pekerja terus produktif. Program *DET* yang diadakan pada tahun 2016 telah dihadiri lebih 100 majikan dan berjaya menghasilkan impak yang positif di mana beberapa majikan telah menggajikan Orang Berinsurans.

v) SOCSO Rehabilitation Centre

The SOCSO Rehabilitation Centre located at Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya in Melaka, began operations on 1st October 2014. This rehabilitation centre offers quality rehabilitation services that meet international standards in addition to helping SOCSO Insured Persons or workers to be rehabilitated physically and vocationally and ultimately return to work faster and in a safe manner. The establishment of the rehabilitation centre also serves as the main medium in realising the Return To Work programme.

In 2016, a total of 824 patients had received treatment compared to 531 patients in 2015 through the comprehensive physical and vocational rehabilitation programme.

vi) Disability & Equality (DET) Programme

The DET programme is established to expose employers to the rights of Person with Disabilities to equality, as well as the causes and mechanisms that create disability. Employers are recommended to act as an agent of change in the creation of a more inclusive society and community as recommended by the United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities.

The DET programme also exposes employers to the Return To Work Coordinators progamme by creating a mechanism on disability management system at the work place and subsequently implementing early intervention to reduce the period of prolonged disablement to ensure that the worker remains productive. The DET programme, which was conducted in 2016 and attended by more than 100 employers, managed to produce a positive impact where several employers have employed Insured Persons.

vii) Perlindungan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri

PERKESO bersama Kementerian Sumber Manusia telah menggubal Draf Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri bagi melindungi individu yang bekerja sendiri. Draf Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2017. Sebagai langkah permulaan, Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri (SBKPS) akan diperkenalkan kepada pemandu teksi atau individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya.

viii) Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)

Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) merupakan skim baharu yang akan dilaksanakan sebagai skim perlindungan tambahan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi menggantikan pendapatan yang hilang, memberi latihan *reskilling* dan *upskilling* untuk mendapatkan pekerjaan baharu serta menyediakan perkhidmatan carian pekerjaan supaya mereka yang kehilangan pekerjaan mendapat pekerjaan yang sesuai dengan lebih cepat. PERKESO juga turut bersama-sama menggubal Draf Rang Undang-Undang SIP yang akan dibentang di Parlimen pada tahun 2017.

3. Memacu Inovasi Teknologi Digital Penyampaian Perkhidmatan

i) Aplikasi Mudah Alih i-PERKESO

Selaras dengan Dasar Kerajaan bagi merakyatkan perkhidmatan awam dan slogan "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan" demi mengutamakan kesejahteraan rakyat, PERKESO telah membangunkan aplikasi mudah alih *(mobile)* yang dikenali sebagai i-PERKESO.

Aplikasi i-PERKESO menyediakan perkhidmatan secara atas talian pada bila-bila masa kepada semua rakyat untuk berinteraksi dengan PERKESO dengan lebih cepat dan efisyen, menyemak status pekerja dan boleh memperolehi maklumat berkaitan PERKESO. Aplikasi mudah alih ini menggabungkan pelbagai kemudahan lain antaranya melaporkan aduan dan maklumbalas. Pelancaran secara rasmi aplikasi ini telah dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri pada Sambutan Hari Pekerja Tahun 2016.

vii) Self-Employment Social Security Protection

SOCSO, together with the Ministry of Human Resources, drafted the Self-Employment Social Security Bill to provide social protection to self-employed individuals. The Bill will be tabled in Parliament in 2017. Initially, the Self-Employment Injury Scheme will be introduced to taxi drivers or individuals providing similar services.

viii) Employment Insurance System (EIS)

The Employment Insurance System (EIS) is a new scheme that will be implemented as an additional protection scheme for workers who have lost their jobs. The EIS will replace the loss of income, provide reskilling and upskilling training as well as to provide job search services to the workers so that they are able to get new, suitable jobs faster. SOCSO was also involved in the drafting of the Employment Insurance System Bill which will be tabled in Parliament in 2017.

3. Driving Innovation of Digital Technology in Service Delivery

i) i-PERKESO Mobile Application

In line with the Government's Policy on Humanising the Public Service and its slogan "People First, Performance Now" SOCSO has developed a mobile application known as i-PERKESO for the benefit of the people.

The i-PERKESO application provides online services to the people, at any time, enabling everyone to interact with SOCSO more quickly and efficiently, review employees' status and obtain information related to SOCSO. This mobile application integrates various other facilities such as reporting of complaints and feedback. The application was officially launched by YAB Prime Minister during the 2016 Labour Day Celebration.

ii) Aplikasi *Electronic Filtering System for Enforcement* (E-Efisyen)

Pembangunan dan pelaksanaan aplikasi *Electronic Filtering System for Enforcement* (E-Efisyen) adalah bertujuan menyemak serta mengira dan menjana penyata tunggakan/kekurangan caruman pekerja dan majikan secara automatik di bawah prinsip Sekali Layak Terus Layak (SLTL). Ini membolehkan proses semakan, pengiraan caruman dan penyediaan penyata tunggakan/kekurangan caruman dijalankan dengan lebih cepat, sistematik, efisyen dan tepat. Di samping itu juga, pihak majikan dapat menyelesaikan bayaran tunggakan/kekurangan caruman secara mudah dan teratur.

Belanja Tanggungan Benefits Expenses	2,682.87	2,976.12
Belanja Operasi Operating Expenses	460.98	633.31
Rosot Nilai Kerugian Aset Kewangan Impairment Losses for Financial Assets	150.27	36.64
Jumlah Perbelanjaan **Total Expenditure**	**3,294.12**	**3,646.07**
Lebihan Bagi Tahun Semasa Surplus For Current Year	774.04	829.02
Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Social Security Fund	24,847.31	25,575.08

Nota: PERKESO telah melaksanakan pemakaian awal rangka kerja pelaporan kewangan *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* mulai tahun kewangan 2016. Sehubungan itu, sebahagian angka-angka perbandingan tahun 2015 telah dinyatakan semula.


Note: SOCSO has implemented early adoption of financial reporting framework Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) from financial year 2016. Therefore, some comparative figures of 2015 have been restated.


ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review

Carta 1 **Komponen Pendapatan PERKESO 2016**
Chart 1 SOCSO Income Components 2016



Carta 2 **Komponen Perbelanjaan PERKESO 2016**
Chart 2 SOCSO Expenditure Components 2016





Belanja Operasi
RM633.31 Juta (2015 : RM460.98 Juta)
Meningkat 37.38%

Amaun dan peratus perubahan bagi perbelanjaan mengurus PERKESO bagi tahun 2015 - 2016 adalah seperti di Jadual 12 dan Carta 3.

Operating Expenses
RM633.31 Million (2015 : RM460.98 Million)
An Increase of 37.38%


The amount and percentage of change in SOCSO's operating expenditure for 2015 - 2016 are shown in Table 12 and Chart 3.

Jadual 12 **Komponen Belanja Operasi 2015 – 2016**
Table 12 Operating Expenses Components 2015 – 2016

Komponen Components	2015 RM Juta/Million	2016 RM Juta/Million	Perubahan Changes (%)
Kos Anggota Staff Costs	300.66	443.51	47.51
Bayaran Audit Audit Fees	0.24	0.26	8.33
Caj Susut Nilai Depreciation Charges	41.73	37.24	(10.76)
Perkhidmatan dan Bekalan Services and Supplies	94.80	111.28	17.38
Harta Perbekalan Supplies Items	2.39	1.67	(30.13)
Pemberian dan Bayaran Tetap Grants and Fixed Payments	0.34	0.33	(2.94)
Perbelanjaan Pelaburan Investment Expenditure	13.06	21.24	62.63
Lain-lain Perbelanjaan Operasi Other Operating Expenditure	7.76	17.78	129.12
Jumlah Total	**460.98**	**633.31**	**37.38**

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review

Carta 3 **KOMPONEN BELANJA OPERASI 2016**
Chart 3 Operating Expenses Components 2016




Ringkasan Petunjuk Prestasi Kewangan dari Tahun 2012 – 2016
Financial Performance Indicators Summary 2012 – 2016


Pada keseluruhannya, petunjuk prestasi kewangan bagi tempoh 2012 - 2016 adalah seperti di Graf 1 - 5.

Overall, SOCSO's financial performance indicators for 2012 - 2016 are shown in Graph 1 - 5.

Graf 1 **Jumlah Pendapatan 2012 – 2016**
Graph 1 Total Income 2012 – 2016




Graf 2 **Jumlah Perbelanjaan 2012 – 2016**
Graph 2 Total Expenditure 2012 – 2016




ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review


Graf 3 **Pendapatan Bersih 2012 – 2016**
Graph 3 Net Income 2012 – 2016



Graf 4 **Jumlah Aset Terkumpul 2012 – 2016**
Graph 4 Total Cumulative Assets 2012 – 2016



Graf 5 **Kumpulan Wang Keselamatan Sosial 2012 – 2016**
Graph 5 Social Security Fund 2012 – 2016




Nota: PERKESO telah melaksanakan pemakaian awal rangka kerja pelaporan kewangan *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* mulai tahun kewangan 2016. Sehubungan itu, sebahagian angka-angka perbandingan bagi tahun-tahun sebelumnya telah dinyatakan semula.

Note: SOCSO has implemented early adoption of financial reporting framework Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) from financial year 2016. Therefore, some comparative figures for previous years have been restated.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review

Ulasan Prestasi Pelaburan
Investment Performance Review




Dana Pelaburan PERKESO
2016 : RM25,047.15 Juta (2015 : RM24,159.73 Juta)
Meningkat 3.67%

Dana pelaburan PERKESO pada tahun 2016 mencatat pertumbuhan sebanyak RM887.42 juta atau 3.67% iaitu kepada RM25,047.15 juta pada 2016 berbanding RM24,159.73 juta pada 2015. Peningkatan ini disebabkan penambahan dalam pendapatan pelaburan dan peningkatan kutipan caruman dalam tahun 2016. Jumlah dana pelaburan PERKESO dari tahun 2012 hingga 2016 ditunjukkan di Graf 6.

SOCSO Investment Fund
2016 : RM25,047.15 Juta (2015 : RM24,159.73 Juta)
Increase 3.67%

SOCSO's investment fund registered a growth of RM887.42 million or 3.67% to RM25,047.15 million in 2016 as compared to RM24,159.73 million in 2015. Investment returns coupled with an increase in contributions collected resulted in a net increase in the investment fund for 2016. SOCSO's investment fund from 2012 to 2016 is shown in Graph 6.


Graf 6 **Dana Pelaburan 2012 – 2016**
Graph 6 Investment Fund 2012 – 2016



Alokasi dana pelaburan mengikut jenis instrumen pada penghujung 2016 adalah seperti ditunjukkan di Carta 4.

Investment Fund allocation according to type of instrument at the end of 2016 is shown in Chart 4.


Carta 4 **Alokasi Dana Pelaburan 2016**
Chart 4 Investment Fund Allocation 2016



PERKESO mengamalkan strategi pelaburan jangka panjang yang konservatif dan cermat dengan mengambil kira risiko yang terpaksa ditanggung dalam menguruskan dana. Ini jelas dengan wajaran yang menjurus kepada instrumen pendapatan tetap dalam agihan aset strategik.

SOCSO adopts a conservative and prudent long-term investment strategy by taking into account risk factors in managing the funds. This strategy is reflected in weightage that gravitates towards fixed income instruments, in line with SOCSO's strategic asset allocation.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review



Prestasi Pulangan Pelaburan
2016: RM1,187.70 juta (2015: RM1,158.15 juta)
Meningkat 2.55%

Pendapatan pelaburan kasar pada tahun 2016 berjumlah RM1,187.70 juta, meningkat sebanyak RM29.55 juta atau 2.55% berbanding RM1,158.15 juta pada 2015. Pada tahun lepas, FBKMLCI menurun sebanyak 3.00%. Pendapatan pelaburan yang dinyatakan tidak mengambil kira rosot nilai saham dan bon serta pendapatan faedah daripada pinjaman kuasi kerajaan.


Pencapaian pulangan pelaburan dari 2012 hingga 2016 adalah seperti ditunjukkan di Graf 7.

Investment Returns Review
2016: RM1,187.70 million (2015: RM1,158.15 million)
Increase 2.55%

Gross investment income in 2016 was RM1,187.70 million, showing an increase of RM29.55 million or 2.55% compared to RM1,158.15 million in 2015. Last year FBMKLCI decrease 3.00%. Investment income stated excluding impairment for share and bond. It also excluding government quasi loan.

The performance of investment returns from 2012 to 2016 is shown in Graph 7.


Graf 7 **Pencapaian Pulangan Pelaburan Dari 2012 – 2016**
Graph 7 The Performance of Investment Returns From 2012 – 2016



Komposisi pulangan pelaburan mengikut alokasi aset pada 2016 adalah seperti ditunjukkan di Carta 5.

Composition of investment returns as per asset allocation for the year 2016 is shown in Chart 5.

Carta 5 **Pulangan Pelaburan Mengikut Alokasi Aset 2016**
Chart 5 Investment Returns by Asset Allocation 2016



Pengurusan Pelaburan Dalaman
In-House Investment Management

Senario Ekonomi

Pada tahun 2016, ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan sederhana pada kadar 5.0% yang dipacu oleh permintaan domestik dan penggunaan swasta. *FTSE* Bursa Malaysia *KLCI Index – Kuala Lumpur Composite Index (FBMKLCI)* menurun 3.00% pada penutup 2016 iaitu pada 1,641 mata. Harga komoditi yang berterusan menjunam dan harga minyak mentah yang jatuh mendadak sehingga mencapai yang terendah dalam tempoh 12 tahun telah memberi kesan kepada saham-saham yang berkaitan dengan minyak.

Economic Scenario

In 2016, the Malaysian economy recorded a moderate growth of 5.0% which was driven by domestic demand and private consumption. For 2016, the FTSE Bursa Malaysia KLCI Index – Kuala Lumpur Composite Index (FBMKLCI) fell 3.00%, closing the year at 1,641 points. Commodity prices continue their slump and crude oil prices reached its 12 years low leading to volatility in prices of oil related stocks.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review

Ekuiti

Dalam menguruskan pelaburan dalaman ekuiti, PERKESO melaksanakan pengurusan secara pasif di mana pembelian dan penjualan dilakukan dalam tempoh masa yang panjang bagi mengimbangi portfolio dan menikmati keuntungan modal serta penerimaan dividen. Syarikat dengan aliran tunai yang kukuh, polisi pembayaran dividen yang tinggi, urus tadbir yang telus dengan model perniagaan yang baik serta mampu bertahan dalam apa jua keadaan ekonomi diutamakan. Pelaburan PERKESO di dalam ekuiti pada penghujung 2016 adalah 17.57% daripada dana pelaburan PERKESO. Dana pelaburan di dalam ekuiti berjumlah RM4,400.99 juta, meningkat sebanyak RM77.23 juta atau 1.79% berbanding RM4,323.76 juta pada 2015.

Dari segi alokasi sektor saham pengurusan dalaman, sektor utama ekonomi negara seperti perbankan dan kewangan pada tahap 30.4%, perkhidmatan 21.8%, perladangan 10.8%, telekomunikasi 9.8%, industri 7.6%, pembinaan 6.2%, hartanah 7.8%, produk pengguna 5.2%, teknologi 0.3% dan lain-lain 0.1% menjadi pegangan saham asas PERKESO. Pegangan saham membawa pulangan pendapatan dividen sebanyak RM58.52 juta manakala bakinya sejumlah RM2.07 juta adalah keuntungan modal dari jualan saham.

PERKESO dari semasa ke semasa mengadakan perjumpaan dengan pengurusan tertinggi syarikat yang dilaburnya dan berbincang mengenai strategi pengurusan dan halatuju syarikat bagi mendapatkan gambaran jelas agar membolehkan PERKESO membuat keputusan pelaburan secara bijak.

Sekuriti Kerajaan (Konvensional dan Islamik), Sekuriti Hutang Korporat dan Pinjaman Jaminan Kerajaan

Instrumen pendapatan tetap yang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan (SK: Konvensional dan Islamik), Sekuriti Hutang Korporat (SHK) dan Pinjaman Jaminan Kerajaan yang merangkumi 51.59% daripada dana pelaburan PERKESO telah membawa pulangan sejumlah RM604.08 juta, iaitu 50.86% daripada pulangan pelaburan keseluruhan dalam bentuk kupon dan keuntungan modal.

Equities

In managing its internal equity investment, SOCSO adopts a passive investment strategy where the equity portfolio is constructed over a long period to balance capital gains as well as dividend income. Companies with a healthy cash flow, a high dividend pay-out policy and transparent corporate governance with a good business model which is defendable in any economic scenario are prioritised. SOCSO's investment in equity at the end of 2016 stood at 17.57% of investment fund. Investment fund in the form of equities stood at RM4,400.99 million, an increase of RM77.23 million or 1.79% compared to RM4,323.76 million in 2015.

As for share sector's allocation, 30.4% is invested in banking and financial sector followed by services 21.8%, plantation 10.8%, telecommunications 9.8%, industrial 7.6%, construction 6.2%, properties 7.8%, consumer product 5.2%, technology 0.3% and others 0.1% forming the core holdings of SOCSO. The said holdings generated a dividend income of RM58.52 million whereas the balance RM2.07 million in the form of capital gain sale of shares.

SOCSO regularly meets with investee companies' top management to get an insight of their management strategy and company direction to enable SOCSO to make an informed decision regarding its investment.

Government Securities (Conventional and Islamic), Corporate Debt Securities and Loan Guaranteed by Government

A total of 51.59% of SOCSO's investment fund is invested in fixed income instruments comprising of Government Securities (GS: Conventional and Islamic), Corporate Debt Securities (CDS) and Government Guaranteed Loans. These realised returns amounting to RM604.08 million, or 50.86% of total investment income received largely through coupon payment and capital gain.

SK merupakan komponen terbesar kelas aset ini dengan 40.55% dengan nilai buku sejumlah RM10,156.66 juta dan membawa pulangan RM448.57 juta dalam bentuk kupon dan RM13.88 juta keuntungan modal. Pelaburan dalam SK 2016 menurun sebanyak RM415.10 juta atau 3.93% daripada RM10,571.75 juta pada tahun 2015.

Portfolio SHK (nilai semasa) meningkat sebanyak 0.25% atau RM6.84 juta kepada RM2,765.05 juta berbanding RM2,758.21 juta pada 2015. Pelaburan di dalam SHK adalah 11.04% daripada aset pelaburan PERKESO. Pulangan pelaburan SHK 2016 sebanyak RM141.63 juta meningkat sebanyak 18.10% atau RM21.75 juta berbanding dengan RM119.93 juta pada tahun 2015.

Komposisi penarafan instrumen ini menjurus kepada kertas 'AAA' dan 'AA' seperti yang disyaratkan oleh Kementerian Kewangan. Pecahan sektor sekuriti hutang korporat pula sebahagian besarnya di bawah kewangan dan perbankan 46.2%, infrastruktur 44.4%, perladangan 2.5%, *diversified holding* 2.5%, pembinaan 2.1%, *asset-backed securities* 2.0%, hartanah 0.3% dan perkhidmatan 0.1%.

Dengan peratusan pegangan dana yang tinggi, PERKESO berharap dapat membida kertas hutang korporat yang berkualiti yang dikeluarkan oleh perbadanan yang mantap dengan pengurusan yang telus dan dengan model perniagaan yang mampan serta aliran tunai yang stabil.

Pasaran Wang

Dana pelaburan PERKESO di dalam Pasaran Wang terdiri daripada Simpanan Tetap dan Deposit Jangka Pendek di institusi kewangan yang diluluskan bagi tempoh semalaman hingga 12 bulan. Pelaburan PERKESO di dalam instrumen ini telah meningkat sebanyak RM626.50 juta atau 9.63% kepada RM7,132.50 juta berbanding RM6,506.00 juta pada tahun 2015. Pegangan PERKESO di dalam kelas aset ini adalah 28.48% daripada aset pelaburan PERKESO pada penghujung 2016. Pelaburan di dalam Pasaran Wang memberi pulangan sebanyak RM278.31 juta atau 23.58% daripada keseluruhan pendapatan pelaburan PERKESO bagi tahun 2016 iaitu menurun sebanyak RM41.87 juta atau 13.07% berbanding RM320.18 juta pada tahun 2015.

GS is the largest component of this asset class representing 40.55% with book value of RM10,156.66 million generating an income of RM448.57 million in coupon payment and RM13.88 million from capital gain. In 2016, investment in GS decreased by RM415.10 million or 3.93% in comparison to RM10,571.75 million in 2015.

The CDS portfolio (current value) increased by 0.25% or RM6.84 million to RM2,765.05 million compared to RM2,758.21 million in 2015. Investment in CDS represents 11.04% of the total investment fund. Investment returns from CDS in 2016 increased by 18.10% or RM21.75 million to RM141.63 million, compared to RM119.93 million in 2015.

The rating composition of this instrument was largely skewed to 'AAA' and 'AA' papers as mandated by the Ministry of Finance. Sector weighting on CDS was largely on finance and banking 46.2%, infrastructure 44.4%, plantation 2.5%, diversified holding 2.5%, construction 2.1%, asset-backed securities 2.0%, property 0.3% and trading services 0.1%.

With the higher percentage of investible funds, SOCSO hopes to bid for quality corporate debt securities issued by the established corporations which practise good corporate governance, embrace sustainable business model and have stable cash flow.

Money Market

Investment in Money Market sector is in short term and fixed deposits in approved financial institutions with tenure ranging from overnight to 12 months. SOCSO's investment in this instrument increased by RM626.50 million or 9.63% to RM7,132.50 million in comparison to RM6,506.00 million in 2015. The holdings in this asset class represents 28.48% of the total investment assets in 2016. Investment in the Money markets realised returns of RM278.31 million or 23.58% of the overall investment income in 2016, a decrease of RM41.87 million or 13.07% in comparison to RM320.18 million in 2015.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
Key Financial Performance Indicators Review

Mandat Pelaburan Luaran

Sebagai langkah pelbagaian pengurusan pelaburan, PERKESO memperuntukkan sebahagian dari dananya 12.61% untuk ditadbir oleh pengurus portfolio domestik dan luar negara. Sehingga 31 Disember 2016, dana sejumlah RM2,259.38 juta (nilai semasa) telah diberikan kepada Pengurus Dana Luar (Domestik) untuk ditadbir manakala USD200 juta atau RM899.46 juta ditadbir oleh Pengurus Dana Luar (Asing).

Sepanjang tahun 2016, jumlah pendapatan yang diterima dari semua Pengurus Dana Luar (Domestik dan Asing) menerusi bon dan ekuiti sebanyak RM245.5 juta atau 20.8% daripada jumlah keseluruhan pulangan pelaburan. Sebagai langkah pemantauan, mesyuarat penilaian prestasi diadakan setiap suku tahun dengan kesemua Pengurus Dana Luar (Domestik dan Asing) termasuk taklimat hala tuju ekonomi serta pasaran modal kepada PERKESO.

External Investment Mandate

In an effort to diversify its investment activities, SOCSO has allocated 12.61% of its fund to be managed by Domestic and Foreign External Fund Managers. As at 31 December 2016, a total of RM2,259.38 million has been farmed out to External Fund Managers (Domestic) while USD200 million or RM899.46 million were managed by External Fund Managers (Foreign).

Throughout 2016, External Fund Managers (bonds and equities) generated an income of RM245.5 million or 20.8% of the total return on investment income. As part of monitoring process, performance evaluation meeting were held every quarter with all the External Fund Managers (Domestic) and (Foreign) where SOCSO was briefed on the general economic outlook and capital market direction.

Senarai Pengurus Portfolio Domestik dan Luar Negara Tahun 2016
List of Domestic and Foreign Portfolio Managers Year 2016

PENGURUS PORTFOLIO DOMESTIK (EKUITI) **Domestic Portfolio Managers (Equities)**	❖ CIMB Principal Asset Management Bhd. ❖ Affin Hwang Asset Management Bhd. ❖ Nomura Asset Management Malaysia Sdn. Bhd. ❖ UOB Asset Management (Malaysia) Bhd.
PENGURUS PORTFOLIO DALAM NEGARA (BON) **Domestic Portfolio Managers (Bonds)**	❖ AmFunds Management Bhd. ❖ CIMB Principal Asset management Bhd. ❖ Affin Hwang Asset Management Bhd. ❖ Opus Asset Management Sdn. Bhd.
TRANSISI PENGURUS PORTFOLIO LUAR NEGARA (EKUITI) **Transition Foreign Portfolio Managers (Equity)**	❖ Black Rock (Singapore) Limited

Hartanah

PERKESO telah membuat Pelaburan Hartanah bernilai RM591.95 juta (RM1,150 sekaki persegi) melibatkan pembelian Menara NU2 di Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral iaitu bangunan 36 tingkat dengan keluasan 499,751 kaki persegi.

Aktiviti Pemegang Saham

Demi kepentingan dan kesejahteraan pencarum, PERKESO memastikan pelaburannya membawa pulangan berterusan dan memastikan pelaburan dibuat dalam syarikat yang menekankan urus tadbir secara telus dan menerapkan nilai etika dalam model perniagaannya, Bahagian Pelaburan seringkali mengadakan lawatan secara terurus atau apabila diperlukan sebelum membuat keputusan melabur. PERKESO juga menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Agung Luar Biasa dan melaksanakan hak pengundiannya. Secara ringkas, lawatan dan kehadiran ini telah mewujudkan pemantauan terhadap syarikat yang dilabur.

Selain itu, PERKESO juga bergerak aktif bersama pemegang saham minoriti yang lain bagi memelihara kepentingan bersama. PERKESO merupakan salah satu ahli pengasas Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (BPPSM) yang menyatu padukan suara pemegang saham minoriti agar kepentingan mereka tidak terjejas. Pegawai Bahagian Pelaburan PERKESO mengambil bahagian dalam mesyuarat seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh BPPSM dan ahli majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC) semasa ke semasa. Forum sebegini digunakan oleh PERKESO untuk mendapatkan maklumat tidak formal dan bertukar pendapat mengenai senario pelaburan dan ekonomi negara.

Properties

SOCSO have invested RM591.95 million (RM1,150 psf) in Real Estate Investment on acquisition of purchasing NU2 Tower (NU2) in Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral. NU2 buidling consist of 36 floors with a total area of 499.751 square feet.

Shareholder Activities

In the interest of its contributors, SOCSO ensure that investee companies not only generate steady returns but also emphasise good corporate governance and incorpora te ethical values in its business model. SOCSO conducts regular scheduled visits or whenever needed before making a decision to invest. SOCSO also attends the Annual General Meeting or Extra Ordinary Meetings of the companies concerned and exercises its voting rights accordingly. In short, these visits and presence enable monitoring of investee companies.

Apart from that, SOCSO also actively cooperates with other minority shareholders to safeguard the common interest. SOCSO is one of the founder members of Minority Shareholders Watchdog Group (MSWG) that unites minority shareholders' voices so that their interests are not side line and Malaysia Institutional Investors Council (IIC) participates in the meetings seminars and workshops organised by the MSWG and IIC time to time. These forums enable SOCSO to gather information informally and exchange ideas on investments and the economic climate of the country.

RINGKASAN PENCAPAIAN PRESTASI OPERASI 2016

2016 Operations Performance Achievements Summary



3.14%

427,690 Majikan / Employers

MAJIKAN AKTIF
meningkat sebanyak 3.14% kepada 427,690 majikan berbanding 414,677 majikan pada tahun 2015

ACTIVE EMPLOYERS
increased by 3.14% to 427,690 employers compared to 414,677 employers in 2015

6.59 Juta Pekerja / Million Employees

3.90%

PEKERJA AKTIF
meningkat sebanyak 3.90% kepada 6.59 juta pekerja berbanding 6.35 juta pada tahun sebelumnya

ACTIVE EMPLOYEES
increased by 3.90% to 6.59 million employees compared to 6.35 million the previous year

12.93%

RM3,215.53 Juta / Million

PENDAPATAN CARUMAN
meningkat sebanyak RM368.23 juta atau 12.93% kepada RM3,215.53 juta berbanding RM2,847.30 juta pada tahun 2015

CONTRIBUTIONS REVENUE
increased by RM368.23 million or 12.93% to RM3,215.53 million compared to RM2,847.30 million in 2015

2.87%

528,077 Penerima / Recipients

PENERIMA FAEDAH
bilangan penerima semua jenis faedah telah meningkat sebanyak 14,754 penerima atau 2.87% kepada 528,077 penerima berbanding 513,323 penerima pada 2015

RECIPIENTS OF BENEFITS
the number of recipients of all the various benefits increased by 14,754 recipients or 2.87% to 528,077 recipients in comparison to 513,323 recipients in 2015

10.62%

RM2,948.13 Juta / Million

BAYARAN FAEDAH
meningkat sebanyak RM282.97 juta atau 10.62% kepada RM2,948.13 juta berbanding RM2,665.16 juta pada 2015

BENEFIT PAYMENTS
increased by RM282.97 million or 10.62% to RM2,948.13 million compared to RM2,665.16 million in 2015

RINGKASAN PENCAPAIAN PRESTASI OPERASI 2016
2016 Operations Performance Achievements Summary



63,943 Penerima / Recipients

FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA
telah meningkat sebanyak 6.44% kepada 63,943 berbanding 60,071 penerima pada 2015



RECIPIENTS OF TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT
increased by 6.44% to 63,943 in comparison to 60,071 recipients in 2015



RM188.15 Juta / Million

BAYARAN FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA
meningkat sebanyak RM10.29 juta atau 5.79 % kepada RM188.15 juta berbanding RM177.86 juta pada 2015



TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT PAYMENT
increased by RM10.29 million or 5.79 % to RM188.15 million, compared to RM177.86 million in 2015





40,014 Penerima / Recipients

FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL
telah meningkat sebanyak 2,303 penerima atau 6.11% kepada 40,014 berbanding 37,711 pada 2015

RECIPIENTS OF PERMANENT DISABILITY BENEFIT
increased by 2,303 recipients or 6.11% to 40,014 compared to 37,711 in 2015



RM500.19 Juta / Million

BAYARAN FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL
meningkat sebanyak RM29.59 juta atau 6.29% kepada RM500.19 juta berbanding RM470.60 juta pada 2015



PERMANENT DISABLEMENT BENEFIT PAYMENT
increased by RM29.59 million or 6.29% to RM500.19 million, compared to RM470.60 million in 2015



44,614 Penerima / Recipients

FAEDAH ORANG TANGGUNGAN
telah meningkat sebanyak 2.07% kepada 44,614 berbanding 43,710 penerima pada 2015

RECIPIENTS OF DEPENDANTS' BENEFIT
increased by 2.07% to 44,614 compared to 43,710 recipients in 2015



RM275.93 Juta / Million

BAYARAN FAEDAH ORANG TANGGUNGAN
meningkat sebanyak RM12.67 juta atau 4.81% kepada RM275.93 juta berbanding RM263.26 juta pada 2015



DEPENDANTS' BENEFIT PAYMENT
increased by RM12.67 million or 4.81% to RM275.93 million in comparison to RM263.26 million in 2015

RINGKASAN PENCAPAIAN PRESTASI OPERASI 2016
2016 Operations Performance Achievements Summary



58,436 Penerima / Recipients

PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT
telah meningkat sebanyak 8.23%
atau 4,446 penerima kepada 58,436
berbanding 53,990 pada 2015

RECIPIENTS OF INVALIDITY PENSION AND GRANT
increased by 8.23% or 44,446 recipients
to 58,436, compared to 53,990 in 2015



RM 611.48 Juta / Million

BAYARAN PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT
meningkat sebanyak 11.03% atau
RM60.73 juta kepada RM611.48 juta
berbanding RM550.75 juta pada 2015



INVALIDITY IN GRANT PAYMENTS
increased by 11.03% or RM60.73 million
to RM611.48 million, compared to
RM550.75 million in 2015



249,018 Penerima / Recipients

PENCEN PENAKAT
telah meningkat sebanyak 7.67%
atau 17,739 penerima kepada 249,018
berbanding 231,279 pada 2015

RECIPIENTS OF SURVIVORS' PENSION
increased by 7.67% or 17,739 recipients to
249,018, compared to 231,279 in 2015



RM1,052.34 Juta / Million

BAYARAN PENCEN PENAKAT
meningkat sebanyak RM123.04 juta atau
13.24% kepada RM1,052.34 juta
berbanding RM929.30 juta pada 2015

SURVIVORS' PENSION PAYMENTS
increased by RM123.04 million or
13.24% to RM1, 052.34 million, compared
to RM929.30 million in 2015



6,878 Penerima / Recipients

ELAUN LAYANAN SENTIASA
telah meningkat sebanyak 5.35% atau
349 penerima kepada 6,878 berbanding
6,529 pada 2015

RECIPIENTS OF CONSTANT – ATTENDANCE ALLOWANCE
increased by 5.35% or 349 recipients to
6,878 in comparison to 6,529 in 2015



RM41.84 Juta / Million

BAYARAN ELAUN LAYANAN SENTIASA
meningkat sebanyak 6.82%
atau RM2.67 juta kepada RM41.84 juta
berbanding RM39.17 juta pada 2015



CONSTANT ATTENDANCE ALLOWANCE PAYMENT
increased by 6.82% or RM2.67 million
to RM41.84 million, compared to
RM39.17 million in 2015

RINGKASAN PENCAPAIAN PRESTASI OPERASI 2016
2016 Operations Performance Achievements Summary



16,682 Penerima / Recipients

FAEDAH PENGURUSAN MAYAT
telah meningkat sebanyak 12.81% atau 1,894 penerima kepada 16,682 berbanding 14,788 pada 2015

RECIPIENTS OF FUNERAL BENEFIT
increased by 12.81% or 1,894 recipients to 16,682 compared to 14,788 in 2015





RM23.12 Juta / Million

BAYARAN FAEDAH PENGURUSAN MAYAT
meningkat sebanyak 12.95% atau RM2.65 juta kepada RM23.12juta berbanding RM20.47 juta pada 2015

FUNERAL BENEFIT PAYMENT
increased by 12.95% or RM2.65 million to RM23.12 million, compared to RM20.47 million in 2015



2,742 Penerima / Recipients

FAEDAH PERUBATAN
telah meningkat sebanyak 12.75% kepada 2,742 penerima berbanding 2,432 pada 2015

RECIPIENTS OF MEDICAL BENEFIT
increased by 12.75% to 2,742 recipients, compared to 2,432 in 2015





RM4.22 Juta / Million

BAYARAN FAEDAH PERUBATAN
menurun sebanyak 0.71% kepada RM4.22 juta berbanding RM 4.25 juta pada 2015

MEDICAL BENEFIT PAYMENTS
decreased by 0.71% to RM4.22 million, compared to RM 4.25 million in 2015



7,039 Penerima / Recipients

KEMUDAHAN PEMULIHAN JASMANI ATAU VOKASIONAL
telah meningkat sebanyak 3.12% kepada 7,039 penerima berbanding 6,826 pada 2015

RECIPIENTS OF PHYSICAL OR VOCATIONAL REHABILITATION
increased by 3.12% to 7,039 recipients, compared to 6,826 in 2015





RM49.42 Juta / Million

BAYARAN PEMULIHAN JASMANI ATAU VOKASIONAL
meningkat sebanyak 23.95% atau RM9.55 juta kepada RM49.92 juta berbanding RM39.87 juta pada 2015

PHYSICAL OR VOCATIONAL REHABILITATION PAYMENT
Increased by 23.95% or RM9.55 million to RM49.92 million, compared to RM39.87 million in 2015

RINGKASAN PENCAPAIAN PRESTASI OPERASI 2016
2016 Operations Performance Achievements Summary



14,023 Penerima / Recipients

KEMUDAHAN RAWATAN DIALISIS
telah meningkat sebanyak 16.20% atau 1,955 penerima kepada 14,023 berbanding 12,068 penerima pada 2015

RECIPIENTS OF DIALYSIS TREATMENT
increased by 16.20% or 1,955 recipients to 14,023 in comparison 12,068 in 2015



RM 197.74 Juta / Million

BAYARAN KEMUDAHAN RAWATAN DIALISIS
meningkat sebanyak 19.87% atau RM32.78 juta kepada RM197.74juta berbanding RM164.96 juta pada 2015



DIALYSIS TREATMENT PAYMENT
increased by 19.87% or RM32.78 million to RM197.74 million, compared to RM164.96 million in 2015





24,688 Penerima / Recipients

PROGRAM SARINGAN KESIHATAN
yang telah menjalani pemeriksaan kesihatan menurun sebanyak 43.79% atau 19,231 penerima kepada 24,688 berbanding 43,919 pada 2015

RECIPIENTS OF HEALTH SCREENING PROGRAMME
who have undergone health screening decreased by 43.79% or 19,231 recipients to 24,688 in comparison to 43,919 in 2015





RM3.70 Juta / Million

BAYARAN PROGRAM SARINGAN KESIHATAN
menurun sebanyak 20.77% atau RM0.97 juta kepada RM3.70 juta berbanding RM4.67 juta pada 2015



HEALTH SCREENING PROGRAMME PAYMENT
decreased by 20.77% or RM0.97 million to RM3.70 million in comparison to RM4.67 million in 2015

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI 2016
Key Performance Indicators Review of Operations 2016



JOHN RIBA ANAK MARIN

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)
Deputy Chief Executive (Operations)

Bagi tahun 2016

Jumlah pendaftaran majikan dan pekerja telah meningkat. Peningkatan bilangan pendaftaran majikan adalah sebanyak 4.53% kepada 1,043,148 berbanding 997,965 pada 2015. Bilangan pekerja berdaftar juga meningkat sebanyak 1.95% kepada 16.07 juta pekerja berbanding 15.76 juta pada 2015.

Throughout 2016


There was a steady increase in the number of registered employers and employees. The number of registered employers increased by 4.53% to 1,043,148 employers compared to 997,965 in 2015. Correspondingly, the number of registered employees also increased by 1.95% to 16.07 million employees compared to 15.76 million in 2015.

Bilangan Majikan dan Pekerja

Sepanjang 2016, jumlah pendaftaran majikan dan pekerja yang layak di bawah AKSP 1969 telah meningkat. Peningkatan bilangan pendaftaran majikan adalah sebanyak 4.53% kepada 1,043,148 majikan berbanding 997,965 pada 2015. Pada tempoh yang sama, bilangan pekerja berdaftar juga turut meningkat sebanyak 1.95% kepada 16.07 juta pekerja berbanding 15.76 juta pada 2015.

Number of Employers and Employees

Throughout 2016, there was a steady increase in the number of registered employers and employees who were eligible under the Employees' Social Security Act, 1969. The number of registered employers increased by 4.53% to 1,043,148 employers compared to 997,965 in 2015. Correspondingly, the number of registered employees also increased by 1.95% to 16.07 million employees compared to 15.76 million in 2015.



Majikan Aktif
427,690 (2015 : 414,677) Meningkat 3.14%


Pekerja Aktif
6.59 Juta (2015 : 6.35 Juta) Meningkat 3.90%

Bilangan majikan dan pekerja aktif pada 2016 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2015. Jumlah majikan aktif telah meningkat sebanyak 3.14% kepada 427,690 majikan sementara pekerja aktif pula meningkat sebanyak 3.90% kepada 6.59 juta pekerja. Bilangan majikan dan pekerja aktif pada tahun 2015 - 2016 ditunjukkan seperti di Jadual 13, Carta 6 dan 7.

Active Employers
427,690 (2015 : 414,677) An Increase of 3.14%

Active Employees
6.59 Million (2015 : 6.35 Million) An Increase of 3.90%

The number of active employers and employees in 2016 was higher than in 2015. The number of active employers increased by 3.14% to 427,690 employers while the number of active employees in 2016 increased by 3.90% to 6.59 million employees. The number of active employers and employees for the period of 2015 - 2016 is shown in Table 13, Chart 6 and Chart 7.




Jadual 13 **BILANGAN MAJIKAN DAN PEKERJA 2015 – 2016**
Table 13 Number of Employers and Employees 2015 – 2016


	MAJIKAN / EMPLOYERS		PEKERJA / EMPLOYEES	
Tahun Year	Berdaftar Registered	Aktif Active	Berdaftar Registered	Aktif Active
2015	997,965	414,677	15,764,163	6,349,984
2016	1,043,148	427,690	16,071,372	6,597,948


Nota/Note:
Angka telah dinyatakan semula untuk disuaikan dengan pengemaskinian data yang telah dilakukan pada tahun semasa.
Figures have been restated accordingly with updated data for the current year.

Carta 6 **Bilangan Majikan Aktif 2012 – 2016**
Chart 6 Number of Active Employers 2012 – 2016



Carta 7 **Bilangan Pekerja Aktif Tahun 2012 – 2016**
Chart 7 Number of Active Employees 2012 – 2016





Kutipan Caruman
RM3,215.53 Juta (2015: RM2,847.30 Juta)
Meningkat 12.93%

Selaras dengan peningkatan dalam jumlah pendaftaran majikan dan pekerja, kutipan caruman pada 2016 telah meningkat sebanyak 12.93% atau RM368.23 juta berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini telah menjadikan keseluruhan kutipan caruman kepada RM3,215.53 juta berbanding RM2,847.30 juta pada 2015. Pendapatan daripada caruman telah menyumbang sebanyak 71.85% daripada keseluruhan pendapatan bagi 2016.

Keberkesanan aktiviti dan program yang dijalankan telah memberi kesedaran kepada masyarakat, pekerja dan majikan mengenai kepentingan keselamatan sosial. Faktor ini telah menjadi salah satu penyumbang penting kepada kenaikan jumlah pendapatan caruman. Jumlah kutipan caruman adalah seperti Jadual 14 dan Carta 8.

Collection of Contributions
RM3,215.53 Million (2015: RM2,847.30 Million)
An Increase of 12.93%

Parallel to the increase in the number of registered employers and employees, the total collection of contributions in 2016 increased by RM368.23 million or 12.93% compared to the previous year. This increase has resulted in the overall collection of contributions rising toRM3,215.53 million in 2016 in comparison to RM2,847.30 million in 2015. The income from contributions accounted for 71.85% of the total income for the year 2016.


The effectiveness of the activities and programmes carried out raised the awareness of the employers, employees and society in general concerning the importance of social security. This, in turn, became the main contributing factor in the increase in the collection of contributions. The total amount of contributions collected is shown in Table 14 and Chart 8.


Jadual 14 **Jumlah Kutipan Caruman 2015 – 2016**
Table 14 Total Contribution Collection 2015 – 2016

Tahun Year	2015	2016
(RM) Juta (RM) Million	2,847.30	3,215.53



Carta 8 **Kutipan Caruman 2012 – 2016**
Chart 8 Contribution Collections 2012 – 2016





Penerima Faedah
528,077 (2015 : 513,323) Meningkat 2.87%

Bilangan penerima semua jenis faedah telah meningkat sebanyak 14,754 penerima atau 2.87%. Peningkatan ini telah menjadikan jumlah keseluruhan penerima faedah kepada 528,077 orang berbanding 513,323 pada 2015 seperti di Jadual 15 dan Carta 9.


Benefits Recipients
528,077 (2015: 513,323) Increased by 2.87%


The number of recipients for all types of benefits increased by 2.87% or 14,754 recipients. This increase resulted in the overall total of benefits recipients to increase to 528,077 persons compared to 513,323 persons in 2015, as shown in Table 15 and Chart 9.

Jadual 15 **Bilangan Penerima Faedah 2015 – 2016**
Table 15 Number of Benefit Recipients 2015 – 2016

Penerima Faedah Benefit Recipients	2015	2016
Faedah Hilang Upaya Sementara Temporary Disablement Benefit	60,071	63,943
Faedah Hilang Upaya Kekal Permanent Disablement Benefit	37,711	40,014
Faedah Orang Tanggungan Dependants' Benefit	43,710	44,614
Pencen Ilat dan Bantuan Ilat Invalidity Pension and Grant	53,990	58,436
Pencen Penakat Survivors' Pension	231,279	249,018
Elaun Layanan Sentiasa Constant – attendance Allowance	6,529	6,878
Faedah Pengurusan Mayat Funeral Benefit	14,788	16,682
Faedah Perubatan Medical Benefit	2,432	2,742
Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional Physical or Vocational Rehabilitation Facility	6,826	7,039
Rawatan Dialisis Dialysis Treatment	12,068	14,023
Program Saringan Kesihatan Health Screening Programme	43,919	24,688
Jumlah/Total	**513,323**	**528,077**

Carta 9 **Bilangan Penerima 2012 – 2016**
Chart 9 Number of Recipients 2012 – 2016





Bayaran Faedah
RM2,948.13 Juta (2015 : RM2,665.16 Juta)
Meningkat 10.62%

Daripada jumlah perbelanjaan tanggungan sebanyak RM2,976.12 juta, sejumlah RM2,948.13 juta adalah merupakan komponen bayaran semua jenis faedah termasuk Program Saringan Kesihatan. Pembayaran faedah ini meningkat sebanyak RM282.97 juta atau 10.62% berikutan peningkatan dalam bilangan tuntutan faedah seperti di Jadual 16 dan Carta 10.

Benefits Payment
RM2,948.13 Million (2015: RM2,665.16 Million)
An Increase of 10.62%


From the total benefits expenditure of RM2,976.12 million, a total of RM2,948.13 million comprised payments for all benefits, including the Health Screening Programme. This benefits payment marked an increase of RM282.97 million or 10.62% following the increase in benefits claims as shown in Table 16 and Chart 10.


ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI 2016
Key Performance Indicators Review of Operations 2016

Jadual 16 **Jumlah Bayaran Faedah 2015 – 2016**
Table 16 Total Benefit Payment 2015 – 2016

Komponen Components	2015 RM Juta / Million	2016 RM Juta / Million	Perubahan Changes %
Faedah Hilang Upaya Sementara Temporary Disablement Benefit	177.86	188.15	5.79
Faedah Hilang Upaya Kekal Permanent Disablement Benefit	470.60	500.19	6.29
Faedah Orang Tanggungan Dependants' Benefit	263.26	275.93	4.81
Pencen dan Bantuan Ilat Invalidity Pension and Grant	550.75	611.48	11.03
Pencen Penakat Survivors' Pension	929.30	1,052.34	13.24
Faedah Pengurusan Mayat Funeral Benefit	20.47	23.12	12.95
Elaun Layanan Sentiasa Constant-attendance Allowance	39.17	41.84	6.82
Faedah Perubatan Medical Benefit	4.25	4.22	(0.71)
Pemulihan Jasmani dan Vokasional Physical or Vocational Rehabilitation	39.87	49.42	23.95
Rawatan Dialisis Dialysis Treatment	164.96	197.74	19.87
Program Saringan Kesihatan Health Screening Programme	4.67	3.70	(20.77)
Jumlah/Total	**2,665.16**	**2,948.13**	**10.62**

Carta 10 **Jumlah Bayaran Faedah 2012 – 2016**
Chart 10 Total Benefits Payment 2012 – 2016





Faedah Hilang Upaya Sementara RM188.15 Juta (2015 : RM177.86 Juta) Meningkat 5.79%


Pada 2016, jumlah bayaran Faedah Hilang Upaya Sementara telah meningkat sebanyak RM10.29 juta atau 5.79% kepada RM188.15 juta berbanding RM177.86 juta pada 2015. Oleh itu, bilangan penerima meningkat sebanyak 6.45% atau 3,872 orang kepada 63,943 orang berbanding 60,071 orang pada tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah bayaran faedah berikutan kenaikan Kadar Bayaran Faedah Minima dari RM10 ke RM30. Jumlah penerima dan bayaran seperti di Carta 11 dan Carta 12 berikut;

Temporary Disablement Benefit RM188.15 Million (2015: RM177.86 Million) An Increase of 5.79%


In 2016, the total payment for Temporary Disablement Benefit increased by RM10.29 million or 5.79% to RM188.15 million compared to RM177.86 million in 2015. However, the number of recipients increased by 6.45% or 3,872 persons to 63,943 persons compared to 60,071 persons the previous year. The increase in the total benefit payment follows an increase in the Minimum Benefit Payment Rate from RM10 to RM30. The total number of recipients and payment is shown in Chart 11 and Chart 12 in the following page:


ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI 2016
Key Performance Indicators Review of Operations 2016

Carta 11 **Bilangan Penerima Faedah Hilang Upaya Sementara 2012 – 2016**
Chart 11 Number of Temporary Disablement Benefit Recipients 2012 – 2016



Carta 12 **Jumlah Bayaran Faedah Hilang Upaya Sementara 2012 – 2016**
Chart 12 Total Payment for Temporary Disablement Benefit 2012 – 2016





Faedah Hilang Upaya Kekal
RM500.19 Juta (2015 : RM470.60 Juta)
Meningkat 6.29%

Perbelanjaan bagi membiayai Faedah Hilang Upaya Kekal yang dibayar secara pukal, pukal dan berkala serta berkala sahaja telah meningkat sebanyak RM29.59 juta atau 6.29% kepada RM500.19 juta pada 2016 berbanding RM470.60 juta pada 2015. Bilangan terkumpul penerima Faedah Hilang Upaya Kekal juga telah bertambah kepada 40,014 orang berbanding 37,711 orang pada tahun sebelumnya. Carta 13 dan Carta 14 menunjukkan jumlah pembayaran dan penerima Faedah Hilang Upaya Kekal.


Bilangan penerima Faedah Hilang Upaya Kekal yang menerima bayaran secara pukal meningkat sebanyak 1,421 orang kepada 18,091 orang pada tahun 2016 berbanding 16,670 orang pada 2015. Seramai 851 orang penerima telah memilih bayaran faedah secara pukal (1/5) dan berkala, manakala sejumlah 268 penerima telah menerima Faedah Hilang Upaya Kekal secara berkala pada 2016. (Jadual 16 - 18: Laporan Statistik)

Permanent Disablement Benefit
RM500.19 Million (2015: RM470.60 Million)
An Increase of 6.29%


The expenditure for Permanent Disablement Benefit which was paid in lump sum, lump sum and periodical payment, and periodical payment only increased by RM29.59 million or 6.29% to RM500.19 million in 2016 as compared to RM470.60 million in 2015. At the same time, the cumulative number of Permanent Disablement Benefit recipients also increased to 40,014 persons in 2016 as compared to 37,711 persons the previous year. Chart 13 and Chart 14 reflect the total payment and recipients for Permanent Disablement Benefit.


The number of Permanent Disablement Benefit recipients receiving lump sum payments in 2016 rose by 1,421 persons to 18,091 persons compared to 16,670 persons in 2015. A total of 851 recipients opted for lump sum (1/5) and periodical payments, while another 268 recipients received their Permanent Disablement Benefit in periodical payments in 2016. (Tables 16 - 18: Statistics Report)

Carta 13 **Bilangan Penerima Faedah Hilang Upaya Kekal 2012 – 2016**
Chart 13 Number of Permanent Disablement Benefit Recipients 2012 – 2016



Carta 14 **Jumlah Bayaran Faedah Hilang Upaya Kekal 2012 – 2016**
Chart 14 Total Payment for Permanent Disablement Benefit 2012 – 2016





Faedah Orang Tanggungan
RM275.93 Juta (2015: RM263.26 Juta)
Meningkat 4.81%

Bilangan terkumpul penerima Faedah Orang Tanggungan telah meningkat kepada 44,614 orang berbanding 43,710 orang pada 2015. Bagi 2016, jumlah pembayaran Faedah Orang Tanggungan adalah sebanyak RM275.93 juta, iaitu meningkat sebanyak 4.81% atau RM12.67 juta berbanding RM263.26 juta pada tahun sebelumnya (Carta 15 dan Carta 16).


Dependants' Benefit
RM 275.93 Million (2015: RM263.26 Million)
An Increase of 4.81%

The cumulative number of Dependants' Benefit recipients increased to 44,614 persons compared to 43,710 persons in 2015. In 2016, the total payment for Dependants' Benefit was RM275.93 million, reflecting an increase of 4.81% or RM12.67 million, compared to RM 263.26 million the previous year (Chart 15 and Chart 16).


Pada 2016, tuntutan Faedah Orang Tanggungan yang telah disah dan diluluskan sebagai kes baru adalah berjumlah 1,209 kes. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 1.43% berbanding 1,192 kes pada tahun sebelumnya. Daripada keseluruhan bilangan kes 2016, sebanyak 265 kes atau 21.92% menerima bayaran pencen bulanan berjumlah RM1,000 dan ke bawah. Manakala 78.08% atau 944 kes menerima jumlah bayaran pencen bulanan melebihi RM1,000 sebulan. (Jadual 19 dan 20: Laporan Statistik).

In 2016, a total of 1,209 claims were verified and approved as new cases. This marks an increase of 1.43% from 1,192 cases the previous year. From the total number of cases in 2016, 265 cases or 21.92% received a monthly pension of RM 1,000 and below, while 78.08% or 944 cases received a monthly pension of more than RM 1,000. (Tables 19 and 20: Statistics Report)


Carta 15 **Jumlah Bayaran Faedah Orang Tanggungan 2012 – 2016**
Chart 15 Total Payment for Dependants' Benefit 2012 – 2016



Carta 16 **Bilangan Penerima Faedah Orang Tanggungan 2012 – 2016**
Chart 16 Number of Dependants' Benefit Recipients 2012 – 2016



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI 2016
Key Performance Indicators Review of Operations 2016



Pencen Ilat dan Bantuan Ilat
RM 611.48 Juta (2015: RM550.75 Juta)
Meningkat 11.03%

Sehingga 2016, jumlah terkumpul bilangan penerima Pencen Ilat dan Bantuan Ilat adalah seramai 58,436 penerima. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.23% atau 4,446 penerima berbanding 53,990 orang pada tahun sebelumnya. Selaras dengan peningkatan bilangan penerima, jumlah bayaran Pencen Ilat dan Bantuan Ilat yang dibayar juga telah meningkat sebanyak 11.03% atau RM60.73 juta iaitu dari RM550.75 juta tahun 2015 kepada RM611.48 juta seperti di Carta 17 dan Carta 18.


Pada 2016, terdapat sebanyak 8,714 penerima baru berbanding 7,830 penerima pada 2015. Daripada bilangan penerima baru tersebut, sebanyak 4,834 atau 55.47% mendapat bayaran Pencen dan Bantuan Ilat berjumlah RM1,000 dan ke bawah sebulan, manakala selebihnya 3,880 penerima atau 44.53% mendapat bayaran melebihi RM1,000 sebulan (Jadual 21 dan 22: Laporan Statistik).

Invalidity Pension and Grant
RM 611.48 Million (2015: RM550.75 Million)
An Increase of 11.03%


As at the end of 2016, the cumulative number of Invalidity Pension and Grant recipients was 58,436 recipients, indicating an increase of 8.23% or 4,446 recipients compared to 53,990 recipients the previous year. In line with the increase in the number of recipients, the total sum of payments for Invalidity Pension and Grant increased by 11.03% or RM60.73 million from RM550.75 million in 2015 to RM 611.48 million as reflected in Chart 17 and Chart 18.


In 2016, there were 8,714 new recipients compared to 7,830 in 2015. Of these new recipients, 4,834 or 55.47% received a monthly Invalidity Pension and Grant of RM1,000 and below, while the balance 3,880 recipients or 44.53% received a monthly pension of more than RM1,000 (Tables 21 and 22: Statistics Report).

Carta 17 Jumlah Bayaran Faedah Pencen Ilat dan Bantuan Ilat 2012 – 2016
Chart 17 Total Payment for Invalidity Pension and Grant 2012 – 2016



Carta 18 **Bilangan Penerima Faedah Pencen Ilat dan Bantuan Ilat 2012 – 2016**
Chart 18 Number of Invalidity Pension and Grant Recipients 2012 – 2016





Pencen Penakat
RM1,052.34 Juta (2015: RM929.30 Juta)
Meningkat 13.24%

Bilangan terkumpul penerima Pencen Penakat sehingga akhir tahun 2016 adalah seramai 249,018 penerima berbanding 231,279 penerima pada 2015. Pembayaran Pencen Penakat tahun 2016 telah meningkat kepada RM1,052.34 juta berbanding RM929.30 juta pada tahun sebelumnya iaitu kenaikan sebanyak RM123.04 juta atau 13.24%.

Pada 2016, terdapat sebanyak 13,264 kes baru, meningkat sebanyak 16.96% berbanding 11,341 kes pada 2015. Daripada bilangan kes baru tersebut, sebanyak 7,530 atau 56.77% mendapat bayaran Pencen Penakat berjumlah RM1,000 dan ke bawah sebulan, manakala 5,734 kes atau 43.23% mendapat bayaran melebihi RM1,000 sebulan (Jadual 23 dan 24: Laporan Statistik). Carta 19 dan Carta 20 menunjukkan jumlah pembayaran dan penerima terkumpul Pencen Penakat.


Survivors' Pension
RM1,052.34 Million (2015: RM929.30 Million)
An Increase of 13.24%

As at the end of 2016, the cumulative number of Survivors' Pension recipients stood at 249,018 recipients, compared to 231,279 recipients in 2015. The total payment for Survivors' Pension in 2016 increased to RM1,052.34 million in comparison to RM929.30 million the previous year, reflecting an increase of RM123.04 million or 13.24%.


In 2016, there were 13,264 new cases, that is, an increase of 16.96%, compared to 11,341 cases in 2015. Of these new cases, a total of 7,530 or 56.77% received a monthly Survivors' Pension of RM 1,000 and below, while 5,734 cases or 43.23% received a monthly pension of more than RM1,000 (Tables 23 and 24: Statistics Report). Chart 19 and Chart 20 show the total payment and cumulative recipients of Survivors' Pension.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI 2016
Key Performance Indicators Review of Operations 2016

Carta 19 **Jumlah Bayaran Pencen Penakat 2012 – 2016**
Chart 19 Total Payment for Survivors' Pension 2012 – 2016




Carta 20 **Bilangan Penerima Pencen Penakat 2012 – 2016**
Chart 20 Number of Survivors' Pension (Recipients 2012 – 2016



Elaun Layanan Sentiasa
RM41.84 Juta (2015 : RM39.17 Juta)
Meningkat 6.82%


Jumlah terkumpul penerima Elaun Layanan Sentiasa sehingga akhir tahun 2016 adalah seramai 6,878 orang berbanding 6,529 orang pada 2015. Jumlah pembayaran Elaun Layanan Sentiasa meningkat sebanyak 6.82% atau RM2.67 juta kepada RM41.84 juta pada tahun 2016 berbanding RM39.17 juta pada tahun sebelumnya. Manakala bilangan penerima baru tahun 2016 seramai 690 orang berbanding 691 penerima pada 2015 (Jadual 25: Laporan Statistik). Carta 21 dan Carta 22 menunjukkan jumlah penerima dan pembayaran Elaun Layanan Sentiasa.




Constant - Attendance Allowance
RM41.84 Million (2015: RM39.17 Million)
Increase of 6.82%


By the end of 2016, the cumulative number of Constant-attendance Allowance recipients was 6,878 persons compared to 6,529 persons in 2015. The total payment for Constant-attendance Allowance increased by 6.82% or RM2.67 million to RM41.84 million in 2016 compared to RM39.17 million the previous year. The number of new recipients in 2016 was 690 persons compared to 691 recipients in 2015 (Table 25: Statistics Report). Chart 21 and Chart 22 show the number of recipients and payment of Constant-attendance Allowance.

Carta 21 **Bilangan Penerima Elaun Layanan Sentiasa 2012 – 2016**
Chart 21 Number of Constant-attendance Allowance Recipients 2012 – 2016



Carta 22 **Jumlah Bayaran Elaun Layanan Sentiasa 2012 – 2016**
Chart 22 Total Payment for Constant-attendance Allowance 2012 – 2016






Faedah Pengurusan Mayat
RM23.12 Juta (2015 : RM20.47 Juta)
Meningkat 12.95%

Bagi tahun 2016, seramai 16,682 penerima telah menerima Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM23.12 juta. Amaun ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM2.65 juta iaitu 12.95% berbanding RM20.47 juta atau 14,788 penerima pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di Carta 23 dan Carta 24.


Funeral Benefit Recipients
RM 23.12 Million (2015 : RM20.47 Million)
An Increase of 12.95%

In 2016, a total of 16,682 recipients received Funeral Benefits amounting to RM23.12 million. This amount reflected an increase of RM2.65 million, or 12.95%, compared to RM20.47 million or 14,788 recipients the previous year, as shown in Chart 23 and Chart 24.

Carta 23 **Bilangan Penerima Faedah Pengurusan Mayat 2012 – 2016**
Chart 23 Number of Funeral Benefit Recipients 2012 – 2016



Carta 24 **Jumlah Bayaran Faedah Pengurusan Mayat 2012 – 2016**
Chart 24 Total Payment for Funeral Benefit 2012 – 2016




ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI 2016
Key Performance Indicators Review of Operations 2016

Bilangan Kemalangan Dilapor
66,618 Kes (2015 : 62,837 Kes)
Peningkatan 6.02%

Sebanyak 66,618 kes kemalangan telah dilaporkan sepanjang 2016 iaitu peningkatan sebanyak 3,781 kes atau 6.02% berbanding 62,837 kes pada 2016 (Jadual 17 dan Carta 25). Jumlah ini meliputi 52.99% kemalangan perusahaan dan 47.01% melibatkan kemalangan semasa perjalanan berkaitan pekerjaan. Dari keseluruhan jumlah kemalangan dilaporkan, didapati kemalangan perusahaan dan kemalangan semasa dalam perjalanan yang berkaitan pekerjaan telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2015.

Kemalangan perusahaan telah meningkat sebanyak 3.05% iaitu dari 34,258 kes pada 2015 kepada 35,304 kes pada 2016. Manakala, bagi kemalangan semasa dalam perjalanan yang berkaitan pekerjaan, ianya meningkat sebanyak 9.57% iaitu dari 28,579 kes pada 2015 kepada 31,314 kes pada 2016 seperti Carta 26 dan Carta 27.



Number of Accidents Reported
66,618 Cases (2015: 62,837 Cases)
An Increment of 6.02%


A total of 66,618 accident cases were reported throughout 2016, reflecting an increase of 3,781 cases or 6.02% compared to 62,837 cases in 2016 (Table 17 and Chart 25). Of these, 52.99% were industrial accidents while the remaining 47.01% involved work related commuting accidents. From the total number of accidents reported, it was found that industrial accidents and work related commuting accidents showed an increase compared to 2015.

Industrial accidents increased by 3.05%, from a total of 34,258 cases in 2015 to 35,304 cases in 2016. Commuting accidents showed an increase of 9.57% from 28,579 cases in 2015 to 31,314 cases in 2016, as reflected in Chart 26 and Chart 27.


Jadual 17 Jumlah Bilangan Kemalangan Dilaporkan 2015 – 2016
Table 17 Total Number of Accidents Reported 2015 – 2016

Kemalangan Dilaporkan Accidents Reported	2015	2016
Kemalangan Perusahaan Dilaporkan Industrial Accidents Reported	34,258	35,304
Kemalangan Semasa Perjalanan Commuting Accidents	28,579	31,314
Jumlah Bilangan Kemalangan Dilaporkan Total Number of Accidents Reported	**62,837**	**66,618**


Carta 25 **Bilangan Kemalangan Dilapor 2012 – 2016**
Chart 25 Number of Accidents Reported 2012 – 2016



Carta 26 **Bilangan Kemalangan Perusahaan Dilapor 2012 – 2016**
Chart 26 Number of Industrial Accidents Reported 2012 – 2016



Carta 27 **Bilangan Kemalangan Semasa Perjalanan 2012 – 2016**
Chart 27 Number of Commuting Accidents 2012 – 2016



Pengurusan Tuntutan Faedah

Pengurusan tuntutan faedah dikendalikan mengikut Piagam Pelanggan dan Standard Q, yang mengambil kira pengukuran berdasarkan peratus pencapaian dan purata hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima. Pendekatan ini dilaksanakan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

Benefit Claims Management

To ensure that the delivery of services provided meet customers' expectations, benefits claims are processed based on the Clients' Charter and Q Standard, which is measured by percentage of achievement and average number of days from the date the complete document is received. This approach is implemented to guarantee service delivery that meets customers' expectations.

Piagam Pelanggan Berdasarkan Purata Hari

Pada 2016, PERKESO telah berjaya mempertingkatkan prestasi piagam pelanggan dengan memendekkan tempoh pemprosesan (purata hari) berbanding tahun sebelumnya seperti Jadual 18 di bawah.

Client Charter Based on Average Number of Days

In 2016, SOCSO successfully improved its clients' charter performance by shortening the processing period (average number of days) in comparison to the previous year, as reflected in Table 18 below.

Jadual 18 Prestasi Prosesan Faedah (Purata Hari) 2016
Table 18 Benefit Processing Performance (Average Number of Days) 2016

Tahun/Year	FHUS/TDB 5 Hari/Days	FHUK/PDB 7 Hari/Days	FOT/DB 7 Hari/Days	P.ILAT Invalidity Pension 7 Hari/Days	P.PKT Survivors' Pension 7 Hari/Days	FPM/FB 3 Hari/Days
2015	2.03	2.51	2.37	2.98	2.58	1.26
2016	1.81	2.64	2.17	3.26	2.34	1.29

Piagam Pelanggan Berdasarkan Peratusan

Pada 2016, PERKESO juga telah berjaya mempertingkatkan prestasi piagam pelanggan dalam pemprosesan (peratusan) berbanding tahun sebelumnya sebagai mana Jadual 19 di bawah.

Client Charter Based On Percentage

In 2016, SOCSO also successfully improved its Clients' Charter performance in processing (percentage) compared to the previous year as reflected in Table 19 below.

Jadual 19 Prestasi Prosesan Faedah (Peratusan) 2015 – 2016
Table 19 Benefit Processing Performance (Percentage) 2015 – 2016

Pencapaian Piagam Pelanggan (Peratus)/ Client Charter Achievement (Percentage)	FHUS/TDB 5 Hari/Days	FHUK/PDB 7 Hari/Days	FOT/DB 7 Hari/Days	P.ILAT Invalidity Pension 7 Hari/Days	P.PKT Survivors' Pension 7 Hari/Days	FPM/FB 3 Hari/Days
2015	98.73	99.06	98.10	98.43	97.98	98.75
2016	99.06	99.27	99.21	98.80	99.20	98.98

Standard Q

Prestasi Standard Q berdasarkan (Peratusan) pada 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di Jadual 20.

Standard Q

The performance of Standard Q based on Percentage in 2016 as compared to 2015 is given in Table 20 below.

Jadual 20 **Prestasi Standard Q (Peratusan) 2015 – 2016**
Table 20 Standard Q (Percentage) Performance 2015 – 2016


Peratusan Pencapaian Standard Q/ Percentage Achievement Standard Q	FHUS/TDB 45 Hari/Days	FHUK/PDB 100 Hari/Days	FOT/DB 60 Hari/Days	P.ILAT Invalidity Pension 100 Hari/Days	P.PKT Survivors' Pension 60 Hari/Days
2015	74.46	89.28	95.59	83.51	91.11
2016	88.52	87.44	97.45	80.07	91.17

Prestasi Standard Q berdasarkan (Purata Hari) pada 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di Jadual 21.

The Q Standard performance based on average number of days in 2016 as compared to 2015 is given in Table 21 below.

Jadual 21 **Prestasi Standard Q (Purata Hari) 2015 – 2016**
Table 21 Standard Q (Average Number of Days) Performance 2015 – 2016

Purata Hari Pencapaian Standard Q/ Average Number of Days Standard Q	FHUS/TDB 45 Hari/Days	FHUK/PDB 100 Hari/Days	FOT/DB 60 Hari/Days	P.ILAT Invalidity Pension 120 Hari/Days	P.PKT Survivors' Pension 80 Hari/Days
2015	42.70	71.69	39.44	77.40	36.17
2016	23.32	63.16	18.12	72.33	26.18



Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional

Kemudahan pemulihan jasmani merangkumi aktiviti-aktiviti rawatan lanjut kepada Orang Berinsurans seperti rawatan implan, pembekalan alat-alat ortotik dan prostetik seperti pembekalan kaki palsu, tangan palsu, mata palsu, gigi palsu, kerusi roda, *commode*, tongkat dan lain-lain. Bagi Orang Berinsurans yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan, mereka ditawarkan untuk mengikuti latihan vokasional seperti kursus menjahit, komputer dan lain-lain bagi membolehkan mereka kembali semula ke pekerjaan asal atau mendapatkan kemahiran atau pekerjaan baru.

Pada 2016, PERKESO telah membekalkan alat-alat prostetik dan ortotik kepada 3,965 Orang Berinsurans termasuk penerima baru dan lama bagi menggantikan alatan yang telah rosak iaitu sebanyak 2,249 bekalan prostetik dan 1,507 ortotik. Seramai 1,185 Orang Berinsurans telah menjalani rawatan pemulihan implant berbanding 829 orang pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya PERKESO membelanjakan sebanyak RM49.42 juta bagi pembiayaan kemudahan pemulihan.



Kemudahan Rawatan Dialisis

PERKESO menyediakan kemudahan dialisis kepada Orang Berinsurans yang layak dan menghidap *end stage renal failure*. Kemudahan ini diberikan secara subsidi di pusat dialisis panel PERKESO yang dilantik. Rawatan dialisis juga boleh diperolehi di pusat dialisis bukan panel PERKESO dan hospital kerajaan/swasta/luar negara tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sepanjang 2016, sebanyak 1,828 permohonan untuk kemudahan dialisis telah diterima dan diluluskan. Bilangan ini menunjukkan pengurangan sebanyak 3.0% berbanding 1,882 tahun 2015. Pada akhir 2016, bilangan terkumpul Orang Berinsurans yang menjalani rawatan dialisis adalah seramai 14,023 orang berbanding 12,068 orang pada 2015.

Carta 28 menunjukkan jumlah Orang Berinsurans yang memohon rawatan dialisis dari tahun 2012 hingga 2016.

Facilities For Physical or Vocational Rehabilitation

The SOCSO physical or vocational rehabilitation facilities cover further treatment for Insured Persons, including the provision of implants as well as orthotic and prosthetic equipment such as artificial legs, hands, eyes, dentures, walking aids, commodes etc. Eligible Insured Persons are offered vocational training such as sewing classes, computer courses and others, to enable them to return to their original jobs or to learn new skills or obtain new jobs.

In 2016, SOCSO provided prosthetic and orthotic equipment to 3,965 Insured Persons including new and existing recipients who needed to replace equipment that was no longer functioning. A total of 2,249 numbers of prosthesis and 1,507 numbers of orthotic equipment were provided. A total of 1,185 Insured Persons received implant rehabilitative treatment compared to 829 persons the previous year. Overall, SOCSO spent a total of RM49.42 million in financing rehabilitation facilities.


Dialysis Treatment Facilities

SOCSO provides dialysis facilities to eligible Insured Persons who suffer from end stage renal failure. This facility is provided through subsidies at appointed SOCSO Dialysis Panel Centres. Dialysis treatment can also be sought at Dialysis centres which are not SOCSO panel centres and at government / private / foreign hospitals subject to the terms and conditions stipulated.

Throughout 2016, a total of 1,828 applications for dialysis treatment were received and approved. This figure shows a decrease of 3.0% compared to 1,882 in 2015. By the end of 2016, the cumulative number of insured persons who have undergone dialysis treatment is 14,023 persons as compared to 12,068 persons in 2015.

Chart 28 shows the total number of Insured Persons who applied for dialysis treatment from 2012 to 2016.


Carta 28 **Bilangan Orang Berinsurans Yang Memohon Rawatan Dialisis 2012 – 2016**
Chart 28 Number of Insured Persons Who Have Apply Dialysis Treatment 2012 – 2016



Carta 29 menunjukkan jumlah Orang Berinsurans yang menjalani rawatan dialisis dari tahun 2012 hingga 2016.

Chart 29 shows the total number of Insured Persons who underwent dialysis treatment from 2012 to 2016.

Carta 29 **Bilangan Orang Berinsurans Yang Menjalani Rawatan Dialisis 2012 – 2016**
Chart 29 Number of Insured Persons Who Have Received Dialysis Treatment 2012 – 2016



Pusat Dialisis Panel PERKESO

Sepanjang 2016, PERKESO telah melantik sebanyak 10 pusat dialisis sebagai Panel PERKESO, iaitu peningkatan sebanyak 2.0% berbanding tahun sebelumnya. Ini menjadikan jumlah keseluruhan panel adalah sebanyak 480 pusat di seluruh negara. Pelantikan panel ini memudahkan Orang Berinsurans mendapat rawatan dialisis.


Bilangan Pusat Dialisis Panel PERKESO bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti Carta 30.

SOCSO Panel Dialysis Centres

Throughout 2016, SOCSO appointed 10 dialysis centres to its panel, that is, an increase of 2.0% in comparison to the previous year. This puts the total number of panel centres in the country at 480 centres. The appointment of these centres makes it more convenient for Insured Persons to receive dialysis treatment.

The number of SOCSO Panel Dialysis Centres from 2012 to 2016 is shown in Chart 30.


Carta 30 **Bilangan Pusat Dialisis Panel PERKESO 2012 – 2016**
Chart 30 Number of SOCSO Panel Dialysis Centres 2012 – 2016



Statistik Perlantikan Pusat Dialisis Panel mengikut NGO dan Swasta adalah seperti Carta 31.

The number of Panel Dialysis Centres appointed is shown in Chart 31, according to NGOs and the Private Sector.

Carta 31 **Bilangan Pusat Dialisis Panel PERKESO 2012 – 2016**
Chart 31 Number of SOCSO Panel Dialysis Centres 2012 – 2016




Pendermaan Mesin Hemodialisis

Pada 2016, PERKESO telah meluluskan pendermaan mesin hemodialisis sebanyak 125 unit kepada 114 buah Pusat Dialisis Panel PERKESO bertaraf NGO dan 11 unit mesin kepada Hospital Kerajaan. Bilangan pendermaan mesin hemodialisis bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti Carta 32.

Donation of Hemodialysis Machines

In 2016, SOCSO approved the donation of 125 haemodialysis machines to 114 SOCSO Panel Dialysis Centres categorized as NGOs and 11 machines to Government Hospitals. The number of haemodialysis machines donated between 2012 to 2016 is shown in Chart 32.

Carta 32 **Pendermaan Mesin Hemodialisis 2012 – 2016**
Chart 32 Donation of Hemodialysis Machines 2012 – 2016




Perbelanjaan Rawatan Dialisis

Pada 2016, PERKESO telah membelanjakan sejumlah RM197.74 juta bagi membiayai rawatan dialisis, peningkatan sebanyak 19.87% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan kesan langsung pertambahan jumlah pesakit buah pinggang. Jumlah perbelanjaan rawatan dialisis bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti dalam Carta 33.

Expenditure for Dialysis Treatment

In 2016, SOCSO spent a total of RM197.74 million for dialysis treatments, an increase of 19.87% compared to the previous year. This increase is the direct effect of an increase in patients with kidney disease. The total expenditure for Dialysis treatments from 2012 to 2016 is shown in Chart 33.

Carta 33 **Perbelanjaan Kemudahan Rawatan Dialisis 2012 – 2016**
Chart 33 Expenditure on Dialysis Treatment Facility 2012 – 2016



Klinik Panel Orang Berinsurans

PERKESO telah melantik klinik swasta sebagai klinik panel bagi memberi rawatan kepada Orang Berinsurans yang ditimpa bencana kerja seperti di Jadual 22.

Inisiatif Penambahbaikan

- Pengumpulan data statistik Klinik PPN/PPP secara bulanan berdasarkan KPI di peringkat Ibu Pejabat bagi tujuan pemantauan klinik dan penyimpanan rekod yang lebih sistematik.
- Mengadakan perbincangan dengan MMA (dua kali setahun) bertujuan untuk menambahbaik perkhidmatan klinik kepada Orang Berinsuran.
- Penyusunan semula klinik panel bagi mengenalpasti klinik panel aktif dan tidak aktif.
- Pembatalan klinik panel yang tidak aktif.

Insured Persons Panel Clinics

SOCSO has appointed private clinics as Panel Clinics in providing treatment to Insured Persons who have been affected by work related injuries, as specified in Table 22.

Improvement Initiatives

- The collection of statistical data Panel clinics on a monthly basis based on the KPI at Headquarters for the purpose of systematic record keeping and monitoring.
- Continuing regular meetings with MMA (twice a year) to improve our services for our IP's.
- Updating the list of SOCSO Panel Clinics that are active and not active.
- To cancel SOCSO Panel Clinics are not operational.

Jadual 22 **Klinik Panel Orang Berinsurans 2015 – 2016**
Table 22 Insured Persons Panel Clinic 2015 – 2016

Kategori/Category	2015	2016
Klinik Panel (Doktor Yang Mempunyai Latihan Kesihatan Pekerjaan) Panel Clinics (Doctors With Occupational Health Training Exposure)	855	865
Klinik Panel (Doktor Yang Tidak Mempunyai Latihan Kesihatan Pekerjaan) Panel Clinics (Doctors Without Occupational Health Training Exposure)	390	444
Jumlah Semasa Bilangan Klinik Panel PERKESO **Total No. of SOCSO's Panel Clinics**	**1,299**	**1,309**

Bayaran Ganti Belanja

Bayaran Ganti Belanja (BGB) merupakan tuntutan bayaran balik perkhidmatan perubatan dan pemulihan yang telah dilakukan oleh Orang Berinsurans di dalam dan luar negara. Pada 2016, sebanyak RM1.1 juta iaitu penurunan sebanyak 48.92% berbanding RM2.07 juta pada tahun sebelumnya.

Aktiviti Penguatkuasaan

Aktiviti penguatkuasaan merupakan diantara dua fungsi utama PERKESO selain daripada pembayaran faedah. Aktiviti ini memastikan kemampanan Dana Keselamatan Sosial dalam jangka panjang. Ianya termasuklah pemeriksaan, pengkompaunan, pendakwaan dan *recovery*. Pada tahun 2016, sejumlah 146,732 rekod majikan telah diperiksa dan 3,641 majikan telah dikenakan tindakan kompaun manakala 1,202 majikan pula disyorkan untuk tindakan mahkamah di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 (AKSP, 1969).

PERKESO telah melaksanakan Ops Kesan sejak tahun 2009 sebagai sebahagian dari aktiviti penguatkuasaan. Ops Kesan bertujuan memastikan majikan akur dengan peruntukan AKSP, 1969. Pada tahun 2016, Ops Kesan telah diadakan pada bulan April 2016 di Pejabat PERKESO Negeri Selangor. Sepanjang Ops Kesan dijalankan, 18,264 premis majikan telah dilawati dan sebanyak 2,052 notis kompaun dikeluarkan terhadap majikan yang gagal mendaftar perusahaan mereka.

Reimbursement of Claims

Reimbursements of Claims are reimbursement payments for medical and rehabilitation services received by Insured Persons both locally and overseas. In 2016, a total of RM1.1 million was spent on reimbursement of claims, a decrease of 48.92% in comparison to RM 2.07 million the previous year.

Enforcement Activities

Enforcement is one of the two core functions of SOCSO, apart from payment of benefits. Such enforcement activities ensure the long-term sustainability of the Social Security Fund. These activities include inspection of employers' records, issuance of compound notices, prosecution and recovery. In 2016, a total of 146,732 employers' records were inspected with 3,641 compound notices issued. 1,202 employers were recommended for prosecution for various offences under the Employees' Social Security Act, 1969 (ESSA, 1969).

Since 2009, SOCSO has been conducting Ops Kesan as part of its enforcement activities. Ops Kesan is carried out to ensure that employers comply with the provisions of the Employees' Social Security Act, 1969. In 2016, Ops Kesan was launched in April at the Selangor State Office. A total of 18,264 employers' premises were visited and 2,052 compound notices were issued to employers for failure to register their businesses and employees.

PENGURUSAN STRATEGIK PERKESO 2016
Socso Strategic Management 2016

Cabaran persekitaran yang tidak menentu dan sentiasa berubah menuntut organisasi merangka proses perancangan yang teliti dan munasabah. Ini memerlukan usaha mencari dan menilai pelbagai alternatif melalui penggubalan strategi yang terbaik untuk merealisasikan visi, misi dan objektif yang ditetapkan. Perancangan yang strategik merupakan aspek utama dalam menetapkan hala tuju organisasi supaya segala strategi dan perkhidmatan yang diberikan sentiasa kemas kini, relevan dan memenuhi aspirasi semasa menerusi Empat Pemacu Perubahan;

The challenges of an environment that is volatile and ever-changing requires an organisation to carefully design its planning process and requires the effort to find and evaluate various alternatives through the formulation of the best strategies to realise the stipulated vision, mission and objectives. Strategic planning is a key aspect in determining the direction of an organisation so that all strategy and services provided is always updated, relevant and continues to fulfil the current aspirations through the Four Change Drivers:

1. **Meningkatkan potensi produktiviti dengan amalan strategi lautan biru**

   Increasing productivity potential through the practice of National Blue ocean strategy

2. **Membudayakan nilai-nilai murni di kalangan anggota PERKESO selain memperkasakan Modal Insan**

   Enculturating good values among SOCSO staff, in addition to strengthening Human Capital

3. **Mempertingkatkan keupayaan libat urus dengan pelanggan, pihak berkepentingan, agensi dan NGO dengan program yang merupakan teras utama organisasi**

   Improving the ability to engage with clients, stakeholders, agencies and NGOs through programmes that form the main core of the organisation

4. **Mempergiatkan program-program yang berpaksikan kreativiti, inovasi dan kualiti.**

   Intensifying programmes based on creativity, innovation and quality

ULASAN PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI PERKESO 2016
Review of SOCSO Strategies and Performance Management 2016



MOHAMAD ASRI BIN NGOSMAN

Pengurus Besar, Bahagian Perancangan & Hal Ehwal Korporat
General Manager, Planning & Corporate Affairs Division



Pengukuran prestasi PERKESO melalui pendekatan *Balanced Scorecard* (BSC) merupakan pendekatan pengurusan strategi Organisasi ke arah pencapaian kecemerlangan. Ianya dapat membantu organisasi mengurus sumber-sumber melalui penggubalan strategi untuk mencapai Misi dan Visi Organisasi. Pengukuran pencapaian dan pelaksanaan strategi menerusi pendekatan BSC merangkumi EMPAT perspektif utama iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman dan Pembelajaran/Perkembangan yang lebih menyeluruh dan seimbang. Selain daripada itu, ianya juga akan menyediakan satu sistem pengurusan strategik secara kolaboratif. Walaupun demikian, pelaksanaan BSC memerlukan pendekatan kepada perubahan dari segi sistem dan budaya kerja yang terhasil dari perubahan minda serta kesedaran untuk menentukan pencapaian yang lebih cemerlang.

The measurement of SOCSO's performance using the Balanced Scorecard (BSC) approach is a strategic management approach taken by the organisation towards achieving excellence. Such an approach will be able to assist the organisation in managing its resources through the formulation of strategies to realise its mission and vision. The measurement and implementation of strategies through the BSC approach covers FOUR key perspectives, namely, Clients, Finance, Internal Process and Learning/Growth, that are more extensive and balanced. In addition, the approach also provides a collaborative strategic management system. However, the implementation of BSC requires an approach of change from the aspect of system and working culture that is derived from mindset changes as well as the awareness of the need to ascertain excellent achievements."

Penilaian Prestasi Bagi KPI PERKESO Berasaskan *Balanced Scorecard (BSC)*


Pendekatan *Balanced Scorecard (BSC)* yang menyediakan rangka kerja bagi mengurus prestasi organisasi secara terancang, teratur dan tersusun telah mula diamalkan mulai 2016. Pendekatan *BSC* yang memberi fokus kepada memastikan pengukuran prestasi dengan lebih tepat dan objektif menerusi empat prespektif iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman dan Pembelajaran/Perkembangan.


BSC PERKESO 2016 telah dirangka berdasarkan Peta Strategi Korporat *(Corporate Strategy Map)* yang mengandungi komponen indikator *KPI* PERKESO 2016.

SOCSO KPI Evaluation Based on The Balanced Scorecard (BSC)

The Balanced Scorecard (BSC) approach which provides the framework for the management of the Organisation's performance in a planned, organised and systematic manner was first practised in 2016. The BSC approach focuses on ensuring a more accurate and objective measurement of perfomance through four perspectives, namely, Clients, Finance, Internal Process and Learning/Growth.

The 2016 SOCSO BSC was designed based on the Corporate Strategy Map which comprises the indicator components of SOCSO KPI 2016.





Peta Strategi Korporat PERKESO / SOCSO Corporate Strategic Map

Pada tahun 2016, menerusi pendekatan sistem *Balanced Scorecard (BSC)* sejumlah tiga puluh tiga (33) KPI PERKESO 2016 telah dibangunkan berasaskan empat perspektif utama BSC iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman dan Pembelajaran/ Perkembangan. Pihak Pengurusan telah membuat perancangan, pelaksanaan serta pemantauan yang rapi sepanjang tahun 2016 supaya KPI PERKESO dapat dicapai pada tahap yang terbaik dan cemerlang.

Perspektif 1 – Pelanggan / Pihak Berkepentingan

Tumpuan utama telah diberikan ke atas usaha-usaha meningkatkan kesedaran awam terhadap skim-skim keselamatan sosial dan menilai tahap kepuasan kualiti perkhidmatan serta memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan majikan dan pekerja. Pencapaian purata KPI berdasarkan BSC adalah di tahap 4.6 **(AMAT BAIK)**.

Perspektif 2 – Kewangan

Langkah mengoptimumkan pulangan pelaburan serta pemantapan pengurusan kewangan telah diberi tumpuan dalam mengukuhkan dana PERKESO bagi tempoh Januari hingga Disember 2016. Aspek penilaian risiko kewangan dan pelaburan juga telah diberi keutamaan agar pulangan pelaburan optimum yang disasarkan tercapai. Pencapaian purata KPI berdasarkan BSC adalah pada tahap 4 **(AMAT BAIK)**.

Perspektif 3 – Proses Dalaman

Sistem pengoperasian PERKESO sentiasa ditambahbaik melalui perekayasaan proses, prosedur kerja, pelaksanaan sistem teknologi maklumat secara menyeluruh dalam pengoperasian yang telah disasarkan bagi tempoh Januari hingga Disember 2016. Hasil menerusi program dan aktiviti yang telah dilaksanakan, pencapaian purata KPI berdasarkan BSC adalah di tahap 4 **(AMAT BAIK)**.

In 2016, through the Balanced Scorecard approach, a total of thirty three (33) SOCSO KPI 2016 were developed based on the four key BSC perspectives, namely, Clients, Finance, Internal Process and Learning/Growth. The Management had carefully carried out planning, implementation and monitoring throughout 2016, to achieve the stipulated SOCSO KPI at the best and excellent levels.

Perspective 1 – Clients / Stakeholders

Main focus was given towards efforts to increase public awareness of the social security schemes available and evaluating service quality satisfaction, as well as fostering awareness of occupational safety and health among employers and employees. The average KPI achievement based on BSC is at level 4.6 **(VERY GOOD)**.

Perspective 2 - Finance

Measures to optimise investment returns as well as to solidify financial management were focused on in the effort to strengthen SOCSO funds for the period January to December 2016. Financial and investment risk assessment aspects were also given due focus to ensure the targeted optimum investment returns is achieved. The average KPI achievement based on BSC is at level 4 **(VERY GOOD)**.

Perspective 3 – Internal Process

SOCSO's operational system is continuously being improved through the process of re-engineering, work procedures, as well as extensive implementation of information technology system within the targeted operations for the period January to December 2016. From the results of the programmes and activities implemented, the average KPI achievement based on BSC is at level 4 **(VERY GOOD).**

Perspektif 4 – Pembelajaran & Perkembangan

Fokus pengurusan sumber manusia yang terancang dan komprehensif telah dilaksanakan bagi membudayakan kreativiti dan inovasi, kepantasan bertindak dalam membuat keputusan dan berintegriti tinggi. Lima (5) strategi yang digariskan ke atas pengurusan sumber manusia mulai Januari hingga Disember 2016 adalah untuk memantapkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia, memantapkan keutuhan pengurusan, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, membudayakan kreativiti dan inovasi di kalangan warganya dan memantapkan kualiti perkhidmatan. Pencapaian purata KPI berdasarkan BSC adalah di tahap 3 (**BAIK**).

Secara keseluruhannya, prestasi PERKESO bagi tempoh Januari hingga Disember 2016 telah mencapai tahap **Amat Baik** iaitu **pada Skor 4.27** dengan peratusan pencapaian sebanyak 92.75% berdasarkan pencapaian tiga puluh tiga (33) KPI PERKESO 2016.

Perspective 4 – Learning & Growth

Human resource management that is planned and comprehensive has been implemented to enculturate creativity and innovation, quick-acting in decision-making as well as high integrity. The five (5) strategies outlined for human resource management for the period January to December 2016 are to solidify human resource management and development, to solidify the strength of management, to create a conducive working environment, to enculturate creativity and innovation among the staff and to strenghten the quality of services. The average KPI achievement based on BSC is at level 3 **(GOOD)**.

Overall, SOCSO's performance for the period January to December 2016 is at a VERY GOOD level, that is, with a **Score of 4.27**. The percentage of achievement stands at 92.75% based on the thirty three (33) SOCSO KPI 2016 achievements.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area

1 PENAMBAHBAIKAN SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL
Social Security Protection Scheme Improvement

Bagi tujuan menambahbaik skim perlindungan keselamatan sosial dengan mengambil kira sosio-ekonomi semasa, beberapa cadangan pindaan kepada AKSP 1969 telah dirangka untuk dibentang di Parlimen.

Semakan, Pindaan dan Pewartaan Undang-Undang

Pada tahun 2016, Bahagian Perundangan PERKESO telah menggubal dan menyediakan 3 draf Rang Undang-Undang dan 3 draf Peraturan-Peraturan bagi tujuan memantapkan serta menambahbaik pentadbiran skim dan faedah keselamatan sosial mengikut dasar Kerajaan serta untuk manfaat Orang Berinsurans iaitu:

i. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016;
ii. Draf Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri; dan
iii. Draf Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan.

To further enhance the social security protection scheme by taking into consideration the current socio-economic situation, several proposed amendments to the ESSA 1969 have been framed to be tabled in Parliament.

Revisions, Amendments and Gazette of Legislation

In 2016, the SOCSO's Legal Division drafted and prepared three draft Bills and 3 draft Regulations for the purposes of establishing and improving the administration of social security schemes and benefits in accordance with Government policies, as well as for the benefit of Insured Persons, namely:

i. The Employees' Social Security (Amendment) Act 2016;
ii. The draft Self-Employment Social Security Bill; and
iii. The draft Employment Insurance System Bill.

Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016

Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 telah dibentang serta diluluskan di Parlimen dan mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2016. Antara komponen penting dalam pindaan ini adalah untuk memperluaskan liputan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja tanpa tertakluk kepada had gaji mengikut takrifan pekerja serta menaikkan had siling caruman daripada RM3,000.00 kepada RM4,000.00 bagi maksud caruman dan pembayaran faedah.

Berdasarkan statistik daripada rekod pendaftaran dan caruman pekerja PERKESO, jumlah bilangan pekerja yang mempunyai gaji RM3,000 hingga RM4,000 dari bulan Jun 2016 hingga Disember 2016 adalah seramai 1,924,318 pekerja. Manakala bilangan pekerja yang mempunyai gaji RM3,000 hingga RM4,000 adalah seramai 1,939,343 pekerja. Oleh yang demikian, liputan (coverage) bilangan pekerja yang bergaji RM3,000 hingga RM4,000 kesan daripada Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 adalah pertambahan seramai 15,025 pekerja.

Komponen-komponen lain Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 merangkumi perkara-perkara berikut:

- Memberi kuasa kepada PERKESO bagi mentadbir skim atau jaringan keselamatan sosial baharu di bawah undang-undang selain dari Akta 4 termasuk bagi kategori pekerja yang berkhidmat atas satu kontrak untuk pekhidmatan *(contract for service)* atau bekerja sendiri *(self-employed);*
- Memberi kuasa kepada PERKESO bagi menerima wang dan mentadbirkan kumpulan wang yang diwujudkan berasingan bagi skim atau jaringan keselamatan sosial yang baharu;
- Memberi kuasa kepada PERKESO bagi menubuhkan perbadanan atau syarikat ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisyen, menyeluruh dan relevan mengikut keperluan OB; dan
- Pindaan-pindaan lain yang berbangkit berdasarkan aspirasi dasar pihak Kerajaan.

Employees' Social Security (Amendment) Act 2016

The Employees' Social Security (Amendment) Act 2016 was tabled and approved in Parliament and came into effect on 1st June 2016. Among the important components of this amendment is the expansion of social security coverage to include all employees, without being subject to any wage limit, in accordance with the definition of an employee, as well as to raise the ceiling for contribution from RM3,000.00 to RM4,000.00 for the purposes of contributions and payment of benefits.

Based on statistics obtained from SOCSO's employee registration and contribution records, the number of employees receiving salaries of RM3,000 to RM4,000 from the June 2016 to December 2016 is 1,924,318 employees. The number of employees receiving salaries of RM3,000 to RM4,000 up to January 2017 is 1,939,343 employees. Hence the coverage of employees receiving salaries of RM3,000 to RM4,000 following the Employees' Social Security (Amendment) Act 2016 showed an increase of 15,025 employees.

Other components of the Employees' Social Security (Amendment) Act 2016 include the following:

- The grant of power to SOCSO to administer new social security schemes or network pursuant to legislation other than Act 4, including for employees serving under a contract for service or the self-employed;
- The grant of power to SOCSO to receive and administer funds created separately for the new social security schemes or network;
- The grant of power to SOCSO to establish corporations or companies towards improving delivery of service to become more efficient, extensive and relevant in accordance to the needs of Insured Persons; and
- Other amendments arising from the aspirations set out in Government policies.

Draf Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri

Draf Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini digubal untuk menyediakan Skim Bencana Kerja di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui satu Akta baharu dan Peraturan-Peraturannya bagi yang bekerja sendiri atau yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya selaras dengan dasar kerajaan untuk memperluaskan jaringan perlindungan keselamatan sosial kepada sektor *informal* yang mana di peringkat awal akan dilaksanakan kepada pemandu teksi terlebih dahulu dan seterusnya akan diperluaskan kepada mereka yang bekerja di sektor *informal* lain.

Draf Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini telah pun disiapkan dan dikemukakan oleh Bahagian Perundangan kepada pihak Kementerian Sumber Manusia dan kini di peringkat perbincangan dengan Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara.

Draft Self-Employment Social Security Bill

The Self-Employment Social Security Bill was drafted to provide an Employment Injury Scheme under the Social Security Organization (SOCSO) through a new Act and the Regulations thereunder for self-employed or those providing similar services, in line with the government's policy of extending the social security network to the informal sectors. The initial stage will be implemented for taxi drivers and will subsequently be expanded to include those working in other informal sectors.

The Bill has been completed and submitted by the Legal Division to the Ministry of Human Resources. Currently, it is under discussion by the Drafting Division, Attorney-General's Chambers.

Draf Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)

SIP merupakan satu skim perlindungan tambahan dan bantuan sementara kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan sebelum mendapat pekerjaan yang baharu. Objektif utama pelaksanaan SIP adalah untuk menggantikan pendapatan yang hilang kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan, melaksanakan latihan *'reskilling'* dan *'upskilling'* kepada mereka sebagai persediaan untuk mendapatkan pekerjaan baharu serta memberi perkhidmatan carian pekerjaan bagi mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan lebih cepat. Draf Rang Undang-Undang bagi SIP telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk tindakan selanjutnya.

Selain itu, pada tahun 2016, PERKESO juga telah mengemukakan beberapa Peraturan Keselamatan Sosial kepada Penasihat Undang-Undang, Kementerian Sumber Manusia untuk dipanjangkan ke Jabatan Peguam Negara. Draf Peraturan-Peraturan tersebut ialah:-

i. Draf Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Kadar, Elaun-Elaun, Insentif dan Perbelanjaan Lain Bagi Faedah Perubatan, Kemudahan-Kemudahan Pemulihan Dan Dialisis) 2016;
ii. Draf Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Kewangan dan Perakaunan) 2016; dan
iii. Draf Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial (Pindaan) 2016 (berkenaan Penubuhan Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Khas).

Draft Employment Insurance System Bill

The Employment Insurance System is a scheme providing additional protection and temporary aid to employees who have lost their jobs before obtaining new employment. The main objective of the Employment Insurance Scheme is to replace the lost income of those employees who have lost their jobs, provide reskilling and upskilling training to them as preparation in acquiring new jobs as well as provide job search services to them in obtaining suitable jobs expediently. The draft Employment Insurance System Bill has been submitted to the Cabinet for further action.

In addition to the above, in 2016 SOCSO has also presented several Social Security Regulations to the Legal Advisor of the Ministry of Human Resources, for submission to the Attorney General's Chambers. The Draft Regulations are:

i. Draft Employees' Social Security (Rates, Allowances, Incentives and Other Expenses for Medical Benefits, Rehabilitation and Dialysis Facilities) Regulations 2016;
ii. Draft Employees' Social Security (Finance and Accounting) Regulations 2016; and
iii. Draft Employees Social Security (General) Regulations (Amendment) 2016 (regarding the establishment of Medical Board and Special Medical Board).

2 PROGRAM *RETURN TO WORK*
Return To Work Programme

Program *Return To Work (RTW)* merupakan program kemudahan pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans PERKESO yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat.

Program RTW dilaksanakan menerusi pendekatan pengurusan hilang upaya yang sistematik di mana setiap kes yang layak dan bermotivasi diuruskan oleh seorang Pengurus Kes yang bertanggungjawab sebagai perantara antara Orang Berinsurans, doktor yang merawat, majikan, pusat rehabilitasi dan pihak-pihak lain yang terlibat bagi memastikan setiap masalah dan halangan Orang Berinsurans dapat diatasi dengan kadar segera melalui pendekatan yang terbaik.

Program berteraskan konsep *early intervention* dan mengguna pakai pendekatan biopsikososial iaitu merangkumi aspek biologi, psikologi dan sosiologi serta pendekatan pelbagai kaedah dan disiplin di mana penyediaan perkhidmatan pemulihan yang komprehensif adalah merupakan faktor penting dan utama yang menyumbang dalam proses mempercepatkan proses pemulihan Orang Berinsurans supaya dapat kembali semula ke alam pekerjaan dengan cepat serta dalam keadaan sihat dan selamat.

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2016, seramai 2,498 Orang Berinsurans yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan berbanding sasaran seramai 2,228 orang pada tahun sebelumnya. Sejak program ini dilancarkan sehingga 31 Disember 2016, seramai 15,479 peserta telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja.

The Return To Work Programme is a physical rehabilitation programme made available to SOCSO Insured Persons with disabilities arising out of injuries or illnesses to restore their physical and mental capacity as well as facilitate them towards a safe and fast return to work.

The Return To Work Program is implemented through systematic approach of disability management where each eligible and motivated case is managed by a Case Manager who acts as a mediator between the Insured Persons, doctor providing the treatment, employer, rehabilitation provider and other parties involved to ensure that all obstacles and challenges faced by the Insured Person is addressed in the best manner.

This program is implemented based on the concept of early intervention and applies a biopsychosocial approach encompassing biology, psychology and sociology as well as various other methods and disciplines where the provision of comprehensive rehabilitation services is a main and important factor that contributes to the acceleration of the rehabilitation process of the Insured Persons enabling them to return to work in a healthy and safe condition.

In 2016, a total of 2,498 Insured Persons who participated in this programme were successfully rehabilitated, compared to the target of 2,228 persons the previous year. Since the launch of the programme and up until 31st December 2016, a total of 15,479 Insured Persons have successfully been rehabilitated and returned to work.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area





Bengkel *Return To Work Coordinator (RTWC)*

Bengkel *Return To Work Coordinator (RTWC)* telah diadakan pada 29 hingga 31 Mac 2016 bertempat di Hotel Intercontinental Kuala Lumpur. Seramai lebih 60 peserta dari pelbagai sektor industri terlibat dalam bengkel ini berjaya diberi pendedahan berkaitan pengurusan hilang upaya. Antara objektif utama bengkel adalah untuk memberi pendedahan bagaimana mengendalikan proses pengurusan hilangupaya kepada pekerja. Program ini turut memberi pendedahan kepada majikan kaedah dan teknik pengurusan hilang upaya secara komprehensif dan terperinci sebagaimana yang dilaksanakan oleh PERKESO menerusi Program RTW.

Return To Work Coordinator Workshop

A Return To Work Coordinator workshop was held from 29th to 31st March 2016 at the Intercontinental Hotel in Kuala Lumpur. More than 60 participants from various industrial sectors were involved in the workshop and were successfully given exposure on disability management. Among the main objectives of the workshop was to give exposure on how to handle the disability management process for employees. This programme also exposed employers to comprehensive and detailed disability management methods and techniques such as those implemented by SOCSO through its Return to Work programme.

Kursus Peperiksaan CDMP

Seramai lebih 30 anggota PERKESO telah didedahkan dengan aspek pengurusan kes secara profesional dan komprehensif. Kursus ini dijalankan kepada calon kali pertama yang akan menduduki peperiksaan CDMP bagi Tahun 2016. Seramai 35 orang peserta telah mengikuti ketiga-tiga siri kursus ini bagi melayakkan mereka menduduki peperiksaan CDMP 2016. Sebanyak 3 Siri latihan dilaksanakan iaitu siri pertama pada 18 - 20 April 2016 di Pejabat PERKESO Negeri Selangor, Siri Kedua pada 4 - 6 Mei 2016 di Pejabat PERKESO Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Siri Ketiga pada 25 - 27 Mei 2016 di Pejabat PERKESO Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

CDMP Examination Course

More than 30 SOCSO staff were given training on professional and comprehensive case management. This course was attended by first-time candidates who were sitting for the CDMP examination in 2016. 35 participants underwent this three-course series to become eligible to sit for the 2016 CDMP examination. Three training sessions were held. The first session was held on 18th - 20th April 2016 at the Selangor SOCSO Office. The second session was held on 4th - 6th May 2016 at the Kuala Lumpur SOCSO Office and the final session was held on 25th - 27th May 2016, also at the Kuala Lumpur SOCSO Office.

Peperiksaan CDMP

Peperiksaan CDMP kali ini merupakan peperiksaan kali keenam dianjurkan PERKESO dengan kerjasama *National Institute of Disability Management & Research (NIDMAR)* Kanada. Seramai 68 anggota PERKESO terlibat menduduki peperiksaan ini yang berlangsung pada 1 Jun 2016 bertempat di Hotel Maluri Kuala Lumpur. Seramai 2 orang peserta telah lulus dan berjaya mendapat pengesahan professional bagi pensijilan CDMP kali ini.



CDMP Examination

This CDMP examination is the sixth examination organised by SOCSO in collaboration with the National Institute of Disability Management & Research (NIDMAR) Canada. 68 SOCSO staff sat for the examination on 1st June 2016, at the Maluri Hotel in Kuala Lumpur. 2 participants passed the examination and received professional accreditation for the CDMP certification.



BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area

International Forum on Disability Management (IFDM) 2016

International Forum on Disability Management (IFDM) 2016 merupakan sebuah forum antarabangsa berkaitan bidang pengurusan hilang upaya yang julung kalinya dianjurkan di Malaysia. IFDM telah diadakan pada 22 - 24 November 2016 di *Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)* yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri. Forum ini telah berjaya mengumpulkan seramai 1,280 peserta dari 39 buah negara seluruh dunia. Forum ini melibatkan penyertaan penceramah yang pakar dalam bidang pengurusan hilang upaya yang membincangkan topik-topik penting seperti cuti sakit berpanjangan, pengurusan sumber manusia, pemulihan fizikal, sokongan pekerjaan, penempatan pekerjaan dan perlindungan sosial serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Forum ini yang telah dirancang sejak tiga tahun lalu telah berjaya memberi pendedahan kepada ribuan majikan melalui penyertaan mereka.

International Forum on Disability Management (IFDM) 2016

The International Forum on Disability Management (IFDM) 2016 was, for the first time ever, organised by Malaysia. The forum was held on 22nd - 24th November 2016 at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) and was officially opened by YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, the Deputy Prime Minister of Malaysia. The forum successfully gathered 1,280 participants from 39 countries worldwide. It also involved the participation of expert speakers on disability management who discussed important topics such as prolonged medical leave, human resource management, physical rehabilitation, occupational support, work placement, social protection as well as occupational safety and health. The forum that was three years in the making was successful in giving exposure to thousands of employers through their participation.















Program *Disability & Equality Training*

Sebanyak dua siri Program *Disability & Equality Training (DET)* telah dilaksanakan dalam tahun 2016 iaitu pada 10 Mei 2016 bertempat di Pejabat PERKESO Negeri Pahang. Seramai 55 peserta telah hadir dari pelbagai syarikat sekitar Kuantan. Manakala siri kedua diadakan pada 17 Oktober 2016 bertempat di Pejabat PERKESO Negeri Johor. Seramai 53 orang peserta telah hadir daripada pelbagai sektor pekerjaan. Pada masa yang sama Program DET turut diadakan sebagai memberi pendedahan kepada majikan tentang pengurusan pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) dan hak kesamarataan kepada mereka. Program ini telah berjaya memberi pendedahan kepada lebih 100 majikan berkaitan pengurusan dan hak OKU dalam bidang pekerjaan.

Disability & Equality Training Programme

Two series of Disability & Equality Training (DET) programmes were held in 2016, with the first being on 10th May 2016 at the Pahang State SOCSO Office. A total of 55 participants from various companies around Kuantan attended the programme. The second session in the series was held on 17th October 2016 at the Johor State SOCSO Office. A total of 53 participants from various employment sectors attended the programme. The Disability & Equality Training programmes were held to expose employers to the management of disabled employees as well as their rights to equality. The programme reached more than 100 employers and exposed them to the management and rights of the disabled at the work place.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area



Karnival Kerjaya Golongan Khas

Program Karnival Kerjaya Golongan Khas telah diadakan di Pusat Rehabilitasi PERKESO (SRC) Melaka pada 14 Mei 2016. Program ini adalah hasil kerjasama PERKESO dan beberapa agensi lain seperti AADK, Penjara Parol, PERHEBAT, Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Rehab Hospital Melaka dan Jabatan Tenaga Kerja Melaka. Seramai 430 peserta yang hadir dan menjalani proses temuduga terbuka semasa sesi tersebut. Mereka terdiri daripada peserta yang sedang menjalani proses rehabilitasi di SRC, golongan pesara Angkatan Tentera Malaysia, pelatih dari AADK, ibu tunggal dan banduan yang telah pulih. Program ini telah memberi peluang kepada lebih 400 orang peserta menjalani sesi temuduga dan peluang mendapatkan pekerjaan.

Career Carnival for Special Groups

A Career Carnival for Special Groups was held at the SOCSO Rehabilitation Centre (SRC) in Melaka on 14th May 2016. This programme was the product of a collaboration between SOCSO and a few other agencies such as AADK, Prison Parole, PERHEBAT, Department of Women's Development, Rehabilitation Department of the Melaka Hospital and the Melaka Department of Labour. A total of 430 participants attended the carnival and underwent open interviews during the session. The participants comprised those who were undergoing rehabilitation at SRC, retirees of the Malaysian Armed Forces, trainees from AADK, single mothers and rehabilitated prisoners. This programme opened up interview and job opportunities to over 400 participants.



Lawatan Delegasi Social Security Namibia

Lawatan khusus bagi mendalami Program *Return To Work* PERKESO ini berlangsung pada 16 hingga 20 Mei 2016. Seramai 5 orang anggota Keselamatan Sosial Namibia telah hadir dalam lawatan tersebut. Selain pendedahan dalam bidang pengurusan kes secara teori, anggota delegasi ini juga telah dibawa melawat Pusat Rehabilitasi PERKESO Melaka di Ayer Keroh dan juga perbincangan bersama Pakar Rehabilitasi Hospital Seremban. Diharapkan menerusi program ini jalinan kerjasama berterusan dan perkongsian idea di antara dua buah negara dapat dilaksanakan.

Visit from the Namibian Social Security Delegation

A special visit by 5 members of the Namibian Social Security to study the SOCSO Return To Work programme took place on 16th - 20th May 2016. In addition to theoretical exposure on case management, the members of the delegation were also brought on a visit to the SOCSO Rehabilitation Centre in Ayer Keroh, Melaka. The delegation also participated in a discussion with the Rehabilitation Specialist from Seremban Hospital. It is hoped that this visit will result in continued cooperation and sharing of ideas between the two countries.

Perjanjian Persefahaman *Social Security Research Centre* (SSRC) dan PERKESO

Perjanjian Persefahaman antara *Social Security Research Centre* (SSRC) dan PERKESO telah dimeterai pada 1 Mac 2016 bertempat di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Perjanjian ini meliputi kerjasama dalam melantik SSRC sebagai *Test Agency* yang akan menguruskan peperiksaan dan penterjemahan modul serta peperiksaan CDMP & CRTWC. Pihak SSRC diwakili oleh YBhg. Prof Dato' Dr. Mohd Amin Jalaludin, Naib Canselor Universiti Malaya, selaku Pengarah SSRC manakala PERKESO diwakili oleh YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO. Menerusi perjanjian ini, SSRC telah diberi mandat sebagai *Test Agency* di Malaysia bagi melaksanakan terjemahan modul dan soalan peperiksaan ke dalam Bahasa Melayu, mengurus peperiksaan CDMP dan CRTWC di Malaysia

Memorandum of Understanding between the Social Security Research Centre (SSRC) and SOCSO

A memorandum of understanding between the Social Security Research Centre (SSRC) and SOCSO was signed on 1st March 2016 at the Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, Kuala Lumpur. The agreement cemented the cooperation between the two parties with SSRC's appointment as the Testing Agency that will handle the CDMP & CRTWC Examination & Module Translation. SSRC was represented by YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Amin Jalaludin, Vice Chancellor of the University of Malaya, in his capacity as the Director of SSRC whereas SOCSO was represented by YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO. Through this agreement, SSRC is given the mandate as the Testing Agency in Malaysia, to carry out translation of the CDMP and CRTWC module and examination questions into Bahasa Melayu, as well as managing the examinations in Malaysia.

Perjanjian Persefahaman Di Antara BPJS Ketenagakerjaan Indonesia dan RTW PERKESO

Perjanjian Persefahaman di antara BPJS Ketenagakerjaan Indonesia dan Cawangan *RTW* PERKESO dimeterai sempena berlangsungnya *International Forum on Disability Management (IFDM)* 2016 iaitu pada 23 November 2016 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre. Perjanjian ini meliputi kerjasama aspek pendidikan, perlatihan, penyelidikan dan aspek lain yang berkaitan. Pihak BPJS diwakili oleh Encik Agus Susanto, Pengarah Presiden BPJS manakala PERKESO diwakili oleh YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO. Lanjutan daripada perjanjian ini satu pasukan dari Indonesia akan dihantar bagi menjalani latihan pada tahun 2017.

Memorandum of Understanding Between *BPJS Ketenagakerjaan Indonesia* and SOCSO RTW

The Memorandum of Understanding between *BPJS Ketenagakerjaan Indonesia* and SOCSO RTW was signed in conjunction with International Forum on Disability Management (IFDM) 2016 on 23rd November 2016 at the Kuala Lumpur Convention Centre. This agreement encompasses the cooperation between the two parties concerning education, training, research and other relevant subjects. BPJS was represented by Mr. Agus Susanto, President Director of BPJS whilst SOCSO was represented by YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO. Following the signing of the agreement, a team from Indonesia will be sent to undergo training in 2017.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area





Perjanjian Persefahaman *National Institute of Disability Management & Research (NIDMAR)*, Kanada dan PERKESO

Perjanjian Persefahaman di antara *National Institute of Disability Management and Research (NIDMAR)*, Kanada dan PERKESO telah dimeterai sempena berlangsungnya *IFDM* 2016 pada 23 November 2016 bertempat di *Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)*. Perjanjian ini merupakan kelangsungan kepada kerjasama dalam aspek pendidikan, modul latihan dan peperiksaan bagi *Certified of Disability Management Professional (CDMP)* dan *Certified Return To Work Coordinator (CRTWC)* bagi tempoh 5 tahun lagi iaitu sehingga tahun 2021. Pihak *NIDMAR* telah diwakili Encik Wolfgang Zimmermann, Pengarah Eksekutif *NIDMAR* manakala PERKESO diwakili oleh YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO. Hasil daripada perjanjian persefahaman ini, pihak *NIDMAR*, Kanada bersetuju memberi peluang kepada PERKESO untuk mengikuti kursus Persijilan Profesional Antarabangsa kepada anggota PERKESO khususnya dalam bidang pengurusan hilang upaya.

Memorandum of Understanding between the National Institute of Disability Management & Research (NIDMAR), Canada and SOCSO



A Memorandum of Understanding between the National Institute of Disability Management and Research (NIDMAR), Canada and SOCSO was signed in conjunction with IFDM 2016 on 23rd November 2016 at the Kuala Lumpur Convention Centre. This agreement forms the continuation to the cooperation in respect of the education, training module and examination for the Certificate of Disability Management Professional (CDMP) and the Certificate of Return to Work Coordinator (CRTWC) courses, for a further period of 5 years up to 2021. NIDMAR was represented by Mr. Wolfgang Zimmermann, Executive Director of NIDMAR whereas SOCSO was represented by YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO. As a result of this memorandum of understanding, NIDMAR Canada has agreed to give the opportunity to SOCSO to send its staff to undergo the International Professional Certification course specifically in the field of disability management.

Program Dahsyatnya PERKESO

Program 'Dahsyatnya PERKESO' merupakan sebuah siri realiti televisyen 13 episod yang memaparkan 13 kisah peserta Program RTW yang telah berjaya kembali semula bekerja. Program realiti televisyen ini telah mula bersiaran pada 22 November 2016 setiap hari Selasa, bermula jam 9.30 hingga 10.00 malam di RTM1 dan Fahrin Ahmad sebagai hos program. Menerusi program ini, ia dapat mengetengahkan peranan PERKESO dalam menyediakan kemudahan komprehensif menerusi pendekatan pengurusan kes kepada pekerja supaya dapat berdikari dan kembali bekerja semula. Antara objektif utama adalah untuk memberi pendedahan dan publisiti peranan dan fungsi PERKESO kepada jutaan penonton di Malaysia.







Dahsyatnya PERKESO Programme

The *"Dahsyatnya PERKESO"* progamme is a 13-episode reality television series that portray the stories of 13 participants of the Return To Work programme who have successfully returned to employment. This reality television series began on 22nd November 2016 when it was broadcast every Tuesday at 9.30 to 10.00 pm on RTM1 with Fahrin Ahmad acting as the programme host. Through this programme, SOCSO's role in providing comprehensive facilities, through the approach of case management, to enable employees to become independent and to return to work, was highlighted. Among the main objectives of this programme was to give exposure and publicity of the role and functions of SOCSO to the millions of viewers in Malaysia.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area

3 PUSAT REHABILITASI PERKESO
SOCSO Rehabilitation Centre





Pusat Rehabilitasi PERKESO di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya Melaka telah dibina dan beroperasi pada 1 Oktober 2014. Antara objektif utama penubuhan Pusat Rehabilitasi ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan pemulihan yang berkualiti di samping membantu Orang Berinsurans PERKESO atau pekerja untuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional dan akhirnya kembali ke alam pekerjaan dengan cepat dan selamat.

Selain itu, Pusat Rehabilitasi PERKESO juga merupakan medium utama dalam merealisasikan Program *Return To Work*. Pusat Rehabilitasi ini menyediakan perkhidmatan rehabilitasi yang komprehensif dalam usaha mengembalikan Orang Berinsurans PERKESO ke dunia pekerjaan melalui program *Return To Work*. Antara modul rehabilitasi yang ditawarkan di Pusat ini adalah Fisioterapi, Terapi Cara Kerja, Optometri, Audiologi, Vokasional dan kemudahan lain seperti Wad dan Asrama.

Sehingga Disember 2016, seramai 824 pesakit telah mendapatkan rawatan pemulihan berbanding 531 pesakit pada 2015 melalui program rehabilitasi fizikal dan vokasional yang komprehensif bagi mengembalikan semula Orang Berinsurans PERKESO ke alam pekerjaan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan taraf hidup mereka.

The SOCSO Rehabilitation Centre in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka was completed and began its operations on 1st October 2014. Among the main objectives of the establishment of this Rehabilitation Centre is to provide quality rehabilitation services in addition to helping SOCSO Insured Persons or employees to by physically and vocationally rehabilitated for a fast and safe return to the working world.

Additionally, the SOCSO Rehabilitation Centre is also a key medium in realising the Return To Work Programme. This Rehabilitation Centre provides comprehensive rehabilitation services in the effort to return SOCSO Insured Persons to the working world under the Return To Work programme. Among the rehabilitation modules offered at the centre include Physiotherapy, Work Method Therapy, Optometry, Audiology as well as Vocational training. Other facilities available at the Centre include wards and hostels.

As of December 2016, a total 824 patients have received rehabilitation treatment compared to the 531 patients in 2015. These patients underwent a comprehensive physical and vocational rehabilitation programme to return such SOCSO Insured Persons to the working world. The programme inevitably improved the socioeconomy and wellbeing of the patients.



International Social Security Association (ISSA) Workshop on Prevention of Occupational Risks

Pada 12 - 14 Julai 2016, Pusat Rehabilitasi PERKESO telah menjadi tuan rumah bagi *International Social Security (ISSA) Workshop on Prevention of Occupational Risks*. Bengkel selama 3 hari ini disertai oleh 11 orang delegasi dari beberapa negara seperti Switzerland, Jerman, Kuwait, Vietnam, Singapura, Indonesia dan wakil dari PERKESO. Para delegasi turut membuat lawatan ke setiap fasiliti rehabilitasi yang terdapat di Pusat Rehabilitasi PERKESO untuk melihat persekitaran serta jenis perkhidmatan yang disediakan di pusat ini.

Para delegasi juga telah didedahkan kepada konsep dan langkah pelaksanaan pencegahan risiko pekerjaan yang efektif berdasarkan kepada ISSA *Guidelines on Prevention of Occupational Risks*. Delegasi juga telah didedahkan kepada objektif dan fungsi Pusat Rehabilitasi PERKESO untuk memulihkan pekerja yang mengalami kecederaan agar dapat berdikari dan kembali bekerja semula.

International Social Security Association (ISSA) Workshop on Prevention of Occupational Risks

The SOCSO Rehabilitation Centre hosted the International Social Security (ISSA) Workshop on Prevention of Occupational Risks from 12th to 14th July 2016. The 3-day workshop was attended by 11 delegates from various countries such as Switzerland, Germany, Kuwait, Vietnam, Singapore, Indonesia as well as representatives from SOCSO Malaysia. Delegates also toured each rehabilitation facility at the SOCSO Rehabilitation Centre to view the rehabilitation environment and services provided.

Delegates were exposed to the concept and effective implementation of occupational risk prevention based on the ISSA Guidelines on Prevention of Occupational Risks. Delegates were also exposed to the objective and function of SOCSO Rehabilitation Centre to rehabilitate injured workers and enable them to be independent and return to work.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area





Bengkel Persijilan Kemahiran Kerusi Roda

Bengkel Persijilan Kemahiran Kerusi Roda telah diadakan di Pusat Rehabilitasi PERKESO pada 18 hingga 23 Julai 2016. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Assoc. Prof. Tomasz Tasiemski dari Poland dan dihadiri oleh 20 orang peserta dari dalam dan luar Pusat Rehabilitasi PERKESO. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mendalami pengetahuan dan meningkatkan tahap kemahiran penggunaan kerusi roda di kalangan pasukan rehabilitasi dan pesakit dengan kecederaan saraf tunjang.

International Wheelchair Skills Certification Workshop

A Wheelchair Skills Certification Workshop was held at the SOCSO Rehabilitation Centre on 18th to 23rd July 2016. The workshop was conducted by Assoc. Prof. Tasiemski Tomasz from Poland and was attended by 20 participants from within and outside the SOCSO Rehabilitation Centre. The aim of this workshop is the acquiring of knowledge and enhancement of skills in wheelchair use among rehabilitation practitioners and patients with spinal cord injury.

Bengkel Teknik Penanaman dan Pertanian ke Arah Bumi Hijau

Bengkel selama 2 hari ini telah diadakan dari 22 hingga 23 Ogos 2016 di Pusat Rehabilitasi PERKESO. Bengkel ini turut disertai oleh pengerusi PUSPANITA PERKESO YBhg. Datin Wahinah Haroon Rasheed dan YBhg. Datin Azlaily Abdul Rahman, Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat) serta anggota dari Pusat Rehabilitasi PERKESO. Objektif utama bengkel ini adalah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, teknik pertanian serta cara mengendalikan aktiviti teraputik berkebun untuk pesakit di Pusat Rehabilitasi PERKESO di bawah Jabatan Terapi Carakerja. Aktiviti teraputik berkebun memberi kesan yang positif terhadap pesakit dari aspek kemahiran kognitif, fizikal, sensori, psikologikal dan integrasi sosial.

Workshop on Cultivation and Agricultural Techniques towards a Green Earth

The 2-day workshop was held on 22 - 23rd August 2016 at the SOCSO Rehabilitation Centre. The workshop was attended by the Datin Wahinah Haroon Rasheed, Chairman of PUSPANITA PERKESO and Datin Azlaily Abdul Rahman, Deputy Executive Director (Corporate) and the staff of SOCSO Rehabilitation Centre. The main objective of this workshop is to obtain information, agricultural techniques and to learn the methods of managing therapeutic gardening activities for patients at the SOCSO Rehabilitation Centre under the Department of Occupational Therapy. Therapeutic gardening activities have a positive impact on patients in their cognitive and physical skills, sensory abilities, as well as psychological and social integration.









Pemilihan Atlet Paralimpik Majlis Sukan Negara (MSN)

Pada 14 hingga 16 Mac 2016, Pusat Rehabilitasi PERKESO telah menjadi tuan rumah bagi Program Pemilihan Atlet Paralimpik Majlis Sukan Negara. Kebanyakan peserta atau pesakit di pusat ini telah menghadiri sesi pemilihan tersebut dan menerima pendedahan daripada Pegawai Sukan Majlis Sukan Negara dan Atlet Paralimpik Negara. Antara sukan yang menjadi pilihan Majlis Sukan Negara pada sesi tersebut adalah sukan memanah, ping pong, lawan pedang dan sukan renang. Program tersebut telah memberi pendedahan terbaik berkenaan Sukan Paralimpik dan seterusnya mewujudkan budaya sihat dan cergas di kalangan warga Pusat Rehabilitasi PERKESO.

Selection of Paralympic Athletes by the National Sports Council

On 14th – 16th March 2016, the SOCSO Rehabilitation Centre hosted the Paralympic Athletes Selection Programme by the National Sports Council. Most of the insured persons or patients at the centre attended the selection process and received exposure from the National Sports Council Sports Officials and the national paralympic athletes. Among the sporting disciplines selected by the National Sports Council during the session include archery, table tennis, fencing and swimming. The programme has given the best exposure in respect of Paralympic Sports and subsequently created a healthy and active culture among the staff and patients of the SOCSO Rehabilitation Centre.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area

Lawatan Delegasi *ISPMR World Congress* dari Myanmar

Pada 28 Mei 2016, seramai 7 orang doktor rehabilitasi dari beberapa hospital dan universiti di Yangon dan Myanmar telah berkunjung ke Pusat Rehabilitasi PERKESO sempena *International Society of Physical and Medicine Rehablitation World Congress.* Delegasi yang diketuai oleh Profesor Khin Myo Hla, Presiden, *Myanmar Society of Rehabilitation Medicine* telah hadir bagi melihat sendiri fasiliti dan jenis perkhidmatan rehabilitasi yang terdapat di Pusat Rehabilitasi PERKESO.

Visit from ISPMR World Congress Delegates from Myanmar

On 28th May 2016, a total of 7 rehabilitation physicians from various hospitals and universities in Yangon, Myanmar visited the SOCSO Rehabilitation Centre in conjunction with the International Society of Physical and Medicine Rehabilitation World Congress. The delegation led by Professor Khin Myo Hla, President, Myanmar Society of Rehabilitation Medicine came to witness the facilities and rehabilitation services available at the SOCSO Rehabilitation Centre.

Lawatan Delegasi *ISPMR World Congress* dari China

Pada 1 Jun 2016, seramai 13 orang delegasi dari beberapa syarikat pembekal alatan rehabilitasi negara China telah berkunjung ke Pusat Rehabilitasi PERKESO untuk mendapat pendedahan tentang fasiliti dan rawatan rehabilitasi yang disediakan oleh pusat ini.

Visit from ISPMR Delegates from China

On 1st June 2016, a total of 13 delegates from various suppliers of rehabilitation equipment visited the SOCSO Rehabilitation Centre to view the facilities and rehabilitation services provided there.

Lawatan Sambil Belajar Delegasi dari *Emerging Leaders' Dialogues Asia* (ELDA) 2016

Pada 26 Oktober 2016, seramai 11 orang delegasi dari beberapa negara Komanwel di bawah *Emerging Leaders' Dialogues* Asia iaitu Australia, Kanada, UK, Sri Lanka, Zambia dan Malaysia telah hadir di Pusat Rehabilitasi PERKESO. Program ini merupakan sebahagian daripada lawatan sambil belajar di Melaka. Tujuan lawatan adalah untuk melihat sendiri peranan Pusat Rehabilitasi PERKESO dalam mengintegrasikan orang kurang upaya ke alam pekerjaan yang aktif.



Study Tour by Delegates of the Emerging Leaders' Dialogues Asia (ELDA) 2016

On 26th October 2016, a total of 11 delegates from various Commonwealth countries who were part of the Emerging Leaders' Dialogues Asia (ELDA) such as Australia, Canada, UK, Sri Lanka, Zambia and Malaysia visited the SOCSO Rehabilitation Centre as part of their Malacca Study Tour. The objective of the visit is to view the role of SOCSO Rehabilitation Centre in integrating the disabled into the active workfield.

Lawatan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS)

Pada 8 Oktober 2016, seramai 60 orang peserta daripada JRKS telah membuat lawatan dan mengadakan sesi penggambaran di Pusat Rehabilitasi PERKESO sebagai sebahagian daripada aktiviti program seminar JRKS 2016 di Melaka.

Visit from the Social Security Appellate Board

On 8th October 2016, a total of 60 participants from the Social Security Appellate Board visited the SOCSO Rehabilitation Centre and had a group photograph session as part of their seminar programme in Melaka.



Lawatan PUSPANITA Cawangan Kementerian Sumber Manusia (KSM)

Pada 11 Oktober 2016, seramai 52 orang delegasi daripada PUSPANITA KSM yang diketuai oleh YBhg. Datin Sri Roslina Binti Mohd. Zain, Pengerusi PUSPANITA KSM telah hadir mengadakan lawatan ke Pusat Rehabilitasi PERKESO. Tujuan lawatan adalah untuk melihat fasiliti dan jenis rawatan pemulihan yang disediakan termasuk Taman Terapeutik Rehab.

Visit from the Ministry of Human Resources (MOHR) PUSPANITA

On 11th October 2016, a total of 52 delegates from the Ministry of Human Resources Malaysia (MOHR PUSPANITA), led by YBhg. Datin Sri Roslina Binti Mohd Zain, the Chairman of MOHR PUSPANITA, visited the SOCSO Rehabilitation Centre to view the facility and types of treatment offered including the Rehabilitation Therapeutic Garden.

Lawatan Pasca Persidangan *International Forum on Disability Management (IFDM)* 2016

Pada 25 November 2016, seramai 30 orang delegasi dari beberapa buah negara telah melawat Pusat Rehabilitasi PERKESO sebagai lawatan pasca persidangan *IFDM* untuk melihat persekitaran dan jenis rawatan pemulihan yang terdapat di pusat ini.

International Forum on Disability Management (IFDM) 2016 Post-Conference Visit

On 25th November 2016, a total of 30 delegates from several countries visited the SOCSO Rehabilitation Centre as part of the IFDM post-conference visit to view the rehabilitation environment and treatments provided at the centre.



BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area





Lawatan Delegasi *Workers Compensation Fund (WCF)* Tanzania

Pada 14 Disember 2016, seramai 9 orang delegasi dari WCF Tanzania telah melawat Pusat Rehabilitasi PERKESO. Sepanjang lawatan tersebut, delegasi telah didedahkan kepada konsep dan semua perkhidmatan rehabilitasi yang terdapat di pusat ini.

Visit from the Tanzanian Workers Compensation Fund (WCF) Delegates

On 14th December 2016, a delegation of 9 people from the Tanzanian Workers Compensation Fund visited the SOCSO Rehabilitation Centre. During the visit, delegates were exposed to the concept of and the rehabilitation services available at this centre.

Sambutan Hari Terapi Carakerja Sedunia

Hari Terapi Carakerja Sedunia telah diadakan di Pusat Rehabilitasi PERKESO pada 28 Oktober 2016. Objektif utama program sambutan Hari Terapi Carakerja ini adalah untuk memberi pendedahan dan informasi kepada Orang Berinsurans (OB) tentang perkhidmatan terapi carakerja dan sebagai tanda penghargaan serta sokongan kepada semua jurupulih terapi carakerja di Pusat Rehabilitasi PERKESO. Sambutan ini adalah salah satu platform yang membolehkan semua anggota Terapi Carakerja berinteraksi secara sosial dengan semua pesakit melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan.



World Occupational Therapy Day

The World Occupational Therapy Day was held at the SOCSO Rehabilitation Centre on 28th October 2016. The main objectives of the Occupational Therapy Day celebration programme was to raise the awareness of and disseminate information to the Insured Persons about occupational therapy services, as well as a celebration of appreciation and support to all the occupational therapists at the SOCSO Rehabilitation Centre.



Sambutan Hari Jururawat Sedunia

Pada 13 Mei 2016, Unit Kejururawatan telah menganjurkan Hari Jururawat Sedunia peringkat Pusat Rehabilitasi PERKESO. Program ini telah disertai seramai 82 orang yang terdiri daripada kakitangan Pusat Rehabilitasi PERKESO, Orang Berinsurans dan wakil dari Akademi Pakar Kecantikan QMO Melaka. Tujuan program sambutan ini adalah untuk memberi sokongan dan penghargaan kepada semua jururawat yang telah memberi perkhidmatan terbaik kepada pesakit-pesakit di Pusat Rehabilitasi PERKESO. Perkhidmatan percuma seperti menggunting rambut dan rawatan kuku telah diberikan kepada pesakit-pesakit. Peserta dan Orang Berinsurans khususnya telah mendapat khidmat nasihat dan perkhidmatan berkaitan dengan kebersihan dan kekemasan diri.

International Nurses Day Celebration

On 13th May, 2016, the SOCSO Rehabilitation Centre nursing unit organised an International Nurses Day celebration at the centre. The programme was attended by 82 people comprising the staff of SOCSO Rehabilitation Centre, Insured Persons and representatives from the QMO Beauty Experts Academy, Melaka. The aim of this program is to give support and appreciation to all the nurses who have provided the best service to patients at the SOCSO Rehabilitation Centre. Free services such as haircuts and manicures were given to patients. Participants and Insured Persons specifically received advice and services related to personal hygiene and grooming.

DFA Design for Asia Awards 2016, Hong Kong (Grand Award)

Pada 30 November 2016, Pusat Rehabilitasi PERKESO telah memenangi DFA *Design for Asia Awards (Grand Award)*, anjuran *Hong Kong Design Centre (HKDC)* untuk kecemerlangan reka bentuk yang melambangkan estetika dan budaya Asia. Majlis anugerah ini telah diadakan di *Hong Kong Convention Centre.*

DFA Design for Asia Awards 2016, Hong Kong (Grand Award)

On 30th November 2016, the SOCSO Rehabilitation Centre won the DFA Design Asia Grand Award, organised by Hong Kong Design Centre (HKDC) for its design excellence that embodies Asian aesthetics and culture. The award ceremony was held at the Hong Kong Convention & Exhibition Centre.



BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area

4 PROGRAM SARINGAN KESIHATAN (HSP)
Health Screening Programme (HSP)

Pada tahun 2016, sebanyak 230,854 baucar saringan kesihatan telah diedarkan kepada pekerja yang layak. Secara keseluruhannya sebanyak 2.4 juta baucar telah diedarkan kepada pekerja melalui majikan masing-masing sejak program ini dilancarkan pada tahun 2013. Sehingga 31 Disember 2016 sebanyak 479,666 pencarum PERKESO telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan daripada jumlah tersebut, 164,209 orang wanita telah menjalani pemeriksaan mamogram. Perbelanjaan saringan kesihatan ini melibatkan sejumlah RM3.7 juta pada tahun 2016.

Analisa data bagi tempoh 36 bulan bermula dari Januari 2013 sehingga Disember 2015 telah dilakukan terhadap 428,985 orang pekerja yang telah menjalani saringan kesihatan. Hasil analisa menunjukkan 63.2% daripada pekerja tidak pernah menjalani saringan kesihatan sebelum ini. Ini menunjukkan Program HSP telah berjaya memberi kesedaran kepada pekerja untuk menjalani saringan kesihatan sebagai langkah pengesanan awal penyakit tidak berjangkit.

Analisis faktor risiko bagi penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, diabetes, tekanan darah tinggi dan kolestrol menunjukkan 39% daripada pekerja yang menjalani saringan kesihatan ini mempunyai masalah lebihan berat badan dan 34% mengalami obesiti. 27% daripada pekerja tersebut mempunyai tekanan darah tinggi dan 9% menghidap kencing manis. Juga didapati, 62% daripada pekerja yang menjalani saringan kesihatan ini mempunyai kadar kolestrol yang tinggi. Pemeriksaan mamogram pula mendapati 1.1% daripada pekerja wanita yang menjalani pemeriksaan mamogram mempunyai keputusan pemeriksaan yang berkemungkinan tinggi menghidap barah payudara.

In 2016, a total of 230,854 health screening vouchers were distributed to eligible employees. Overall, 2.4 million vouchers have been distributed to employees through their employers since the launch of this programme in 2013. As at 31st December 2016, 479,666 SOCSO contributors have undergone health examinations and out of that total, 164,209 women underwent mammogram examinations. The health screening programme involved an expenditure of RM3.7 million in 2016.

A data analysis for the period of 36 months from January 2013 to December 2015 was carried out on 428,985 employees who have undergone health screenings. The results of the analysis show that 63.2% of the employees have never undergone any health screening before. This shows that the Health Screening Programme is successful in raising the awareness of employees regarding health screening as a method of early detection of non-communicable diseases.

An analysis of the risk factors of non-communicable diseases such as obesity, diabetes, hypertension and cholesterol showed that 39% of the employees who underwent health screening have weight problems and 34% of the employees are obese. 27% of the employees have high blood pressure and 9% suffer from diabetes. The results also show that 62% of the employees who underwent health screenings have high cholesterol levels. The mammogram examinations found that 1.1% of the female employees have high possibility of having breast cancer.

Dengan penemuan ini, ia menunjukkan penyakit tidak berjangkit menjadi salah satu faktor yang menggugat tahap kesihatan pekerja, menjejaskan modal insan dan memberi kesan buruk kepada sumber pendapatan dan kewangan. Bagi memastikan penggunaan baucar yang lebih meluas, PERKESO telah mengambil pelbagai inisiatif dan hebahan mengenai program ini kepada orang ramai menerusi jalinan kerjasama dan penambahan klinik panel pemeriksaan kesihatan di seluruh negara.

Such findings show that non-communicable disease is one of the factors that pose a threat to the health of employees, affecting human capital and having detrimental effects to their income and financial sources. To ensure more widespread usage of the vouchers, SOCSO has taken various initiatives and conducted public discourses on the programme through networking and increasing the number of panel clinics for health screening nationwide.

Aktiviti Promosi Berkala Sepanjang Tahun

PERKESO telah melaksanakan promosi untuk program *Health Screening Programme (HSP)* melalui pelbagai kaedah serta saluran media sama ada media cetak mahupun media elektronik sepanjang tahun 2016. Program termasuk pengiklanan di saluran Astro, akhbar dan majalah, temu bual di radio dan televisyen, dan pembukaan kaunter pameran dalam program/ majlis yang berkaitan. Pekerja juga boleh menyemak dan mengenalpasti lokasi klinik panel HSP melalui aplikasi *BookDoc* yang juga memudahkan penetapan temujanji saringan kesihatan melalui aplikasi mudah alih.


Rakyat Malaysia abai kesihatan?

Program Saringan Kesihatan Percuma Perkeso tidak mendapat sambutan

KUALA LUMPUR 7 Jun - Apakah rakyat Malaysia tidak peduli soal kesihatan? Itulah persoalan yang timbul apabila Program Saringan Kesihatan Percuma Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) boleh dianggap gagal dan tidak mendapat sambutan.

Ia terbukti apabila 80 peratus daripada 2.4 juta penerima baucar melalui program tersebut tidak menggunakan kemudahan berkenaan bagi pemeriksaan kesihatan dari

Petikan daripada Utusan *Online*, 7 Jun 2016
Excerpt from Utusan Online, 7th June 2016



Petikan daripada BH *Online*, 17 April 2016
Excerpt from BH Online, 17th April 2016

Year-long Regular Promotional Activities

Throughout 2016, SOCSO carried out promotional activities for the Health Screening Programme (HSP) through various methods and media channels, both print and electronic. The activities included advertistments on Astro network, newspapers and magazines, radio and television interviews and the opening of exhibition counters at related events. Employees can also check and identify the location of HSP Panel Clinics using the BookDoc application which also facilitates making health screening appointments.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area

My HSP Status

Fungsi portal SeHAT telah ditambahbaik dengan memperkenalkan fungsi My HSP Status. Fungsi ini membolehkan pekerja menyemak kelayakan mereka bagi Program HSP tanpa perlu menghubungi PERKESO dengan hanya menggunakan nombor kad pengenalan. Pekerja hanya perlu melayari laman web **sihat.perkeso.gov.my** dan membuat semakan kelayakan dengan memasukkan nombor kad pengenalan.

My HSP Status

The functions of the SeHAT portal was improved with the introduction of the My HSP Status function. This function enables employees to check their eligibility for the Health Screening Programme, without having to contact SOCSO, by just using their identification card number. Employees just need to visit the website sihat.perkeso.gov.my and check their eligibility by entering their identification card number.







Program Saringan Kesihatan Bergerak

Program HSP di premis majikan dijalankan oleh Pengarah Pejabat Negeri / Pengurus Pejabat PERKESO di seluruh negara bagi memudahkan akses pekerja kepada program ini. Melalui program ini, majikan akan bekerjasama dengan PERKESO dan klinik panel HSP bagi menyediakan perkhidmatan saringan kesihatan kepada pekerja di premis majikan tanpa perlu mengunjungi klinik. Pada tahun 2016, sebanyak 350 program telah dijalankan dan seramai 9,634 orang pekerja telah mengambil peluang menjalani saringan kesihatan melalui program ini.

Mobile Health Screening Programme

Health Screening Programmes on employer premises were carried out by Director of State Office / SOCSO Manager Office nationwide to give employees access to the programme. Through the programme, employers collaborate with SOCSO and HSP Panel Clinics in providing health screening services to employess on their premises without having to go to the clinics. In 2016, 350 such programmes were conducted and 9,634 employees took the opportunity to undergo health screening through the programme.





PERKESO *Run and Ride* 2016

PERKESO menerusi kerjasama rakan strategik bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui Program *KL Car Free Morning* telah menganjurkan Program *SOCSO Run and Ride* 2016 yang merupakan kali kedua ianya dianjurkan. Program ini merupakan salah satu usaha PERKESO mempromosikan gaya hidup sihat dan menggalakkan warga pekerja bergiat aktif dan kekal cergas. Penganjuran kali ini juga diadakan sekali dengan majlis Pra Pelancaran Hari Pekerja 2016 yang disambut pada 1 Mei 2016. Program ini melibatkan seramai 5,000 orang peserta dan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd Muttalib.

SOCSO Run and Ride 2016

SOCSO, in collaboration with its strategic partner, the Kuala Lumpur City Hall, organised the 2nd SOCSO Run and Ride 2016 which was held during the KL Car Free Morning event. This programme is one of SOCSO's efforts in promoting a healthy lifestyle and encouraging its staff to keep active and fit. This event was also held together with the Pre-Launch of the 2016 Labour Day which was celebrated on 1st May 2016. The programme involved 5,000 participants and was officiated by the Deputy Minister of Human Resources, YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib.

Garis Panduan Promosi Kesihatan di Tempat Kerja

PERKESO telah bekerjasama dengan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia untuk menerbitkan Garis Panduan Promosi Kesihatan Di Tempat Kerja. Garis panduan ini diterbitkan sebagai rujukan kepada majikan untuk menjalankan program kesihatan di tempat kerja dan dirangka secara komprehensif untuk meningkatkan kebarangkalian kejayaan program. Garis panduan ini diterbitkan selaras dengan inisiatif Promosi Kesihatan di Tempat Kerja yang akan dijalankan pada tahun 2017.

Guidelines on Health Promotion at the Workplace

SOCSO collaborated with the Health Promotions Board Malaysia to publish the Guidelines on Health Promotion at the Workplace. This set of guidelines was published as a reference for employers who wish to conduct health programmes at the workplace and was comprehensively designed to improve the probability of success of the programme. This set of guidelines was published in line with the Health Promotion at the Workplace initiative which will take place in 2017.



5 PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
Occupational Safety and Health Programme

Pelaksanaan Program Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan PERKESO adalah sejajar dengan Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia dan Teras 4 Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020 yang menggariskan keperluan untuk menjalankan aktiviti pencegahan dan promosi kesihatan. Objektif utama adalah untuk meningkatkan kesejahteraan sosial pelanggan selari dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020 (OSHMP 2020) serta Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020. Berdasarkan *trend* dan statistik kemalangan perjalanan terus menunjukkan peningkatan setiap tahun dan telah mengakibatkan kehilangan upaya dan kematian di kalangan Orang Berinsurans, di samping kos pampasan yang turut meningkat. Justeru program-program pencegahan kemalangan jalan raya perlu diteruskan dan dipertingkatkan untuk kesejahteraan pencarum PERKESO. Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan kolaborasi antara PERKESO bersama institusi keselamatan dan kesihataan pekerjaan di negara ini seperti yang digariskan di bawah Seksyen 40 AKSP.

Perlaksanaan program adalah dengan memberi fokus kepada sektor utama yang menyumbang kepada Bencana Kerja dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan tersebut. PERKESO telah melaksanakan aktiviti-aktiviti pencegahan yang meliputi pelbagai aspek pencegahan terutamanya kemalangan perjalanan yang menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pada tahun 2016, PERKESO telah berjaya melaksanakan sebanyak 318 Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 130 Program Kesedaran Kemalangan Perjalanan dan 50 Program *"OSH Compliance Support for SME"*.

The implementation of the SOCSO Occupational Safety and Health Programme is in line with the Strategic Plan of the Ministry of Human Resources as well as Thrust 4 of the SOCSO Strategic Plan 2016 - 2020 which outlines the need for prevention activities and health promotions. The main objective is to improve the social wellbeing of clients in line with the Occupational Safety and Health Master Plan 2020, and the Malaysian Road Safety Plan 2014 - 2020. Trends and statistics show that commuting accidents continue to increase each year which, in turn, cause disability and death among Insure Persons in addition to increasing the compensation costs. Thus, road accident prevention programmes need to be continued and intensified in the interest of the wellbeing of SOCSO contributors. The implementation of this programme is based on a collaboration between SOCSO and the national institute of occupational safety and health, as outlined by Section 40 of the Employees' Social Security Act.

The programme was implemented with a focus on the main sectors contributing towards employment injuries in the effort to reduce the number of such incidents. SOCSO carried out prevention activities that covered various aspects of prevention especially commuting accidents which have increased each year. In 2016, SOCSO managed to carry out 318 occupational safety and health programmes, 130 commuting accident programmes and 50 OSH Compliance Support for SME programmes.

Kempen Perjalanan Selamat ke Tempat Kerja Kebangsaan 2016

Telekom Malaysia Berhad (TM) telah dipilih untuk bekerjasama dengan PERKESO dalam menjayakan Kempen Perjalanan Selamat ke Tempat Kerja Kebangsaan 2016. Tema "Janji Selamat Pergi Balik Kerja" masih lagi dikekalkan seperti tahun sebelumnya. Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Haji Ismail bin Haji Abdul Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia bertempat di Menara TM, Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur pada 12 April 2016. Buat julung kalinya majlis pelancaran ini telah dibuat secara lintas langsung interaktif dengan menghubungi empat pejabat cawangan TM di Kuching, Kuantan, Shah Alam dan Johor Bahru.

National Safe Commuting to Work Campaign 2016

Telekom Malaysia Berhad (TM) was selected to cooperate with SOCSO in the implementation of the National Safe Commuting to Work Campaign 2016. The theme *"Janji Selamat Pergi Balik Kerja"* was maintained as per the previous year. The campaign was officially launched by YB Dato' Seri Haji Ismail bin Haji Abdul Muttalib, Deputy Minister of Human Resources at Menara TM, Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur on 12th April 2016. For the first time ever, the launch ceremony was broadcast live interactively with four TM branch offices, namely Kuching, Kuantan, Shah Alam and Johor Bahru.











BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area

Program Advokasi dan Pencegahan Kemalangan

Dalam usaha menurunkan kadar kemalangan terutamanya kemalangan perjalanan tercapai sepertimana yang disasarkan oleh PERKESO, sebanyak 405 program advokasi pencegahan kemalangan perjalanan telah dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2016 dengan tumpuan terhadap 100 majikan yang mencatatkan kemalangan yang tertinggi. Hasil daripada program yang telah dilaksanakan, sebanyak 156 majikan dari jumlah tersebut telah mencatatkan penurunan kadar kemalangan sebanyak 10% berbanding tahun sebelumnya.





Advocacy and Accident Prevention Programme

In the effort to lower accident rates, especially commuting accidents, to meet the target stipulated by SOCSO, 405 advocacy and accident prevention programmes were carried out nationwide in 2016, with focus being given to the top 100 employers recording the highest amount of accidents. As a result of the programmes conducted, 156 employers have recorded a reduction of 10% in their accident rates compared to the previous year.

"SKETSO 2"

Kesinambungan daripada kejayaan "SKETSO" pada tahun 2015, PERKESO sekali lagi telah menerbitkan "SKETSO 2" yang berkonsepkan sketsa komedi dalam memberi panduan dan mesej keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta pencegahan kemalangan semasa perjalanan. Slot yang telah ditayang mulai 21 September 2016 hingga 30 November 2016 telah mendapat rating melebihi 7 juta penonton sepanjang 10 minggu penyiarannya.

Inisiatif untuk mengurangkan kadar kemalangan bencana kerja khususnya kemalangan perjalanan, PERKESO telah mengambil langkah-langkah proaktif dan menjalin kerjasama bersama agensi yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), institusi pengajian awam/swasta dan juga semua ahli Jawatankuasa Pencegahan Bencana Kerja PERKESO dalam melaksanakan "Program Sokongan Keselamatan Perjalanan" kepada 20 majikan. PERKESO juga mensasarkan sebanyak 420 program advokasi yang akan dilaksanakan pada tahun 2017 melalui pejabat PERKESO di seluruh negara sebagai mana digariskan dalam Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020.

"SKETSO 2"

Following the success of "SKETSO" in 2015, SOCSO once again produced a programme entitled "SKETSO 2" which is based on the concept of comedic sketch, in giving guidance and a message of occupational safety and health as well as commuting accident prevention. The slot which began airing on 21st September 2016 up until 30th November 2016 managed to garner ore than 7 million viewers during the 10 weeks of its broadcast.

In the drive to reduce employment injuries, in particular commuting accidents, SOCSO has taken proactive steps and established collaborations with the relevant agencies such as the Royal Malaysian Police, the Malaysian Intitute of Road Safety Research, public/private educational intitutions and all members of the SOCSO Employment Injury Prevention Committee in carrying out "Commuting Accident Support Programme" with 20 employers. SOCSO has also targeted a total of 420 advocacy programmes to be carried out in 2017 through SOCSO offices nationwide as outlined in the SOCSO Strategic Plan 2016 - 2020.

6 PROGRAM MERAKYATKAN PERKESO
SOCSO Outreach Programme

Pembukaan Pejabat Baharu

PERKESO komited berusaha untuk terus mendekati rakyat menerusi inisiatif meluaskan jaringan perkhidmatan dengan pembukaan pejabat baharu di lokasi-lokasi strategik yang bertujuan untuk memudahkan akses kepada pelanggan berurusan dengan PERKESO. Pada tahun 2016, PERKESO telah membuka pejabat baharu di Limbang dan di Serian Sarawak. Kini PERKESO telah mempunyai 51 pejabat di seluruh negara. Pembukaan pejabat- pejabat baharu PERKESO merentasi sempadan merupakan usaha murni mendekati rakyat untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Publisiti dan Promosi Korporat

Program dan inisiatif publisiti diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada golongan pekerja dan majikan berkaitan skim dan faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO. Sepanjang tahun 2016, PERKESO telah melaksanakan aktiviti publisiti dan promosi melalui pelbagai kaedah serta saluran media sama ada media cetak mahupun media elektronik. Di antaranya termasuk iklan di saluran Astro, pelbagai akhbar dan cetakan iklan, temu bual di televisyen, penampilan radio dan pembukaan kaunter pameran dalam acara-acara awam. Program ini juga turut dipromosikan oleh pejabat-pejabat PERKESO melalui penglibatan secara langsung bersama majikan dan pekerja dalam program di tempat majikan, melalui seminar dan ceramah.

Opening of New Offices

SOCSO is committed in its efforts to continue reaching the people by taking the initiative to expand its network of services. This was achieved with the opening of new offices in strategic locations aimed at facilitating access for the clients in dealing with SOCSO. In 2016, SOCSO opened new offices in Limbang and Serian, Sarawak. To date, SOCSO has 51 offices nationwide. With the opening of these new offices, SOCSO has gone beyond to the boundaries of its noble efforts in reaching the people to provide them with the best service.

Publicity and Corporate Promotion

Publicity programmes and initiative are carried out with the purpose of imparting understanding and awareness to employees and employers regarding the schemes and benefits provided by SOCSO. Throughout 2016, SOCSO carried out promotional and publicity activities through various methods as well as media channels, whether print or electronic media. This includes advertisements on Astro network, newspapers and print advertisements, television and radio interviews and appearances, and the opening of exhibition counters at public events. Promotional activities were also undertaken by SOCSO offices through their direct involvement with employers and employees at the employers' premises, through seminars as well as talks.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area

Publisiti melalui media massa telah memainkan peranan penting dalam memastikan semua informasi mengenai PERKESO dapat disebar luas kepada orang ramai. Publisiti melalui media cetak telah diterbitkan di akhbar-akhbar utama tempatan seperti di Utusan Malaysia, Kosmo, Berita Harian, Harian Metro, The Star, New Straits Times, The China Press, Nanyang Siang Pau, Tamil Nesan, Malaysia Namban, Sarawak Borneo dan Sabah Borneo.

Hebahan publisiti meluas juga turut diadakan melalui radio dan media elektronik utama antaranya di TV1, TV2, TV3, NTV7, TV8, TV9, TV Al Hijrah, Bernama TV, Astro serta Radio KLfm, Radio Minalfm, Radio Traxxfm dan Radio KLfm.



Publicity in the mass media has played an important role in ensuring that all information on SOCSO is disemminated to the public. Publicity through the print media was published in major local newspapers such as Utusan Malaysia, Kosmo, Berita Harian, Harian Metro, The Star, New Straits Times, The China Press, Nanyang Siang Pau, Tamil Nesan, Malaysia Namban, Sarawak Borneo and Sabah Borneo.

Widespread publicity was also gained through radio and electronic media such as on TV1, TV2, TV3, NTV7, TV8, TV9, TV Al Hijrah, Bernama TV, Astro as well as Radio KLfm, Radio Minalfm and Radio Traxxfm.



PERKESO di Media Elektronik

PERKESO terus komited dalam mempromosikan dan membuat hebahan melalui televisyen dan radio. Hebahan ini merupakan medium untuk menyampaikan maklumat terkini PERKESO dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai fungsi dan faedah PERKESO. Antara media elektronik yang telah bekerjasama dengan PERKESO adalah seperti RTM, Rangkaian Media Prima, Al-Hijrah, BERNAMA Radio, Radio KLfm, TraxxFM, dan FLYfm. Penceramah yang mewakili PERKESO adalah terdiri daripada pengurusan tertinggi PERKESO ataupun ketua-ketua bahagian/cawangan masing-masing di mana mereka adalah yang mahir dalam topik yang diutarakan. Inisiatif ini telah memberikan impak yang amat signifikan dalam usaha melonjakkan imej PERKESO kepada masyarakat umum.

SOCSO in the Electronic Media

SOCSO remains committed in promoting and disemminating information through television and radio. Such announcement is the latest medium of disemminating information used by SOCSO in raising public awareness of the functions and benefits of SOCSO. Among the electronic media that has collaborated with SOCSO include RTM, Media Prima Network, Al-Hijrah, BERNAMA Radio, Radio KLfm, TraxxFM and FLYfm. Speakers who represent SOCSO comprise people from its top management or heads of division/branch who are experts in the topics discussed. This initiative has had a significant impact in promoting SOCSO to the public.



Seminar Nasional Perlindungan Keselamatan Sosial dan Perbankan Internet PERKESO

Sejajar dengan hasrat PERKESO mempromosikan penggunaan Perbankan *Internet* sebagai pilihan utama dalam membuat bayaran caruman yang akan membawa kebaikan bersama kepada majikan, pekerja dan PERKESO, Seminar Nasional Perlindungan Keselamatan Sosial Dan Perbankan Internet PERKESO 2016 telah diadakan di 13 lokasi seluruh Negara mulai 19 April – 10 November 2016 dengan penglibatan seramai lebih kurang 1,500 orang. Adalah diharapkan dengan penggunaan perbankan internet, pemprosesan terus dan segera dengan data majikan dan pekerja akan dikemaskini serentak ke pengkalan data PERKESO. Pengemaskinian data secara efisien ini akan memberi manfaat kepada pemprosesan faedah dengan lebih cepat kepada Orang Berinsurans dan Orang Tanggungannya. Maklumbalas akhir daripada para peserta yang menyertai program ini menyatakan program ini amat memberikan manfaat kepada peserta dan dapat meningkatkan kefahaman serta kesedaran para peserta terhadap perlindungan keselamatan sosial secara menyeluruh. Maklumbalas kaji selidik juga mendapati para peserta lebih memahami peranan dan tanggungjawab majikan untuk mendaftar dan mencarum dengan PERKESO.





National Seminar on Social Security Protection and SOCSO Internet Banking

In line with SOCSO's intention of promoting the use of internet banking as the main option for payment of contributions, which will be a win-win situation for the employers, employees and SOCSO, the National Seminar on Social Security Protection and SOCSO Internet Banking was held at 13 locations nationwide from 19th April to 10th November 2016. The series of seminar involved approximately 1,500 people. It is hoped that with the use of internet banking, direct and immediate processing can take place with simultaneous updating of employer and employee data into the SOCSO database. This efficient updating of data will result in faster processing of benefits for Insured Persons and their Dependants. Feedback received from participants of the programme show that it has given great benefit to the participants and has increased their understanding and awareness of social security protection in a comprehensive manner. Questionnaire feedback also found that the participants understand better the role and responsibility of the employer to register and contribute to SOCSO.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area





Pameran Korporat

Aktiviti publisiti menerusi pembukaan *booth* atau pameran turut diadakan di premis majikan atau pun di tempat-tempat awam yang dikendalikan oleh pihak Ibu Pejabat dan pejabat PERKESO di seluruh negara. Sepanjang tahun 2016, PERKESO telah terlibat dalam 18 pameran Korporat yang melibatkan kehadiran YB Menteri dan YB Timbalan Menteri, pameran turut disertai oleh agensi-agensi dan jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia serta jemputan dari agensi swasta. Dengan penyertaan sebegini, PERKESO dapat mendekati pemain industri dan para majikan dari pelbagai sektor khusus kepada majikan-majikan yang pastinya mempunyai ramai pekerja. Menerusi pameran yang telah diadakan, ia dapat meningkatkan lagi kesedaran di kalangan majikan dan pekerja tentang pentingnya untuk mencarum dengan PERKESO dan maklumat-maklumat terkini dapat disampaikan dengan lebih berkesan di samping mendekatkan hubungan di antara majikan, pekerja dan PERKESO.

Corporate Exhibition

Publicity in the form of booths or exhibitions were also carried out on employer premises or other public locations organised by the Headquarters and State SOCSO offices nationwide. Throughout 2016, SOCSO participated in 18 corporate exhibitions involving the presence of the Minister and Deputy Minister. Such exhibitions were also attended by agencies under the Department of Human Resources as well as guests from private agencies. Such participation enabled SOCSO to approach employers from various industrial sectors, particularly employers with a big number of employees. The exhibitions held managed to increase awareness of the importance of contributing to SOCSO among employers and employees. The latest information was also effectively conveyed, in addition to fostering a closer relationship between employers, employees and SOCSO.

Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan telah diperkenalkan dengan konsep untuk menawarkan perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan melalui pengurusan interaksi dan perhubungan yang cekap antara organisasi dan pelanggan secara langsung. Program diadakan pada hari Khamis pertama setiap bulan dari pukul 8.30 pagi sehingga 4.30 petang di semua 51 buah pejabat PERKESO di seluruh negara termasuk Ibu Pejabat. Hari Bertemu Pelanggan terbuka kepada semua pelanggan PERKESO termasuk Orang Berinsurans, majikan dan orang awam. Inisiatif ini merupakan langkah mesra pelanggan selaras dengan pendekatan PERKESO untuk menyelesaikan sebarang masalah pelanggan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat kaunter PERKESO dan pelanggan berpeluang bersemuka secara langsung dengan pegawai atasan PERKESO untuk menyelesaikan masalah mereka berkenaan semua jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh PERKESO. Pada tahun 2016, lebih 980 pelanggan telah hadir ke program tersebut untuk mendapat bantuan, khidmat nasihat dan aduan terhadap pelbagai isu seperti kelewatan atau kegagalan mendapat faedah PERKESO, keingkaran majikan mencarum dan sebagainya.





Meet the Clients' Day



The Meet the Clients' Day was introduced with the concept of offering services that meets the need and expectations of the clients through interaction management and efficient direct communication between the organisation and its clients. The programme is held every first Thursday of each month from 8.30 am to 4.30 pm at all 51 SOCSO offices nationwide including the Headquarters. The Meet the Clients' Day is open to all SOCSO clients including Insured Persons, employers and the public. This initiative is a client-friendly step taken in line with *"PERKESO Prihatin"* to address any problem faced by the client that cannot be resolved at the SOCSO counters. The clients also get the opportunity to interact directly with the top officers of SOCSO to solve their problems in relation to all types of services offered by SOCSO. In 2016, more than 980 clients attended the programme to seek help, advisory services and lodge complaints on various issues such as delays or failure in getting SOCSO benefits, non-compliance of employers with regards to contribution and others.

Pengurusan Aduan Awam

Pada tahun 2016, PERKESO telah menerima sejumlah 2,216 aduan, daripada jumlah tersebut sebanyak 1,910 aduan atau 86% telah dapat diselesaikan manakala selebihnya sebanyak 306 aduan dan masih dalam tindakan penyelesaian. Berdasarkan statistik aduan yang diterima menunjukkan sebanyak 81.63% atau 1,809 aduan adalah berkaitan aduan terhadap pihak ketiga khususnya majikan tidak mencarum, majikan tidak mendaftar perusahaan dan majikan tidak melaporkan kemalangan. Manakala 7.81% atau 173 aduan adalah terhadap perkhidmatan PERKESO terutamanya berkaitan kelewatan atau kegagalan menerima faedah di bawah skim faedah PERKESO dan yang berkaitan. Berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya, sebanyak 1,975 aduan telah diterima pada tahun 2015 dan 2,642 aduan pada tahun 2014. Sebagai perbandingan di antara tahun 2015 (1,975 aduan) dan tahun 2016 (2,216 aduan), terdapat peningkatan sebanyak 241 aduan atau 10.9%. Sebagai langkah proaktif bagi menangani peningkatan kes-kes aduan, aktiviti-aktiviti penguatkuasaan khususnya OPS Kesan terhadap majikan ingkar telah dipergiatkan di seluruh negara melalui semua pejabat PERKESO bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pematuhan majikan bagi mendaftar dan mencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.

Management of Public Complaints

In 2016, SOCSO received a total of 2,216 complaints, of which 1,910 complaints or 86% were solved with 306 others still pending. Based on the statistics of complaints received, 81.63% or 1,809 complaints are related to third parties specifically employers who fail to contribute, employers who fail to register their businesses and employers who fail to report accidents. 7.81% or 173 complaints are related to SOCSO services specifically concerning delays or failure to receive benefits under the SOCSO benefits scheme. 1,975 complaints were received in 2015 and 2,642 complaints were received in 2014. Comparing the numbers between 2014 (1,975 complaints) and 2016 (2,216 complaints), there has been an increase of 241 complaints or 10.9%. As a proactive measure in addressing the increase in complaint cases, enforcement activities such as OPS Kesan against defaulting employers were intensified nationwide through all SOCSO offices with the intention of increasing awareness and compliance of employers concerning registration and contribution pursuat to the Employees' Social Security Act 1969 and the Employees' Social Security (General) Regulations 1971.

SKUAD PERKESO PRIHATIN

Skuad PERKESO Prihatin telah ditubuhkan pada 10 September 2015 dan dirasmikan oleh YB Menteri Sumber Manusia pada 26 Oktober 2016 semasa Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula PERKESO di Ibu pejabat. Penubuhan Skuad PERKESO Prihatin merealisasikan hasrat daripada YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO yang menginginkan satu pasukan khas ditubuhkan untuk menyalurkan bantuan segera kepada Orang Berinsurans atau waris yang ditimpa kemalangan atau musibah.

Ahli Skuad PERKESO Prihatin terdiri daripada anggota PERKESO yang diberi tanggungjawab membantu memproses tuntutan faedah Orang Berinsurans ataupun waris di setiap pejabat seluruh negara. Wakil setiap pejabat telah dilantik sebagai Ahli Skuad PERKESO Prihatin yang bertanggungjawab menguruskan kes-kes di bawah skuad dan melapor status terkini tindakan ke pihak Ibu Pejabat.

Misi utama penubuhan Skuad PERKESO Prihatin adalah untuk membantu Orang Berinsurans serta orang tanggungan mereka apabila berlaku sesuatu kejadian luar jangka melalui tindakan pantas dan segera serta dapat mendekatkan hubungan Orang Berinsurans, majikan dan PERKESO sebagai sebuah agensi kerajaan yang prihatin dan dekat di hati rakyat.

Sepanjang tahun 2016, Skuad Prihatin PERKESO telah menerima sebanyak 1,758 kes di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,311 kes telah dapat diselesaikan dalam tempoh masa purata empat hari mengikut syarat-syarat kelayakan di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan manakala bakinya sebanyak 447 kes ditolak kerana siasatan terperinci mendapati kes-kes tersebut tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan.

PERKESO PRIHATIN SQUAD

The *PERKESO Prihatin* Squad was established on 10th September 2015 and was officially launched by YB Minister of Human Resources on 26th October 2016 during the Launching Ceremony of SOCSO's Rebranding held at the Headquarters. The establishment of the Perkeso Prihatin Squad is the realisation of the hopes of SOCSO's Chief Executive, YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Muhammad who wanted a special team to be set up to channel immediate aid to Insured Persons or their dependants who have suffered from accidents or misfortune.

Members of the squad comprise SOCSO staff who have been given the responsibility to process benefits claims by Insured Persons or their dependants, from each SOCSO office nationwide. Representatives from each SOCSO office are appointed as members of the squad and shall be responsible in managing cases that come within the squad's jurisdiction and to give reports of the latest status of action to the Headquarters.

The main mission of the establishment of the *PERKESO Prihatin* Squad is to help Insured Persons and their dependants in the event of unexpected incidents, through quick and immediate action without going through the normal process of benefits claims. The squad also acts to forge a closer relationship between Insured Persons, employers and SOCSO as the government agency that is caring and close to the people's hearts.

Throughout 2016, the *PERKESO Prihatin* Squad received 1,758 cases nationwide and of the said amount, 1,311 cases have been resolved within a four-day period according to the qualifying conditions under the Employment Injury Scheme and the Invalidity Scheme while the remaining 447 cases was rejected as a detailed investigation found the cases did not meet the eligibility requirements under the Employment Injury Scheme and the Invalidity Scheme.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2016
2016 Key Result Area

Bagi mencapai objektif penubuhan dan memantau aktiviti, satu Jawatankuasa Induk Skuad PERKESO Prihatin diperingkat Ibu Pejabat telah ditubuhkan yang berperanan seperti berikut;

i. Memantau pergerakan aktiviti di bawah Skuad PERKESO Prihatin;
ii. Mewujudkan jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat berhubung kemalangan atau kematian yang menimpa OB dengan segera;
iii. Memantau prestasi pencapaian kes di bawah Skuad PERKESO Prihatin di setiap PPN/PPP;
iv. Meningkatkan kesedaran dan memupuk nilai keprihatinan ke dalam diri setiap anggota PERKESO melalui program/ taklimat yang akan dianjurkan;
v. Merancang dan mengadakan program atau aktiviti bersama masyarakat untuk memupuk kerjasama yang baik dengan masyarakat setempat; dan
vi. Membincangkan dan menyelesaikan segala permasalahan berhubung Skuad PERKESO Prihatin

To achieve the objective of its establishment and to monitor its activities, a *PERKESO Prihatin* Squad Main Committee at the Headquarters level was established, with the following roles:

i. Monitoring the activites carried out by the *PERKESO Prihatin* Squad;
ii. Establishing a network of cooperation with various relevant agencies to obtain immediate information regarding accidents involving or deaths of Insured Persons;
iii. Monitoring the performance of case achievements under the *PERKESO Prihatin* Squad at each PPN/PPP;
iv. Increasing awareness and cultivating caring values in each SOCSO staff through the programmes/briefings organised;
v. Planning and implementing programmes or activities with the public to encourage good cooperation with the local communities; and
vi. Discussing and addressing all problems concerning the *PERKESO Prihatin* Squad.

INISIATIF DAN STRATEGI UTAMA
Initiatives and Main Strategies

Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

Sejajar dengan visi PERKESO untuk menjadi 'Peneraju Keselamatan Sosial Yang Dinamik, Unggul dan Cemerlang', adalah menjadi keutamaan kepada PERKESO untuk terus konsisten melahirkan modal insan yang kompeten, berilmu, berprestasi tinggi, profesional, beretika dan mempunyai daya saing yang tinggi. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan sepanjang tahun 2016 bagi menambah nilai modal insannya.

6 Fokus Strategi Sumber Manusia Tahun 2016

Pelan Induk Sumber Manusia (PISM) 2016 - 2020 merupakan fokus utama memperincikan strategi yang telah digariskan di bawah teras strategik ketiga (3) Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu "Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju". Strategi ini sejajar dengan Teras 1 – Memperkasakan Kecemerlangan dan Pembangunan Modal Insan" dalam Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020. Secara prinsipnya, PISM 2016 - 2020 merupakan satu pelan taktikal memperkasa kecemerlangan pembangunan sumber manusia PERKESO di masa hadapan menerusi konsep *"Learning and Growth"* kepada warga kerjanya. Strategi bagi meningkatkan kepakaran dan pengetahuan ke arah melahirkan *"Subject Matter – Expert (SME)"* terutamanya dalam lanskap Pengamal Keselamatan Sosial *(Social Security Practitioner)*. Empat (4) modul teras latihan iaitu Komunikasi, Teras Perkhidmatan *(Core Business)*, Keselamatan Sosial dan Kepimpinan Berimpak Tinggi sebagai pemacu transformasi PERKESO ke arah melahirkan modal insan yang kompeten seiring dengan keperluan Organisasi. Enam (6) teras strategik yang menjadi tunggak utama dan kerangka kepada pelaksanaannya adalah seperti berikut:

i. Menetapkan hala tuju strategik;
ii. Memastikan kapasiti organisasi;
iii. Mengurus pekerja berkualiti;
iv. Mendaya upaya bakat dan kepimpinan;
v. Mengurus prestasi, pengiktirafan dan ganjaran; dan
vi. Membentuk budaya kerja berprestasi tinggi.

Human Resource Management and Development

In line with SOCSO's vision of becoming the Dynamic, Premier and Outstanding Leader in Social Security, it is a priority for the organisation to continue being consistent in producing competent, knowledgeable, high performing, professional, ethical and highly competitive human capital. Various efforts and initiatives have been implemented by the management throughout 2016 to add value to its human capital resources.

2016 Human Resource Strategic 6 Focuses


The Human Resource Master Plan 2016 - 2020 is the focus for Human Resources which details the strategies outlined under the third strategic thrust of the 11th Malaysia Plan, that is, "Accelerating Human Capital Development for an Advanced Nation". This strategy is in line with Thrust 1 – Reinforcing Human Capital Excellence and Development of the SOCSO Strategic Plan 2016 - 2020. In principle, the Human Resource Master Plan 2016 - 2020 is a tactical plan to reinforce SOCSO's human capital development excellence in the future through the concept of "Learning and Growth". The strategies are designed to increase expertise and knowledge towards producing subject matter experts especially in the landscape of social security practitioners. Four core training modules namely, Communication, Core Business, Social Security and High Impact Leadership have been outlined as the driving force for SOCSO's transformation towards producing competent human capital, in line with the needs of the organisation. Six strategic thrusts that form the main core and framework for its implementation are as follows:

i. Determining the strategic direction;
ii. Ascertaining the capacity of the organisation;
iii. Managing quality employees;
iv. Empowering talent and leadership;
v. Managing performance, recognition and reward; and
vi. Forming a working culture of high performance.

INISIATIF DAN STRATEGI UTAMA
Initiatives and Main Strategies

Teras strategik ini dijajarkan dengan 17 strategi dan 53 aktiviti yang menjadi hala tuju strategi sumber manusia PERKESO tahun 2016 sehingga 2020.

These strategic thrusts are aligned with the 17 strategies and 53 activities that form the strategic direction of SOCSO's human resources from 2016 to 2020.



Teras Strategik 1 - Menetapkan Hala Tuju Strategik

Peperiksaan Secara Dalam Talian

Mulai tahun 2016, PERKESO melaksanakan peperiksaan secara dalam talian melalui usahasama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi lantikan ke jawatan Kumpulan Eksekutif. Peperiksaan secara dalam talian telah dijalankan sebanyak dua kali iaitu pada 5 Oktober 2016 dan 21 Disember 2016 dengan jumlah calon yang menduduki peperiksaan secara dalam talian seramai 777 orang bagi lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir, Juruanalisa Sistem dan Pengatur Program Komputer. Peperiksaan secara dalam talian ini adalah sebagai suatu usaha menambahbaik proses pengambilan selaras dengan usaha PERKESO untuk memastikan lantikan anggota di PERKESO adalah benar-benar kompeten dengan jawatan yang disandang.

Pengukuhan Perjawatan PERKESO

Bagi memastikan pengoperasian organisasi dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dapat dilaksanakan dengan cemerlang, 95% perjawatan PERKESO telah diisi sepanjang tahun 2016. PERKESO juga turut mendapatkan kepakaran dan pengalaman dari calon luar bagi memantapkan pengoperasian PERKESO dalam mencapai visi untuk menjadi Peneraju Keselamatan Sosial Yang Dinamik, Unggul dan Cemerlang. PERKESO telah melantik perkhidmatan secara kontrak bagi jawatan Ketua Bahagian Pelaburan dan Ketua Bahagian Transformasi & Teknologi Maklumat di samping melanjutkan lagi perkhidmatan jawatan kontrak di Pusat Rehabilitasi dan Pegawai Pemeriksa PERKESO.

Strategic Thrust 1 – Determination of Strategic Direction

Online examination


Beginning 2016, SOCSO has implemented online examinations through a cooperation with the Public Services Commission, for appointment to the Executive Group posts. The online examinations were held twice, on 5th October 2016 and 21st December 2016. 777 candidates sat for the online examination for appointment to the posts of Administrative Officer, Systems Analyst and Computer Programmer. This online examination is implemented as part of the effort to improve the recruitment process, in line with SOCSO's efforts to ensure that appointment of staff in SOCSO is done according to the candidate's competence for the post.

Reinforcement of SOCSO Personnel

To ensure the organisation's operations and service delivery to clients can be implemented in an excellent manner, 95% of SOCSO's personnel was filled throughout 2016. SOCSO also sought the expertise and experience of external candidates to solidify its operations in achieving the vision to become The Premier, Dynamic and Outstanding Leader in Social Security. SOCSO carried out appointments, by contract, to the posts of Head of Investment Division and Head of Transformation & Information Technology Division, in addition to extending the services of contract staff at the Rehabilitation Centre in Melaka and the SOCSO Inspection Officer.

Ringkasan Perjawatan PERKESO Tahun 2016

Summary of SOCSO Personnel 2016



	Isi/Filled	Tetap/Permanent	Kontrak/Contract	Sambilan/Temporary
Jumlah/Total	2383	1928	135	320
Peratus/Percentage	95	98	88	83

Teras Strategik 2 - Memastikan Kapasiti Organisasi

Pengukuhan dan Penyusunan Semula Fungsi dan Struktur Organisasi Secara Berterusan

Bagi memantapkan pengurusan dan operasi organisasi selaras dengan hasrat mencapai objektif dan matlamat yang digariskan dalam Pelan Perancangan Strategik PERKESO, beberapa bahagian utama telah diwujudkan dan distruktur semula seperti berikut:

- Bahagian Pelaburan
- Bahagian Transformasi & Teknologi Maklumat
- Bahagian Perolehan
- Bahagian Caruman

Teras Strategik 3 - Mengurus Pekerja Berkualiti

Pengukuhan Teras Perkhidmatan (Kursus Induksi Lantikan Baru)

Kursus ini telah diadakan pada 28 November - 7 Disember 2016 bertempat di Bayou Lagoon Park Resort, Melaka. Kursus yang dijalankan melibatkan dua kategori iaitu Kumpulan Eksekutif & Kumpulan Bukan Eksekutif melibatkan seramai 57 peserta daripada Kumpulan Eksekutif dan 41 peserta daripada Kumpulan Bukan Eksekutif. Latihan tahap penerapan kompetensi dan menjurus kepada teras perkhidmatan PERKESO. Kursus bertujuan untuk membentuk budaya perubahan dalam organisasi bagi meningkatkan produktiviti kerja menerusi penerapan nilai-nilai murni, sikap positif dan usaha ke arah mengukuhkan imej dan reputasi organisasi. Selain itu, mendedahkan anggota kepada hala tuju, visi dan misi organisasi serta peranan PERKESO sebagai salah satu (sebuah) jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Analisis impak daripada seramai 98 orang peserta yang hadir menunjukkan tahap kompetensi anggota telah meningkat dari 35.24% kepada 72.17%.

Strategic Thrust 2 – Ensuring Organisational Capacity

Continuous Consolidation and Restructuring of Organisational Function & Structure

To establish the management and operations of the organisation in line with the desire to achieve the objectives and goals outlined in the SOCSO Strategic Planning Plan, the following key divisions have been created and restructured:

- Investment Division
- Transformation & Information Technology Division
- Procurement Division
- Contributions Division

Strategic Thrust 3 – Managing Quality Employees

Consolidation of Core Services (New Appointments Induction Course)

This course was held on 28th November – 7th December 2016 at Bayou Lagoon Park Resort, Melaka. The course involved two categories of staff, namely the Executive Group and the Non-Executive group, with a total of 57 participants from the Executive Group and 41 participants from the Non-Executive Group. The course involved training on the level of competency application, specifically aimed towards SOCSO's core services. The aim of the course was to form a culture of change within the organisation to improve work productivity through the application of good values, positive attitude and efforts towards consolidating the image and reputation of the organisation. In addition, the course also exposed participants to the direction, vision and mission of the organisation, as well as SOCSO's role as one of the departments under the Ministry of Human Resources. Analysis of the impact on the 98 participants showed the level of staff competency has increased from 35.24% to 72.17%.

Kursus Pemantapan Barisan Hadapan

Sebanyak tujuh (7) siri kursus telah diadakan bertempat di Pusat Rehabilitasi PERKESO, Ayer Keroh, Melaka. Penceramah terdiri daripada pegawai PERKESO dan penceramah daripada jabatan dan agensi-agensi kerajaan serta NGO seperti JTK, KWSP dan lain-lain. Seramai 22 orang peserta telah hadir bagi setiap siri. Kursus khusus kepada petugas barisan hadapan bagi membolehkan mereka memberikan perkhidmatan berkualiti dan menepati kehendak pelanggan, sejajar dengan penjenamaan semula yang menekankan moto PERKESO PRIHATIN. Selain itu, peserta kursus juga diberi pendedahan mengenai keperluan dan ekspektasi organisasi dalam menangani pelanggan dan perkongsian ilmu daripada agensi - agensi kerajaan.

Secara keseluruhan seramai 270 anggota PERKESO telah hadir untuk tujuh (7) siri ini dan telah memberi maklumbalas yang positif dari segi teknik yang betul untuk berinteraksi sama ada dengan pelanggan luaran atau dalaman dan perkongsian ilmu dengan agensi-agensi luar.

Kursus Kelestarian Penguatkuasaan

Kursus berlangsung pada 25 - 26 Julai 2016 di PPN Negeri Sembilan. Tujuan kursus adalah untuk membekalkan anggota dengan pengetahuan dan perubahan aliran semasa berkaitan dengan penguatkuasaan. Selain itu, kursus bertujuan meningkatkan kefahaman anggota mengenai hala tuju sasaran kerja tahunan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan. Kursus ini dapat menyelesaikan permasalahan secara terus dan perbincangan secara dua hala semasa program berlangsung.

Front Line Consolidation Course

Seven (7) series of the course were held at the SOCSO Rehabilitation Centre in Ayer Keroh, Melaka. Lecturers comprised SOCSO officers and speakers from other government agencies and NGOs such as JTK and KWSP. A total of 22 participants attended each series. The course is held for front line staff to enable them to provide quality service that meets the requirements of the clients, in line with the rebranding exercise that emphasises on the motto “PERKESO PRIHATIN”. In addition, course participants were also given exposure on the requirements and expectations of the organisation in handling its clients. There was also a sharing of knowledge by the government agencies involved.

Overall, a total of 270 SOCSO staff participated in the seven series of the course held. The participants gave positive feedback in terms of the correct technique in interaction, be it with external or internal clients, as well as on the knowledge sharing by external agencies.

Enforcement Sustainability Course

The course was held on 25th – 26th July 2016 at the Negeri Sembilan PPN. The aim of this course was to equip staff with the knowledge and expose them to the current stream of changes related to enforcement. The course was also held with the intention to increase the understanding of the staff regarding the direction of the Annual Working Targets set by the management. Through this course, problems could be resolved directly through two-way discussion during the programme.

Kursus Pengucapan Awam & Penulisan Teks Ucapan

Kursus ini telah diadakan pada 1 - 3 November 2016 bertempat di Hotel Pearl International Kuala Lumpur. Bengkel ini telah dihadiri seramai 19 peserta terdiri daripada wakil setiap pejabat di PERKESO. Bengkel bertujuan untuk meningkatkan keyakinan dan kemampuan anggota sebagai Pengacara Majlis. Selain itu, ianya bertujuan mendalami ilmu dalam pembentangan dan penyampaian secara berkesan. Hasil daripada kursus yang telah diadakan, tahap kompetensi anggota telah meningkat dari 40.21% kepada 71.38%. Kekuatan kursus ini adalah menerusi pendekatan latihan praktikal dan teori yang berkesan serta penceramah program telah memberikan ceramah yang amat berguna kepada peserta.

Kursus Pra Persaraan

Sebanyak dua (2) siri Program Pra Persaraan PERKESO telah diadakan seperti berikut:

a) **Siri 1** - Pada 29 - 30 Julai 2016 di Hotel Pacific Regency, Kuala Lumpur
b) **Siri 2** - Pada 18 - 21 Oktober 2016 di Corus Paradise Resort, Port Dickson

Tujuan program adalah untuk memberikan pengetahuan kepada bakal pesara mempelajari strategi dan kaedah pengisian waktu persaraan mereka agar potensi diri dapat dimanfaatkan. Selain itu, mereka juga dapat melengkapkan diri, minda dan emosi dengan kemahiran, maklumat dan wawasan yang murni bagi menangani cabaran dan persekitaran hidup baharu sebaik melangkah ke alam persaraan. Seramai 29 orang bagi Siri 1 dan 37 orang bagi Siri 2 telah mengikuti program ini.

Public Speaking & Speech Writing Course

The course was held on 1st - 3rd November 2016 at Pearl International Hotel, Kuala Lumpur. The workship was attended by 19 participants comprising representatives from each SOCSO office. The workshop aimed at improving the confidence and capability of staff acting as Masters of Ceremonies. In addition, it also aimed at delving into the art of effective presentation and delivery. As a result of the course held, the competency level of staff increased from 40.21% to 71.38%. The strength of this course lies in the effective practical and theoretical training approaches taken as well as the useful lectures given by the programme speakers.

Pre-Retirement Course

Two series of SOCSO Pre-Retirement Course were held as follows:

a) **Series 1 –** on 29th to 30th July 2016 at the Pacific Regency Hotel, Kuala Lumpur;
b) **Series 2 –** on 18th to 21st July 2016 at Corus Paradise Resort, Port Dickson.

The purpose of the programme is to give knowledge to future retirees concerning the strategy and ways of spending their time during retirement in such manner that their self-potential is fulfilled. In addition, they will be able to equip themselves, their minds and emotions with skill, information and good vision to face new life challenges and environment as retirees. 29 participants attended Series 1 whilst 37 participants attended Series 2 of the programme.

Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kursus Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah diadakan pada 17 Ogos 2016 di Wisma PERKESO Kuala Lumpur. Seramai 153 orang peserta yang terdiri daripada anggota Pejabat PERKESO Kuala Lumpur telah hadir. Program bertujuan meningkatkan tahap kefahaman serta pengetahuan mengenai kepentingan menjaga keselamatan dan kesihatan. Selain itu, kursus ini juga memberi penekanan kepada usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kadar penyakit khidmat di kalangan anggota PERKESO di samping mempelajari dan berkongsi tips/teknik mengelakkan diri daripada berlakunya kecederaan pada anggota kesan daripada penggunaan peralatan pejabat.

Kesejahteraan Emosi: "Suami Hensem Isteri Ohsem"

Penganjuran program berbentuk kaunseling kekeluargaan dan rumah tangga yang diadakan selama 3 jam pada 4 April 2016 di Ruang Legar Tingkat 19, Menara PERKESO. Objektif program adalah untuk memberikan perkongsian mengenai perbezaan karakter antara lelaki dan perempuan agar lebih memahami peranan masing-masing. Di samping itu, mewujudkan suasana keperluan suami isteri bekerjaya harmoni di rumah dan akhirnya produktiviti di tempat kerja meningkat. Seramai 93 orang peserta telah mengikuti program ini. Antara impak yang diterima adalah memberikan kesedaran, memahami dan mempelajari teknik dan cara-cara komunikasi berkesan suami isteri kepada para peserta yang hadir.

Kursus Pengurusan *Stress* dan Emosi

Pada 20 - 21 Januari 2016 bertempat di Pejabat PERKESO Negeri Selangor telah diadakan Kursus Pengurusan *Stress* dan Emosi. Kursus bertujuan memberi panduan dan tips mengurangkan *stress* di kalangan anggota yang berhadapan dengan tugas dan tanggungjawab bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan. Kursus ini juga membantu peserta untuk mengenalpasti dan memahami konsep *stress* yang menjadi punca penurunan produktiviti pekerja. Seramai 30 orang mengikuti kursus ini yang terdiri daripada anggota PERKESO di kawasan Lembah Klang. Peserta diberi pendedahan bagaimana untuk menangani *stress* dan emosi oleh pihak konsultan selain dapat mengenali prestasi diri dan cara menangani reaksi pelanggan dalaman dan luaran.

Occupational Safety and Health Course

The Occupational Safety & Health course was held on 17th August 2016 at Wisma PERKESO in Kuala Lumpur. A total of 153 participants from Kuala Lumpur SOCSO office attended the progamme which was held with the purpose of increasing the level of understanding and knowledge on the importance of maintaining the safety and health of workers. It was also the intention to reduce the rate of accident and the rate of occupational diseases among SOCSO staff. The participant learnt and shared tips or techniques for the prevention of injuries due to use of office equipment.

Emotional Wellbeing: "Suami Hensem Isteri Ohsem"

This programme was open to all SOCSO Headquarters staff, in the form of family and marriage counselling, for a period of 3 hours on 4th April 2016 at Level 19 Lobby, Menara PERKESO. The objective of the programme was to give insight into the differences in character between men and women so that both will be able to understand better their respective roles. Another objective of the programme was to create awareness of the need to have a harmonious home environment for husbands and wives who are working, which will subsequently translate to higher productivity at the work place. A total of 93 participants attended the progamme. The programme raised the awareness and understanding of the participants regarding effective communication techniques and methods between husbands and wives.

Stress and Emotional Management Course

The Stress and Emotional Management Course was held on 20th - 21st January 2016 at the Selangor State SOCSO Office. The course was aimed at teaching the participants stress reducing guidance and tips, in facing their duties and responsibilities to meet the needs and requirements of the clients. The participants also learned how to identify and understand the concept of stress which is the cause of decrease in productivity among employees. A total of 30 participants attended the course comprising SOCSO staff from the Klang Valley area. Participants were taught how to handle stress and emotions by the consultants. They were also taught how to gauge their self-performance and to handle the reaction of internal and external clients.

Teras Strategik 4 - Mendaya Upaya Bakat dan Kepimpinan

Sesi Taklimat/Libat Urus/Saringan Bakat Pemilihan/Pengkategorian Calon-Calon Program Pelan Penggantian (PROPER)

Sesi taklimat berkaitan cadangan pelaksanaan Program Pelan Penggantian (PROPER) telah diadakan bersama Ketua Bahagian, Pengarah Negeri dan Pengurus Pejabat PERKESO pada 11 Mei 2016. Sesi libat urus bersama pihak Kesatuan Kakitangan PERKESO Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta Persatuan Pegawai PERKESO juga telah diadakan pada 7 Disember 2016. PROPER juga telah dipilih sebagai salah satu daripada inisiatif Pelan Transformasi Kementerian Sumber Manusia untuk tahun 2016. Selaras dengan pelaksanaan PROPER, sesi saringan bakat menerusi Ujian Bertulis dan Ujian Lisan telah diadakan pada 27 hingga 28 Disember 2016 yang dihadiri seramai 183 calon.

Objektif utama adalah untuk memastikan calon-calon yang terpilih adalah benar-benar dari kalangan anggota yang mampu menjadi pelapis tenaga kerja berkepakaran di dalam bidang keselamatan sosial yang bersifat holistik dan boleh menjadi rujukan kepada agensi dalam dan luar negara serta secara tidak langsung mampu memastikan perluasan jaringan keselamatan sosial dilaksana demi kesejahteraan sosial pekerja.

Sesi Taklimat/Libat Urus Saringan Pemilihan/Pengkategorian Calon-Calon Program Pelan Peralihan Kerjaya (PROJEK)

Sesi libat urus bersama pihak Kesatuan Kakitangan PERKESO Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta Persatuan Pegawai PERKESO telah diadakan pada 17 Februari 2016 bagi mendapatkan persetujuan pelaksanaan Program Pelan Peralihan Kerjaya (PROJEK). Sesi taklimat berkaitan kelulusan Lembaga berhubung pelaksanaan PROJEK telah diadakan bersama Ketua Bahagian, Pengarah Negeri dan Pengurus Pejabat PERKESO pada 11 Mei 2016 bersempena Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Bil. 2 Tahun 2016. Sehingga 31 Disember 2016, Jawatankuasa PROJEK telah meluluskan seramai 51 anggota bagi tujuan persaraan menerusi PROJEK.

Strategic Thrust 4 – Empowering Talent and Leadership

Briefing/Engagement/Talent Screening/Categorisation of Candidates for the Succession Plan Programme (PROPER)

A briefing session on the proposed implementation of the Succession Plan Programme (PROPER) was held with the Heads of Division, State Director and SOCSO Office Managers on 11th May 2016. Subsequently, an engagement session with the Peninsular, Sabah and Sarawak, SOCSO Employees' Union and SOCSO Officers' Association was held on 7th December 2016. PROPER was also chosen to be one of the Ministry of Human Resources' Transformation Plan initiatives for 2016. In line with the implementation of PROPER, a talent screening session, in the form of written and oral tests, was held from 27th to 28th December 2016. The session was attended by 183 candidates.

The main objective of the programme is to ensure that the candidates selected are truly capable of becoming experts in the field of social security holistically and can become references for other agencies, local and foreign. This will indirectly ensure the expansion of the social security network for the social wellbeing of employees.

Briefing/Engagement/Talent Screening/Categorisation of Candidates for the Career Transition Plan Programme (PROJEK)

An engagement session with the Peninsular, Sabah and Sarawak, SOCSO Employees' Union and the SOCSO Officers' Association was held on 17th February 2016 to obtain the agreement for the implementation of the Career Transition Plan Programme (PROJEK). A briefing on the approval of the Board regarding the implementation of PROJEK was then held with the Heads of Division, State Directors and SOCSO Office Managers on 11th May 2016 in conjunction with the Integrity and Governance Committee Meeting 2 of 2016. As of 31st December 2016, the PROJEK Committee has approved 51 staff for retirement through PROJEK.

Memastikan anggota yang kekal berkhidmat adalah di kalangan mereka yang mampu memberi sumbangan secara optimum dari segi kecekapan, produktiviti dan daya saing dalam mendepani cabaran persekitaran masa kini dan akan datang. PROJEK juga secara prinsipnya menyokong dasar Kerajaan sebagaimana ketetapan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dalam meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju menerusi peralihan kerjaya berasaskan bakat dan potensi sebenar anggota.

Teras Strategik 5 - Mengurus Prestasi, Pengiktirafan dan Ganjaran

Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Anugerah Khidmat Setia
Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Anugerah Khidmat Setia 20 dan 25 Tahun telah diadakan pada 2 April 2016 bertempat di Hotel Riverside Majestic Kuching, Sarawak. Majlis ini dihadiri seramai 400 orang anggota yang melibatkan penerima anugerah dan tetamu jemputan. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada anggota-anggota yang memberi perkhidmatan cemerlang dan yang telah berkhidmat selama 20 dan 25 tahun bersama PERKESO.

Teras Strategik 6 - Membentuk Budaya Kerja Berprestasi Tinggi

Program *Wellness* PERKESO
Semua anggota tetap dan kontrak di PERKESO dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan atau saringan kesihatan. Anggota Tetap dan Kontrak yang belum pernah menjalani pemeriksaan kesihatan atau saringan kesihatan pada tahun 2015, dikehendaki berbuat demikian sebelum berakhir tahun 2016. Laporan pemeriksaan kesihatan tahun 2015 atau 2016 perlu dikemukakan ke Bahagian Sumber Manusia. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan anggota tetap dan kontrak PERKESO menjalani pemeriksaan kesihatan atau saringan kesihatan dalam tahun 2016. Sehingga Disember 2016, sebanyak 95% anggota tetap dan kontrak PERKESO telah menjalani Pemeriksaan Kesihatan atau Saringan Kesihatan.

The programme is implemented to ensure that the employees remaining in service are capable of optimally contributing in terms of efficiency, productivity and competitiveness in facing the challenges in the environment currently and in the future. PROJEK, in principle, supports the Government's policy, as stipulated in the 11th Malaysia Plan, of improving human capital development for an advanced nation through career transitioning based on the true talent and potential of the employee.

Strategic Thrust 5 – Managing Performance, Recognition and Reward

Excellent Service and Loyal Service Awards Ceremony
The Excellent Service and Loyal Service Awards Ceremony was held on 2nd April 2016 at the Riverside Majestic Hotel in Kuching, Sarawak. The event was attended by 400 employees comprising award recipients and invited guests. The objective of this event is to recognise employees who have provided excellent service and those who have been in service for 20 and 25 years with SOCSO.

Strategic Thrust 6 – Forming a Working Culture of High Performance

SOCSO Wellness Programme
All SOCSO Permanent and Contract Employees are required to undergo a health examination or health screening. Employees who have never undergone such examination/screening in 2015 were required to do so before the end of 2016. The Health examination report for 2015 or 2016 must be submitted to the Human Resource Division. This initiative was taken with the aim of ensuring that all SOCSO permanent and contract staff undergo health examinations/screening in 2016. As at December 2016, 95% of SOCSO permanent and contract staff have undergone the examination/screening.

KECEMERLANGAN KUALITI DAN INOVASI
Kecemerlangan Kualiti dan Inovasi

1 SISTEM PERPUSTAKAAN SECARA DALAM TALIAN PERKESO *(POLS)*
PERKESO Online Library System (POLS)

Unit Sumber dan Perpustakaan Bahagian Perancangan dan Hal Ehwal Korporat telah membangunkan satu Sistem Perpustakaan yang baru dikenali sebagai *PERKESO Online Library System* (POLS). Sistem baru ini dapat memudah dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan pencarian bahan bacaan serta maklumat kepada pengguna khasnya anggota PERKESO. Sistem ini telah dilancarkan pada 31 Mac 2016 dan pelbagai usaha telah dibuat untuk mempromosikan penggunaannya sistem POLS ini antaranya dengan mengadakan kuiz memaparkan soalan berkaitan pencarian maklumat menggunakan sistem ini semasa Hari Terbuka Perpustakaan sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan dan Membaca PERKESO 2016.


The Resource and Library Unit of the Planning and Corporate Affairs Division has developed a new library system known as the PERKESO Online Library System (POLS). This new system facilitates and improves the quality of service and searching for reading materials and information, and is open to users specifically SOCSO staff. Tech Innovasi Sdn. Bhd. was appointed as the supplier for the development of the said system. With its implementation according to specification, the system was launched on 31st March 2016. Various efforts have been taken to promote the use of this system such as holding a quiz featuring questions regarding information search using the system during the Library Open Day which was held in conjunction with the SOCSO National Language and Reading Month Celebrations 2016.




2 PENARAFAN BINTANG
Star Rating



PERKESO merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang dinilai bagi Kategori Agensi Barisan Hadapan pada tahun 2015 telah menerima Pengiktirafan 5 Bintang dalam Majlis Sijil Pengiktirafan Bintang Indeks SSR Agensi Sektor Awam Tahun 2015 - 2016 pada 4 April 2016 daripada YBhg. Tan Sri Dr. Ali Bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Bagi pelaporan tahun 2016, PERKESO telah melaporkan Program *Return To Work (RTW)* sebagai Program Transformasi PERKESO dan disokong dengan pelaporan inovasi Program Saringan Kesihatan *(HSP)* serta Program Kempen Perjalanan Selamat sebagai Inovasi Sosial PERKESO 2015. Pada 10 Mei 2016, Majlis Penghargaan Penarafan 5 Bintang untuk meraikan Ahli Jawatankuasa Kerja Indeks Penarafan Bintang dan Anggota Pasukan Pelaporan telah diadakan di Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur.



Pencapaian PERKESO Bagi Sub Bidang Fokus Perkhidmatan Utama
SOCSO's Achievement under the Key Services Sub-Category



Pencapaian PERKESO Bagi Sub Bidang Fokus Perkhidmatan Sokongan
SOCSO's Achievement under the Support Services Sub-Category

SOCSO is one of the government agencies evaluated under the Category of Front Line Agency in 2015 and was awarded a 5-Star Rating during the Public Sector Agency SSR Index Star Recognition Certificate Presentation Ceremony 2015 - 2016 on 4th April 2016. The award was presented by YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Chief Secretary to the Government of Malaysia. For the 2016 reporting, SOCSO reported the Return To Work Programme as its Transformation Programme, supported by the Health Screening Programme and the Safe Commuting to Work Campaign Programme reporting as SOCSO's Social Innovation in 2015. On 10th May 2016, a 5-Star Rating Recognition Ceremony was held to honour the Members of the Star Rating Index Working Committee and Members of the Reporting Team at the Grand Seasons Hotel, Kuala Lumpur.

3 PEMBANGUNAN APLIKASI MOBILE i-PERKESO
i-PERKESO Mobile Application Development





Aplikasi Mobile i-PERKESO telah dibangunkan dengan kerjasama Wiseyes Solution Sdn Bhd. Aplikasi ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2016 sempena Perhimpunan Hari Pekerja 2016.

Aplikasi ini ialah aplikasi yang mudah, mesra pengguna, boleh digunakan pada bila-bila masa dan dimana jua, sudah tentu memudahkan pihak pekerja untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada PERKESO. Melalui Aplikasi i-PERKESO ini juga pekerja boleh membuat pertanyaan mengenai skim-skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO, membuat aduan dan semakan status pendaftaran mereka dengan PERKESO. Dengan cara ini juga, PERKESO boleh terus mengambil tindakan susulan dengan segera ke atas semua aduan yang telah diajukan kepada PERKESO. Aplikasi ini boleh dimuat turun daripada *Google Play* di telefon bimbit pekerja tersebut. Seterusnya pekerja boleh mendaftar untuk menggunakan aplikasi ini.

The i-PERKESO Mobile Application developed with the cooperation of Wiseyes Solution Sdn. Bhd. was launched by YAB Prime Minister on 1st May 2016 in conjunction with the Labour Day Assembly 2016.

This application is an easy and user-friendly application that can be used at any time. It enables employees to obtain any necessary information from SOCSO. Through the i-PERKESO Mobile Application employees can also enquire about the social protection schemes provided by SOCSO, lodge complaints, as well as check the status of their registration with SOCSO. Correspondingly, SOCSO can also immediately take follow-up action on all the complaints lodged. Employees can download the mobile application from Google Plan to their handphones. They can then register using the application.

Fungsi-Fungsi Aplikasi di Dalam i-PERKESO

Bagi kemudahan pengguna berinteraksi dengan PERKESO, aplikasi mudah alih i-PERKESO ini menyediakan fungsi-fungsi seperti berikut:

i. ***MyStatus*** - Melalui fungsi ini, pengguna sasaran yang berdaftar boleh membuat semakan status pendaftaran dan caruman terakhir mereka.
ii. ***Feedback/Comments*** - Melalui fungsi ini, pengguna boleh mengemukakan pertanyaan umum, maklum balas dan aduan berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh PERKESO.
iii. ***Contact Us*** - Melalui fungsi ini, pengguna boleh mendapatkan maklumat berkaitan lokasi pejabat PERKESO yang berdekatan untuk dihubungi sekiranya diperlukan.
iv. ***Social Security Protection*** **(SSP)** - Melalui fungsi ini, pengguna boleh mendapatkan maklumat berkaitan Skim Keselamatan Sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.
v. ***Frequently Asked Questions*** **(FAQ)** - Melalui fungsi ini, pengguna boleh mendapatkan maklumat berkaitan soalan-soalan lazim yang sering ditanya.
vi. ***About Us*** - Melalui fungsi ini, pengguna boleh mendapatkan maklumat umum berkaitan Latar Belakang, Carta Organisasi, Ahli Lembaga, Pegawai Kanan, Piagam Pelanggan dan Dasar PERKESO.



Application Functions in i-PERKESO

To facilitate user interaction with SOCSO, the i-PERKESO Mobile Application provides the following functions:

i. **MyStatus** - Using this function, target users who are registered can check the status of their registration and last contribution.
ii. **Feedback/Comments** - Through this function, users can submit general enquiries, feedback and complaints related to the services provided by SOCSO.
iii. **Contact Us** - Through this function, users can obtain information regarding the location of the nearest SOCSO Office to contact if necessary.
iv. **Social Security Protection (SSP)** - Using this function, users can obtain information regarding the Social Security Scheme under the Employees' Social Security Act 1969.
v. **Frequently Asked Questions (FAQ)** - Using this function, users can obtain information regarding the frequently asked questions.
vi. **About Us** - Through this function, users can get general information on the Background, Organisation Chart, Members of the Board, Senior Officers, Clients' Charter and SOCSO policies.

4 TRANSFORMASI PENGOPERASIAN PENGURUSAN (CARUMAN)

Transformation of Management Operations (Contributions)





Bengkel Transformasi kecemerlangan pengoperasian bagi pengurusan caruman telah diadakan pada 20 - 23 Jun 2016 dengan dihadiri oleh Pasukan *'Think Tank'* yang dilantik oleh YBhg. Dato' Ketua Eksekutif PERKESO. Bengkel ini bertujuan untuk memastikan pengurusan caruman pekerja dan majikan diselenggarakan dengan lebih efektif dan berkesan dan seterusnya mengembalikan keyakinan pelanggan luaran dan dalaman ke atas integriti data yang diuruskan oleh PERKESO.

Hasil daripada Bengkel ini, cadangan untuk mewujudkan bahagian khas yang menguruskan semua aktiviti pengurusan caruman bagi tujuan penyelarasan semua aktiviti pengurusan dan pengemaskinian data majikan dan pekerja yang melibatkan tiga (3) bahagian iaitu Caruman, Perbendaharaan dan Teknologi Maklumat telah dilaksanakan.

A Transformation Workshop on operational excellence for contributions management was held on 20th - 23rd June 2016. The workshop was attended by the Think Tank appointed by YBhg. Chief Executive of SOCSO. The workshop was aimed at ensuring employees' and employers' contributions management are maintained more effectively and subsequently restore clients' confidence in the integrity of the data managed by SOCSO.

As a result of this workshop, a proposal was made to establish a special division to manage all contributions management activities for the purposes of coordinating all management activities and updating of employer/employee data which currently involves three (3) divisions, namely, Contribution, Treasury and Information Technology.

5 PERSIJILAN MS ISO 9001:2008
MS ISO 9001:2008 Certification

Audit Persijilan MS ISO 9001:2008 telah dilaksanakan pada 26 - 28 September 2016 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Persijilan ini dilaksanakan bagi memenuhi amalan sistem pengurusan kualiti seperti yang digariskan dalam Standard ISO 9001:2008. Bagi mengekalkan persijilan MS ISO 9001:2008, PERKESO telah melaksanakan program dan aktiviti utama berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 seperti berikut:

- Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001:2008 pada 16 Mei 2016 - 10 Jun 2016.
- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ISO 9000 yang telah diadakan pada 14 Disember 2016 telah mengkaji dan memutuskan penambahbaikan ke atas Objektif Kualiti FHUS iaitu:

The MS ISO 9001:2008 Certification Audit was conducted on 26th - 28th September 2016 by SIRIM QAS International Sdn. Bhd. The certification was carried out to fulfil the quality management system practice outlined in ISO 9001:2008 Standards. To maintain its MS ISO 9001:2008 certification, SOCSO has implemented key programmes and activities related to MS ISO 9001:2008 Quality Management System as follows:

- MS ISO 9001:2008 Internal Quality Audit on 16th May 2016 - 10th June 2016.
- Management Review Meeting
- The ISO 9001 Steering Committee Meeting held on 14th December 2016 reviewed and determined the improvements to the FHUS Quality Objectives, namely:

Objektif Kualiti/Quality Objective		**Penambahbaikan/Improvement**
Lama/Old	**Baharu/Mulai/New/Beginning 01.01.2017**	
FHUS – 100 hari/days	FHUS Bencana Kerja/Employment Injury	45 hari/days
	FHUS Penyakit Khidmat/ Occupational Disease	100 hari/days







Projek ICT PERKESO

Projek ICT ini adalah inisiatif PERKESO untuk membangun satu sistem teras secara *end to end* yang bersepadu, cekap dan sistematik dalam usaha PERKESO untuk meningkatkan perkhidmatan PERKESO kepada pelanggannya. PERKESO telah melantik pembekal Wiseyes Solutions Sdn Bhd untuk membangunkan sistem ICT yang baharu di mana majlis pelancaran telah diadakan pada 4 Oktober 2016.

SOCSO ICT Project

This ICT project is an initiative taken by SOCSO to develop an "end to end" core system that is integrated, efficient and systematic, in SOCSO's efforts to improve its services to clients. SOCSO pointed Wiseyes Solutions Sdn. Bhd. to develop the new ICT system and subsequently a ceremony was held on 4th October 2016.




Fasa A *Go-Live* 31 Oktober 2017

Modul yang akan dibangunkan melalui dua fasa pembangunan dan jadual pelaksanaan yang berbeza. Tarikh *Go-Live* bagi Fasa A merangkumi modul *Registration, Contribution* dan *Collection* dijadualkan pada 31 Oktober 2017. Manakala bagi Fasa B dijangka pada 3 Ogos 2018.

Go-Live Phase A, 31st October 2017

The modules will be developed in two phases of development with different implementation schedules. The Go-Live date for Phase A which covers Registration, Contributions and Collection is scheduled for 31st October 2017 whereas Phase B is expected to go live on 3rd August 2018.



6 PELANCARAN LAMAN WEB *PROMIS*

Launch of PROMIS Website

Pada 30 November 2016, laman web *Project Management Info Site (PROMIS)* telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Ketua Eksekutif bertujuan seperti berikut:

i. Menyalurkan maklumat terkini berkaitan dengan pembangunan semula projek ICT PERKESO.
ii. Berfungsi sebagai medium komunikasi dalam menyampaikan maklumat berkaitan dengan Pengurusan Perubahan *(Change Management)* bagi menyediakan anggota PERKESO dengan perubahan yang bakal bermula apabila sistem baharu ICT dilaksanakan kelak.
iii. Bagi memastikan agar maklumat penting *(first hand information)* berkaitan dengan pengurusan perubahan dimaklumkan kepada semua anggota secara menyeluruh dan tepat.

Aktiviti *Business Proses Reenginering* (BPR)

***"As-Is"* dan Sesi Penggulungan *"Big Picture"* Projek ICT**

Business Process Re-engineering (BPR) bagi peringkat *"As-Is"* telah berjaya diselesaikan pada 9 Disember 2016. Satu sesi penggulungan untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh *(Big Picture)* bagi kesemua modul oleh wakil modul BPO *(Business Process Owner)* telah diadakan.

On 30th November 2016, the Project Management Info Site (PROMIS) website was launched by the Chief Executive, for the following purposes:

i. To channel the latest information concerning the redevelopment of SOCSO's ICT project.
ii. To function as a medium of communication in delivering information regarding Change Management in order to prepare SOCSO staff for the change that will take place once the new ICT system is implemented.
iii. To ensure that first hand information regarding change management is conveyed to all employees comprehensively and accurately.





Business Process Re-engineering (BPR) Activity

As-Is" and ICT Project "Big Picture" Summing-up Session

The Business Process Re-engineering (BPR) at "As-Is" level was successfully completed on 9th December 2016. A summing-up session to obtain the "big picture' of all the modules was held involving the representatives of the Business Process Owner modules.

INISIATIF PENYELIDIKAN
Research Initiative

Inisiatif penyelidikan yang utama bagi tahun 2016 memfokus kepada penyelidikan yang mempunyai kepentingan strategik organisasi serta kajian penilaian terhadap pelanggan dalaman dan juga luaran.

The main research initiative in 2016 focused on research with organisational strategic interests as well as evaluation study on internal and external clients.

1 AUDIT NILAI
Value Audit

Sebagai usaha ke arah menerapkan nilai-nilai murni di dalam diri setiap anggota PERKESO, pelbagai program telah dilaksanakan, antaranya adalah dengan memperkenalkan standard amalan Senyum, Sapa, Salam dan Santun untuk melahirkan anggota yang mesra dan prihatin. Bagi melihat keberkesanan program-program pembudayaan nilai murni ini, Kajian Audit Nilai telah dijalankan. Kajian Audit Nilai ini telah mengaplikasikan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM). Sistem ini mengguna pakai lima instrumen iaitu Rekod Amalan Nilai, Indeks Nilai Ideal, Indeks Nilai Peribadi, Indeks Nilai Organisasi dan Rekod Maklum Balas. Objektif penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan program-program nilai murni yang telah dilaksanakan serta untuk mengetahui tahap nilai-nilai murni anggota PERKESO.

.

Sejumlah 85% anggota PERKESO telah melengkapkan borang soal-selidik dan seramai 1,031 pelanggan telah ditemu bual bagi penyelidikan ini. Hasil kajian menunjukkan pencapaian skor Rekod Amalan Nilai sebanyak 77.97, Indeks Nilai Ideal berada pada tahap 79.22, Indeks Nilai Peribadi pada 148.62, Indeks Nilai Organisasi pula sebanyak 62.41 manakala Maklum Balas Pelanggan sebanyak 94.76. Secara keseluruhan, indeks komposit sebanyak 77.37 menunjukkan bahawa anggota PERKESO telah mengamalkan nilai-nilai murni namun begitu terdapat ruang-ruang penambahbaikan yang boleh dikenal pasti dalam meningkatkan lagi nilai-nilai murni anggota PERKESO pada masa akan datang.

As an effort towards instilling good values in each SOCSO employee, various programmes have been carried out, including, among others, the introduction of the standard practice of "Senyum, Sapa, Salam dan Santun". This is done so as to produce employees who are friendly and caring. In order to see the effectiveness of these enculturation of good values programmes, a Value Audit was conducted, The Value Audit applied the Value Audit Management System produced by the Prime Minister's Department. The system applies five instruments, namely, Value Practice Record, Ideal Value Index, Personal Value Index, Organisational Value Index, and Feedback Record. The objective of this study is to identify the effectiveness of the programmes implemented as well as to ascertain the level of good values within SOCSO employees.

.

85% of SOCSO employees completed the questionnaire and 1,031 clients were interviewed for the purposes of this study. Results show scores for Value Practice at 77.97, Ideal Value Index at 79.22, Personal Value Index at 148.62, Organisational Value Index at 62.41and Client Feedback at 94.76. Overall, the composite index of 77.37 show that SOCSO employees have practised good values. However, there is room for improvements that can be identified to further increase the good values within SOCSO employees in the future.

2 KAJIAN KEPUASAN MAJIKAN
Employer Satisfaction Study

Sebagai sebuah organisasi yang mengutamakan pelanggan, PERKESO dari semasa ke semasa sering membuat penambahbaikan kepada perkhidmatan yang diberikan agar sentiasa menepati ekspektasi pelanggan. Antara usaha dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan khususnya majikan, suatu kajian bagi mengenal pasti tahap kepuasan majikan terhadap PERKESO telah dilaksanakan. Kajian yang dijalankan menilai tahap kepuasan majikan dari aspek proses pendaftaran perusahan dan pekerja, proses bayaran caruman, proses tuntutan faedah, imej dan kualiti perkhidmatan.

Pengetahuan majikan terhadap PERKESO juga diukur bagi mengenal pasti penambahbaikan dari aspek penyebaran maklumat dapat dibuat. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 83% majikan berasa bahawa proses mendaftarkan perusahaan dan pekerja serta dokumen/borang yang perlu disediakan adalah mudah dan anggota PERKESO yang membuat proses pendaftaran tersebut adalah cekap. Seramai 82% majikan menyatakan bahawa proses pembayaran caruman serta dokumen/borang yang perlu disediakan adalah mudah dan anggota PERKESO cekap dalam memproses pembayaran caruman mereka. Bagi urusan tuntutan faedah pula, hanya seramai 66% majikan merasakan proses serta dokumen yang diperlukan adalah mudah. Majikan turut berasa bahawa kompetensi anggota PERKESO yang memproses tuntutan faedah perlu ditingkatkan. Secara keseluruhan, 85% majikan berpuas hati dengan perkhidmatan serta imej yang ditunjukkan oleh PERKESO manakala pengetahuan majikan mengenai PERKESO pula berada pada tahap 87%.

Diharap perkhidmatan yang cemerlang ini dapat diteruskan oleh semua anggota PERKESO dalam memenuhi ekspektasi pelanggan namun sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu kerja di masa hadapan.

As an organisation that puts its clients first, SOCSO from time to time carries out improvements to its services so as to continuously meet the expectations of its clients. As part of the efforts taken in providing excellent service to its clients, in particular, the employers, a study to identify the employers' satisfaction level was carried out. The study assessed the employers' satisfaction level in terms of the business and employee registration process, payment of contributions process, benefits claim process, image and quality of service.

The employers' knowledge of SOCSO was also measured to identify the need for improvements in terms of disemmination of information. Study results show that 83% feel that the process of registration of business and employees, as well as the documents/forms required for such process is simple and the SOCSO employees handling the same are efficient. 82% of the employers stated that the process for payment of contributions as well as the documents/forms required for the same is simple and the SOCSO employees are efficent in processing their payment of contributions. In respect of benefits claim, 66% of the employers feel that the process as well as the required documents are simple. The employers also feel that the competence of the SOCSO employees processing the claims needs to be improved. Overall, 85% of the employers are satisfied with the services and image shown by SOCSO whilst the employers' knowledge of SOCSO is at 87%.

It is hoped that this excellent service can be maintained by all SOCSO employees in meeting the clients' expectations. Nevertheless, effort must always be taken to improve the quality of work in the future.

3 KAJIAN KEPUASAN BEKERJA & LIBAT URUS ANGGOTA
Study on Staff Job Satisfaction & Engagement

Satu kajian telah dijalankan oleh PERKESO untuk melihat tahap kepuasan bekerja dan tahap libat urus *(engagement)* anggotanya. Kepuasan bekerja merupakan tahap "kegembiraan" seseorang pekerja terhadap pekerjaan atau keadaan sesuatu pekerjaan seperti gaji, kenaikan pangkat, kemudahan, penyeliaan dan sebagainya. Manakala libat urus merupakan ukuran tahap komitmen dan *'connection'* terhadap pekerjaan dan organisasi di mana pekerja yang *'engaged'* menyumbang lebih kepada organisasi dan membawa organisasi lebih maju ke hadapan.

Adalah penting bagi PERKESO untuk memastikan warga kerjanya berpuas hati dan *'engaged'* kerana anggota yang berpuas hati dan *'engaged'* mempunyai prestasi kerja yang lebih tinggi, lebih produktif dan inovatif serta menyumbang kepada kepuasan pelanggan dan perkembangan organisasi. Bagi mengukur tahap kepuasan bekerja, 11 dimensi telah diukur manakala 4 dimensi telah digunakan untuk mengukur tahap libat urus iaitu:

A study was conducted by SOCSO to see the level of job satisfaction and engagement of its staff. Job satisfaction is the level of "happiness" of an employee over his job or the circumstances of his job, such as salary, promotion, facility, supervision and others. Engagement is the measurement of the level of commitment and connection towards one's job and the organisation, wherein an "engaged" employee contributes more the the organisation and brings the organisation progressively forward.

It is important for SOCSO to ensure that its staff is satisfied and engaged because a workforce that is satisfied and engaged perform better and is more productive as well as innovative. Such a workforce also contributes to clients' satisfaction and the growth of the organisation. To measure the working satisfaction level, 11 dimensions were measures, whilst 4 dimensions were used to measure the engagement level, namely:

Dimensi Kepuasan Bekerja / Job Satisfaction Dimensions

- Gaji / Salary
- Kenaikan Pangkat / Promotion
- Penyeliaan / Supervision
- Faedah & Kemudahan / Benefits & Facilities
- Keadaan Pengoperasian / Operational Conditions
- Rakan Sekerja / Colleagues
- Kerja & Tugasan / Job & Assignment
- Komunikasi / Communication
- Pembangunan Kerjaya / Career Develoment
- Penghargaan & Ganjaran / Recognition & Reward
- Nilai-Nilai Murni / Good Values

Dimensi Libat Urus / Engagement Dimensions

- Kata-kata / Words
- Setia / Loyalty
- Usaha / Effort
- Peluang / Opportunity

Kajian ini melibatkan kesemua anggota PERKESO berstatus tetap, kontrak dan sambilan yang berjumlah 2,484 orang. Daripada sejumlah 2,484 orang anggota, 80% iaitu 1,990 orang anggota telah menyertai kajian tinjauan yang dijalankan bermula 30 Mei 2016 dan berakhir pada 5 Julai 2016. Kajian tinjauan telah dijalankan secara atas talian dan juga menerusi edaran borang soal selidik. Dapatan hasil kajian yang diperolehi telah dimaklumkan dan cadangan daripada hasil kajian telah diusulkan kepada pihak pengurusan atasan dan pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha-usaha penambahbaikan bagi memperkasa kecemerlangan dan pembangunan modal insan PERKESO.

The study involved all of SOCSO's permanent, contractual and part-time employees, amounting to 2,484 persons. Out of the amount, 80% or 1,990 employees participated in the survey which began on 30th may 2016 and ended on 5th July 2016. The survey was conducted online and also through the questionnaires distributed. The findings of the study, together with recommendations, were submitted to the top management and other relevant parties in the improvement efforts to reinforce SOCSO's human capital excellence and development.

ULASAN PENGURUSAN RISIKO KORPORAT
Corporate Risk Management Reviews

Risiko Strategik

Dana PERKESO dijangka akan berkembang sebanyak 20% sehingga tahun 2020 berdasarkan sumbangan caruman ekoran perluasan liputan perlindungan kepada semua pekerja tanpa had gaji serta kenaikan siling gaji daripada RM3,000.00 kepada RM4,000.00 sebulan berkuatkuasa 1 Jun 2016. Di samping itu, alokasi aset PERKESO dikekalkan dengan struktur konservatif dan strategi baharu dalam portfolio pelaburan.

Risiko Pasaran

Cabaran ekonomi yang dihadapi pada tahun 2015 terus memberi kesan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, asas ekonomi negara yang kukuh bergantung kepada permintaan domestik pada momentum pertumbuhan ekonomi yang betul. Indeks Bursa Malaysia menurun lagi sebanyak 0.7% sehingga mencapai 1,653.37 mata di penutup Disember 2016 yang disebabkan persekitaran yang masih lagi berisiko tinggi, antaranya pelaksanaan normalisasi dasar monetari Amerika Syarikat, harga komoditi yang rendah, kebimbangan pertumbuhan ekonomi yang perlahan di China serta ketegangan geopolitik terutamanya di Timur Tengah. Berdasarkan situasi ini, pulangan pelaburan sebenar PERKESO agak memuaskan berbanding kadar inflasi 2.5% pada tahun 2016. Selain daripada itu, pulangan pelaburan serta kutipan caruman turut terkesan untuk membiayai pembayaran faedah PERKESO yang disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak menentu dan kadar pengangguran yang tinggi.

Strategic Risks

SOCSO's fund is expected to grow by 20% up to the year 2020 based on the contributions collected, following the expansion of coverage to all employees and the raising of the wage ceiling from RM3,000.00 to RM4,000.00 commencing 1st June 2016. In addition, SOCSO's asset allocation is maintained under a conservative structure, with new strategies on the investment portfolio.

Market Risks

The economic challenges faced in 2015 continued to have an impact in 2016. However, the country's strong economic foundation depends on the domestic demand at the right economic growth momentum. The Kuala Lumpur Composite Index fell by 0.7% to reach 1,653.37 points at the closing position in December 2016. This was due to the high-risk environment, such as the normalisation of American monetary policy, lower commodity prices, concerns over the slowing economic growth in China as well as geopolitical tensions particularly in the Middle East. Based on these factors, the SOCSO's real returns on its investments is satisfactory as compared to the inflation rate of 2.5% in 2016. Other than that, investment returns and the contributions collected which are used to make benefits payments will be affected by the uncertainty in the current economic situation and the high unemployment rate.

Risiko Aktuari

PERKESO mentadbir dua jenis skim iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. Skim-skim ini menghadapi ancaman liabiliti terhadap faedah-faedah jangka panjang, cabaran pentadbiran serta ancaman moral. Kemampanan dana adalah dijangka dapat bertahan kurang daripada 15 tahun apabila pendapatan dan perbelanjaan mencapai titik ekuilibirium dan rizab kumpulan wang mula menurun bagi menampung pembayaran faedah kepada penerima yang sedia ada dan baharu. Berdasarkan penilaian ini, kadar caruman perlu dinaikkan secara berperingkat bagi membolehkan dana yang mencukupi untuk dilaburkan supaya faedah-faedah semasa dan jangka panjang kepada penerima faedah PERKESO sentiasa terpelihara.

Risiko Demografik dan Jangka Hayat

Risiko sosial pekerja adalah bergantung kepada tanggungjawab majikan untuk melindungi pekerja mereka dengan Skim-skim Keselamatan Sosial. Pada tahun 2016, seramai 6.5 juta pekerja mencarum secara aktif kepada PERKESO berbanding dengan 14.6 juta tenaga kerja di Malaysia.

Pada masa ini, kadar kematian kasar di Malaysia adalah di sekitar 0.47% dengan kematian lelaki 58% berbanding wanita 42%. Jangka hayat penduduk wanita pula adalah sehingga umur 77.4 tahun berbanding penduduk lelaki pada umur 72.5 tahun. Dalam tempoh 10 tahun, dianggarkan kadar kematian penduduk lelaki melebihi 0.3% dan penduduk wanita 0.2% manakala jangka hayat penduduk wanita adalah sehingga umur 80 tahun dan penduduk lelaki sehingga umur 75 tahun.

Penilaian ini menunjukkan populasi penduduk adalah ke arah penuaan manakala kadar kematian yang perlahan disebabkan gaya hidup dan kecanggihan perubatan. Dalam tempoh ini, PERKESO berhadapan dengan peratusan peningkatan perbelanjaan faedah yang lebih besar berbanding pendapatan yang diterima serta perlu memastikan rizab pembayaran faedah jangka panjang adalah mencukupi.

Actuarial Risks

SOCSO administers two types of schemes, namely, the Employment Injury Scheme and the Invalidity Scheme. These schemes face liability threats towards long-term benefits, administrative challenges as well as moral threats. The sustainability of funds is expected to last less than 15 years when the income and the expenditure reach an equilibrium point and the reserves start to decline to cover the benefit payments for existing and new recipients. Based on this assessment, the rate of contribution needs to be gradually raised so that sufficient funds could be invested. Thus, the current and long-term benefits for SOCSO's recipients shall be preserved.

Demographic and Life Expectancy Risks

Employees' social risks depend on employers' responsibility to protect employees through the Social Security Schemes. In 2016, 6.5 million employees actively contributed to SOCSO compared to the total 14.6 million work force in Malaysia.

At present, the gross death rate in Malaysia in Malaysia is approximately 0.47%, with 58% being male deaths and 42% female deaths. The life expectancy of women is 77.4 years compared to that of the male population which stands at 72.5 years. In the period of 10 years, it is estimated that the death rate of the male population shall exceed 0.3% and the death rate of the female population shall exceed 0.2%. The life expectancy of the female population is expected to be 80 years and the life expectancy of the male population is expected to be 75 years.

The assessment shows that Malaysia is moving towards an aging population and the lowering death rates are due to lifestyle and medical advancement. During this period, SOCSO has had to deal with higher percentage of increase in benefit expenses compared to the income received. The organisation also needed to ensure that the reserves for long-term benefit payments are sufficient.

Risiko Kewangan

Kemampanan dana PERKESO perlu diperkukuh bagi memelihara dan menjamin bantuan kewangan yang berterusan serta dapat menyediakan perkhidmatan keselamatan sosial kepada Orang Berinsurans dan tanggungan mereka. Pelbagai inisiatif sedang dirangka bagi memastikan dana ini dilindungi berdasarkan beberapa strategi seperti berikut:

a. Mengoptimumkan pulangan pelaburan dengan struktur alokasi aset dan strategi portfolio pelaburan yang baharu.
b. Menjalankan pelaburan hartanah yang tertumpu di lokasi strategik di dalam dan luar Negara.
c. Aktiviti pemeriksaan dan penguatkuasaan dipergiatkan lagi dengan inisiatif kepada sasaran 100% pematuhan.
d. Cadangan meningkatkan kadar caruman dengan memperkenalkan konsep atau faedah baharu.
e. Memantapkan langkah-langkah kawalan kos dan pelaksanaan belanjawan berhemah.

Risiko Reputasi

PERKESO mempunyai struktur pengoperasian yang kukuh dengan sebuah pejabat pentadbiran dan 51 buah pejabat di seluruh negara. Pada tahun 2016, PERKESO berjaya melaksanakan perancangan strategik dengan pencapaian keseluruhan yang amat baik. Selain daripada itu, pelbagai anugerah telah dirangkul di dalam dan luar negara termasuk menjadi sumber rujukan kepada banyak negara luar berkaitan pengurusan hilang upaya dan pemulihan orang terbencana.

Indeks kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan PERKESO adalah 88% pada tahun 2016, manakala 99% prestasi kes faedah yang telah dibayar Piagam Pelanggan yang ditetapkan. PERKESO sentiasa berusaha memberi penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pihak yang berkepentingan dan pelanggannya.

Financial Risks

The sustainability of SOCSO's funds needs to be reinforced to maintain and guarantee continuous financial support as well as provision of social security services to Insured Persons and their dependants. Various initiatives are being framed to ensure the protection of funds based on the following strategies:

a. To optimise investment returns with a new asset allocation structure and investment portfolio strategy.
b. To invest in real estate in strategic locations locally or abroad.
c. To intensify inspection and enforcement activities with a target of 100% compliance.
d. To propose new concepts or benefits with a view to increasing the contribution rate.
e. To consolidate cost control measures and the implementation of a prudent budget.

Reputation Risks

SOCSO has a very strong operational structure, with an administrative office and 51 branch offices nationwide. In 2016, SOCSO successfully implemented its strategic planning with an overall good achievement. In addition, the organisation has managed to win various awards locally, as well as on the international stage. It has also become a source of reference for many other countries on disability management and rehabilitation of injured persons.

With regards to SOCSO's services, the clients' satisfaction index stands at 88% in 2016. The benefits for 99% of cases were paid in accordance with the stipulated Clients' Charter. SOCSO continues to work towards the best delivery of services to its stakeholders and clients.

Risiko Operasi

PERKESO terdedah dengan pelbagai risiko ke atas proses dan prosedur, sistem, orang dan faktor luar yang boleh menjejaskan pengoperasian serta pencapaian strategik keseluruhan organisasi dan pelanggan. Secara umum, kebakaran, banjir, pencerobohan, serangan siber, gempa bumi dan gangguan bekalan elektrik adalah insiden yang pernah berlaku di PERKESO. Kejadian-kejadian ini telah memberi impak kepada pengoperasian utama dan kerugian yang besar kepada PERKESO dan pelanggannya.

PERKESO menganggap Pengurusan Kesinambungan Semula Perniagaan penting untuk memastikan perkhidmatan yang berterusan kepada pelanggannya. Dengan itu, satu Pelan Kesinambungan Perniagaan PERKESO sedang dikemaskini mengikut Analisis Impak Perniagaan dan pembangunan Pelan Kesinambungan Perniagaan dijalankan secara berperingkat.

Aktiviti-Aktiviti Pelan Kesinambungan Perniagaan

Risiko Teknologi Maklumat

i. Projek Pembangunan Semula Sistem ICT telah dimulakan pada 19 September 2016 dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada 3 Oktober 2018.
ii. PERKESO perlu melindungi sistem teknologi maklumat dan rangkaiannya daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
iii. Bahagian Transformasi dan Teknologi Maklumat perlu memastikan data dan maklumat sentiasa di *'back up'* dan dilindungi.
iv. Pusat data dan pusat pemulihan bencana hendaklah diuji dengan pelbagai senario yang mungkin boleh berlaku untuk melihat keberkesanannya.

Operational Risks

SOCSO is exposed to various risks on its processes and procedures, systems, people and external factors that may affect the overall operations and strategic achievements of the organisation and clients. In general, the organisation has experienced various incidents such as fires, floods, infringement, cyber attacks, earthquakes and disruptions in power supply. Such incidents have impacted key operations and have caused great losses to SOCSO and its clients.

SOCSO deems Business Continuity Management as an essential tool to ensure continuous service to its clients. Hence, the SOCSO Business Continutiy Plan is now being updated in accordance with the Business Impact Analysis and the development of such plan will be implemented in stages.

Business Continuity Management Activities

Information Technology Risks

i. The Redevelopment of ICT System project was initiated on 19 September 2016 and is expected to be fully completed on 3rd October 2018.
ii. SOCSO needs to protect its ICT system and network from being hacked by irresponsible parties.
iii. The Transformation and Information Technology Division needs to ensure that all data and information are always backed up and protected.
iv. The data centre and disaster recovery centre need to be frequently tested with various probable scenarios for its effectiveness.

ULASAN AUDIT DAN KAWALAN DALAMAN
Internal Audit and Controls Review

Audit Dalam PERKESO berperanan untuk memastikan kesemua aktiviti yang dilaksanakan adalah mematuhi peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.

Berbeza dari tahun sebelum ini, tumpuan pengauditan tahun 2016 dialihkan kepada pengoperasian Pejabat Pengarah Negeri dan Pejabat-Pejabat PERKESO. Pengauditan ke atas *Core Activities* adalah penting memandangkan ianya adalah nadi kemantapan dana PERKESO dan menyumbang kepada pencapaian Visi, Misi dan Objektif PERKESO. Ianya dilihat lebih menyeluruh dan merangkumi semua fungsi. Selain itu, Audit Dalam juga menjalankan siasatan dan pengauditan khas berdasarkan arahan Ketua Eksekutif PERKESO, Lembaga Pengarah PERKESO dan Jawatankuasa Audit Lembaga PERKESO.

Bagi memantapkan lagi tata kelola dan amalan tadbir urus korporat terbaik, pada tahun 2016, Bahagian Naziran telah melaksanakan lawatan ke atas 39 pejabat PPN/PPP bagi memastikan setiap pejabat tersebut mematuhi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Peraturan-Peraturan Am Keselamatan Sosial Pekerja 1971 dan Pekeliling-Pekeliling berkaitan Penguatkuasaan dan Caruman. Pengauditan yang dijalankan tertumpu kepada aspek dan skop seperti berikut:

- Menyemak semula fail-fail Teguran Terdahulu bagi memastikan tindakan telah diambil.
- Menyemak fail-fail acara (Pemeriksaan) Pegawai Pemeriksa bagi bulan yang dipilih.
- Menyemak fail-fail kutipan bayaran Tunggakan Caruman dan Faedah Caruman Lewat Bayar bagi memastikan amaun yang dilaporkan ke Ibu Pejabat sama dengan resit yang disemak.
- Menyemak Rekod Saman Jabatan.
- Menyemak Rekod Aduan.
- Menyemak Rekod Kompaun.
- Menyemak Rekod Pendakwaan.

SOCSO's Internal Audit functions to ensure that all activities conducted comply with the provisions of the Employees' Social Security Act 1969 and the Employees' Social Security (General) Regulations 1971.

In contrast with the previous year, the focus of the 2016 audit shifted to the operations of the State Directors' Offices and the SOCSO Offices. Audit on core activities is essential as they form the pulse of stability of SOCSO's funds and contribute towards the achievement of SOCSO's Vision, Mission and Objectives. It is seen to be more extensive and covers all functions. In addition, Internal Audit also conducts special investigations and audits on the orders of the Chief Executive of SOCSO, the Board of Directors, and the SOCSO Board Audit Committee.

To further establish the best corporate governance practices, the Inspectorate Division carried out visits to 39 PPN/PPP offices in 2016, to ensure that each office complies with the Employees' Social Security Act 1969, the Employees' Social Security (General) Regulations 1971 and the Circulars concerning Enforcement and Contributions. The audit conducted focused on the following aspects and scope:

- Review of Previous Caution files to ensure that action has been taken.
- Review of the Inspection Officer's events files (Inspection) for the selected months.
- Review of payment collection files on Contribution Arrears and Interest on Late Payment of Contribution to ensure the amount reported to Headquarters is the same as the receipts checked.
- Review record of department summonses.
- Review of complaints records.
- Review compound records.
- Review prosecution records.

Laporan hasil penemuan ke setiap pejabat berkenaan mengandungi isu-isu yang berbangkit, analisa kepada isu penemuan, cadangan dan syor penambahbaikan dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi. Menerusi aktiviti naziran yang dijalankan secara langsung dapat membantu organisasi terutamanya aktiviti penguatkuasaan dan caruman dapat dilaksanakan secara teratur mengikut standard prosedur dan memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan yang mempunyai kepentingan bersama.

A report on the findings at each relevant office containing matters arising, analysis of the findings, proposals and recommendation for improvement is presented to the top management. The inspectorate activities conducted directly helps the organisation to ensure organised implementation of enforcement and contributions in accordance with the standard procedures. This will, in turn, benefit all stakeholders having common interest.




Bengkel Analisis Impak Perniagaan / Business Analysis Workshop




Bengkel Pengenalan Pelan Kesinambungan Pengurusan Perniagaan
Introduction to Business Continuity Management Workshop





Penubuhan Jawatankuasa Kerja Transformasi Perolehan

Jawatankuasa Kerja Transformasi Perolehan telah ditubuhkan pada 9 Jun 2014 yang dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Unit Perolehan, Bahagian Perbendaharaan. Antara tugas-tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

i. Menyemak semua proses perolehan yang sedang digunakan oleh PERKESO;
ii. Mengkaji dasar perolehan yang sesuai diaplikasikan di PERKESO;
iii. Mewujudkan SOP untuk semua kaedah perolehan;
iv. Memastikan dasar yang dibuat berdasarkan prinsip perolehan kerajaan;
v. Mengeluarkan pekeliling berkaitan perolehan;
vi. Mengeluarkan manual perolehan bagi dijadikan sumber rujukan oleh anggota PERKESO; dan
vii. Lain-lain hal berkaitan

PERKESO telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 13 Januari 2016 untuk mengguna pakai Manual Perolehan PERKESO (MPP) yang telah diwujudkan. Mesyuarat Lembaga PERKESO Bil 1/2016 pada 26 Januari 2016, telah mengambil maklum dan meluluskan penggunaannya. Pada 19 Disember 2016, Manual Perolehan PERKESO telah dilancarkan secara rasminya oleh YBhg. Dato' Ketua Eksekutif dalam majlis perhimpunan bulanan PERKESO.

Establishment of the Procurement Transformation Working Committee

The Procurement Transformation Working Committee was established on 9th June 2014 and comprises officers from the Procurement Unit, Treasury Division. Duties of the Committee include the following:

i. To review all procurement process adopted by SOCSO;
ii. To study the procurement policy that is suitable for application by SOCSO;
iii. To create a set of Standard Operating Procedures for all methods of procurement;
iv. To ensure that the policies established are based on the government's procurement principles;
v. To issue circulars on procurement;
vi. To publish a procurement manual to be used as reference by SOCSO staff; and
vii. Other related matters.

SOCSO has, on 13th January 2016, obtained the approval of the Ministry of Finance for the adoption of the SOCSO Procurement Manual. SOCSO Board Meeting No. 1/2016 on 26th January 2016 took note and approved the use of the manual. On 19th December 2016, the SOCSO Procurement Manual was officially launched by the Chief Executive during the SOCSO monthly assembly.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
Awards and Recognition



“ Usaha melestarikan budaya kreativiti dan inovasi di kalangan warga kerja PERKESO telah mula menzahirkan kejayaan menerusi beberapa bidang keberhasilan utama. Tahun 2016 merupakan tahun kecemerlangan PERKESO apabila pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan nasional telah diterima. Sesungguhnya pencapaian cemerlang yang dicapai ini telah melonjakkan nama dan imej PERKESO”

“ Efforts to preserve a culture of creativity and innovation amongst SOCSO’s workforce has begun to show success in several key results areas. 2016 has been SOCSO’s year of excellence where various awards and recognition, be it on the international or local stage, were received. Indeed, this excellent achievement has propelled SOCSO’s name and image.”

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
Awards and Recognition





Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2016 for Innovation Excellence Award

Pada September 2016, PERKESO telah dianugerahkan *Innovation Excellence Award* semasa *ASEAN Social Security Association Recognition Award 2016* bagi Program Saringan Kesihatan PERKESO oleh *ASEAN Social Security Association (ASSA)*. Anugerah ini telah diterima oleh YBhg. Dato' Ketua Eksekutif di Manila, Filipina. Anugerah ini telah mengiktiraf inisiatif PERKESO dalam membendung gejala penyakit tidak berjangkit di kalangan pekerja di Malaysia melalui pengesanan awal penyakit.

Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2016 for Innovation Excellence Award

In September 2016, SOCSO was presented with the Innovation Excellence Award during the ASEAN Social Security Association Recognition Awards Ceremony 2016 for its Health Screening Programme. The award was received by the Chief Executive in Manila, Philippines. The award recognises SOCSO's initiatives in curbing the symptoms of non-communicable diseases among workers in Malaysia through early detection.


ASEAN Social Security Association

ASSA RECOGNITION AWARD

This Award is presented to

Social Security Organisation, Malaysia

in recognition of their efforts in

INNOVATION

SOCSO Health Screening Program

Ng Chee Peng
Chairman
ASEAN Social Security Association
2015-2016

Excellence in Social Security Administration

The 33rd ASSA Board Meeting and Conference telah diadakan di Hotel Sofitel Philippines Plaza, Manila mulai 22 - 23 September 2016. Objektif ASSA adalah memberi peluang anggota ASSA berkongsi pengalaman serta amalan terbaik pengurusan keselamatan sosial yang dilaksanakan di negara masing-masing dalam memperluaskan jaringan keselamatan sosial. Tema program pada kali ini adalah *'Excellence in Social Security Administration'* yang telah dirasmikan oleh *Chairman, Philippine Social Security Association (PhilSSA)*, Mr. Emilio S. de Quiros, Jr. PERKESO telah menerima *ASSA Recognition Awards* di atas kejayaan PERKESO melalui *Health Screening Programme*. Anugerah ini merupakan anugerah kedua yang diperolehi sejak tahun 2015.

Excellence in Social Security Administration

The 33rd ASSA Board Meeting and Conference was held at the Sofitel Hotel, Philippines Plaza, Manila from 22nd to 23rd September 2016. The objective of the event was to give ASSA members the opportunity to share their experiences as well as the social security management best practice implemented in their respective countries in expanding the social security network. The programme themed "Excellence in Social Security Administration" was officially opened by the Chairman of the Philippine Social Security Association (Phil SSA), Mr. Emilio S. de Quiros Jr. SOCSO received the ASSA Recognition Award for the success of its Health Screening Programme. This award is the second such award received since 2015.



ISSA Certificate of Excellence in Social Security Administration (Contribution Collection and Compliance)

PERKESO telah berjaya menyempurnakan *International Social Security Association (ISSA) Recognition Programme on ISSA Guidelines on Contribution Collection and Compliance* dan telah dianugerahkan *ISSA Certificate of Excellence in Social Security Administration (Contribution Collection and Compliance).* Anugerah ini telah disampaikan oleh Encik Errol Frank Stoové, Presiden ISSA kepada Ketua Eksekutif PERKESO di World Social Security Forum 2016 Panama pada 15 November 2106 di Westin Playa Hotel, Panama City Panama.



ISSA Certificate of Excellence in Social Security Administration (Contribution Collection and Compliance)

SOCSO successfully completed the International Social Security Association (ISSA) Recognition Programme on ISSA Guidelines on Contribution Collection and Compliance, and was awarded the ISSA Certificate of Excellence in Social Security Administration (Contribution and Compliance). The award was presented to SOCSO's Chief Executive by Mr. Errol Frank Stoove, President of ISSA, during the World Security Forum 2016 held on 15th November 2016 at the Westin Playa Hotel, Panama City, Panama.

Pengiktirafan 5 Bintang Sektor Awam 2015 – 2016

Buat julung kalinya PERKESO yang merupakan salah satu agensi barisan hadapan telah mendapat pengiktirafan dan anugerah penarafan 5 Bintang Sektor Awam daripada Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Anugerah ini merupakan kejayaan besar dan bermakna bagi PERKESO. YBhg. Tan Sri Dr. Ali Bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara telah menyerahkan Sijil Pengiktirafan 5 Bintang Agensi Sektor Awam kepada Encik John Riba Marin, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) bagi pihak PERKESO pada 4 April 2016 di Dewan Taklimat Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.


PENGIKTIRAFAN BINTANG
AGENSI SEKTOR AWAM
TAHUN 2015 - 2016

kepada

PERTUBUHAN
KESELAMATAN SOSIAL

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA

MAMPU

2015 – 2016 Public Sector 5-Star Recognition

For the first time ever, SOCSO, which is one of the front line agencies, received the Public Sector 5 Star rating recognition and award from the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU). This award is a great success and is very meaningful to SOCSO. YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, the Chief Secretary to the Government of Malaysia presented the Public Sector Agency 5 Star Recognition Certificate to Mr. John Riba Marin, SOCSO's Deputy Chief Executive (Operations) on 4th April 2016 at the Implementation Coordination Unit (ICU) *Dewan Taklimat,* Prime Minister's Department, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
Awards and Accreditation

Inovatif Sempena Konvensyen AKRAB Kebangsaan Tahun 2016

PERKESO telah dinobatkan sebagai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Inovatif Tahun 2015 daripada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 13 Mei 2016 di Putrajaya semasa Konvensyen AKRAB. Anugerah tersebut telah diterima oleh YBhg. Dato' Ketua Eksekutif PERKESO daripada YAB Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Anugerah ini merupakan kejayaan besar dan bermakna bagi PERKESO dalam program membudayakan S4P yang telah dilaksanakan oleh AKRAB dan juga Unit Psikologi sejak ia dilancarkan pada tahun 2015.




Jabatan Perkhidmatan Awam
MALAYSIA
Sijil Penghargaan
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
AKRAB INOVATIF

Innovative Award in Conjuntion with the National AKRAB Convention 2016

SOCSO was declared as the Innovative Public Services Counselling Associate (AKRAB) 2015 by the Public Services Department on 13th May 2016 during the AKRAB Convention in Putrajaya. The award was presented by YAB Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Deputy Prime Minister of Malaysia, to the Chief Executive of SOCSO. This award is a great success and is very meaningful to SOCSO in the programme to enculturate S4P which was implemented by AKRAB as well as the Psychology Unit since its launch in 2015.






Kerajaan Malaysia dengan ini mengiktiraf inisiatif inovasi
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
Transformasi Landskap Perlindungan Keselamatan Sosial Negara
ANUGERAH INOVASI PERDANA MENTERI 2016
Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2016

Pada 15 Disember 2016, PERKESO telah dinobatkan sebagai Pemenang Tempat Kedua dalam Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2016 dan berjaya memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM300,000.00. Pengiktirafan anugerah ini telah disampaikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kepada YBhg. Dato' Dr Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO dalam Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2016 di Hotel Marriot, Putrajaya.

Prime Minister's Innovation Award 2016

On 15th December 2016, SOCSO was announced as the Runner-up in the Prime Minister's Innovation Award 2016 and received a prize money of RM300,000.00. The award was presented by YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia, to YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO at the Prime Minister's Innovation Awards Ceremony 2016 held at the Marriot Hotel in Putrajaya.

AIPM yang dianjurkan oleh MAMPU merupakan anugerah yang terunggul dan paling berprestij telah diperkenalkan pada tahun 2010 dengan ganjaran wang tunai sebanyak RM1 juta bagi mengiktiraf inisiatif inovasi yang signifikan dan berimpak tinggi serta menyumbang kepada kepentingan rakyat dan negara. Dalam pertandingan ini, PERKESO telah membentangkan inovasi bertajuk 'Transformasi Lanskap Perlindungan Keselamatan Sosial Negara Meningkatkan Kesejahteraan Pekerja Malaysia' dan telah tersenarai dalam enam (6) finalis terbaik yang layak ke peringkat akhir.

The AIPM which was organised by MAMPU, is a premier and prestigious award introduced in 2010 and carries a cash prize of RM1 million to recognise innovative initiatives that are significant and have a high impact as well as contribute to the interest of the people and country. In this competition, SOCSO presented an innovation entitled "Transformasi Lanskap Perlindungan Keselamatan Sosial Negara Meningkatkan Kesejahteraan Pekerja Malaysia" and was listed among the six (6) best entries to go through to the finals.



Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha Negara

Kumpulan FULUS gabungan Cawangan Penguatkuasaan dan Bahagian Transformasi & Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat PERKESO telah memenangi Anugerah Ketua Setiausaha Negara (KSN) dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016 anjuran Institut Pentadbiran Awam (INTAN) pada 15 November 2016 di MITC, Melaka. Kejayaan ini merupakan pengiktirafan tertinggi PERKESO dalam persada Konvensyen Inovasi Kebangsaan (KIK) sekaligus telah mengharumkan nama Kementerian Sumber Manusia.

Chief Secretary's Innovation Award

The FULUS group, a collaboration between the Enforcement Branch and the Transformation & Information Technology Division, SOCSO Headquarters, won the Chief Secretary's Innovation Award during the *Majlis Persada Inovasi Perkhidmata Awam 2016* organised by the Public Administraton Institute (INTAN) on 15th November 2016 at MITC, Melaka. This success is SOCSO's highest recognition to date in the National Innovation Convention arena and has brought honour to the Ministry of Human Resources.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
Awards and Accreditation


SENARAI AGENSI DAN PENARAFAN BINTANG
TAHUN 2015-2016

5 BINTANG ★★★★★

Penarafan Bintang	Kategori	Agensi
★★★★★	Kementerian (13)	• Kementerian Dalam Negeri (KDN) • Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) • Kementerian Pertahanan (MinDef) • Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) • Kementerian Kerja Raya (KKR) • Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) • Kementerian Kewangan (MOF) • Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) • Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) • Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) • Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) • Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) • Jabatan Perdana Menteri (JPM) • Kementerian Pengangkutan (MOT) • Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM)
	Agensi Pusat dan Jabatan Utama (APJU) (10)	• Angkatan Tentera Malaysia (ATM) • Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) • Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) • Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (UPE) • Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) • Jabatan Kerja Raya (JKR) • Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) • Polis Diraja Malaysia (PDRM) • Jabatan Peguam Negara (AGC) • Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) • Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM)


Penarafan Bintang	Kategori	Agensi
	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri/ Pejabat Setiausaha Kerajaan Persekutuan (PSUK/PSUP) (8)	• Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUK Pulau Pinang) • Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (PSUK Terengganu) • Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKM Melaka) • Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (PSUK Perak) • Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (PSUK Kedah) • Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (PSUK Kelantan) • Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK Selangor) • Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (PSUK Negeri Sembilan)
	Agensi Barisan Hadapan (ABH) (6)	• Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) • Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) • Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) • Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) • Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) • Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
	Agensi KPI Strategik Tier 1 (AKS) (3)	• Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) • Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) • Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Penarafan Bintang Laman Web Sektor Awam

Susulan cetusan idea daripada Y.A.B. Perdana Menteri pada 2 Februari 2005 di Mesyuarat Jemaah Menteri, pada 1 Disember 2006 di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) telah memutuskan supaya penarafan *Star Rating* mula dilaksanakan.

Pada 8 Februari 2007, Mesyuarat Panel Memajukan Pentadbiran Awam (PANEL) memutuskan supaya *Star Rating* dilaksanakan bagi menggredkan tahap prestasi kecemerlangan agensi-agensi Kerajaan ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Pada tahun 2016, PERKESO telah berjaya mengekalkan pencapaian laman web 5 Bintang selama 5 tahun berturut-turut bermula pada tahun 2011 hingga 2015.

Public Sector Website Star Rating

Following the burst of idea from the Prime Minister during the Cabinet Meeting on 2nd February 2005, the Special Cabinet Committee on the Integrity of the Government's Management (JKKMKPK) during its meeting on 1st December 2006 declared the implementation of the Star Rating.

On 8th February 2007, the Public Administration Advancement Panel (PANEL) meeting declared the implementation of the Star Rating to classify the level of excellence of government agencies with a view to improving the service delivery system. In 2016, SOCSO successfully maintained its 5-Star Website achievement for 5 consecutive years, from 2011 to 2015.



Konvensyen *Team Excellence* Kebangsaan Anjuran MPC

Lima (5) Kumpulan KIK PERKESO telah berjaya terpilih ke Konvensyen *Team Excellence Kebangsaan sempena Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2016* anjuran *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) yang telah diadakan pada 25 - 27 Oktober 2016 di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Kumpulan LEGASI dan PRESTIJ telah berjaya merangkul tiga (3) Anugerah Emas Tiga Bintang manakala kumpulan IQUIEX, WALLAGONIA dan IRIS berjaya mendapat dua (2) Anugerah Emas Dua Bintang.



National Team Excellence Convention Organised by MPC

Five (5) SOCSO KIK Groups were selected to the National Team Exellence Convention in conjunction with the Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2016 organised by the Malaysian Productivity Corporation (MPC). The event took place on 25th – 27th October 2016 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC). The awards were presented by YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Minister of International Trade and Industry. The LEGASI and PRESTIJ groups won three (3) Three Star Gold Awards whereas the IQUIEX, WALLAGONIA and IRIS groups won two (2) Two Star Gold Awards.



Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Anjuran MPC

PERKESO yang diwakili kumpulan PRESTIJ, IQUIEX, IRIS & WALLAGONIA dan LEGASI telah berjaya memperolehi lima (5) Anugerah Emas dalam Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah anjuran *Malaysia Productivity Corporation (MPC).*

Regional Team Excellence Convention Organised by MPC

SOCSO, represented by the PRESTIJ, IQUIEX, IRIS & WALLAGONIA and LEGASI groups, won five (5) Gold Awards at the Regional Team Excellence Convention organised by the Malaysian Productivity Corporation (MPC).

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
Awards and Accreditation

Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Kementerian Sumber Manusia

Penilaian bagi Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi tahun 2016 telah diadakan pada 28 - 29 September 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Perbendaharaan, Menara PERKESO. Antara kriteria penilaian adalah pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), bajet, Akaun Belum Terima (ABT), Penerimaan dan Pembayaran, Perolehan, Pinjaman, Inovasi Kewangan, Perakaunan dan lain-lain. Keputusan penilaian telah diumumkan pada 13 Oktober 2016 dan PERKESO telah berjaya mendapat tempat pertama dan menerima hadiah berupa cek berjumlah RM1,000.00.





Financial Management Innovation Award (Accountability Index) Ministry of Human Resources

The evaluation of the Ministry of Human Resources Financial Management Innovation Award (Accountability Index) for the year 2016 was held on 28th - 29th September 2016 at the Treasury Division Meeting Room, Menara PERKESO. Among the evaluation criteria were management of the Finance and Accounts Management Committee (JPKA), budget, Accounts Receivable (ABT), receipts and payments, procurement, loans, financial innovation, accounting and others. The results of the evaluation was announced on 13th October 2016 and SOCSO was awarded the first prize, receiving a cheque of RM1,000.00.

PERKONGSIAN ILMU
Knowledge Sharing

Sepanjang tahun 2016, program-program pembangunan modal insan dan juga perkongsian ilmu melalui input Psikologi dan Kaunseling dalam modul latihan dalaman kepada anggota PERKESO telah dilaksanakan. Pada tahun 2016, sebanyak 3 siri Program Kesejahteraan Emosi telah dijalankan.

Program Kesejahteraan Emosi siri 1: *"Bridge To A Better Life"* telah dijalankan pada 23 Februari 2016 dengan kehadiran seramai 90 orang anggota PERKESO. Program diadakan di ruang legar tingkat 19, Menara PERKESO bermula jam 9.30 pagi sehingga 1 petang. Program bulanan ini merupakan inisiatif bagi mewujudkan suasana yang harmoni di tempat kerja di samping mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif. Kehadiran Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat) Puan Hajah Samihah mewakili YBhg. Dato' Ketua Eksekutif PERKESO selaku perasmi dan juga peserta program, Ketua-ketua Bahagian, Ketua-ketua Cawangan dan anggota-anggota PERKESO di Ibu Pejabat telah memeriahkan lagi suasana dan memperlihatkan sikap keprihatinan dan sokongan daripada pihak Pengurusan dalam program-program kaunseling dan psikologi di PERKESO.

Throughout 2016, human capital development programmes and knowledge sharing through Psychological and Counselling inputs in the internal training modules for SOCSO employees have been implemented. In 2016, a total of 3 series of the Emotional Wellbeing Programme were carried out.

Series 1 of the Emotional Wellbeing Programme: "Bridge to a Better Life" was held on 23rd February 2016 with the attendance of 90 SOCSO employees. The programme was held at the 19th Floor Lobby, Menara PERKESO, from 9.30 a.m. to 1 p.m. This monthly programme is part of the initiative to create a harmonious atmosphere at the work place, in addition to creating a conducive working environment. The presence of the Deputy Chief Executive (Corporate), Puan Hajjah Samihah who officially launched the programme on behalf of the Chief Executive, together with the participants, Heads of Divisions, Heads of Branches and other SOCSO employees at the Headquarters further enlivened the event and displayed the care and support of the Management for such counselling and psychological programmes in SOCSO.





Luncheon Talk

Satu sesi *Luncheon Talk* bertajuk *"Quantum Excellence Thru The Art Of Dealing With People" – Creating Harmony For Quantum Results For* PERKESO telah diadakan pada 23 Mac 2016 & 20 April 2016 di Menara PERKESO. Program bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pengurusan kanan bagaimana mewujudkan komunikasi dalaman yang harmoni dan berkesan dalam sistem pengurusan PERKESO. Sesi tersebut telah disampaikan oleh Puan Fathiah Shamsuddin, Pengarah Urusan Uptown Dreamers Sdn Bhd.

Luncheon Talk

A Luncheon Talk entitled "Quantum Excellence Through the Art of Dealing with People – Creating Harmony for Quantum Results for SOCSO" was held on 23rd March 2016 and 20th April 2016 at Menara PERKESO. The aim of the programme was to give early exposre to the senior management on the ways to create internal communication that is harmonious and effective in SOCSO's management system. The talk was given by Puan Fathiah Shamsuddin, Managing Director of Uptown Dreamers Sdn. Bhd.



Series 2 of the Emotional Wellbeing Programme

Series 2 of the Emotional Wellbeing Programme: "Suami Hensem Isteri Ohsem"which was presented by Pak Utih, the Motivator, was held held on 4th April 2016 with the presence of 90 SOCSO employees. The event took place at the 19th Floor Lobby, Menara PERKESO, from 9.30a.m. to 1.00p.m.

Program Kesejahteraan Emosi Siri 2

Program Kesejahteraan Emosi Siri 2: "Suami Hensem Isteri Ohsem" yang dibawakan oleh Motivator Pak Utih. Program ini telah dijalankan pada 4 April 2016 dengan kehadiran seramai 90 orang anggota PERKESO bertempat di ruang legar tingkat 19, Menara PERKESO bermula jam 9.30 pagi sehingga 1.00 petang.



Pelan Integriti Organisasi 2016 – 2020 (PIO-2)

Pelan Integriti Organisasi (PIO-2) PERKESO bagi tempoh 2016 hingga 2020 mengandungi program serta aktiviti yang akan dilaksanakan ke arah pembudayaan dan meningkatkan integriti di kalangan anggotanya selaras dengan Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020. Objektif PIO-2 adalah seperti berikut:

a) Memperkukuhkan asas nilai-nilai murni dan membudayakan integriti sebagai amalan warga kerja;
b) Membasmi gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara berkesan; dan
c) Meningkatkan tadbir urus korporat, kecekapan dan keberkesanan dalam sistem penyampaian.

Organisational Integrity Plan 2016 – 2020 (PIO-2)

SOCSO's Organisational Integrity Plan (PIO-2) for the period 2016 to 2020 comprises programmes and activities that will be implemented towards the enculturation and improvement of integrity amongst its employees, in line with the SOCSO Strategic Plan 2016-2020. The objectives of PIO-2 are as follows:

a) To strengthen the foundation of good values and enculturate integrity as the practice of the workforce;
b) To eradicate graft as well as abuse and corruption of powers effectively; and
c) To improve corporate governance, efficiency and effectiveness in the delivery system.





Edaran Kod Etika Anggota

Buku Kod Etika yang telah diperbaharui diedarkan kepada semua anggota pada 13 Mei 2016. Buku ini merupakan satu garis panduan untuk memudahkan anggota PERKESO melaksanakan tanggungjawab terhadap diri, organisasi dan negara dengan beretika. Sebarang pelanggaran kepada Kod Etika akan menyebabkan anggota boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Distribution of Employees' Code of Ethics

The revised Code of Ethics was distributed to all employees on 13th May 2016. This book contains a set of guidelines to facilitate SOCSO employees in ethically discharging their responsibilities towards their own selves, the organisation and the country. Any violation of the Code of Ethics will result in disciplinary action being taken against the employee.

PERKONGSIAN ILMU
Knowledge Sharing







MyIntegriti

Bagi memastikan pembudayaan integriti berterusan di kalangan anggota, Bahagian Integriti telah menggunakan kemudahan jaringan intranet sebagai salah satu platform untuk memberi peringatan mesra berkaitan integriti. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 14 siri penerbitan telah dipanjangkan kepada semua anggota.

MyIntegriti

To ensure continuous enculturation of integrity amongst the staff, the Integrity Division has made use of the intranet facility as one of the platforms for giving friendly reminders concerning integrity. Throughout 2016, a total of 14 publications series were extended to all employees.









Ceramah Perkongsian Ilmu

Sepanjang tahun 2016, program perkongsian ilmu dan program integriti di enam belas (16) pejabat termasuk di Pusat Rehabilitasi PERKESO, Melaka telah dijalankan. Pengisian program memberi fokus kepada isu-isu integriti yang berlaku di dalam organisasi.

Knowledge Sharing Talks

Throughout 2016, knowledge sharing programmes and integrity programmes were conducted at sixteen (16) offices including at the SOCSO Rehabiltation Centre in Melaka. Contents of the programmes were focused on integrity issues that were currently happening within the organisation.







"Integrity Race" Sempena Hari Integriti

Pada 15 Mei 2016, PERKESO buat julung kalinya bersama SPRM Negeri Perak telah menganjurkan Program *'Integrity Race'* sempena Hari Integriti PERKESO 2016. Program bertujuan untuk memupuk kerjasama antara agensi bersama pelanggan terutama majikan, pekerja dan orang tanggungan dengan memberi pendedahan mengenai isu-isu rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Peserta yang hadir terdiri dari kalangan anggota PERKESO seluruh negeri Perak, pihak majikan dan pekerja melibatkan seramai 172 orang peserta.

"Integrity Race" in conjunction with Integrity Day

On 15th May 2016, SOCSO for the first time ever, with the state of Perak Anti-Corruption Commission, organised the "Integrity Race" programme in conjunction with SOCSO Integrity Day 2016. The programme was carried out with the purpose of encouraging cooperation between agencies and their clients, escpeically employers, employees and dependants, by highlighting issues related to graft as well as abuse and corruption of powers. 172 participants comprising SOCSO employees from the whole state of Perak, employers and workers attended the programme.

Latihan Perolehan Kerajaan

Bagi memantapkan lagi ilmu berkaitan perolehan, Bahagian Perolehan dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah mengadakan sesi latihan perolehan kerajaan pada 17 - 20 Mei 2016 dan 1 - 4 Jun 2016.

Government Procurement Training

To further establish the knowledge on procurement, the Procurement Division, in cooperation with the Insitute of Public Administration (INTAN), held two government procurement training sessions on 17th - 20th May 2016 and on 1st - 4th June 2016.





Exit Conference Penyata Kewangan

Exit Conference bagi pengauditan muktamad Penyata Kewangan PERKESO bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah berlangsung di Jabatan Audit Negara, Putrajaya pada 16 Jun 2016. *Exit Conference* ini telah dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara, YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang dan dihadiri oleh YBhg. Pengerusi Lembaga dan YBhg. Dato' Ketua Eksekutif PERKESO serta pegawai-pegawai dari kedua-dua jabatan. Ketua Audit Negara telah menganugerahkan Sijil Audit Bersih terhadap Penyata Kewangan PERKESO bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

Financial Statement Exit Conference

The exit conference for the final audit on SOCSO' Financial Statement for the year ending 31st December 2015 took place at the Auditor General's Department, Putrajaya on 16th June 2016. The exit conference was chaired by the Auditor General, YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang and was attended by the Chairman of the Board and Chief Executive of SOCSO as well as officers from the respective departments. The Auditor General awarded the Clean Audit Certificate for SOCSO's Financial Statement for the year ending 31st December 2015.

Kick-Off Pelaksanaan Rangka Kerja Pelaporan Kewangan *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)*

Mesyuarat *kick-off* bagi pelaksanaan rangka kerja pelaporan kewangan *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)* di PERKESO telah diadakan di Menara PERKESO pada 18 Ogos 2016. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ketua Eksekutif dan dihadiri oleh Ketua Bahagian yang terlibat bersama-sama dengan para akauntan PERKESO. Perunding yang dilantik telah memberikan penerangan mengenai latar belakang, pendekatan, garis masa dan pasukan projek. Projek yang telah bermula pada 8 Ogos 2016 ini akan membantu PERKESO menyedia Penyata Kewangan tahun 2016 berasaskan rangka kerja pelaporan kewangan MFRS.

Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) Financial Reporting Framework Implementation Kick-Off

The kick-off meeting for the implementation of the Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) financial reporting framework in SOCSO was held at Menara PERKESO on 18th August 2016. The meeting was chaired by the Chief Executive and was attended by the relevant Heads of Divisions together with SOCSO's accountants. The appointed cosultant provided information on the project background, approach, timeline and team. The project which began on 8th August 2016 will help SOCSO in preparing its Financial Statement for the year 2016, based on the MFRS financial reporting framework.





Government Procurement Improvement Workshop

On 17th - 20th August 2016 an improvement workshop was held with the participation of representatives from the Legal Division, Internal Audit Division, Treasury, Information Technology Division, Management Services Division and Property Management Branch as well as the Procurement Division.

Bengkel Penambahbaikan Perolehan Kerajaan

Pada 17 - 20 Ogos 2016 satu bengkel penambahbaikan telah dilaksanakan yang dihadiri oleh wakil-wakil dari Bahagian Perundangan, Bahagian Audit Dalam, Bahagian Perbendaharaan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Cawangan Pengurusan Hartanah serta Bahagian Perolehan.



Program Kesejahteraan Emosi Siri 3: "Kedamaian Hakiki Melalui Pendekatan ESQ"

Program Kesejahteraan Emosi siri 3: "Kedamaian Hakiki Melalui Pendekatan ESQ" yang dikelolakan oleh Spiritual Trainer Pak Andy Fajar dari ESQ 165 telah diadakan pada bulan Oktober 2016 dengan kehadiran seramai 90 orang anggota PERKESO.

Series 3 of the Emotional Wellbeing Programme: "True Peace through ESQ Approach"

Series 3 of the Emotional Wellbeing Programme: "True Peace through ESQ Approach" which was conducted by Spiritual Trainer, Pak Andy Fajar of ESQ 165, was held in October 2016 with the attendance of 90 SOCSO employees.



Program Kesejahteraan ESQ: *The Journey of Leader*

Program Kesejahteraan ESQ: *The Journey of Leader* telah diadakan bersama ahli JITU yang terdiri daripada semua Ketua Bahagian, Ketua Cawangan dan PPN/PPP. Kursus ini diadakan di Kem Bina Negara, Kundasang, Sabah pada bulan September 2016. Biro Tatanegara turut memberikan sumbangan pengetahuan melalui aktiviti dalaman dan luaran dan ianya turut dikukuhkan dengan semangat patriotisme dan kerjasama antara pasukan. Slot kedua melalui pendekatan ESQ dibawakan oleh Trainer Spiritual ESQ Pak Andy Fajar dari ESQ Consulting. Hasil maklumbalas yang diperolehi daripada program tersebut adalah amat positif dan lanjutan daripada itu, beberapa siri perkongsian ilmu telah dijalankan di Ibu Pejabat PERKESO.

ESQ Wellbeing Programme: The Journey of Leader

The ESQ Wellbeing Programme: The Journey of Leader was held with members of JITU comprising all Heads of Divisions, Heads of Branches and PPN/PPP. The course was held at the Kem Bina Negara, Kundasang, Sabah in September 2016. Biro Tatanegara contributed in the form of knowledge shared during outdoor and indoor activities. The event was further solidified with the patriotism and cooperation of the teams. The second slot of the ESQ approach was conducted by ESQ Spiritual Trainer, Pak Andy Fajar of ESQ Consulting. Feedback obtained from participants of the programme was very positive and consequently, several other knowledge sharing sessions were held at the SOCSO Headquarters.





Seminar Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) 2016

Pada 7 - 9 Oktober 2016, Seminar JRKS 2016 Ke-8 telah diadakan di Hotel Hatten, Melaka yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ketua Eksekutif. Seminar JRKS 2016 ini melibatkan seramai 60 peserta terdiri daripada pengerusi-pengerusi JRKS, pengarah-pengarah negeri, pegawai-pegawai dari Bahagian Perundangan serta pegawai-pegawai unit urus setia JRKS. Di antara objektif program adalah seperti berikut:

i. Meningkatkan pemahaman dan pengetahuan pegawai-pegawai PERKESO dari aspek penyiasatan sesuatu kes melalui perspektif Pengerusi JRKS.
ii. Membincangkan isu berkaitan kes-kes permohonan ke Jemaah Doktor/Jemaah Doktor Rayuan (JD/JDR) oleh Orang Berinsurans, dan
iii. Membincangkan penambahbaikan prosiding JRKS untuk melancarkan peranan dan fungsinya.

Social Security Appellate Board Seminar 2016

The 8th Social Security Appellate Board (JRKS) Seminar was held from 7th to 9th October 2016 at the Hatten Hotel in Melaka. The seminar was officially opened by the Chief Executive and involved 60 participants comprising JRKS Chairman, state directors and officers from the Legal Division as well as officers from the JRKS secretariat unit. The objectives of the programme are as follows:

i. To increase the understanding and knowledge of SOCSO officers on investigation of cases from the perspective of JRKS Chairman.
ii. To discuss issues related to cases of application to the Medical Board/Appelate Medical Board by Insured Persons; and
iii. To discuss improvements that can be made to JRKS proceedings to ensure the smooth running of its role and functions.

Kembara AKRAB – Pembudayaan S4P

Kempen membudayakan nilai-nilai murni melalui amalan S4P (Senyum, Sapa, Salam & Santun) yang telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Ketua Eksekutif PERKESO pada 22 Mei 2015 telah genap setahun usianya. Kempen menerapkan amalan S4P terus dipergiatkan lagi bertujuan untuk mewujudkan budaya di kalangan anggota PERKESO agar sentiasa mengamalkan budaya prihatin di mana saja mereka berada.

Siri KEMBARA AKRAB dan AKPK telah dilaksanakan ke seluruh pejabat negeri Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur, Selangor, Sabah dan Ibu Pejabat (6 Fasa), Perak, Pusat Rehabilitasi (2 fasa), Sarawak (3 fasa), Sabah dan Melaka serta kepada anggota Sambilan (2 Fasa). Secara keseluruhannya, sebanyak 25 program telah dilaksanakan sepanjang bulan Ogos 2015 hingga Disember 2016, jumlah anggota yang terlibat dalam Latihan S4P adalah seramai 1,708 orang anggota di seluruh negara termasuk anggota di Ibu Pejabat dan anggota sambilan.











Kembara AKRAB – Enculturation of S4P

It has been a full year since the campaign to enculturate good values through the practice of S4P (Senyum, Sapa, Salam & Santun) was launched by SOCSO's Chief Executive on 22nd May 2015. The campaign to instill the practice of S4P continued to be intensified for the purposes of establishing the practice of caring culture amongst SOCSO employees regardless of where they may be.

The *Kembara* AKRAB and AKPK series were implemented at all state offices, namely, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur, Selangor, Sabah and the Headquarters (6 Phases), Perak, Rehabilitation Centre (2 Phases), Sarawak (3 Phases), Sabah and Melaka, as well as to temporary employees (2 Phases). Overall, a total of 25 programmes were carried out throughout August 2015 up to December 2016. A total of 1,708 employees nationwide including those from the Headquarters and temporary employees were involved in the S4P Training.





Ikon S4P Ibu Pejabat

Ikon S4P bulanan adalah merupakan cetusan idea dari YBhg. Dato' Ketua Eksekutif selaku penaung Program Pembudayaan S4P Akrab. Bermula pada bulan Januari 2016 pemilihan ikon S4P diadakan setiap bulan di Ibu Pejabat bagi meneruskan momentum pengamalan budaya S4P iaitu Senyum, Sapa, Salam dan Santun di kalangan semua warga PERKESO. Ikon S4P turut dilantik dalam setiap siri Jelajah Kembara AKRAB melalui pemilihan oleh para peserta program.

Headquarters S4P Icon

The monthly S4P Icon came into existence from a burst of idea by the Chief Executive as patron of the AKRAB S4P Enculturation Programme. Beginning from January 2016 selection of the S4P Icon was carried out each month at the Headquarters to continue the momentum of S4P practice, namely, *Senyum, Sapa, Salam* and *Santun*, amongst all SOCSO's employees. The S4P Icon is chosen from the participants of each Jelajah Kembara AKRAB.



Bengkel Petunjuk Prestasi Utama PERKESO

Bengkel Petunjuk Prestasi Utama / *Key Performance Indicator* (KPI) PERKESO tahun 2016 telah diadakan di Pullman Putrajaya Lakeside Hotel pada 18 - 20 Januari 2016. Bengkel ini bertujuan untuk merangka dan memuktamadkan KPI PERKESO 2016 bagi memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan susulan ke atas KPI PERKESO yang dicadangkan dapat diukur dan dicapai secara realistik demi memenuhi kehendak pihak berkepentingan dan pelanggan. Bengkel selama 3 hari 2 malam tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ketua Eksekutif, semua Timbalan Ketua Eksekutif, Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Cawangan.



SOCSO Key Performance Indicator Workshop

The 2016 SOCSO Key Performance Indicator Workshop was held at the Pullman Putrajaya Lakeside Hotel on 18th - 20th January 2016. The workshop was held with a view to framing and finalising SOCSO'S Key Performance Indicator fo 2016, to ensure that the planning, implementation, monitoring and follow-up of the proposed SOCSO KPI can be realistically measured and achieved. This was done to meet the requirements of stakeholders and clients. The 3 days 2 nights' workshop was also attended by the Chief Executive, all Deputy Chief Executives, Heads of Divisions and Heads of Branches.

Program Libat Urus Pelan Strategik, *Balanced Scorecard (BSC)*, Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* dan Penjenamaan Semula PERKESO

Program libat urus Pelan Strategik PERKESO 2016-2020, *Balance Scorecard (BSC)*, Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* dan Penjenamaan Semula PERKESO yang melibatkan warga PERKESO telah dijalankan di seluruh negara pada tahun 2016 iaitu di Zon Utara, Selatan, Tengah, Timur, Sabah dan Sarawak. Program ini bertujuan untuk memupuk tahap kesedaran yang tinggi di kalangan semua anggota PERKESO agar anggota bersedia menerima sebarang perubahan yang dijangka berlaku bagi mencapai kejayaan projek penjenamaan semula PERKESO.

Selaras dengan saranan YBhg. Dato' Ketua Eksekutif bagi memastikan PERKESO terus kekal relevan sebagai sebuah organisasi prihatin kepada pihak berkepentingan dan para pencarum serta orang tanggungan mereka, maka inisiatif penjenamaan semula PERKESO telah dilaksanakan. Satu Jawatankuasa Induk Penjenamaan Semula PERKESO serta jawatankuasa kecil telah dibentuk. Dalam masa yang sama, *Change Management Team (CMT)* Projek Penjenamaan Semula PERKESO telah dilantik untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai peneraju perubahan dalam melaksanakan program libat urus Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020, *Balance Scorecard (BSC)*, Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* dan Penjenamaan Semula PERKESO.





The SOCSO Strategic Plan, Balanced Scorecard (BSC), Key Performance Indicator (KPI) and Rebranding Engagement Programme

The SOCSO Strategic Plan 2016-2020, Balanced Scorecard (BSC), Key Performance Indicator (KPI) and Rebranding engagement programme involving SOCSO employees was carried out nationwide in 2016, namely in the North Zone, South Zone, Central Zone, East Zone, Sabah and Sarawak. The programme was held with the intention of encouraging a high level of awareness amongst all SOCSO employees, to prepare them for the changes that are expected to occur in making a success of the SOCSO Rebranding exercise.

In line with the recommendations of the Chief Executive to ensure that SOCSO remains relevant as a caring organisation to its stakeholders, contributors and their dependants, the SOCSO rebranding initiative was implemented. The SOCSO Rebranding Main Committee, as well as several sub-committees were established. Simultaneously, the SOCSO Rebranding Project Change Management Team (CMT) was also appointed to carry out the responsibilities as leaders of change in the implementation of the above programme.

Change Management Team

Program dan sesi libat urus turun padang dilaksanakan untuk menguar-uarkan perkembangan usaha ke arah melaksanakan Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020 dan penjenamaan semula kepada anggota-anggota PERKESO. Sesi penerangan berkenaan perlunya inisiatif penjenamaan semula dilaksanakan dan bagaimana ianya dilaksanakan. Inisiatif juga bertujuan memberikan keselesaan dan kemudahan dalam konteks perkhidmatan yang prihatin kepada pelanggan PERKESO.

Sesi libat urus bersama warga kerja PERKESO bertujuan memberi penjelasan peri pentingnya keperluan petugas kaunter meningkatkan aspek kemahiran berkomunikasi. Semua petugas kaunter akan mengikuti kursus *soft skills* dan *core business* supaya dapat memantapkan kredibiliti petugas kaunter dan memenuhi ekspektasi pelanggan. Bagi menampilkan imej korporat, semua petugas kaunter akan berpakaian uniform agar kelihatan segak, ceria dan seragam. Semua petugas kaunter hendaklah menanam dalam minda mereka dan menghayati serta membudayakan konsep S4P (Senyum, Sapa, Salam dan Santun) ketika bertugas agar perkhidmatan yang diberikan adalah mesra pelanggan.

Di akhir sesi libat urus yang telah dijalankan, daripada maklum balas anggota menunjukkan sikap yang positif. Anggota yang hadir dapat menerima dengan terbuka penjenamaan semula PERKESO dalam memastikan PERKESO mencapai hasrat dan aspirasi sebagaimana digariskan dalam Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020. Sesi *Engagement* yang dilaksanakan juga telah memberikan pendedahan tentang objektif penjenamaan semula kepada anggota yang hadir.

Change Management Team

Programmes and engagement sessions were carried out to publicise the progress of efforts towards the implementation of SOCSO Strategic Plan 2016 - 2020 and Rebranding to all SOCSO staff. A session to explain the need for such Rebranding initiative and how it is to be implemented was carried out. The rebranding initiative was intended to provide comfort and facility in the context of caring service to SOCSO's clients.

The engagement session with SOCSO staff was carried out with a view to explaining the need for counter staff to increase their communication skills. All counter staff will undergo soft skills and core business courses to establish their credibility and meet the clients' expectations. As part of the corporate image, all counter staff will wear a uniform so that they will look smart and vibrant. They should also carry in their minds and adopt the concept of S4P (Senyum, Sapa, Salam and Santun) so that the service given is client-friendly.

The feedback received from participants at the end of the engagement session showed a positive attitude. The participants could openly accept SOCSO's rebranding in ensuring that it achieves the hopes and aspriations outlined in the SOCSO Strategic Plan 2016 - 2020. The engagement session also exposed the participants to the objectivers of the rebranding exercise.

LAWATAN DELEGASI DALAM DAN LUAR NEGARA
Visits From Local and Foreign Delegations

Delegasi dari *Workers Compensation Fund* (WCF) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Malaysia

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menerima kunjungan dari *Workers Compensation Fund (WCF)*, Tanzania bersama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) pada 10 November 2016. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari amalan terbaik *(best practices)* dan perkongsian ilmu dalam pengurusan keselamatan sosial di PERKESO. Delegasi juga telah dibawa melawat ke Pusat Rehabilitasi PERKESO di Melaka untuk mendapat maklumat berkenaan kelengkapan serta latihan yang dikendalikan di PRP. Lawatan ini juga bertujuan menjalin hubungan dua hala antara PERKESO dan WCF.

Delegation from the Workers' Compensation Fund (WCF) and Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Malaysia

SOCSO received a visit from the Workers Compensation Fund of Tanzania (WCF) together with delegates from Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) on 10th November 2016. The visit was aimed at learning about the best practices and sharing of knowledge on social security protection in SOCSO. The delegates were brought on a visit to the SOCSO Rehabiltation Centre in Melaka to witness the facilities and training available there. The visit was intended to forge a two-way relationship between SOCSO and WCF.













Lawatan Delegasi dari BPJS Ketenagakerjaan, Indonesia

Delegasi dari BPJS Ketenagakerjaan Indonesia telah mengadakan satu lawatan ke PERKESO pada 7 Disember 2016. Objektifnya lawatan tersebut adalah untuk mempelajari amalan terbaik dan penandaarasan berkaitan penguatkuasaan yang diamalkan oleh PERKESO.

Visit from BPJS Ketenagakerjaan, Indonesia

A delegation from BPJS Ketenagakerjaan Indonesia visited SOCSO on 7th December 2016 with a view to learning about SOCSO's best practices and benchmarking related to enforcement.



Visit from Environmental Health Undergranduates of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

On 4th April 2016, a group of UKM students undergoing the Environmental Health and Industrial Safety programme held a visit to SOCSO on 4th April 2016. A total of 27 students and 3 lecturers participated in the visit. Activities during the visit included a briefing on the role and functions of SOCSO, as well as the occupational safety and health activities conducted by SOCSO.

Lawatan Pelajar Ijazah Sarjanamuda Kesihatan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Satu lawatan ke PERKESO telah diadakan pada 4 April 2016 oleh pelajar Ijazah Sarjanamuda Kesihatan, UKM yang mengikuti program Kesihatan Persekitaran dan Keselamatan Industri. Seramai 27 pelajar dan 3 pensyarah telah hadir dalam lawatan ini. Aktiviti lawatan ini merangkumi taklimat berkaitan peranan dan fungsi PERKESO serta aktiviti-aktiviti berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah dilaksanakan oleh PERKESO.



Lawatan Sambil Belajar oleh Pelajar *Management & Science University (MSU)*

Pelajar dari *Management & Science University (MSU)* telah mengadakan lawatan sambil belajar ke PERKESO berkaitan *Occupational Safety and Health* pada 7 Jun 2016. Objektif lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan isu kemalangan pekerjaan dan tuntutan faedah. Seramai 65 pelajar dan seorang pegawai dari MSU telah hadir semasa lawatan ini.

Study Visit from Students of the Management & Science University (MSU)

On 7th June 2016, students from the Management & Science University (MSU) held a study visit to SOCSO concerning Occupational Safety and Health. The objective of the visit was to give the students exposure on issues such as occupational accidents and benefits claim. A total of 65 students and an officer from MSU were present during the visit.

LAWATAN DELEGASI DALAM DAN LUAR NEGARA
Lawatan Delegasi Dalam dan Luar Negara

Lawatan Akademik Pelajar Diploma Sains Matematik, UiTM, Perlis

Pelajar Diploma Sains Matematik, UiTM, Perlis telah mengadakan lawatan akademik ke PERKESO pada 29 Ogos 2016. Lawatan tertumpu kepada kepada pengurusan keselamatan sosial dan peranan aktuari dalam PERKESO dan industri insurans di Malaysia. Seramai 40 pelajar dan seorang pensyarah terlibat dalam lawatan ini.

Academic Visit from UiTM Perlis Mathematical Science Diploma Students

A group of Mathematical Science Diploma students from UiTM PERLIS came on an academic visit to SOCSO on 29th August 2016. The visit focused on social security management and the actuarial role within SOCSO and the insurance industry in Malaysia. A total of 40 students and a lecturer were involved in the visit.



Lawatan Sambil Belajar oleh Pelajar Diploma Insurans, Politeknik Kota Baharu, Kelantan

Satu lawatan sambil belajar telah diadakan oleh pelajar Diploma Insurans dari Politeknik Kota Baharu, Kelantan pada 22 September 2016. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar bagaimana PERKESO mengendalikan sesuatu risiko secara realiti dan pengurusan risiko dalam keselamatan sosial. Lawatan sehari ini telah dihadiri oleh 19 pelajar dan 4 pensyarah dari Politeknik, Kota Baharu.

Study Visit from Insurance Diploma Students of Politeknik Kota Baharu, Kelantan

A study visit was undertaken by a group of Insurance Diploma students from Politeknik Kota Baharu, Kelantan on 22nd September 2016. The objective of the visit was to expose the students to the way SOCSO handles risk and risk management in social security. The one-day visit involved 19 students and 4 lecturers.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
Corporate Social Responsibility (CSR) Programmes



Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis

Pada 3 Februari 2016 bertempat di Hospital Sungai Buloh telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO kepada YBhg. Datuk Dr. Khalid Ibrahim, Pengarah Hospital Sungai Buloh. Penyerahan sebanyak empat buah mesin hemodialisis baharu yang berjumlah RM160,000 ini adalah susulan daripada saranan YAB Perdana Menteri selepas meninjau keadaan pesakit dan peralatan yang digunakan di hospital berkenaan pada 22 Januari lalu dan mendapati mesin yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan pesakit buah pinggang.

Penambahan mesin itu menjadikan hospital berkenaan kini mempunyai 37 buah mesin hemodialisis yang mampu menampung seramai 85 - 87 pesakit buah pinggang setiap hari. Dalam majlis sidang akhbar di Unit Dialisis, Datuk Dr. Khalid Ibrahim berharap sumbangan ini diharap dapat menyelesaikan masalah pesakit yang perlu menunggu terlalu lama untuk menjalani rawatan dialisis di hospital berkenaan.

Presentation of Hemodialysis Machine

On 3rd February 2016, a ceremony was held at the Sungai Buloh Hospital during which YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO presented four new haemodialysis machines costing RM160,000.00 to YBhg. Datuk Dr. Khalid Ibrahim, Director of Sungai Buloh Hospital. The presentation of the machines came from the recommendation of the Prime Minister following his visit to the hospital on 22nd January when it was found that the existing machines are not sufficient to meet the needs of patients with kidney disease.

The addition of the machines brings the total of machines available at the hospital to 37 units. These machines will be able to support 85 - 87 kidney patients everyday. In a press conference held at the Dialysis Unit, Datuk Dr. Khalid Ibrahim expressed his hopes that this contribution will be able to solve the problem of patients having to wait for a long time to undergo dialysis at the hospital.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
Corporate Social Responsibility (CSR) Programmes

Pada tahun 2016, PERKESO telah menyerahkan sebanyak 125 buah mesin hemodialisis kepada beberapa pusat dialisis bertaraf pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan amal termasuk hospital kerajaan di seluruh negara. Jelas YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman lagi, penyerahan mesin hemodialisis ini merupakan satu usaha strategik dan tepat pada masanya dalam mempertingkatkan kualiti kemudahan dialisis kepada pesakit buah pinggang di seluruh negara terutamanya kepada Orang Berinsurans PERKESO. Selain itu, pihak PERKESO juga akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk mengenal pasti hospital-hospital yang memerlukan bantuan mesin hemodialisis dan kini pihak PERKESO sedang dalam proses perbincangan untuk menyalurkan bantuan peralatan mesin ke hospital yang memerlukannya seperti di Langkawi dan Sarawak. Majlis ini telah mendapat liputan di laman cetak akhbar-akhbar tempatan, laman media sosial dan media elektronik.

In 2016, SOCSO has presented a total of 125 units of hemodialysis to several dialysis centres run by non-governmental organisations, charitable bodies as well as government hospitals nationwide. YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman further explained that the donation of these machines is part of the timely strategic effort to improve the quality of dialysis facilities available to kidney patients in the country, particularly SOCSO Insured Persons. SOCSO wil also cooperate with the Ministry of Health in identifying the hospitals requiring aid in getting hemodialysis machines. SOCSO is currently in discussions to channel aid in the form of equipment to hospitals in need such as in Langkawi and Sarawak. The ceremony received coverage from local newspaper websites, social media sites and the electronic media.














Program *Corporate Social Responsibility (CSR)* PERKESO 2016

Seiring dengan *brand statement* "PERKESO Prihatin Melangkaui Ekspektasi, Kesejahteraan Pelanggan Keutamaan Kami, PERKESO Komited Untuk Membentuk Masyarakat Sejahtera, Inklusif Serta Produktif Melalui Organisasi Kami Yang Dinamik", PERKESO telah mengadakan empat (4) program *Corporate Social Responsibility (CSR)* sempena perayaan Tahun Baru Cina pada 4 Februari 2016 bertempat di Hotel Pullman, Kuching dan Sambutan Majlis Berbuka Puasa pada 28 Jun 2016 di Aloft Hotel, Kuala Lumpur.

SOCSO Corporate Social Responsibility Programme 2016

In line with the brand statement "SOCSO Cares Beyond Expectation, the Wellbeing of Clients is Our Priority, SOCSO is Committed in Forming a Prosperous, Inclusive and Productive Society Through Our Dynamic Organisation", the organisation conducted four (4) Corporate Social Responsibility programmes in conjunction with the Chinese New Year celebrations on 4th February at the Pullman Hotel, Kuching as well as the Breaking of Fast Ceremony on 28th June 2016 at the Aloft Hotel, Kuala Lumpur.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
Corporate Social Responsibility (CSR) Programmes





Program *Corporate Social Responsibility (CSR)* diteruskan lagi dengan Majlis Sambutan Hari Deepavali yang telah diadakan pada 24 Oktober 2016 bertempat di Hotel Weil, Ipoh dan pada 20 Disember 2016, Majlis Sambutan Hari Krismas juga telah diadakan di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu. Melalui program seumpama ini, secara tidak langsung telah meningkatkan imej PERKESO Prihatin yang sentiasa peka terhadap kebajikan penerima faedah dan sentiasa berusaha untuk membantu golongan yang terbencana di samping dapat merakyatkan perkhidmatan PERKESO kepada masyarakat berbilang kaum dengan lebih dekat dan mesra. Selain itu, usaha seumpama ini juga secara tidak langsung dapat mempromosi PERKESO sebagai sebuah organisasi yang prihatin dan penyayang.

The Corporate Social Responsibility (CSR) programme continued to be carried out during the Deepavali celebrations on 24th October 2016 at the Well Hotel, Ipoh and during the Christmas celebrations on 20th December 2016 at the Le Meridien Hotel, Kota Kinabalu. Such programmes indirectly improve the image of SOCSO as being constantly sensitive towards the welfare of benefits recipients and always working to help those afflicted by injuries. The programmes also bring SOCSO's services closer to the multiracial public thus making the organisation more people-friendly. Such efforts also indirectly promote SOCSO as a caring and loving organisation.









Program Advokasi dan Turun Padang YB Timbalan Menteri Sumber Manusia

Pada bulan Ramadhan yang lalu, PERKESO telah mengadakan Program Advokasi Dan Turun Padang YB Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 9 Jun 2016 di Kuala Kangsar, Perak. Menariknya pada program tersebut adalah penglibatan YB Timbalan Menteri yang turut serta mengacau bubur lambuk bersama rakyat dan membuat pengagihan bubur. Selain itu juga, Majlis Penyampaian Faedah PERKESO dan peralatan pemulihan diberikan kepada penerima faedah PERKESO termasuk orang tanggungan serta waris. Topi keledar dan jaket keselamatan turut diedarkan pada hari tersebut.

Advocacy and "Turun Padang" Programme by the Deputy Minister of Human Resources

During the past month of *Ramadhan*, SOCSO held an Advocacy and "*Turun Padang*" Programme with the Deputy Minister of Human Resources. The programme took place on 9th June 2016, in Kuala Kangsar, Perak. Highlights of the programme included the participation of the Deputy Minister in preparing and distributing bubur lambuk together with the *rakyat*. A SOCSO Benefits and Rehabilitation Equipment presentation ceremony for SOCSO benefits recipients, dependants and heirs was also held during the programme. Helmets and safety jackets were also distributed on the day.

DIARI KORPORAT
Corporate Diary









Perasmian Pejabat PERKESO Limbang

Pada 19 Mac 2016 telah berlangsung Majlis Perasmian Pejabat PERKESO Limbang yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. Pejabat PERKESO Limbang merupakan pejabat PERKESO yang ke-9 di Sarawak dan telah beroperasi sejak 10 September 2015. Menerusi pembukaan Pejabat PERKESO di Limbang, ia membuktikan keprihatinan pihak PERKESO dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di kawasan tersebut.

Opening Ceremony of SOCSO Office, Limbang

On 19th March 2016, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources officially opened the Limbang SOCSO Office, which is the 9th SOCSO office in Sarawak. The office has been in operation from 10 September 2015. The opening of the SOCSO office in Limbang proves SOCSO's care in providing the best service to the local community there.

Perasmian Pejabat PERKESO Serian

Pejabat PERKESO Serian telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia pada 2 April 2016 di Pejabat PERKESO Serian, Sarawak. Pejabat ini merupakan pejabat PERKESO yang ke-10 di Sarawak dan yang ke-50 di Malaysia yang telah mula beroperasi sejak 15 Mac 2016. Turut diadakan pada majlis tersebut ialah acara penyampaian faedah kepada Orang Berinsurans dan waris yang layak.







Opening Ceremony of Serian SOCSO Office

YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources, officially opened the Serian SOCSO Office on 2nd April 2016. This office which is the 10th SOCSO office in Sarawak and the 50th office in Malaysia has been in operation from 15th March 2016. A benefits presentation ceremony was also held for eligible Insured Persons and their heirs.







Anugerah Khidmat Cemerlang dan Khidmat Setia

Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang / Anugerah Khidmat Setia 20 dan 25 tahun telah diadakan pada 2 April 2016 bertempat di Hotel Riverside Majestice Kuching, Sarawak. Majlis ini telah dihadiri seramai 400 orang anggota melibatkan penerima anugerah dan tetamu. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada anggota-anggota yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dan yang telah berkhidmat selama 20 dan 25 tahun dengan PERKESO.

Excellent and Loyal Service Awards

The Excellent Service / 20-year and 25-year Loyal Service Awards were held on 2nd April 2016 at Riverside Majestic Hotel in Kuching Sarawak. The Ceremony was attended by 400 persons including the award recipients and guests. The ceremony was held to honour employees who have given excellent service and those who have served for 20 years and 25 years with SOCSO.



Program PERKESO Prihatin Patuh & Lindung Bersama YB Menteri Sumber Manusia

Program PERKESO Prihatin Patuh & Lindung Bersama YB Menteri Sumber Manusia telah diadakan pada 3 April 2016 bertempat di Taman Komuniti Medan MARA, Serian, Sarawak. Program bertujuan untuk memberi kesedaran kepada majikan dan pekerja mengenai pentingnya aspek keselamatan terutamanya yang melibatkan perjalanan pergi dan balik ke tempat kerja. Sesi ceramah keselamatan jalan raya dari Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan PERKESO kepada ketua masyarakat, majikan dan pekerja di sekitar kawasan Serian turut diadakan. Di samping itu, pada majlis sama YB Menteri turut membuat penyerahan topi keledar kepada 10 orang penunggang motosikal dan 7 orang penerima jaket keselamatan. Pada hari tersebut, sebanyak 300 topi keledar dan 100 jaket keselamatan telah diagihkan kepada masyarakat di sekitar Serian.

PERKESO Prihatin Patuh & Lindung Programme with the Minister of Human Resources

The *PERKESO Prihatin Patuh & Lindung* programme with the Minister of Human Resources was held on 3rd April 2016 at the Taman Komuniti Medan MARA, Serian, Sarawak. The purpose of the programme was to raise the awareness of employers and employees in the importance of safety, especially concerning the commute to and from work. A road saftey talk was given by the Road Safety Department and SOCSO to community leaders, employers and employees within the Serian surrounding areas. At the same event, the Minister also presented helmets to 10 motorcylists, as well as 7 safety vests to recipients. On the said day, a total of 300 helmets and 100 safety vests were distributed to the Serian community.



Majlis Pra-Pelancaran Hari Pekerja 2016 dan PERKESO *Run and Ride*

Majlis Pra-Pelancaran Hari Pekerja 2016 dan PERKESO *Run and Ride* telah diadakan pada 17 April 2016 dengan kerjasama pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Majlis telah diadakan di Dataran DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Program PERKESO *Run and Ride* ini adalah sejajar dengan *wellness for workers* sebagai salah satu dasar baharu KSM. Dasar ini dijadikan sebagai landasan kepada KSM dalam objektif untuk mewujudkan sumber modal insan negara iaitu golongan pekerja yang sihat, produktif dan berkemahiran melalui pelbagai perancangan dan strategi promosi kesihatan. Selain itu, majlis ini juga adalah merupakan platform dalam mempromosikan Sambutan Hari Pekerja yang akan akan diadakan pada bulan Mei 2016.

Pre-launch of the Labour Day 2016 and SOCSO Run and Ride

The pre-launch of Labour Day 2016 celebrations and SOCSO Run and Ride was held on 17th April 2016 with the cooperation of the Kuala Lumpur City Hall (DBKL). The event was held at Dataran DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. The SOCSO Run and Ride programme is in line with the "wellness for workers" policy of the Ministry of Human Resources. This policy has become the foundation for the Ministry in its objective to create the country's human capital resources made up of workers who are healthy, productive and skilled, through various health promotion planning and strategies. The ceremony also served as a platform to promote the Labour Day celebrations to be held in May 2016.

DIARI KORPORAT
Corporate Diary

Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hj. Ismail Bin Hj. Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia dan turut hadir bersama beliau ialah YBhg. Dato' Sri Adenan Bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, YBhg. Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid, Pengerusi PERKESO, YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO dan YBhg. Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin Bin Abd. Aziz , Datuk Bandar Kuala Lumpur, Ketua-ketua Bahagian, Jabatan dan anggota daripada KSM, PERKESO, agensi-agensi awam dan swasta serta orang awam yang dianggarkan seramai 6,000 orang telah menghadiri program ini.

Majlis turut dimeriahkan lagi dengan acara cabutan bertuah dan sebanyak 89 hadiah telah disediakan. Hadiah-hadiah telah disumbangkan oleh PERKESO, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), *Malaysian Employers Federation* (MEF)/ Persatuan Majikan-Majikan Malaysia dan DBKL.









The event was officially opened by YB Dato' Sri Hj. Ismail bin Hj. Abd. Muttalib, Deputy Minister of Human Resources. Also present were YBhg. Dato' Sri Adenan bin Ab Rahman, Secretary General of the Ministry of Human Resources, YBhg. Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid, Chairman of SOCSO, YBhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO, YBhg. Datuk Seri Hj. Mohd Amin Nordin bin Abd. Aziz, Mayor of Kuala Lumpur, Heads of Divisions, Departments and staff of KSM, SOCSO, public and private agencies as well as the public. It was estimated that 6,000 people attended the event.

Proceedings were also enlivened with lucky draws. A total of 89 prizes were prepared. The prizes were contributed by SOCSO, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH), Malaysian Employers Federation (MEF) and DBKL.



Sambutan Hari Pekerja 2016

Kementerian Sumber Manusia mula menganjurkan Perhimpunan Hari Pekerja mulai tahun 1991. Perhimpunan Hari Pekerja disambut dengan berkonsepkan *"Tripartite Solidarity"* iaitu bertujuan menerapkan semangat kerjasama dan perpaduan tiga pihak di antara kerajaan, majikan dan pekerja.

Perhimpunan Hari Pekerja disambut pada bulan Mei setiap tahun dan dihadiri oleh lebih 7,000 pekerja dari Sektor Awam dan Swasta di seluruh negara. PERKESO pada setiap tahun telah dipertanggungjawabkan oleh Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Pekerja Kementerian Sumber Manusia sebagai Jawatankuasa Kecil Pertandingan bagi menyelaras anugerah-anugerah yang dipertandingkan sempena Sambutan Hari Pekerja. Objektif sambutan adalah bagi:

i. Mengiktiraf dan menghargai sumbangan golongan pekerja kepada pembangunan negara.
ii. Mengeratkan semangat kerjasama dan permuafakatan secara "tripartisme" antara tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan pekerja dalam usaha pembangunan negara.
iii. Pengiktirafan kepada majikan yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat, industri yang produktif, bermaklumat, berdisiplin, penyayang serta responsif kepada perubahan persekitaran pekerjaan.

2016 Labour Day Celebrations

The Ministry of Human Resource has been organising Labour Day Assemblies since 1991. The Labour Day was celebrated with the concept of "Tripartite Solidarity" with the purpose of fostering cooperative spirit and unity between the government, employers and employees.

Labour Day is celebrated in May of each year and the celebration is attended by more than 7,000 workers from the public and private sectors nationwide. Each year, SOCSO is tasked by the Labour Day Celebration Main Committee of the Ministry of Human Resources as the Competition Sub-Committee to coordinate the awards contested. The objectives of the celebrations are as follows:

i. To recognise and appreciate the contribution of workers towards the nation's development.
ii. To foster tripartite cooperative spirit and solidarity between the government, employers and employees in the nation's development agenda.
iii. To give recognition to employers who contribute towards the development of society and productive industry, as well as employers who are informed, disciplined, caring and responsive towards the changes that occur in the working environment.





Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2016

Pada 1 Mei 2016 telah berlangsungnya Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2016 bertempat di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur. Sambutan ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak bersama-sama dengan Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem serta para tetamu khas yang hadir bersama-sama memeriahkan sambutan. Tema Hari Pekerja pada kali ini adalah **"Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi"**.

Sebanyak 9 kategori anugerah yang telah dipertandingkan. Anugerah-anugerah tersebut telah disampaikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kepada setiap pemenang. Setiap pemenang telah menerima hadiah wang tunai (berupa cek), piala dan sijil kecuali Anugerah Perdana Menteri Tahun 2016. Pada tahun 2016, PERKESO telah menghantar kontinjen seramai 200 orang. Kontinjen PERKESO telah dinobatkan sebagai Juara Kontinjen Terbaik 2016 kerana telah mempamerkan aksi persembahan yang menarik seperti *mexican wave*, tarian, sorakan dan nyanyian dengan diiringi paluan kompang dan drum semasa pertandingan tersebut.

National Labour Day Celebration 2016

The 2016 National Labour Celebration was held on 1st May 2016 at the Putra World Trade Centre in Kuala Lumpur. The celebration was officially launched by YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia. Also present were YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources, as well as other special guests. The theme of the celeration was ***"Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi"***.

A total of 9 award categories were contested. The awards were presented by the Prime Minister to each winner. Each winner received cash prizes, trophies and certificates except for the Prime Minister's Award 2016. SOCSO sent a 200-strong contingent in 2016 and was crowned as the Best Contingent of 2016 for showcasing interesting performances such as the Mexican Wave, dances, cheers and singing accompanied by the sounds of kompang and drums.

Senarai Kategori Anugerah dan Pemenang
List of Award Categories and Winners





Bil. No	Kategori Anugerah Award Categories	Nama Pemenang Name of Winners	Hadiah Prize
1.	**Anugerah Tokoh Pekerja Negara** Eksekutif / Executive	Ir Dr Ishan Bin Ismail I&P Group Sdn Bhd	Piala, Sijil dan Wang Tunai Trophy, Certificate and Cash RM5,000.00
2.	**Anugerah Tokoh Pekerja Negara** Bukan Eksekutif / Non Executive	Mohd Fauzi Bin Ismail Giatmara Gerik	Piala, Sijil dan Wang Tunai Trophy, Certificate and Cash RM5,000.00
3.	**Anugerah Tokoh Pekerja Negara (OKU)**	Yau Tiam Ann Infineon Technologies (M) Sdn Bhd	Piala, Sijil dan Wang Tunai Trophy, Certificate and Cash RM5,000.00
4.	**Anugerah Majikan 1Malaysia** Syarikat Besar / GLC Large Company / GLC	Maybank Berhad	Piala, Sijil dan Wang Tunai Trophy, Certificate and Cash RM10,000.00
5.	**Anugerah Majikan 1Malaysia** Perusahaan Kecil Sederhana Small Medium Enterprise	Alpro Pharmacy Sdn Bhd	Piala, Sijil dan Wang Tunai Trophy, Certificate and Cash RM10,000.00
6.	**Anugerah Majikan Berdaya Saing Global**	On Semiconductor	Piala, Sijil dan Wang Tunai Trophy, Certificate and Cash RM10,000.00
7.	**Anugerah Kesatuan Sekerja Cemerlang** Sektor Awam / Public Sector	Kesatuan Pegawai Am Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Piala, Sijil dan Wang Tunai Trophy, Certificate and Cash RM6,000.00
8.	**Anugerah Kesatuan Sekerja Harmoni** Sektor Swasta / Private Sector	Kesatuan Sekerja Kakitangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	Piala, Sijil dan Wang Tunai Trophy, Certificate and Cash RM6,000.00
9.	**Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2016**	Prasarana Malaysia Berhad	Piala dan Sijil Trophy and Certificate
10.	**Anugerah Kontinjen Terbaik 2016**	Pertubuhan Keselamatan Sosial	Piala dan Sijil Trophy and Certificate
	Jumlah Keseluruhan / Overall Total		**RM57,000.00**



Sesi Penerangan Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016, Perintah Gaji Minimum 2016 dan Pindaan Undang-Undang Berkaitan TPPA

Majlis yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia pada 9 Mei 2016 ini telah dihadiri oleh kira-kira 200 orang peserta yang terdiri daripada majikan dan pekerja di Hotel Hilton, Kuching, Sarawak. Para peserta yang hadir telah diberi penerangan berkaitan kenaikan had siling caruman dan kenaikan kadar faedah tunai di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan, Pindaan Undang-Undang Buruh di Bawah Bab Buruh dan TPPA, dan Penerangan Perintah Gaji Minimum 2016. Sesi penerangan yang sama turut diadakan di TH Hotel Kota Kinabalu, Sabah pada 13 Mei 2016 bertempat di TH Hotel, Kota Kinabalu, Sabah dan telah dirasmikan oleh Encik John Riba Anak Marin, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO.

Discourse on Employees' Social Security (Amendment) Act 2016, Minimum Salary Order 2016 and Amendments to Legislation Concerning TPPA

The event held on 9th May 2016 at the Hilton Hotel, Kuching, was officially opened by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources and was attended by 200 participants comprising employers and employees. The participants were given a briefing to elaborate on issues regarding the raising of the contributions ceiling and increase in cash benefits rate under the Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme, the amendments to labour laws under the Labour Chapter and TPPA, and the Minimum Salary Order 2016. A similar session was also held at the TH Hotel in Kota Kinabalu Sabah on 13th May 2016 and was officially opened by Mr. John Riba Anak Marin, SOCSO's Deputy Chief Exective (Operations).

Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan dan Bulan Membaca PERKESO 2016

Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan adalah pada Bulan Oktober setiap tahun. PERKESO mengambil peluang untuk bersama-sama menyambut dan mengadakan program-program dalaman kepada anggota dengan objektif untuk memperkukuhkan perpaduan bangsa melalui Bahasa Kebangsaan dan membudayakan amalan membaca. Majlis Perasmian telah diadakan pada 7 Oktober 2016 dan disempurnakan oleh YBhg. Datin Azlaily Abd Rahman, Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat) manakala Majlis Kemuncak Bulan Bahasa Kebangsaan dan Membaca PERKESO beserta penyampaian hadiah kepada pemenang telah diadakan pada 14 November 2016 bertempat di Dewan Intan, Tingkat 8, Menara PERKESO.



SOCSO National Language Month and Reading Month Celebration 2016

In conjunction with the National Language Month in October of each year, SOCSO has taken the opportunity to celebrate the same and held programmes for its employees with the objective of strengtherning the use of the national language and fostering a reading culture. The celebration was launched on 7th October 2016 by YBhg. Datin Azlaily Abd Rahman, Deputy Chief Executive (Corporate) whereas the Closing Ceremony of the SOCSO National Language Month and Reading Month was held on 14th November 2016 at Dewan Intan, 8th Floor, Menara PERKESO. During the closing ceremony, awards were presented to winners of the events carried out.





Majlis Pelancaran *Rebranding* PERKESO 2016

Pada 25 Oktober 2016, PERKESO telah mengadakan Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula *(Rebranding)* PERKESO di Perkarangan Lobi Utama Menara PERKESO. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. Matlamat utama penjenamaan semula PERKESO adalah untuk memberi imej baharu PERKESO yang lebih prihatin kepada pelanggan terutamanya penerima-penerima faedah PERKESO. Usaha awal pendedahan pelaksanaan penjenamaan semula ini telah dibuat melalui sesi libat urus di Zon Utara, Tengah, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak bagi menyampaikan maklumat kepada anggota PERKSO mengenai objektif penjenamaan semula dilaksanakan.

Launch of SOCSO Rebranding 2016

On 25th October 2016, SOCSO held the Launching Ceremony of SOCSO's Rebranding at the Main Lobby, Menara PERKESO. The ceremony was officiated by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources. The main goal of the rebranding exercise is to give SOCSO a new image of an organisation that is caring towards its clients especially recipients of SOCSO benefits. Initial efforts to give exposure on the rebranding exercise began with engagement sessions in the North, Central, South, East, Sabah and Sarawak Zones. The sessions serve to disemminate information to employees regarding the objectives of the rebranding initiative.







OPS Kesan PERKESO 2016

PERKESO telah melaksanakan Ops Kesan sejak tahun 2009 sebagai sebahagian dari aktiviti penguatkuasaan bertujuan memastikan majikan akur dengan peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Pada tahun 2016, Ops Kesan telah diadakan pada bulan April 2016 di Pejabat PERKESO Negeri Selangor. Sepanjang Ops Kesan dijalankan, 18,264 premis majikan telah dilawati dan sebanyak 2,052 notis kompaun dikeluarkan terhadap majikan yang gagal mendaftar perusahaan mereka.

SOCSO *Ops Kesan* 2016

SOCSO has been conducting *Ops Kesan* since 2009 as part of its enforcement activities with a view to ensuring the compliance of employers with the provisions of the Employees' Social Security Act 1969. In 2016, *Ops Kesan* was held in the month of April 2016, at the Selangor State SOCSO Office. During the operations conducted, 18,264 employer premises were visited and a total of 2,052 compound notices were issued against employers who fail to register their businesses.

Latihan Pengungsian

Latihan ini telah berjaya dilaksanakan pada 29 Disember 2016 dengan kerjasama semua anggota PERKESO, Pasukan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Malaysia. Latihan pada kali ini adalah berkisar kepada senario kejadian gempa bumi di Kuala Lumpur yang memberi pendedahan mengenai tugasan pengungsian dan menyelamat kepada Pasukan Penyelamat PERKESO. Ianya juga bertujuan menguji keupayaan sistem dan peralatan yang berkaitan dengan kebombaan agar sentiasa berfungsi pada setiap masa.

Evacuation Drill

This exercise was successfully conducted on 29 December 2016 with the cooperation of all SOCSO staff, the Fire and Rescue Department, the Royal Malaysian Police (PDRM) and the Malaysian Red Crescent Society (PBSM). The exercise revolved around a simulated earthquake scenario in Kuala Lumpur aimed at giving exposure on evacuation and rescue tasks to the SOCSO Rescue Team. The exercise was also meant to test the ability of systems and equipment related to fire emergencies to ensure that they function at all times.







PENGURNIAAN DARJAH DAN PINGAT KEBESARAN
Conferment of Titles and Awards

Pada tahun 2016, seramai 20 orang anggota telah dianugerahkan darjah dan pingat kebesaran daripada Kerajaan Persekutuan dan negeri seperti Jadual 23 berikut:

In 2016, a total of 20 SOCSO employees were conferred titles and awards by the Federal and State Governments as shown in Table 23 below:

Jadual 23 SENARAI PENERIMA ANUGERAH KEBESARAN
Table 23 List of Recipients of Awards

Anugerah Award	Penerima Recipient	Pejabat Office
Ahli Mahkota Pahang (A.M.P.)	Mohamad Haron bin Othman	Pejabat PERKESO Kajang SOCSO Kajang Office
Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T)	Hassim bin Hj. Ibrahim	Pejabat PERKESO Sibu SOCSO Sibu Office
Bintang Ahli Kelantan (A.K)	Rafdah binti Bachik	Bahagian Sumber Manusia Human Resources Division
Ahli Mangku Negara (A.M.N)	Mohd Shaperi bin Md Salleh	Pejabat PERKESO Seri Manjung SOCSO Seri Manjung Office
Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T)	Musbi bin Sidek	Bahagian Faedah Benefits Division
Bintang Khidmat Terpuji (B.K.T)	Rahim bin Mohamad	Pejabat Setiausaha Lembaga Board Secretary Office
Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)	Shaharuddin bin Waled	Pejabat PERKESO George Town SOCSO George Town Office
Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah (P.C.K)	Zainol bin Abu	Pejabat PERKESO Negeri Selangor SOCSO Selangor State Office
Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M)	Mardziyah binti Mohd Akhir	Pejabat PERKESO Negeri Pulau Pinang SOCSO Penang State Office
Pingat Jasa Masyarakat + C32:D67 (P.J.M)	Rosma binti Mat Hussain	Pejabat PERKESO Negeri Pulau Pinang SOCSO Penang State Office
Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M)	Chiam Hong Lan	Pejabat PERKESO George Town SOCSO George Town Office

PENGURNIAAN DARJAH DAN PINGAT KEBESARAN
Conferment of Titles and Awards

Anugerah Award	Penerima Recipient	Pejabat Office
Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)	Ahmad Zaidi bin Jamaludin	Pejabat PERKESO Klang SOCSO Klang Office
Kesatrian Mangku Negara (K.M.N)	Mohamad Fauzi bin Haji Ja'afar	Bahagian Faedah Benefits Division
Pingat Pangkuan Negara (P.P.N)	Rethinavathy a/p Karuppiah	Bahagian Perolehan Procurement Division
Ahli Bintang Sarawak (A.B.S)	Griffin Ak Francis Manggie	Pejabat PERKESO Bintulu SOCSO Bintulu Office
Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T)	Bybiana Anak Michael	Pejabat PERKESO Negeri Sarawak SOCSO Sarawak State Office
Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Ehsan bin Md Ali	Pejabat PERKESO Negeri Kuala Lumpur SOCSO Kuala Lumpur State Office
Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.)	Encik Jeeva a/l Narayanasamy	Bahagian Audit Dalam Internal Audit Division
Ahli Mahkota Perak (A.M.P.)	Encik Muhamad Alif Haikal Cheong bin Abdullah	Pejabat PERKESO Negeri Johor SOCSO Johor State Office
Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M.)	Puan Fauziah binti Mahmood	Pejabat PERKESO Negeri Pulau Pinang SOCSO Penang State Office

PRESTASI KEWANGAN
Financial Performance



37.38%

RM633.31 Juta / Million

PERBELANJAAN OPERASI PERKESO
juga meningkat sebanyak RM172.33 juta atau 37.38% kepada RM633.31 juta berbanding RM460.98 juta pada tahun 2015, terutamanya berikutan peruntukan manfaat anggota bagi saguhati tamat perkhidmatan yang berkuat kuasa mulai tahun 2015

SOCSO's ADMINISTRATIVE COSTS
also increased by RM172.33 million or 37.38% to RM633.31 million compared to RM460.98 million in 2015, especially after the allocation for staff benefit as end of service gift which came into effect in 2015

10.00%

RM4,475.09 Juta / Million

JUMLAH PENDAPATAN PERKESO
meningkat sebanyak RM406.93 juta atau 10.00% kepada RM4,475.09 juta berbanding RM4,068.16 juta pada tahun 2015

SOCSO's TOTAL INCOME
increased by RM406.93 million or 10.00% to RM4,475.09 million in comparison with RM4,068.16 million in 2015

10.93%

RM2,976.12 Juta / Million

PERBELANJAAN TANGGUNGAN PERKESO
meningkat sebanyak RM293.25 juta atau 10.93% kepada RM2,976.12 juta berbanding RM2,682.87 juta pada tahun 2015, terutamanya berikutan peningkatan dalam bilangan kes-kes tuntutan faedah

SOCSO BENEFITS EXPENDITURE
increased by RM293.25 million or 10.93% to RM2,976.12 million compared to RM2,682.87 million in 2015, especially following the rise in benefit claims

10.68%

RM3,646.07 Juta / Million

JUMLAH PERBELANJAAN PERKESO
meningkat sebanyak RM351.95 juta atau 10.68% kepada RM3,646.07 juta berbanding RM3,294.12 juta pada tahun 2015

SOCSO's TOTAL EXPENDITURE
increased by RM351.95 million or 10.68% to RM3,646.07 million in comparison with RM3,294.12 million in 2015

7.10%

RM829.02 Juta / Million

LEBIHAN BAGI TAHUN 2016
meningkat sebanyak RM54.98 juta atau 7.10% kepada RM829.02 juta berbanding RM774.04 juta pada tahun 2015

SURPLUS FOR YEAR 2016
increased by RM54.98 million or 7.10% to RM829.02 million compared to RM774.04 million in 2015

PENYATA KEWANGAN
Financial Statements

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 9 hingga 49.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan penyata kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4). Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial, Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pertubuhan Keselamatan Sosial untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

PENYATA KEWANGAN
Financial Statements

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pertubuhan Keselamatan Sosial.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pertubuhan Keselamatan Sosial sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Lembaga, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) untuk disimpan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Hal-hal Lain

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 3 kepada penyata kewangan, Pertubuhan Keselamatan Sosial telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Lembaga terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
18 OGOS 2017

Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial

Kami, DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID dan DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Statement Of The Chairman And A Member Of The Board, Social Security Organization

We, DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID and DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED, being the Chairman and a Member of the Board of the SOCIAL SECURITY ORGANIZATION do hereby state that, in the opinion of the Board, the accompanying Financial Statements, which include the Balance Sheet, Income Statement, Statement of Changes in Reserves and Cash Flow Statement together with the notes to the Financial Statement, are drawn up so as to give a true and fair view of the financial position of the SOCIAL SECURITY ORGANIZATION as at 31 December 2016 and of the results and changes in the financial position for the year ended on that date.

Bagi pihak Lembaga,
On behalf of the Board,

Nama / Name : **DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID**

Gelaran / Title : Pengerusi Lembaga PERKESO
Chairman, Board of SOCSO

Tarikh / Date : 27 JUL 2017

Tempat / Place : Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,
On behalf of the Board,

Nama / Name : **DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED**

Gelaran / Title : Ketua Eksekutif PERKESO
Chief Executive, SOCSO

Tarikh / Date : 27/7/2017

Tempat / Place : Kuala Lumpur

Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial

Saya, ROSMAWATI BINTI ZAINUDDIN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Declaration By The Officer Primarily Responsible For The Financial Management Of The Social Security Organization

I, ROSMAWATI BINTI ZAINUDDIN, being the officer primarily responsible for the financial management and accounting records of the SOCIAL SECURITY ORGANIZATION, do solemnly and sincerely declare that the following Balance Sheet, Income Statement, Statement of Changes in Reserves, and Cash Flow Statement and the accompanying notes to the Financial Statements therein, to the best of my knowledge and belief, are correct, and I make this solemn declaration conscientiously believing it to be true and by virture of the provision of the Statutory Declarations Act, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di KUALA LUMPUR pada

Subscribed and solemnly declared by the above named in KUALA LUMPUR on 27 APR 2017

ROSMAWATI BINTI ZAINUDDIN
Pengurus Besar Kanan
Bahagian Perbendaharaan
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Senior General Manager
Treasury Division
Social Security Organization

Di hadapan saya,
Before me,

PESURUHJAYA SUMPAH
MOHD KAMAL
RUZAMAN BIN OTHMAN
W 643
PESURUHJAYA SUMPAH
MALAYSIA
No. 5-2, Jalan AU 1A/4B
Taman Keramat Permai
54200 Kuala Lumpur, Malaysia

PESURUHJAYA SUMPAH
COMMISSIONER FOR OATHS

Penyata Kedudukan Kewangan Seperti Pada 31 Disember 2016
Statement Of Financial Position As At 31 December 2016

	Nota Note	31 Disember 31 December 2016	31 Disember 31 December 2015	1 Januari 1 January 2015
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
ASET / ASSETS				
Aset Semasa **Current Assets**				
Urus Niaga Pertukaran Pinjaman Loans From Exchange Transactions	9	105,145	100,761	204
Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Financial Investments Available-For-Sale	10	155,041	406,312	300,034
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima Receivables From Exchange Transactions	13	238,004	222,108	156,182
Urus Niaga Bukan Pertukaran Boleh Pulih Recoverables From Non-Exchange Transactions	14	253,855	210,309	201,335
Deposit Dengan Institusi Kewangan Berlesen Deposit With Licensed Financial Institutions	15	6,015,500	2,440,962	1,474,027
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Cash And Cash Equivalents	16	1,923,529	4,436,221	7,148,934
Jumlah Aset Semasa / Total Current Assets		**8,691,074**	**7,816,673**	**9,280,716**
Aset Bukan Semasa **Non-Current Assets**				
Hartanah Dan Peralatan Property And Equipment	6	839,224	811,121	832,863
Perisian Komputer Computer Softwares	7	3,103	4,941	5,080
Hartanah Pelaburan Investment Properties	8	591,949	–	–
Urus Niaga Pertukaran Pinjaman Loans From Exchange Transactions	9	650,469	758,132	860,472
Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Financial Investments Available-For-Sale	10	15,692,874	16,113,356	13,759,346

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

PENYATA KEWANGAN
Financial Statements

Penyata Kedudukan Kewangan Seperti Pada 31 Disember 2016
Statement Of Financial Position As At 31 December 2016

	Nota Note	31 Disember 31 December 2016	31 Disember 31 December 2015	1 Januari 1 January 2015
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Aset Kewangan Dinyatakan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan Atau Kurangan Financial Assets Designated At Fair ValueThrough Surplus Or Deficit	11	45,416	47,591	39,496
Aset Kewangan Derivatif Derivative Financial Assets	12	2,103	1,037	950
Jumlah Aset Bukan Semasa / Total Non-Current Assets		**17,825,138**	**17,736,178**	**15,498,207**
Jumlah Aset / Total Assets		**26,516,212**	**25,552,851**	**24,778,923**
LIABILITI / LIABILITIES				
Liabiliti Semasa **Current Liabilities**				
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar Lain Other Payables From Exchange Transactions	17	249,913	187,036	167,349
Peruntukan Bagi Manfaat Anggota Provision For Staff Benefits	18	7,899	4,158	3,651
Jumlah Liabiliti Semasa / Total Current Liabilities		**257,812**	**191,194**	**171,000**
Liabiliti Bukan Semasa **Non-Current Liabilities**				
Peruntukan Bagi Manfaat Anggota Provision For Staff Benefits	18	619,119	452,725	416,554
Geran Kerajaan Government Grant	19	64,197	61,625	59,239
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa / Total Non-Current Liabilities		**683,316**	**514,350**	**475,793**
Jumlah Liabiliti / Total Liabilities		**941,128**	**705,544**	**646,793**
Aset Bersih / Net Assets		**25,575,084**	**24,847,307**	**24,132,130**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

Penyata Kedudukan Kewangan Seperti Pada 31 Disember 2016
Statement Of Financial Position As At 31 December 2016

	Nota Note	31 Disember 31 December 2016	31 Disember 31 December 2015	1 Januari 1 January 2015
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Aset Bersih / Net Assets				
Lebihan Terkumpul Accumulated Surplus		–	–	–
Rizab Keselamatan Sosial Social Security Reserves		24,714,039	23,921,775	23,147,736
Rizab Sedia Untuk Dijual Available-For-Sale ("AFS") Reserves		861,045	925,532	984,394
Jumlah Aset Bersih / **Total Net Assets**		**25,575,084**	**24,847,307**	**24,132,130**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016
Statement Of Financial Performance For The Year Ended 31 December 2016

	Nota Note	2016 (RM'000)	2015 (RM'000)
Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran **Revenue From Non-Exchange Transactions**			
Pendapatan Caruman Contributions Income		3,215,534	2,847,303
Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran **Revenue From Exchange Transactions**			
Pendapatan Kasar Pelaburan Gross Investment Income	20	1,187,704	1,158,148
Dividen Dividend		123,441	112,919
Keuntungan Daripada Penjualan Gain From Divestment		130,341	50,541
Pendapatan Faedah Interest Income		865,713	843,753
Kerugian Belum Realis Daripada Penilaian Semula Aset Kewangan Unrealised Losses From Revaluation Of Financial Assets		(1,018)	(6,688)
Lain-lain Pendapatan Pelaburan Other Investment Income		69,227	157,623
Lain-lain Pendapatan Bukan Pelaburan **Other Non-Investment Income**	20	71,853	62,705
		1,259,557	1,220,853
Jumlah Hasil / Total Revenue		**4,475,091**	**4,068,156**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016
Statement Of Financial Performance For The Year Ended 31 December 2016

	Nota Note	2016 (RM'000)	2015 (RM'000)
Belanja / **Expenses**			
Tuntutan Dan Faedah Bersih Net Claims And Benefits	21	(2,940,209)	(2,656,232)
Belanja Berkaitan Faedah Benefits Related Expenses	22	(35,913)	(26,639)
Belanja Operasi Operating Expenses	23	(633,315)	(460,974)
Catatan Semula/(Kerugian Penjejasan) Aset Kewangan Writeback/(Impairment Losses)For Financial Assets	24	(36,639)	(150,272)
Jumlah Belanja / **Total Expenses**		**(3,646,076)**	**(3,294,117)**
Lebihan Bagi Tahun / **Surplus For The Year**		**829,015**	**774,039**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

Penyata Perubahan Aset Bersih Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016
Statement Of Changes In Net Assets For The Year Ended 31 December 2016

	Nota Note	Rizab Sedia Untuk Dijual Available For Sale Reserves	Rizab Keselamatan Sosial Social Security Reserves	Lebihan Terkumpul Accumulated Surplus	Jumlah Aset Bersih Total Net Assets
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2016 **Balance At 1 January 2016**		925,532	23,921,775	–	24,847,307
Lebihan Bagi Tahun Surplus For The Year		–	–	829,015	829,015
Penilaian Semula Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Revaluation Of Financial Investments Available-For-Sale		(64,487)	–	–	(64,487)
Kerugian Aktuari Untuk Faedah Perubatan Pesara Actuarial Loss For Retiree Medical Benefits		–	(36,751)	–	(36,751)
Pindahan Transfer		–	829,015	(829,015)	–
Baki Seperti Pada 31 Disember 2016 **Balance As At 31 December 2016**		**861,045**	**24,714,039**	–	**25,575,084**
Baki Pada 1 Januari 2015 **Balance At 1 January 2015**					
- Seperti Dilaporkan Sebelumnya Berdasarkan PERS - As Previously Reported Based On PERS		–	22,978,503	63,379	23,041,882
- Kesan Daripada Menerima Pakai MPSAS Seperti Pada Tarikh Menerima Pakai MPSAS - Effects Of MPSAS Adoption As At The Date Of Adoption Of MPSAS	5	984,394	169,233	(63,379)	1,090,248
		984,394	23,147,736	–	24,132,130

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

Penyata Perubahan Aset Bersih Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Statement Of Changes In Net Assets For The Year Ended 31 December 2016

	Nota Note	Rizab Sedia Untuk Dijual Available For Sale Reserves	Rizab Keselamatan Sosial Social Security Reserves	Lebihan Terkumpul Accumulated Surplus	Jumlah Aset Bersih Total Net Assets
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Lebihan Bagi Tahun Surplus For The Year		–	–	774,039	774,039
Penilaian Semula Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Revaluation Of Financial Investments Available-For-Sale		(58,862)	–	–	(58,862)
Pindahan Transfer		–	774,039	(774,039)	–
Baki Seperti Pada 31 Disember 2015 **Balance As At 31 December 2015**		**925,532**	**23,921,775**	–	**24,847,307**

Nota : Rizab Keselamatan Sosial adalah rizab yang diketepikan daripada lebihan terkumpul bagi tujuan memenuhi komitmen bayaran jangka panjang kepada penerima faedah yang telah memenuhi syarat obligasi.

Note : Social Security Reserves are the reserves set aside from accumulated surplus for the purpose of meeting the long term payment commitment to beneficiaries that have met the obligation condition.

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016
Cash Flow Statement For The Year Ended 31 December 2016

	2016 (RM'000)	2015 (RM'000)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI **CASH FLOW FROM OPERATING ACTIVITIES**		
Lebihan Bagi Tahun Surplus For The Year	**829,015**	**774,039**
Pelarasan Bagi / Adjustments For:		
Pendapatan Dividen Dividends Income	(123,441)	(112,919)
Pendapatan Faedah Interest Income	(895,504)	(876,081)
Keuntungan Modal Daripada Pelaburan Capital Gain From Investments	(61,538)	(50,541)
Kerugian Realis Atas Pertukaran Asing Realised Loss On Foreign Exchange	8,070	17,530
Pendapatan Sewa Daripada Hartanah Pelaburan Rental Income From Investment Properties	(32,907)	–
Keuntungan Daripada Pelupusan Hartanah Dan Peralatan Gain From Disposal Of Property And Equipment	(111)	(8)
Susut Nilai Hartanah Dan Peralatan Depreciation Of Property And Equipment	35,222	41,534
Pelunasan Perisian Komputer Amortisation Of Computer Softwares	2,018	192
Manfaat Anggota Staff Benefits	137,611	38,249
Hutang Ragu/(Catatan Semula) Pinjaman Pendidikan Doubtful Debts (Writeback) On Education Loan	616	(205)
(Catatan Semula)/Hutang Ragu Perbelanjaan Faedah (Writeback)/Doubtful Debts On Benefits Expenditure	(348)	293
Hapus Kira Penghutang Pinjaman Pendidikan Education Loan Debtors Written Off	970	1,191
Hapus Kira Pelbagai Penghutang Sundry Debtors Written Off	69	390
Pinjaman Pendidikan Ditukar Kepada Biasiswa/Kematian Education Loan Converted To Scholarship/Death	27	62
(Keuntungan)/Kerugian Atas Nilai Buku Saham (Gain)/Loss On Book Values Of Shares	(50,903)	156,369

Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016
Cash Flow Statement For The Year Ended 31 December 2016

	2016 (RM'000)	2015 (RM'000)
Penjejasan Pelaburan Saham Impairment Of Investment Shares	–	1,176
Keuntungan Belum Realis Pertukaran Asing Gains On Unrealised Foreign Exchange	(23,857)	(169,542)
Tunai Daripada Operasi Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja **Cash From Operations Before Changes In Working Capital**	**(174,991)**	**(178,271)**
Perubahan Dalam Modal Kerja: **Changes In Working Capital:**		
Tambahan/(Kurangan) Dalam Modal Kerja: Increase/(Decrease) In Working Capital:		
Pelbagai Penghutang Dan Deposit Sundry Debtors And Deposits	(20,411)	(69,364)
Faedah Dan Tuntutan Belum Bayar Benefits And Claims Payables	78,195	7,047
Tunai Daripada Operasi Selepas Perubahan Dalam Modal Kerja **Cash From Operations After Changes In Working Capital**		
Pinjaman Anggota Dan Pendidikan Staff And Education Loans	1,127	736
Geran Kerajaan Government Grant	2,572	2,386
Peruntukan Manfaat Anggota Provision For Staff Benefits	(4,228)	(1,570)
Tunai Bersih (Digunakan)/Dijana Daripada Aktiviti Operasi **Net Cash (Used In)/Generated From Operating Activities**	**(117,736)**	**(239,036)**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016
Cash Flow Statement For The Year Ended 31 December 2016

	2016 (RM'000)	2015 (RM'000)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan **Cash Flows From Investment Activities**		
(Perolehan)/Pelupusan Bagi: (Acquisition)/Disposal Of:		
Hartanah Dan Peralatan Property And Equipment	(65,639)	(21,002)
Hartanah Pelaburan Investment Properties	(591,949)	–
Pinjaman Jaminan Kerajaan Government Guaranteed Loan	100,540	–
Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Financial Investments Available-For-Sale	592,737	(2,551,570)
Deposit Dengan Institusi Kewangan Deposit With Licensed Financial Institutions	(3,444,172)	(887,800)
Dividen Diterima Dividend Received	124,418	112,779
Faedah Diterima Interest Received	856,052	873,640
Pendapatan Sewa Diterima Daripada Hartanah Pelaburan Rental Income Received From Investment Properties	32,907	–
Hasil Daripada: Proceeds From:		
Pelupusan Hartanah Dan Peralatan Disposal Of Property And Equipment	152	274
Tunai Bersih (Digunakan)/Dijana Daripada Aktiviti Pelaburan **Net Cash (Used In)/Generated From Investing Activities**	**(2,394,954)**	**(2,473,679)**
Tambahan/(Kurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai **Net Increase/(Decrease) In Cash And Cash Equivalents**	(2,512,690)	(2,712,715)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Seperti Pada 1 Januari **Cash And Cash Equivalents As At 1 January**	4,436,219	7,148,934
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Seperti Pada 31 Disember **Cash And Cash Equivalents As At 31 December**	**1,923,529**	**4,436,219**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016
Notes To The Financial Statements For The Financial Year Ended 31 December 2016

1. Maklumat Korporat Dan Aktiviti Utama

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai Jabatan Kerajaan pada 1 Januari 1971 bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Mulai 1 Julai 1985, PERKESO telah menjadi sebuah Badan Berkanun Persekutuan. PERKESO bertanggungjawab dalam memberi perlindungan keselamatan sosial kepada orang berinsurans dan tanggungan mereka yang layak menerusi pembayaran faedah di bawah Skim-Skim Keselamatan Sosial di samping meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja di Malaysia.

PERKESO mentadbir dua jenis skim keselamatan sosial iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. Skim-skim ini memberi perlindungan kepada para pekerja dan tanggungan yang layak apabila berlakunya kejadian luar jangka yang menimpa pekerja berkenaan seperti bencana pekerjaan, keilatan dan kematian. Skim ini turut menyediakan kemudahan pemulihan terhadap pekerja yang ditimpa bencana bagi membolehkannya kembali aktif dalam kehidupan harian dan kembali bekerja dengan secepat mungkin.

Ibu Pejabat PERKESO terletak di Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. PERKESO mempunyai 14 buah Pejabat Negeri dan 37 buah Pejabat PERKESO di seluruh negara.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga PERKESO pada 27 Julai 2017.

1. Corporate Information And Principal Activities

Social Security Organization (SOCSO) was established as a Government Department on 1 January 1971 to enforce the Employees Social Security Act 1969. It became a Federal Statutory Body on 1 July 1985. SOCSO is responsible in providing social security protection to insured persons and their eligible dependants through payment of benefits under Social Security Schemes besides increasing the awareness on employee's safety and health in Malaysia.

SOCSO administers two types of social security schemes, namely Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme. These schemes provide protection to employees and their eligible dependants in the occurrence of unforeseen events to the employee such as employment injury, invalidity and death. These schemes also provide rehabilitation facilities for injured employees, allowing them to regain their active daily life and return to work as soon as permitted.

SOCSO's Headquarters is located at Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. It has 14 State Offices and 37 SOCSO offices nationwide.

The financial statements for the financial year ended 31 December 2016 were authorised for issue by the Board of SOCSO on 27 July 2017.

2. Objektif Dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

PERKESO terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan, risiko aliran tunai dan risiko mata wang. Secara umumnya, objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan adalah bertujuan meminimumkan risiko dalam mengoptimumkan pulangan kepada PERKESO.

Risiko Kewangan

Risiko kewangan adalah berkaitan dengan pelbagai perubahan dalam aspek ekonomi yang memberi impak kepada kestabilan kewangan PERKESO. Terdapat tiga (3) jenis risiko kewangan yang dihadapi oleh PERKESO seperti berikut:

i. Risiko pasaran (yang terdiri daripada risiko kadar faedah dan risiko harga ekuiti);
ii. Risiko kecairan; dan
iii. Risiko kredit;

Polisi lengkap berkaitan setiap jenis risiko kewangan yang disenaraikan di atas adalah seperti yang didedahkan dalam Nota 28.

2. Financial Risk Management Objectives And Policies

SOCSO is exposed to various financial risks including market risks, credit risk, liquidity risk, cash flow risk, and currency risk. Generally, the objectives and policies of financial risk management are aimed at minimising risks in optimising returns to SOCSO.

Financial Risk

Financial risks are associated with various changes in economic aspects which give impact to the SOCSO financial stability. There are three (3) types of financial risks faced by the SOCSO as follows:

i. Market risk (which comprises of interest rate risk and equity price risk);
ii. Liquidity risk; and
iii. Credit risk;

Detailed policies pertaining to each type of financial risks as listed above are disclosed in Note 28.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting

3.1 Penyata Pematuhan Dan Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). MPSAS 33 membenarkan penerima pakai kali pertama satu tempoh sehingga tiga tahun untuk mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan/atau liabiliti tertentu. Dalam peralihan kepada asas akruan MPSAS, PERKESO memanfaatkan kelebihan daripada pengecualian peralihan ini untuk pengiktirafan peruntukan bagi faedah dan tuntutan yang telah memenuhi peristiwa yang menjadi tanggungannya. Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian dan pelaporan PERKESO. Dasar-dasar perakaunan telah diguna pakai secara konsisten sepanjang tempoh ini.

3. Significant Accounting Policies

3.1 Statement Of Compliance And Basis Of Preparation

The financial statements have been prepared in accordance with accrual basis Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSASs). MPSAS 33 allows a first-time adopter a period of up to three years to recognise and/or measure certain assets and/or liabilities. In its transition to accrual basis MPSASs, SOCSO took advantage of this transitional exemption for the recognition of provisions for benefits and claims that has met the obligating event. The financial statements are presented in Ringgit Malaysia (RM), which is the functional and reporting currency of SOCSO. The accounting policies have been consistently applied throughout the period.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb.)

3.1 Penyata Pematuhan Dan Asas Penyediaan (samb.)

Penyata kewangan ini telah disediakan atas asas kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Penyata kewangan telah disediakan mengikut asas akruan. Nota 5 kepada penyata kewangan mendedahkan penjelasan peralihan PERKESO daripada PERS kepada MPSAS.

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting

a) Pengiktirafan Pendapatan

Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Pendapatan Caruman

Pendapatan caruman daripada majikan dan pekerja diiktiraf apabila PERKESO mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk menerimanya.

Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

Pendapatan Faedah

